

Bil. 68

**Khamis
21 September 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 26)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2007	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 61)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

14. Yang berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) – UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO

20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

19. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) – PBS

30. Yang Berhormat Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB

64. Yang Berhormat Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO

99. Yang Berhormat Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) KEADILAN
121. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 21 September 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Menteri Kesihatan menyatakan, berapa ramai doktor pakar tempatan dalam bidang neurologi berikutan dakwaan seorang bapa pelajar tahun satu Sekolah Kebangsaan Langgar, Pekan, yang meninggal dunia akibat kekurangan pakar itu di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, Pahang, akhir Julai lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari bahawa bilangan pakar neurologi yang terdapat di dalam negara amat kecil dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan perubatan dalam bidang ini.

Sehingga 31 Julai 2006, Kementerian Kesihatan mempunyai seramai 15 orang pakar neurologi dan 17 orang pakar bedah *neuro* yang sedang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Disebabkan oleh kekurangan pakar di dalam bidang ini, Kementerian Kesihatan tidak mampu memperuntukkan semua hospital negeri dengan pakar neurologi dan pakar bedah *neuro*. Walau bagaimanapun, hospital-hospital yang menerima kes-kes bagi neurologi akan merujuk kes-kes tersebut kepada pakar-pakar *neuro* di hospital yang berdekatan yang mempunyai kepakaran tersebut. Sekian, terima kasih. .

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu adakah status hospital kerajaan di seluruh negara ini benar-benar satu hospital yang masih relevan dijadikan hospital rujukan utama kepada rakyat jelata atau sebaliknya kerana kita tahu sekarang banyak hospital pakar dibina untuk kesejahteraan umum malah saya juga mendapat tahu kebanyakan doktor yang bekerja di hospital kerajaan turut bekerja secara sampingan di hospital pakar.

Apa yang menariknya pesakit yang menggunakan khidmat doktor di hospital pakar bukan main-main memuji bak menggunung kebaikan doktor pakar di hospital-hospital swasta ini walhal doktor ini adalah doktor daripada hospital kerajaan yang sepatutnya memberi perkhidmatan yang lebih di hospital kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ini soalan dia. Banyak sangat tahun dah rasa saya, cerita ketiadaan atau kekurangan doktor pakar ini.

Sejauh mana pihak kementerian bersungguh-sungguh untuk menambah doktor pakar ini supaya kejadian-kejadian ini tidak berlaku lagi dan minta jawapan daripada Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan konsultan pakar kerajaan tetapi beliau bekerja di hospital swasta ini. Ini adalah suatu kaedah di mana kita harap kita dapat menahan mereka daripada bekerja atau meninggalkan perkhidmatan kerajaan kita. Mereka adalah dibenarkan untuk berbuat demikian.

Berkaitan dengan kekurangan pakar ini, kerajaan memang sentiasa mengambil langkah untuk menambah bilangan pakar-pakar yang kita ada tetapi kita kena faham bahawa pakar-pakar ini dia berlainan. Dia memang ada banyak ruang atau satu spektrum yang memang besar dan kita memerlukan doktor-doktor yang secukupnya supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka dalam *subspecialty* ini dan bagi maklumat Yang Berhormat, tiap-tiap tahun secara puratanya kita memang ada bagi peluang sekurang-kurangnya dua orang doktor-doktor kita supaya dapat *specialize* dalam bidang yang kita bincangkan sekarang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dua orang?

Dato' Lee Kah Choon: Dua orang supaya mereka dapat *specialize*. Ini bukan kerana kita kerajaan tidak ada duit atau tidak hendak untuk mengadakan pakar-pakar ini tetapi kerana kekurangan doktor-doktor yang meminta menjadi pakar-pakar dalam bidang yang kita kehendaki ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan saya mengenai doktor pakar ini. Di Kuala Krai iaitu di kawasan Dabong dahulunya tidak ada doktor hanya HA sahaja sekarang ini doktor ada tetapi tidak ada doktor pakar dan jaraknya begitu jauh ke Kuala Krai. Baru-baru ini ada satu pesakit yang kena digigit tebuhan ini mati. Kemudian ibu bapa membuat protes atau bantahan kerana doktor ini tidak mengambil tahu mengenai dengan anaknya dan sambil lewa. Ini menjadi satu kes layanan doktor pun satu hal iaitu *customer's service* dia begitu sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kulai Krai]: Soalannya saya ingin tahu sejauh manakah pihak kementerian mengambil langkah supaya doktor-doktor pakar ini mengambil tahu tentang pesakit-pesakit dan melayan ibu-ibu bapa yang pergi. Tanpa ini mereka memprotes oleh kerana katanya mereka tidak berpuas hati doktor tidak mengambil tahu hal anak-anak.

Yang keduanya saya ingin tahu mengenai doktor pakar yang ada di Kuala Krai ini tidak ada alat. Mereka bersungut kepada saya, hantar ke Kuala Krai tetapi tidak boleh kerja kerana tidak ada alat. Apakah langkah kerajaan apabila sudah ada doktor tak ada alat pula? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan doktor yang kita ada di hospital ini, kalau kita pandang dari dahulu kebanyakan hospital kadang-kadang kita ada *Medical Assistant* atau MA, sahaja, tetapi kita sudah dapat untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kita kepada apabila kita dapat menempatkan doktor di hospital ini. Apabila kita dapat pakar ini, kita tempatkan mereka di hospital-hospital yang besar seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan sebagainya supaya pesakit-pesakit ini dapat dirujuk daripada hospital yang lebih kecil kepada hospital pusat ini.

Dalam masa yang akan datang ini, kita akan tengok bagaimana kita dapatkan satu kaedah di mana pakar-pakar ini mereka boleh buat *round* kepada hospital-hospital yang kecil ini. Ini adalah supaya hospital-hospital yang kecil ini juga akan dapat perkhidmatan doktor-doktor pakar ini.

Berkaitan dengan peralatan, ini memang satu proses yang kita akan sentiasa adakan supaya kita dapat maklum balas daripada seperti wakil rakyat atau pengarah hospital kita. Kita dari masa ke semasa akan mempertingkatkan peralatan yang kita bekalkan kepada hospital-hospital ini. Sekian.

2. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kenapa Projek Lebuhraya Kajang-Kuala Pilah yang telah lama diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih tidak dapat dilaksanakan pada masa ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sama-sama...
[Disorak]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kerajaan telah meluluskan Projek Lebuhraya Kajang-Seremban yang bermula dari Kajang dan berakhir di Seremban, Negeri Sembilan. Pihak kerajaan juga telah meluluskan projek memperelok Jalan Seremban-Kuala Pilah, dari Batu 5.8 hingga ke Batu 13, yang bermula dari kilometer 8, Simpang Senawang sehingga kilometer 21, Bukit Putus, Kuala Pilah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pakej 1A Projek Lebuhraya Kajang-Seremban yang bermula dari sempadan Lebuhraya Lingkaran Kajang dan berakhir di Jalan Persekutuan Kajang-Semenyih telah siap dibina dan telah dibuka kepada lalu lintas mulai tahun 2004. Manakala, Pakej 1B yang bermula dari Jalan Persekutuan Kajang-Semenyih hingga ke Pajam sedang dalam proses pembinaan.

Masalah kegawatan ekonomi pada tahun 1997 telah menjejaskan keupayaan syarikat untuk mendapatkan pembiayaan kewangan dari institusi kewangan tempatan dan luar negara. Ini menyebabkan projek lebuhraya ini telah mengalami kelewatan daripada perancangan asal. Pada masa ini, kementerian sedang mengambil tindakan untuk menandatangani satu perjanjian konsesi tambahan bagi membantu syarikat konsesi mengatasi masalah pelaksanaan projek.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya percaya projek jalan ini akan menolong pembangunan dan kemajuan Negeri Sembilan dan juga sebahagian selatan negeri Pahang. Negeri Sembilan memang amat perlu projek jalan ini. Saya ingin tahu bila agaknya kementerian boleh buat sebut harga lagi dan boleh buat tender semula dengan secepat mungkin, sebab projek ini sudah lama tunggu dan barangkali harga itu pun sudah lain. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada beberapa pakej projek, separuhnya sudah selesai pembinaan, separuhnya belum lagi. Ini semua mengikuti dengan keadaan kewangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, separuh projek ini iaitu saya percaya Ahli Yang Berhormat mahu juga butir-butir berkenaan projek daripada Seremban ke Kuala Pilahkah?

Seremban ke Kuala Pilah seperti apa yang saya jelaskan tadi ada satu pakej sahaja yang kita buat sekarang untuk menyelaraskan jalan yang sedia ada di Bukit Putus itu. Selepas perkara ini diselesaikan, saya baru sahaja semalam saya minta Jabatan Jalan Persekutuan untuk menyiasat keadaan jalan dari Seremban ke Kuala Pilah, Kuala Pilah ke Bahau, menyambung dengan sempadan Pahang untuk menghantar perkara ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, ini Lebuhraya Kajang-Kuala Pilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ini berkenaan dengan lebuhraya. Ia ada perkataan lebuhraya, Tuan Yang di-Pertua...
[Disampuk]

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Pilah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini *urgent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah terpendang Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, '*vanakam, vanakam*'. *Sorry, sorry*. Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa bangun pagi ini memohon terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nasib baik saya pandang, kalau tidak, tidak dapat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih banyak-banyak. '*Xie xie*'... [Bercakap dalam bahasa Cina] [Ketawa] Ini berkenaan dengan manusia, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ucap terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Yang Berhormat Dato' Seri kerana mengadakan lebuhraya dari Gurun ke Sik. Tetapi masalah sekarang ialah masalah rakyat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terkeluar dah daripada tajuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak. Ia lebuhraya, Tuan Yang di-Pertua. Topiknya lebuhraya. Jadi bila ada lebuhraya, masalah sekarang ini rakyat di kawasan saya sudah bising. Dia orang hantar surat kepada saya, dia orang faks kepada saya, jadi saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Patut Yang Berhormat sendiri bawa soalan ini.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ha, ini soalan Kuala Pilah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan! Saya sudah bawa tetapi ia tidak naik, jadi saya bawa sekarang... [Ketawa] Jadi Yang Berhormat Dato', saya hendak minta pertolongan Kementerian Yang Berhormat Dato' kerana ada rakyat yang duduk di atas tanah kerajaan tetapi mereka sudah tidak ada tempat untuk dipindahkan. Pihak JKR dan juga pihak Jabatan Tanah akan tolak rumah depa ini. Jadi boleh atau tidak boleh Yang Berhormat untuk menyelaraskan kesiapan jalan raya ini. Saya ingin membantu Kementerian dan juga menolong rakyat.

Jadi, boleh atau tidak boleh Yang Berhormat, supaya pampasan sedikit diberi kepada mereka yang terlibat ini supaya persiapan untuk jalan raya ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan boleh atau tidak saya jumpa Yang Berhormat sekejap lagi di luar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin jawapan boleh diberikan kepada beliau nantilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekarang bagus juga, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana jalan pun saya boleh jawablah... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi peraturan mesyuarat perlu ikut.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Gurun-Sik, suka saya menerangkan sedikit kepada Yang Berhormat iaitu pembayaran pampasan daripada Kementerian Kerja Raya tetapi menetapkan berapakah pampasan itu terletak dalam tangan Pejabat Tanah. Pejabat Tanah akan menetapkan inilah pampasan mesti diberi. Bila dia tetap, kita bagi. Kalau dia tetap kurang, satu perkara yang dibuat oleh penduduk-penduduk, mereka boleh juga memasang kes atas kerajaan.

Jangan susah hati, untuk mendapat lebih pampasan. Tidak ada orang marah. Kalau mahkamah memutuskan mereka layak untuk mendapat lebih pampasan, selepas itu kita bagi lebih pampasan. Berapakah pampasan itu, jumlah pampasan tidak ditetapkan oleh kementerian tetapi ditetapkan oleh Jabatan Tanah. Itu sahaja peraturannya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Akan tetapi Yang Berhormat, tidak ada pampasan, tidak ada apa-apa ini...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jikalau tidak ada

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Pampasan tidak ada, penilaian tidak ada, apa pun tidak ada.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jikalau sudah ambil tanah, tidak ada pampasan, itu saya boleh siasat.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Pilah minta izin. Sebab ini mustahak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah ini *special case*.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sebab disebut jalan... Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada berkaitan dengan tempat.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Berkaitan 'tepat', Kuala Pilah... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan dan juga masyarakat Kuala Pilah, khususnya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah, syabas, *well done* kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri dalam upacara pembukaan rasmi mula kerja Lebuhraya Seremban-Kuala Pilah. Masalah ini masalah lama dahulu, tetapi *alhamdulillah* telah dibuat pada waktu ini. Tarikh, waktu perasmian itu kalau tidak silap saya pada 20 Jun 2006..., kalau diterjemahkan kepada angka '2-0-0-6-2-0-0-6'. Cantik, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalannya?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Soalan saya di sini ialah fasa yang ada ini berjalan dalam keadaan yang baik. Saya hendak tanya bila pula sambungan daripada apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi akan dilaksanakan iaitu daripada Bukit Putus itu sendiri pergi ke Kuala Pilah, pergi ke Keratong dan seterusnya ke Pahang. Itu sahaja soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi kepada Ahli Yang Berhormat, kita boleh membuat siasatan dan boleh mengesyorkan kepada Unit Perancang Ekonomi dan pada akhirnya keputusan itu akan dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi. Selain daripada itu projek ini pun tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun kita kena tunggu Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan di mana kita boleh memohon semula kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

[Soalan No.3 - Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) tidak hadir]

4. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kesan kegagalan rundingan WTO di Geneva terhadap *access* pasaran negara. Langkah strategik yang diambil untuk membendung kegagalan rundingan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, rundingan di peringkat WTO telah ditangguhkan kepada 27 Julai 2006 oleh Ketua Pengarah WTO, Encik Pascal Lamy kerana negara anggota WTO masih tidak dapat mencapai kata sepakat ke atas isu-isu utama iaitu *modality* bagi barangan pertanian dan barangan bukan pertanian.

Terdahulu mesyuarat tidak rasmi Menteri-Menteri WTO pada 29 hingga 30 Jun 2006, yang diikuti oleh Mesyuarat Menteri-Menteri NAM, negara anggota WTO iaitu Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun, Brazil dan India pada 23 Julai 2006 tidak berjaya menyelesaikan isu-isu utama mengenai *access* pasaran barangan pertanian, pengurangan subsidi domestik dan akses pasaran barangan bukan pertanian, atau *non agriculture market access* iaitu NAMA.

Penangguhan rundingan ini akan melambatkan usaha negara membangun termasuk Malaysia untuk melebarkan *access* pasaran melalui penurunan tarif, pengurangan subsidi domestik dan halangan bukan tarif. Namun demikian penangguhan rundingan adalah bagi sementara waktu dan yang penting adalah untuk memastikan ia disambung dengan secepat mungkin.

Sehubungan ini Malaysia akan bekerjasama dengan ahli-ahli WTO untuk mencari jalan bagi memulakan semula rundingan. Tambahan Malaysia juga menyokong usaha Ketua Pengarah WTO mengadakan dialog dengan semua ahli WTO untuk menghidupkan rundingan dengan secepat mungkin. Malaysia juga menyarankan supaya kerja-kerja teknikal berhubung dengan rundingan diteruskan. Untuk mendapatkan *access* pasaran bagi barangan eksport negara, Malaysia terus terlibat dengan rundingan FTA dua hala dan serantau. Apabila dimuktamadkan kelak, Malaysia akan mendapat akses pasaran di beberapa negara dan yang utama seperti Amerika Syarikat, China, Republik Korea, Australia dan India.

Malaysia telah melaksanakan perjanjian *Economic Partnership Agreement* atau EPA yang merangkumi FTA di antara Malaysia dan Jepun berkuat kuasa 13 Julai 2006. Di samping mendapatkan *access* pasaran di negara-negara dagangan utama, Malaysia juga berusaha untuk mendapatkan *access* pasaran di negara-negara membangun. Malaysia telah menandatangani Protokol Sistem Keutamaan Perdagangan dengan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam iaitu OIC pada 27 Mac 2006.

Selain itu Malaysia juga telah menandatangani Sistem Keutamaan Perdagangan dengan negara anggota D-8. Kedua-dua perjanjian tersebut akan dikuatkuasakan sebaik sahaja jumlah negara ahli yang diperlukan bagi meratifikasi adalah mencukupi iaitu sepuluh bagi OIC dan 8 bagi D-8. Di samping rundingan dengan negara-negara Islam, Malaysia juga terlibat di dalam rundingan pusingan ketiga *Global System Of Trade Preferences* di kalangan negara membangun G-77 yang telah dilancarkan pada 16 Jun 2004 di Sao Paolo, Brazil pada Persidangan ANTEC Ke-11. Setakat ini terdapat 44 buah negara yang menjadi ahli GSTP.

Kesemua langkah ini akan memastikan negara terus memperoleh akses pasaran secara global walaupun dalam keadaan rundingan WTO yang masih belum dapat dimuktamadkan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita lihat setiap kali perbincangan WTO, soal subsidi pertanian, soal barangan pertanian merupakan perkara yang tidak dapat dipersetujui dan ini merupakan punca kegagalan perundingan WTO, sedangkan ini merupakan perkara penting bagi negara-negara yang merupakan pengeluar pertanian. Soalnya, apakah masa hadapan WTO jika perkara seperti ini tidak dapat diselesaikan? Begitu juga apakah kepentingan WTO ini jika negara-negara boleh berdagang melalui perjanjian FTA dan sebagainya seperti yang dilakukan sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, WTO melaksanakan perjanjian di bawah *Uruguay Round*. Inilah perjanjian yang sedang dilaksanakan oleh WTO melibatkan soal *Multilateral Trade Agreement*, melibatkan semua negara. Di bawah perundingan sekarang, di bawah *Doha Development Agenda* terdapat beberapa aspek yang dibincangkan:

- (i) *market accses* pertanian - seperti mana Yang Berhormat nyatakan;
- (ii) mengenai dengan pertanian dan juga *non agriculture market access* (NAMA) dan juga perkhidmatan;
- (iii) mengenai dengan memperkukuhkan undang-undang mengenai *antidumping*, *subsidy* dan juga *counter valuing measures*;

- (iv) *special and differential treatment* melibatkan negara-negara membangun; dan
- (v) *trade facilitation*.

Seperti mana Yang Berhormat nyatakan isu subsidi domestik dan juga untuk eksport ini merupakan isu besar. Ini melibatkan negara-negara maju Amerika Syarikat dan Eropah dan perkara ini tidak akan dimuktamadkan selagi kedua-dua Amerika Syarikat dan Eropah tidak bersetuju untuk mengurangkan subsidi melibatkan pertanian. Namun isu-isu lain boleh diteruskan. Seperti mana yang saya nyatakan tadi Malaysia meminta supaya WTO meneruskan isu-isu mengenai perkara-perkara teknikal mengenai dengan *special and differential treatment* dan juga mengenai dengan *trade facilitation*.

Mengenai dengan soalan FTA, bilateral dan juga multilateral - rantau, ini termaktub dalam perjanjian WTO yang mana membolehkan negara-negara ahli untuk mengadakan FTA secara bilateral mahupun secara multilateral tetapi yang menjadi permasalahan di sini, sekiranya keputusan dibuat oleh WTO secara multilateral, ini akan melibatkan *access* pasaran yang saksama - *fair ruling* untuk semua negara-negara WTO tetapi kalau kita melibatkan FTA dan juga bilateral dan multilateral hanya melibatkan negara-negara yang menandatangani perjanjian tersebut. Jadi, itu perbezaannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah oleh kerana *round* yang ketiga dalam perundingan Malaysia-US FTA ada ditangguhkan sehingga bulan depan atas permintaan Malaysia, apa sebabnya? Sungguhpun kita mahu kerajaan meneliti dalam perbincangan, adakah ini oleh kerana Malaysia belum bersiap sedia? Bukankah ini tidak membayangkan mengenai profesionalisme Malaysia? Adakah ini kerana pertukaran KSU MITI, tidak ada orang yang bertanggungjawab mengenai perkara ini?

Dalam jawapan Yang Berhormat tadi ada disebut mengenai strategi-strategi kita dalam perbincangan-perbincangan *multilateral*, WTO dan FTA yang menjadikan satu strategi yang utama dalam penekanan industri. Kenapa sampai sekarang MITI tidak memberi hormat kepada Ahli-ahli Parlimen, pandangan mereka, khususnya IMP3 - *Industrial Master Plan III* sampai sekarang masih belum dibentangkan dalam Parlimen ini. Adakah kementerian berhasrat untuk bentang IMP3 supaya ini menjadi satu dokumen yang boleh dikaji sedalam-dalamnya?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai dengan isu penangguhan perundingan dengan Amerika Syarikat. Di mana-mana perundingan melibatkan mana-mana negara ada masa yang negara-negara perlu untuk memohon penangguhan supaya kita dapat mengkaji tentang kedudukan kita. Untuk makluman Yang Berhormat, perbincangan Malaysia dengan Amerika Syarikat melibatkan banyak bidang seperti *trade in goods, agriculture, roots of origin trade in services, financial services, e-commerce* dan banyak lagi. Jadi ini perlu untuk kita mengkaji kedudukan kita supaya kita terlibat dalam perundingan seterusnya, yang ketiga, yang lebih lagi memantapkan kedudukan kita.

Yang Berhormat, menyentuh soal profesionalisme, saya yakin ini tidak terlibat kerana apa, kita telah terlibat dalam perundingan WTO begitu lama, dan kita juga terlibat di dalam perbincangan rundingan dengan negara lain mengenai perdagangan kita.

Kalau kita lihat apa Yang Berhormat nyatakan daripada sudut apa yang terhasil di negara kita, kita dapat lihat bahawa pedagang kita terus berkembang. Tahun lalu RM968 bilion, dan tahun ini sehingga bulan Jun meningkat kepada RM2.7 bilion, melebihi pencapaian tahun lalu bagi waktu yang sama iaitu sebanyak RM2.2 bilion, pertambahan yang banyak dan kita yakin pada bulan November, Disember kita dapat capai RM1 trilion yang kita perlukan.

Mengenai dengan perbincangan WTO, FTA, Yang Berhormat kaitkan dengan IMP3, yang ini tidak termasuk dalam soalan ini, tetapi izinkan saya untuk menjawab. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, mana-mana negara, teras pelaksanaan tugas kerajaan dan juga swasta berteraskan kepada adanya *institutional framework*. Dan *institutional framework* kita, iaitu undang-undang peraturan, dan dalam undang-undang dan peraturan tersebut, IMP3 telah pun di lancarkan oleh Perdana Menteri dalam satu majlis. Itu mengikut *institutional framework* yang telah disediakan. Saya ingat Yang Berhormat boleh mendapat *access* kepada IMP3, saya boleh bagi kepada Yang Berhormat jika Yang Berhormat perlu, dan ini boleh Yang Berhormat bangkitkan dalam perbahasan di Parlimen ini. Terima kasih.

5. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, adakah pihak kementerian berhasrat untuk mengkaji semula bagi mereka yang dibuang daerah agar ditempatkan di satu tempat khas.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, di antara akta-akta yang melibatkan hukuman buang daerah adalah Akta Dadah Berbahaya, Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985, Akta 316, Akta Reman Terhad 1933 semakan 1989, Akta 377, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta 82 dan Ordinan Darurat Pencegahan Jenayah dan Ketenteraman Awam 1969.

Pada ketika ini, pihak kementerian masih lagi belum bercadang untuk menempatkan pesalah-pesalah yang dijatuhkan hukuman buang daerah di satu tempat khas. Ini adalah kerana, pesalah-pesalah yang telah dijatuhkan hukuman buang daerah ini, telah disabitkan di atas pelbagai jenis kesalahan yang berlainan dan di bawah akta-akta yang berlainan. Oleh yang demikian, kementerian ini berpandangan hukuman buang daerah ini tidak perlu ditempatkan di satu tempat yang khas.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini jawapan tidak berapa sesuai...

Beberapa Ahli: [Ketawa].

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kawan-kawan, tetapi masalah rakyat kita ini, masalah negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Soalan hendak masuk, belum, mahu beritahu dahulu. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedar ke, kita sekarang buang daerah, itu orang gila punya, itu orang samseng punya di satu daerah, bila kita buang daerah, dia pindahkan itu masalah kepada satu daerah dan tubuhkan masalah di daerah itu juga.

Itu tempat belum gila, itu orang buang daerah sampai itu tempat jadi gila. Itu tempat, itu orang pun jadi gila juga. Contoh, macam itu Sepauh. Itu tempat kecil, pekan Sepauh, dia orang tidak pandai judi, tidak pandai sabung ayam, tetapi itu samseng ada buat buang daerah sana, dia ajar semua... *[Ketawa]* Generasi muda semua pandai...

Seorang Ahli: Mahu buang mana lagi ?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak tahu lah mana mahu buang mana lagi tetapi saya tengok ke mana-mana sungai sahaja, boleh buang pergi sungai sahaja. Jadi, saya mahu minta lah, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh kaji balik. Sekarang patutnya kita buang daerah tukar pergi buang pulau. Mesti mahu adakan satu pulau yang jauh, tidak dapat *communication service* ataupun Pulau Jerjak kah, ataupun mana-mana pulau yang sejauh-jauhnya. Kenapa saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah berucap.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan berucap. Ini mahu terang supaya Tuan Yang di-Pertua, serupa juga *you* punya kawasan pun banyak masalah juga. Kita mahu selesai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau saya, tanya satu ayat cukup.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Hey, tidak cukup. Ini sudah banyak lamalah, kita mahu selesai hari ini, kalau bolehlah. Saya hendak tanya ini, adakah pendekatan dibuang daerah ini berkesan untuk menghalang jenayah? Hari ini kita nampak surat khabar *NST*, mereka dibuang daerah tidak dapat di kawal daripada mengarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri faham. Dia boleh jawab.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Nanti. Perlahan-lahanlah masuk, jangan terus masuk. Bahaya itu. Perlahan-lahan kita mahu jelas.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tidak ada, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak dapat dikawal daripada melarang kumpulan mereka daripada terus melakukan jenayah melalui perhubungan telefon. Jadi ini tidak berkesan lagi. Jadi kita mesti mahu ambil satu tindakan dan serius

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, soalan lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya hendak tanya, Yang Berhormat setuju atau tidak, dan apa tindakan dan strategi baru, kita mengadakan satu pulau untuk membuang daerah, tukar pergi buang pulau. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan ini senang difahamkan, cukuplah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, pertama sekali saya ucap terima kasihlah kerana Yang Berhormat, pertama sekali berkenaan dengan di Bauh, Yang Berhormat kata. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Bauh dalam laporan saya tidak ada. *Bauh, bauh* lah. Haa?

Beberapa Ahli: *Sebauh, Sebauh...!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *Sebauh.*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: *Sebauh* daripada mana?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bintulu. Bintulu. Saya punya kawasan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Bintulu, untuk pengetahuan Yang Berhormat, hanya ada seorang sahaja iaitu apa namanya..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah, seorang sudah jadi heboh. Kalau sepuluh orang, mampuslah Wakil Rakyat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Akan tetapi, tidak ada masalah. Saya dah buat..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat, itu orang tentu bukan Yang Berhormat Bintulu lah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Itu pun tidak ada masalah. Sebenarnya Yang Berhormat, daripada laporan yang saya dapat, bahawa setakat ini tidak ada masalah di tempat-tempat yang berkenaan kerana apabila seseorang itu dihantar untuk dibuang daerahlah, mereka, pertama sekali, dia kena lapor kepada polis, balai polis yang berkenaan, dan Buku Pemantauan Sekatan Orang, sekatan dibuka, dan mereka mestilah membuat laporan daripada semasa ke semasa situ, dan setiap kali mereka hendak keluar daripada daerah polis berkenaan, mesti mendapat apa nama persetujuan daripada kebenaran daripada pihak polis. Jadi maknanya pemantauan dibuat.

Setakat hari ini, saya belum ada laporan apa. Walaupun dakwaan-dakwa dibuat, tetapi kita tidak ada dapat apa nama aduan secara rasmi daripada mana-mana pihak berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh itu, walau bagaimanapun, berkenaan dengan nak tempatkan di pulau-pulau ini, saya rasa buat ketika ini belum ada perancangan kerajaan, kerana untuk mendapat pulau-pulau seperti ini pun, saya rasa tidak ada kerajaan negeri yang boleh bagi, saya rasa. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor minat....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sini pun minta juga. Sini pun berminat juga. Tuan Yang di-Pertua, sini pun minat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua minatlah. Tidak apalah. Saya beri kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada merayu kepada Amerika Syarikat untuk menentukan dua orang warga Malaysia di tahan di Kem Tahanan Guantanamo Bay, dan dia harus di...*[Disampuk]* No, no!... *[Dewan riuh]* Dia harus dilepaskan.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan, ada beri senarai undang-undang bahawa, di mana seorang boleh disekat, boleh dibuang negeri, tetapi ini adalah satu buangan tanpa perbicaraan. Bolehkah itu di pertahankan, apabila Perdana Menteri kita ada merayu kepada Amerika Syarikat untuk melepaskan dua orang yang ada ditahan tanpa perbicaraan. Bolehkan saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya ingat soalan ini agak luar sikitlah. Kita bercakap fasal buang daerah di dalam negeri, bukan di luar negeri. Jadi saya rasa soalan itu saya tidak perlu jawablah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dalam negeri, ini dalam negeri.

Seorang Ahli: Tambah sikitlah, tambah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh, Pasir Puteh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dalam negeri ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Soalan saya tidak dijawab tadi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia tak fahamlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia tak faham. Bukan kita tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata tak perlu jawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jadi bolehkah saya...?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, bila tak perlu jawab, bagi saya jawapan dia lah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan ini.

6. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, memandangkan tanaman alternatif telah gagal meningkatkan hasil pertanian para petani bagi menggantikan tanaman tembakau kepada petani, apakah langkah serius diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Puteh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sedang berusaha untuk meningkatkan pertanian para petani atau penanam tembakau dengan tanaman alternatif yang berpotensi. Dalam hal ini, adalah terlalu awal untuk membuat kesimpulan tanaman-tanaman alternatif yang diperkenalkan kepada penanam tembakau gagal meningkatkan pertanian para petani memandangkan usaha-usaha dan kajian mengenai potensi tanaman alternatif oleh Lembaga Tembakau Negara hanya mula dilaksanakan pada tahun 2005 dan kini sedang giat diteruskan. Memandangkan pembangunan industri tembakau dilaksanakan secara berpakej, bermula daripada peringkat benih sehingga ke peringkat pemasaran daun kering, sudah tentulah keadaan yang sama diharapkan oleh penanam tembakau untuk tanaman alternatif. Ke arah tersebut, KPPK sedang berbincang untuk bekerjasama dengan pihak-pihak yang terlibat untuk membangun dan memajukan tanaman alternatif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini 'lembakau'.., minta maaf, Lembaga Tembakau Negara telah membangunkan 227 hektar dengan tanaman alternatif melibatkan 334 keluarga penanam tembakau dan satu projek ternakan lembu yang melibatkan 115 keluarga penanam tembakau. Antara tanaman alternatif yang dibangunkan ialah jagung dengan keluasan sebanyak 96 hektar, tembikai seluas 92 hektar, ubi keledek dan ubi kayu seluas 129 hektar dan kenaf seluas 200 hektar. Kementerian melalui LDN sedang berusaha untuk mempertingkatkan lagi daya maju tanaman alternatif ini supaya setanding atau mencapai tahap *sustainable equivalent* dengan izin, dari segi harga, pasaran dan skala pengeluaran serta memberikan kestabilan pendapatan berbanding dengan tanaman tembakau.

Untuk tujuan ini, kementerian dan LDN telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang berkaitan untuk mendapatkan kerjasama mereka termasuklah kerjasama dari segi pemasaran. Sekian, terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjawab dengan begitu baik. Saya anggapkan alternatif kepada tembakau ini ialah *exit* sikit, jalan keluar. Kerana kita hendak kurang kempen merokok, habis berpuluh-puluh juta, tetapi tembakau masih kekal. Kita *exit* kan. Keluarkan daripada tembakau.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk saya katakan gagal meningkatkan hasil berbentuk komersial bukan gagal kita tanaman. Maka dengan sebab itu, saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen, bilakah kita hendak wujud, hendak bina kilang? Kerana kalau tidak ada kilang, jagung madu berlambak-lambak, 25 sen tak ada orang hendak beli. Ubi madu, saya panggil ubi madu Tuan Yang di-Pertua. Semuanya madu. Labu madu, tetapi tidak menjadi harga. Orang madu, tetapi orang madu tidak sedaplah.

Jadi saya hendak bertanyakan bila hendak bina kilang untuk jagung buat pemakanan? Boleh hantar ke luar negara. Itu bentuk komersial. Bila kita hendak minta supaya FAMA tolong memasarkan. Kalau barangan ada, tidak dipasarkan habis begitu sahaja. Itulah saya hendak bertanya bila nak wujud kilang kenaf? Kenaf pun kita sudah tanam di Pasir Puteh. Yang Berhormat Menteri pun ada pergi tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi sebab itulah saya minta supaya kilang dan FAMA juga MARDI tolong bertindak untuk membuat kajian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan Yang Berhormat Pasir Puteh, ingin saya maklumkan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terus beri tumpuan kepada perkara yang tersebut iaitu perkilangan untuk jagung dan tumbuhan-tumbuhan lain termasuk kenaf. Sukacita saya dimaklumkan bahawa kitapun sedang memajukan kenaf ini sebagai satu produk alternatif kepada tembakau dengan projeknya, projek di Terengganu dan juga satu kilang yang telah sedia ada di Kuantan dan kilang tersebut menghasilkan *fibreboard* ataupun papan fiber mulai Januari 2006 untuk eksport. Saya percaya dalam masa akan datang kilang-kilang tersebut dengan kerjasama Kementerian Pertanian untuk jagung dan sebagainya, akan dilaksanakan untuk kemajuan tanaman-tanaman alternatif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya tengok macam kementerian masih mencuba tanaman alternatif untuk tembakau ini. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan tanaman tembakau kita ini, di Kelantan baik, di Terengganu baik, dan di negeri-negeri lain. Kebanyakan mereka ini menggunakan tanah sawah. Sawah terbiar, dan kalau kita lihat pula dalam segi petani-petani tembakau ini, kebanyakan mereka adalah orang-orang dewasa, umur 50 tahun ke atas.

Kalau dia cuba jagung, jagung ialah satu tanaman yang dia kena *fulltime* di sana. Kenaf masih lagi di peringkat *trial*. Kalau tanaman di Kelantan kilang dekat Kuantan, *transport* sahaja akan membunuh. Saya sekali lagi menggunakan Dewan ini meminta supaya kementerian tidak ada alternatif yang sebaik daripada tembakau ini kalau kementerian tidak masuk dalam segi *jatropha* atau buah jarak ini Tuan Yang di-Pertua. *The best*, jangan dok fikir lagi kementerian. Masalah tembakau ini, hanya tanaman alternatif yang boleh menyaingi dalam segi pendapatan dan kerja yang amat ringan adalah *jatropha* ataupun jarak ini dan kita minta kementerian serius terhadap tanaman ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Dipandangkan ini adalah satu cadangan dan bukannya soalan dan saya percaya telah pun dijawab sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri KPPK semalam. Walau bagaimanapun saya boleh kata di sini, cadangan untuk tanaman *jatropha* memang baik tetapi pada masa ini, kita masih mengumpul butir-butir dan mengkaji macam mana boleh membangunkan *jatropha* ini. Saya tidak nafikan ini adalah satu yang baik dan kita mengambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah katakan tadi, Menteri sendiri sudah jawab semalam. Sudah cukuplah.

[Soalan No.7 - Y.B Dato' Dr. Tan Kwee Kong (Segambut) tidak hadir]

8. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah penggunaan KTM Komuter telah melepasi paras *above-utilise*, jika belum, mengapa dan apakah rancangan untuk meningkatkan lagi penggunaannya. Bagaimana pula dengan LRT Putra dan monorel.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua penggunaan KTM Komuter melepasi paras maksimum atau dengan izin, *above utilization* pada waktu-waktu puncak iaitu pada jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi dan 6 petang hingga 8 malam. Keadaan ini adalah disebabkan peningkatan penggunaan pengangkutan awam oleh orang ramai khususnya yang melibatkan pengangkutan rel akibat daripada kenaikan harga petrol.

Bagi memenuhi keperluan yang meningkat di waktu puncak, KTMB sedang merancang untuk meningkatkan kekerapan daripada 15 minit kepada 10 minit dengan menambah bilangan *train* yang beroperasi pada masa tersebut. Bagi sistem rel yang lain iaitu LRT dan monorel, keadaan yang sama juga berlaku, di mana semasa waktu puncak jumlah penumpang yang menggunakan kedua-dua perkhidmatan ini telah melebihi paras kapasiti *train* bagi mengatasi masalah tersebut.

Kedua-dua pengusaha perkhidmatan rel yang terlibat iaitu Rapid KL dan KL Monorel Sistem Sdn. Bhd. sedang berusaha untuk menambah keperluan *train* bagi menampung peningkatan jumlah penumpang. KL Monorel sedang merancang untuk memperkenalkan train tiga gerabak bagi memenuhi keperluan penumpang sementara Rapid KL pula bercadang untuk membuat pembelian *train* baru. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas jawapan daripada Timbalan Menteri. Jelas menunjukkan bahawa orang ramai telah pun sinonim dengan perkhidmatan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkhidmatan ini telah pun popular di Kuala Lumpur dan juga kawasan berhampiran, agaknya bila pula perkhidmatan yang sama boleh diberikan atau dilaksanakan di Johor Bahru supaya orang Kulai pun dapat perkhidmatan yang sama. Di Kulai, Johor Bahru termasuk juga Ipoh, Penang dan lain-lain bandar utama. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini apa yang telah dimaklumkan kepada saya dan juga kementerian memanglah ura-uranya, bahawasanya kita akan mendapat satu kemungkinan sistem monorel di Pulau Pinang. Bagi Ipoh dan Johor Bahru dan di tempat-tempat, lain kita belum ada lagi mendapat cadangan untuk mengadakan monorel tetapi saya menerima baik pandangan Yang Berhormat itu, kalaulah makna sistem monorel ini mendapat sambutan yang baik daripada warga kota ataupun orang ramai sudah tentunya pada masa-masa depan kemungkinan kita akan dapat menerima cadangan-cadangan daripada beberapa bandar utama yang ada dalam negara kita ini, dan kita hanya menengok keadaan itu. *Insya-Allah*, saya rasa kita akan dapat juga mengadakan sistem secara ini di bandar-bandar utama di dalam negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Memandangkan pengangkutan awam digunakan oleh orang ramai seperti LRT Putra dan monorel. Untuk memastikan bahawa keselamatan para penumpang yang menggunakan pengangkutan awam ini khususnya monorel yang mana landasan bertingkat. Saya ingin tahu dan bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri jika ianya berlaku kebakaran dalam kabin, apakah jaminan yang diberi oleh kementerian bahawa keselamatan para penumpang diyakini. Dan saya difahamkan bahawa pada setakat ini apa langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan keselamatan jika monorel ini berlaku kebakaran di atas landasan dan penumpang terjun dari atas atau tunggu sehingga mati. Minta penjelasan... [Ketawa]

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat saya menerima baik pandangan Yang Berhormat itu, walaupun sudah beberapa kali Yang Berhormat telah mengemukakan soalan ini baik di dalam Dewan ataupun di luar pada saya dan juga rakan saya satu lagi Timbalan Menteri. Memanglah saya telah kemukakan perkara ini kepada pihak tertentu dan mereka sekarang masih lagi menyelidiki apakah caranya, apakah teknologinya. Yang mana yang datang dengan sistem monorel ini untuk kami semua memberi satu jawapan yang memuaskan. Memang saya sentiasa mengikuti dari segi perkembangan kepada soalan ini dan tidak berapa lama lagi saya akan dapat menjawabnya kepada Yang Berhormat. Dan saya harap jawapan itu akan memuaskan. Terima kasih.

9. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, berapakah keluasan yang ditanami dengan kelapa sawit dan getah di negara kita dan apakah harga komoditi tersebut akan terus meningkat serta apakah perancangan kementerian mempertingkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah. Keluasan yang ditanam dengan kelapa sawit sehingga tahun 2005 ialah 4,051,374 hektar. Purata harga tahun 2005 se tan metrik minyak sawit mentah ialah RM1,394 manakala purata harga Januari hingga Jun tahun ini ialah RM1,411.25 sen. Berdasarkan maklumat tersebut harga minyak mentah sawit dijangka berada di paras RM1,400 hingga RM1,500 se tan metrik hingga akhir tahun 2006. Permintaan yang tinggi terhadap minyak sawit akan dapat mengekalkan harga pada paras tersebut dan akan memberi pulangan yang baik kepada pekebun-pekebun kecil sawit.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa berusaha memastikan pendapatan penduduk luar bandar terutama pekebun kecil sawit dapat ditingkatkan. Ke arah ini kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit ataupun MPOB telah mengambil langkah-langkah. Di antaranya penyelidikan dan pembangunan menghasilkan biji benih yang bermutu, skim bantuan anak benih sawit, program tunas ataupun tunjuk ajar dan nasihat sawit, program tanaman semula dan program integrasi tanaman.

Tuan Yang di-Pertua keluasan yang ditanam dengan getah - minta maaf, ini satu soalan yang luas ya. Dengan getah sehingga tahun 2005 adalah 1,237,000 hektar. Purata harga tahun 2005 sekilogram getah SMR20 ialah 520 sen sekilo.

Manakala purata harga Januari hingga Jun 2006 tahun ini ialah 732 sen sekilo. Berdasarkan data tersebut harga getah SMR20 dijangka berada di paras RM6 hingga RM7 sekilogram sehingga akhir tahun 2006 berdasarkan permintaan yang kukuh. Kerajaan sentiasa prihatin dengan penduduk luar bandar yang terlibat dengan tanaman getah. Kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia ataupun LGM telah melaksanakan program-program.

- (i) membekalkan pekebun kecil dengan baka benih bermutu tinggi lagi produktif iaitu klon getah balak ataupun *latex timber clone* atau LTC, dengan izin;
- (ii) menggalakkan penggunaan teknologi skim torehan kekerapan rendah atau singkatnya LITS; dan
- (iii) melibatkan pekebun kecil dalam program kampung yang dalam masa ini dikemaskinikan dan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan melalui penglibatan pekebun-pekebun kecil dalam program yang dirancang oleh kementerian, akan dapat meningkatkan hasil keluaran mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. Sekian terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hari ini dengan kenaikan harga getah sejak tahun lepas, rakyat di luar bandar merasa gembira kerana pendapatan mereka iaitu pekebun kecil getah ini juga turut meningkat. Apa yang saya lihat daripada data yang saya ada, harga komoditi ini tidak stabil buat masa ini. Contohnya pada Jun lepas, harganya mencecah RM8.52 sekilogram dan pada bulan Jun ia turun kepada RM6.49 sekilogram. Hari ini pengeluar getah dan mungkin juga kelapa sawit terbesar dunia adalah antaranya Malaysia, Thailand dan Indonesia dan hari ini *International Rubber Consortium* telah diwujudkan di antara tiga negara ini.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, bagaimana untuk mengawal kestabilan harga getah ini supaya berada di paras yang tetap supaya tidak ada kerugian di kalangan pengeksport, di kalangan pengeluar getah dan sebagainya kerana harga yang tidak stabil. Apabila kita ada tiga buah negara yang pengeluar getah terbesar, kita boleh kontrol di segi eksport. Apakah *International Rubber Consortium* ini boleh memainkan peranan supaya kawalan kepada eksport boleh memberi kepada satu harga yang lebih stabil untuk masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Harga getah agak sukar untuk dipastikan. Ia sentiasa berada pada satu paras harga yang kekal. Ini adalah kerana terdapat banyak faktor penentu di luar kawalan kita sebagai pengeluar. Antaranya ialah pengeluaran berlebihan, permintaan berkurangan, bekalan dan permintaan *supply and demand*, dengan izin, begitu juga dengan kedudukan harga penawaran dan permintaan bahan saingan iaitu getah tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, harga getah tiruan bergantung kepada harga minyak dan pada masa ini harga minyak kita nampak sudah turun sedikit kepada lebih kurang USD 61 setong dan oleh yang demikian, harga getah tiruan pun sudah turun dan permintaan untuk getah asli pun sudah turun oleh kerana sedemikian, harga sudah turun sedikit dari 800 sen kepada 640 sen semalam kalau tidak silap saya.

Untuk tujuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kerajaan akan terus menjalinkan kerjasama yang telah diwujudkan di antara tiga negara pengeluar getah utama iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia melalui *Tripartite Rubber Agreement* dengan izin supaya harga getah boleh sampai ke satu paras yang munasabah dan berpatutan dan langkah-langkah melalui *Tripartite Agreement* ataupun persefahaman tiga negara ini ialah;

- (i) Skim Pengurusan Pengeluaran ataupun *Supply Management Scheme*;
- (ii) Skim Persetujuan Jumlah Eksport iaitu *Agreed in the Export Scheme*, dengan izin; dan
- (iii) Penubuhan *International Rubber Consortium*.

Sekian terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu kelapa sawit mengambil sebanyak 4.5 juta hektar tanah di negara kita dan setiap ladang itu dia ada masa untuk menebang kelapa sawit tersebut, begitu juga dengan kelapa sawit yang ditanam oleh pekebun kecil dan ladang getah kebiasaannya apabila sudah tua dikeluarkan balak. Saya rasa FRIM telah mengadakan kajian terhadap batang-batang kelapa sawit untuk dijadikan perabot. Jadi, soalan saya, apakah setakat ini balak-balak daripada kelapa sawit ini juga telah dijadikan bahan untuk dibuat perabot kepada pemilik ladang ataupun pekebun kecil ini sebagaimana yang dilakukan kepada batang-batang getah yang ditebang, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pendang.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: *Sorry*, minta maaf, Yang Berhormat Pendang, di atas soalan tadi. Setakat ini MPOB sedang menjalankan kajian dan juga penyelidikan dan pembangunan di atas kegunaan batang pokok sawit bukan sahaja batang, tetapi keseluruhannya yang dipanggil bio-komposit ataupun biomas, bukan sahaja untuk membuat perabot, tetapi boleh jadi ia satu sumber untuk bahan api.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai lebih maklumat, tetapi saya boleh memastikan di sini bahawa MPOB akan terus bergiat membuat penyelidikan dan pembangunan macam mana kita boleh menggunakan batang kelapa sawit untuk dibuat perabot dan juga lain-lain bahan. Sekian, terima kasih.

10. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) penerapan nilai-nilai murni di peringkat asuhan kanak-kanak, peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi; dan
- (b) program ke arah membudayakan 'Berbudi Bahasa' kepada semua lapisan masyarakat negara ini selain daripada iklan yang berasaskan komersial oleh stesen TV dan radio swasta.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah dan akan terus melaksanakan program Kempen Budi Bahasa dan nilai-nilai murni di semua peringkat masyarakat termasuk peringkat kanak-kanak, sekolah dan institusi pengajian tinggi. Program-program penerapan dan penghayatan peringkat kanak-kanak ialah dengan mengadakan asuhan mengenai kepentingan amalan yang baik dan murni di samping mengadakan pertandingan bercerita, berpantun, melukis dan mewarna bagi kanak-kanak bertemakan "Budi Bahasa Budaya Kita".

Kementerian telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat iaitu KEMAS bagi menjayakan Hari Potensi Kanak-Kanak Kebangsaan yang menekankan penerapan nilai-nilai murni bermula asuhan dari peringkat kanak-kanak lagi. Lagu "*Budi Bahasa Budaya Kita*" akan dinyanyikan oleh kanak-kanak KEMAS setiap hari di setiap Taman Bimbingan Kanak-Kanak KEMAS di seluruh Malaysia, manakala di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi, program-program yang telah dilaksanakan ialah pertandingan pidato, syarahan, berbalas pantun, debat perdana, dikir barat, ceramah serta program pemimpin bersama mahasiswa. Semasa program dilaksanakan bahan-bahan kempen dan penerangan turut diberi kepada kumpulan sasar tersebut supaya mereka memahami erti sebenar budi bahasa dan juga 47 amalan nilai-nilai murni untuk amalan rakyat Malaysia; dan

- (b) Selain daripada iklan komersial di TV dan radio, kementerian sebenarnya telah dan akan terus melaksanakan program ke arah membudayakan budi bahasa di kalangan semua masyarakat merangkumi institusi kemasyarakatan, institusi kekeluargaan, institusi pembelajaran dan institusi perkhidmatan. Aktiviti utama bagi membudayakan amalan budi bahasa ialah seperti aktiviti gotong-royong, kempen pemandu berhempah terutama di musim perayaan, kempen senyum, sopan santun dan ucapan terima kasih oleh petugas kaunter kepada pelanggan di sektor kerajaan dan swasta.

Semasa aktiviti-aktiviti dilaksanakan penerangan, penjelasan akan diberikan kepada rakyat supaya mereka lebih memahami kempen yang dilaksanakan dan juga 47 amalan murni rakyat Malaysia menerusi edaran bahan-bahan kempen dan pameran. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Putatan sila, ada masa keluarkan soalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu jitu.

Saya minta sedikit penjelasan atau soalan tambahan, adakah program yang telah dikendalikan oleh kementerian ini betul-betul berkesan ataupun setakat memenuhi ruang kepada agenda-agenda kementerian dan adakah pihak kementerian berpuas hati dengan tatabahasa yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat yang kita jumpa di kedai-kedai, di tempat-tempat di *bus stop*, perhentian bas, adakah mereka ini membuat teguran selamat pagi atau sebagainya.

Kalau kita tengok di negara jiran kita di Thailand, mereka tepukan tangan dua dan mereka tunduk Jepun begitu juga. Adat resam berbudi bahasa oleh masyarakat yang dahulu lagi tidak wujud lagi. Yang saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang budak-budak kecil yang diajar dalam segi agama ini dia selalu mencium tangan orang-orang dewasa itu saya kagum kerana ramai antara budak-budak sekarang ini mencium tangan orang dewasa. Jadi soalan saya adakah program-program kementerian berkesan?

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Soalan beliau adalah dua bahagian, yang utama iaitu tentang keberkesanan program ini. Program ini adalah berterusan untuk lima tahun sepanjang iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan, kita sudah masuk peringkat kedua baru-baru ini dan untuk peringkat pertama iaitu tahun lepas kita ada satu *survey* menerusi telefon iaitu 64% rakyat jelata sedar kepada kempen ini. Untuk peringkat kedua iaitu tahun ini kementerian akan bersama dengan sebuah institut pengajian tinggi akan membuat satu pemerhatian lagi yang lebih saintifik dan lebih mendalam untuk menengok keberkesanan program ini.

Jadi bahagian kedua tentang rakyat jelata kita yang kurang senyum dan sebagainya semasa mereka bertegur sapa itu satu kita pun nampak rakyat jelata Malaysia kita memang mesra, ramah dan sebagainya tetapi mereka segan senyum, selalu senyum dengan kata-kata terima kasih dan sebagainya. Kita haraplah selepas program ini iaitu Kempen Budi Bahasa, rakyat jelata kita akan lebih bermesra ramah dan juga mereka bertegur sapa dengan mengucapkan terima kasih, *sorry*, *thank you* dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah juga kepada pihak kementerian kerana menganjurkan program nilai murni, Kempen Budi Bahasa dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama kita lihat di dalam televisyen, di dalam media elektronik yang lain banyak program-program yang bertentangan dengan nilai-nilai yang cuba diterapkan oleh Kementerian Kebudayaan dengan dramanya dengan filemnya dengan rancangan program hiburannya yang jauh menyimpang daripada apa yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian. Jadi soalan saya ini mungkin berkaitan dengan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi dari segi kejayaan.

Soalan saya ialah apakah yang dilakukan oleh pihak kementerian dan kerjasama yang dilakukan oleh pihak kementerian dengan pihak-pihak televisyen sama ada televisyen pihak kerajaan, swasta dan sebagainya untuk memastikan program yang ada di dalam televisyen selari dengan program yang dijalankan oleh pihak kementerian di dalam memupuk nilai murni dan berbudi bahasa tadi. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Soalan amat tepat iaitu untuk menjayakan program, kementerian saya bekerjasama dengan semua agensi kerajaan dan juga NGO-NGO dan rakyat jelata tentang tingkah laku artis atau pelakon di TV.

Untuk mereka, kita ada satu kod etika, kod etika dan kementerian kita perlu bekerjasama dengan Kementerian Penerangan supaya artis-artis dan juga pelakon-pelakon mematuhi kod etika. Memang kadangkala ada artis-artis dan juga pelakon yang tidak mematuhi kod etika ini. Jadi kita haraplah artis-artis yang jadi idola kepada pemuda-pemudi sentiasa mengingatkan tingkah laku mereka di kaca TV adalah satu yang terpengaruh kepada pemuda-pemudi dan mereka jadi satu teladan yang baik kepada rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

11. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah ada rancangan untuk membatalkan pewartaan (*gazetted*) Hutan Simpan Bukit Seputeh di sebelah Kampung Cheras Baru dan Taman Cheras Utama dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk dibangunkan sama ada oleh Kerajaan atau pun swasta dalam tempoh sekarang dan akan datang, adakah permohonan dibuat baik oleh kerajaan atau pun swasta untuk membangunkannya dan apakah jenis pembangunan dan sama ada kerajaan akan mewartakan sebagai hutan kekal warisan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan pewartaan Hutan Simpan Bukit Seputeh tetapi sebaliknya kawasan hutan tersebut akan terus dikekalkan sebagai kawasan hijau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada sebarang permohonan daripada mana-mana agensi kerajaan ataupun swasta yang diterima oleh kementerian mahupun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk membangunkan hutan simpan kekal berkenaan.

Ini menggambarkan bahawa masyarakat semakin memahami kepentingan pemuliharaan kawasan hutan untuk bertujuan kesejahteraan dan faedah-faedah untuk generasi masa kini dan akan datang. Kerajaan menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mempunyai perancangan untuk mengurus dan memulihara kawasan hutan simpan kekal ini sebagai kawasan ekosistem, gedung sumber genetik dan kawasan hijau kepada kawasan sekitarnya. Sehubungan itu beberapa aktiviti telah pun dilakukan oleh Jabatan Hutan di dalam kawasan ini. Di antaranya ialah menjalankan kerja-kerja pengukuran sempadan oleh juruukur berlesen, memasang pagar sempadan serta menjalankan kerja-kerja menanam semula pokok-pokok spesies tempatan untuk menambahkan lagi bilangan pokok dan kepelbagaian spesies.

Selain itu sebagai usaha untuk menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk menikmati keindahan alam semula jadi dan mewujudkan kesedaran untuk mencintai khazanah hutan, kawasan-kawasan tertentu di dalam hutan simpan kekal ini akan dijadikan arboretum dan taman hutan. Terima kasih.

[Soalan No.12 - Yang Berhormat Datuk Juslie Ajirol (Libaran) tidak hadir]

13. Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, tindakan yang diambil terhadap Low Teh Hian, Ahli DUN Negeri Johor (dari MCA) berkaitan dengan laporan polis yang dibuat terhadapnya mengenai kejadian awal pagi 6 Julai 2006 apabila seorang ahli Pemuda MCA Johor telah pergi ke pangsapuri yang disewanya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Tuan Yang di-Pertua kejadian tersebut adalah disebabkan pencerobohan yang telah dilakukan oleh seorang lelaki bersama ibunya dan tiga orang rakannya di sebuah kondominium kerana marah apabila mengetahui isterinya bersama-sama dengan Yang Berhormat Low Teh Hian. Semasa kejadian tersebut Yang Berhormat mengeluarkan pistol dengan alasan untuk mempertahankan diri kerana takut orang yang memecah masuk rumahnya adalah perompak. Beliau juga telah menggunakan penyembur pemedih mata ke arah lelaki tersebut bersama ibunya dan tiga rakan-rakan yang lain.

Hasil daripada siasatan, satu kertas siasatan telah dikemukakan kepada Ketua Unit Pendakwaan, Johor pada 8 Julai 2006 dan sehingga kini masih belum menerima sebarang jawapan. Cadangan pendakwaan adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Low Teh Hian dituduh di bawah seksyen 506 kanun keseksaan kerana ugutan jenayah dengan mengeluarkan senjata api dan mengacu kepada lelaki dan ibunya;
- (ii) di bawah seksyen 323 kanun keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dengan menggunakan penyembur pemedih mata; dan
- (iii) di bawah seksyen 498 kanun keseksaan kerana mengikat atau membawa pergi atau menahan seorang perempuan dengan niat jahat.

Yang kedua, manakala 'Kho Chung Heng, Tan Kim Hwa dan Liew Chun Hui' dituduh di bawah seksyen 456, Kanun Keseksaan. Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun kertas siasatan ada dihantar kepada Peguam Negara, kenapa kelewatan sampai hari ini? Bagi kepentingan rakyat tidakkah baik untuk menentukan kes ini ada dibawa ke mahkamah dengan serta-merta. Bolehkah dapat penjelasan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa perkara ini terpulang kepada pihak pendakwa raya. Pihak polis kes ini sudah selesai dan kita hanya tunggu daripada pihak pendakwa raya. Saya tidak tahu apa-apa. Terima kasih.

[Soalan No.14 -Yang Berhormat Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) tidak hadir]

[Soalan No.15 - Yang Berhormat Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat (Kuala Krai) tidak hadir]

16. Tuan Raimi Unggi [Tenom] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, berapakah jumlah kajian yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha mencari gali emas, bijih timah, tembaga dan bijih besi di seluruh negara.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sejak Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM35.53 juta menerusi 18 projek kajian sumber mineral dalam usaha untuk mencari gali emas, bijih timah, tembaga dan bijih besi.

Dalam kawasan dikenal pasti berpotensi di negeri Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah yang meliputi kawasan seluas kira-kira 251,000 kilometer persegi. Sebanyak 18 kawasan pemineralan emas, empat pemineralan bijih besi, tiga pemineralan tembaga dan dua pemineralan bijih timah telah ditemui semasa kajian di atas.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula, sejumlah RM3.7 juta telah diperuntukkan untuk projek mencari gali emas dan bijih timah dengan kawasan seluas kira-kira 2,000 kilometer persegi meliputi negeri-negeri Johor, Pahang, Perak, Kelantan dan Terengganu. Manakala RM4.5 juta bagi projek mencari gali tembaga, besi, emas dan logam-logam lain dalam kawasan seluas kira-kira 3,200 kilometer persegi di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Hasil daripada jawapan sebentar tadi menunjukkan jumlah begitu luas untuk mendapatkan lesen cari gali ataupun *Prospecting Permit* tapi untuk mendapatkan MC ataupun *Miner's Certificate* tidak sebegitu banyak. Apakah pihak menteri sedar bahawa pengehadan ini untuk PP ini tidak seperti mana apa yang disebut di dalam peraturan ataupun dalam negeri masing-masing. Tidak ada penyelarasan. Umpamanya kalau kita lihat di Kelantan umpamanya, PP ini ia boleh di antara 400 sehingga 20,000 hektar boleh dikeluarkan hadnya tapi untuk *mining* itu mengikut keadaan yang sesuai. Kadang-kadang 500 sehingga 1,000 hektar sahaja. Apakah ada penyelarasan di antara lain-lain negeri ini dari segi untuk mendapat PP dan untuk mendapatkan MC ini.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilaksanakan oleh kementerian sebenarnya adalah untuk mengenal pasti tempat-tempat pendeposit galian-galian mineral di dalam negara kita. Dengan adanya beberapa kajian yang dibuat oleh Jabatan Mineral dan Geosains dan selepas itu terpulang kepada kerajaan-kerajaan negeri dan juga para pelabur untuk mengusahakannya. Jadi kita sudah mengenal pasti di manakah adanya deposit-deposit yang baik dan supaya pembangunan boleh disusun mengikut keadaan tanah sesuatu kawasan. Jadi terpulanglah kepada kerajaan negeri untuk menggunakan maklumat yang telah kita perolehi untuk dibangunkan. Jadi saya rasa semua pengusaha hasilan bahan mineral itu adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tarik perhatian berhubung dengan usaha mencari gali emas di Terengganu iaitu yang berlokasi di Lubuk Mandi di kawasan sempadan Kuala Terengganu-Marang di sini. Dahulu adalah merupakan di mana penduduk di situ berlumba-lumba untuk sampai dan mencari gali emas di situ.

Saya hendak kementerian, apakah potensi emas di tempat yang saya sebut itu Lubuk Mandi? Yang kedua, apakah kementerian prihatin berhubung dengan kerosakan persekitaran kawasan itu di mana diberi peluang-peluang secara individu untuk meneroka dan mencari gali emas yang membawa kepada masalah hutan kawasan itu sudah rosak.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di kawasan Lubuk Mandi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi memang ada potensi untuk lombong emas di sana tetapi memang ada juga pencerobohan yang dilakukan oleh individu-individu yang membawa kepada banyak kerosakan kepada sesuatu kawasan. Jadi itulah sebabnya kita minta supaya perlombongan emas ini dilakukan oleh firma-firma yang dapat melabur dalam pengusaha hasilan lombong-lombong tersebut supaya selepas perlombongan dilakukan mereka juga dapat merehabilitasikan kawasan-kawasan lombong tersebut.

Jadi kita memang ada garis panduan ataupun cara-cara dan kaedah-kaedah yang harus digunakan tetapi pencerobohan ini biasanya dilakukan oleh individu-individu yang mengetahui sesuatu kawasan itu ada lombong emas, mereka mengusahakannya dan membawa banyak masalah dan memang perkara ini ditangani oleh pejabat tanah di kawasan itu dengan baik. Terima kasih.

17. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah usaha yang telah dan akan diambil untuk membantu negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan.

Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah dan sentiasa mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk menggalakkan dan meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing ke destinasi pelancongan di Malaysia termasuk Pulau Pinang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) mengambil bahagian secara aktif di dalam pameran pelancongan antarabangsa yang disertai oleh pengusaha-pengusaha pelancongan Malaysia termasuk Pulau Pinang yang menawarkan pakej percutian yang menarik di luar negara;
- (ii) menganjurkan program lawatan suai kenal untuk mendedahkan secara langsung produk-produk pelancongan di Pulau Pinang dalam program-program lawatan yang ditawarkan;
- (iii) menganjurkan misi-misi galakan ke luar negara di mana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej istimewa negeri Pulau Pinang kepada pengusaha pelancongan di negara yang dilawati;
- (iv) menerbitkan dan mengedarkan majalah pelancongan Malaysia dengan izin, *tourism news* yang memaparkan tempat-tempat tarikan pelancongan yang dikeluarkan secara dwibulanan kepada industri pelancongan antarabangsa;
- (v) penerbitan serta pengedaran risalah pelancongan bersifat kembara dengan izin *adventure*, tarikan alam semula jadi dengan izin *nature* dan kebudayaan dengan izin, *culture* di pasaran antarabangsa melalui Pejabat *Tourism* Malaysia negeri dan luar negeri serta agensi-agensi pelancongan. Risalah-risalah berkenaan diterbitkan dalam bahasa Inggeris, Jepun, Cina dan Korea;
- (vi) menyumbang dalam usaha penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa seperti dengan izin *Malaysia International Media Hunt*, *27th Anniversary of Penang International Dragon Boat Festival*, *Penang International Mountain Bike Challenge*, *Penang International Meatless Day Carnival* dan *13th Penang International Dance and Sports Championship*; dan

- (vii) memperkenalkan Pulau Pinang sebagai, dengan izin, destinasi *meeting, incentive, convention dan exhibition*. Dengan penekanan untuk mendorong persatuan-persatuan antarabangsa dan syarikat-syarikat multinasional supaya menganjurkan mesyuarat dan persidangan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan meningkatkan lagi usaha-usaha mempromosi pelancongan yang agresif dari masa ke semasa bagi memastikan negeri Pulau Pinang menjadi destinasi pelancongan yang popular di kalangan pelancong asing. *The time is now, the place is Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM57.6 juta diperuntukkan untuk membangun dan meningkatkan kemudahan pelancongan di negeri Pulau Pinang. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, projek pembangunan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lapan kah, sembilan Yang Berhormat?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lapan atau sembilan?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Lapan, lapan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, projek pembangunan *Little India* di Georgetown, penyediaan dan peningkatan kemudahan Batu Kawan, dan penyediaan kemudahan pelancongan di Pulau Aman dibangunkan akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelancong yang datang berkunjung ke Pulau Pinang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah diperuntukkan sebanyak RM103 juta untuk menaikkan taraf infrastruktur produk-produk pelancongan di Pulau Pinang. Antara projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah seperti pembinaan Hotel Seri Malaysia di Kepala Batas, peningkatan kemudahan pelancongan di Taman Metropolitan Relau, daerah Timur Laut, peningkatan kawasan tarikan pelancong bagi jajaran Pantai Batu Feringhi, projek pembangunan Taman Perbandaran, Taman Kebun Bunga, menaikkan taraf sistem kereta api di Bukit Bendera dan pembangunan Muzium Penang, Pulau Pinang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[20 September 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(4), “Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan (biadab).”

Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada *Hansard* bertarikh 18 September tahun ini. Apa yang dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Dia ada menyatakan seperti berikut, “*Tuan Yang di-Pertua, jangan layan dialah. Dia cemburu, dia ‘tidak’ boleh...*” Ada kesilapan taip di sana. Perkataan ‘tidak’, tidak dimasukkan. “*...Dia tidak boleh berdiri, sebab itu dia kata saya duduk jangan berdiri. Dia tidak boleh berdiri. Dia cemburu.*”

Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi satu amalan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional dalam Dewan ini.

Pada 28 Jun tahun ini, Yang Berhormat Kinabatangan ada menyatakan, "*Lebih baik dia tidak mati. Dia datang ke Dewan ini untuk kacau.*" Perkataan-perkataan seperti itu.

Dan selepas itu Ahli Yang Berhormat Taiping iaitu Datuk M. Kayveas, dia ada menyatakan, "*Sekarang dia dalam wheelchair. Apa yang jadi kepada dia dalam masa hadapan, saya tidak mengetahui.*"

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang dalam *internet*, khususnya *MalaysiaKini* ada menyatakan, apa yang digunakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz patut ditarik balik kerana ini menghina orang-orang yang cacat, kurang upaya.

Oleh itu, bagi kepentingan rakyat, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu wakilnya yang ada dalam Dewan ini sekarang bagi pihak dia menarik balik apa yang dinyatakan oleh dia pada hari itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kerana ini ada dalam *Hansard*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dan ini boleh jadi satu sejarah di mana tidak ada apa-apa tindakan yang diambil ke atas menteri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat Bukit Gelugor, ini saya memang bersetuju supaya perkataan-perkataan yang tidak elok ini jangan dikeluarkan semasa kita melibatkan diri dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi perkara ini telah berlaku dan tindakan daripada Yang Berhormat tidak diambil, usul tidak dibawa semasa kejadian ini berlaku. Maka saya ingin mencadangkan sekiranya Yang Berhormat Bukit Gelugor kalau tidak puas hati, boleh mengambil tindakan menggunakan usul-usul yang tertentu yang memberikan kuasa kepada kita mengikut Peraturan Mesyuarat. Jadi saya...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, maaf ya. Saya telah meneliti *Hansard* bersama Yang Berhormat Bukit Gelugor mendapati pada hari itu Tuan Yang di-Pertua tidak membuat sebarang keputusan. Tuan Yang di-Pertua menyatakan, "keputusan Yang Berhormat Menteri...."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, baiklah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Teruskan jawapan", muka surat 56. Saya jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju tetapi sekarang Yang Berhormat hendak minta dia tarik balik, kalau dia tidak mahu tarik balik...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap minta dia dulu kalau Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri pun tidak ada di sini.;

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bila dia masuk nanti, boleh minta dia tarik balik? Demi menjaga nama baik Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu ada tarik-tarik balik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan tidak dibuat pada ketika itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita pun tahu Yang Berhormat Bukit Gelugor pernah cakap perkataan-perkataan macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita pun tahu Yang Berhormat Bukit Gelugor pernah kata "binatang", pernah kata "zoo", "haiwan" dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu diskriminasi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini bukan masalah diskriminasi. Masalahnya hendak tarik balik. Kita banyak lagi usul hendak jalan ini, Tuan Yang di-Pertua. Jangan layan orang macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, saya....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul itu!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita dengar cakap mereka buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk, semua duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita ada banyak usul, ada 9 kementerian lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan membuang masa semua. Duduk, duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia pun guna perkataan yang tidak bagus. Dia sendiri tidak guna perkataan yang baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau dia cakap perkataan-perkataan yang tidak elok, tidak apa!

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Menteri OKU boleh beri pandangan! Menteri OKU!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Saya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jelaskan pendirian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia minta orang tarik balik supaya orang berdisiplin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia sendiri tidak ada disiplin, macam mana?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa cerita, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi Yang Berhormat, saya sudah tegas...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cakap tidak serupa bikin!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya tegaskan perkataan yang tidak sesuai, saya haraplah tidak payah kita guna untuk menjaga imej baik di Dewan yang mulia ini. Kepada perkataan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebelum meminta orang baik, dia sendiri kena baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Betul, betul, betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kepada perkara yang sudah berlaku, yang sudah lepas, saya mintalah kerana saya ingin menegaskan kedua-dua pihak juga keluarkan perkataan yang tidak senonoh juga. Jadi saya harap Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh bersetuju...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia mulakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Mulai hari ini, sekiranya ada perkataan itu keluar sekali lagi, kita patutlah terus kena ambil tindakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Suruh dia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Saya harap Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Suruh dia keluar.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik peluang diberi kepada menteri itu untuk menarik balik dakwaan dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tetapi menteri tidak ada...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sebelum saya mengambil tindakan-tindakan yang lain.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, baik kita teruskan urusan hari ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Silalah, ambil tindakanlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita ada banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bersetuju...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, tidak usah cari simpatilah, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau kita layan dia, kita pun jadi macam dia, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepada Yang Berhormat..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kawal orang-orang ini yang biadab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, tengok

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Dia pun biadab, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia yang biadab, dia kata kita biadab.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Biadab, Yang Berhormat Bukit Gelugor!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini lagi biadab.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia duduk-duduk, dia cakap, dia lagi biadab.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sekarang dia kena tarik balik! Mesti tarik balik. Itu biadab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak perlu tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Kinabatangan....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu lagi biadab.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Siapa yang sebut biadab dahulu, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, halau Yang Berhormat Bukit Gelugor keluarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan penghormatan kepada sesiapa yang duduk di sini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami patuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Akan tetapi dia yang tidak patuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, tidak apa, biar.

Beberapa Ahli: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya mintalah Yang Berhormat, sebab selama ini Yang Berhormat sendiri juga ada keluarkan perkataan yang tidak senonoh juga. Saya fikir yang lepas, kita lepas. Mulai hari ini...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kerana mereka berdiri tanpa kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sendiri cakap tidak ada kebenaran pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita berdiri atas peraturan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Teruskan urusan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan apa? Cakap!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biar kita, Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan oleh Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan mana, peraturan mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini peraturan apa ini?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga bersetuju tidak sesuai biadab, ini satu kenyataan menghina orang kurang upaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Saya sudah terangkan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tidak usah jadi herolah! Jadi hero sarkaskah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: DAP tiada isu lagi kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk. Apabila Speaker...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hendak menang pilihan raya, carilah isu baru...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mengapa tidak memberi peluang untuk mereka di situ menteri ataupun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Apakah ulasan Yang Berhormat?... [*Dewan riu*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, ini buang masa sahaja. Tuan Yang di-Pertua teruskan urusan mesyuarat, adakah sesuai, adakah baik teruskan urusan mesyuarat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, suruh sarkas-sarkas ini keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat semua duduk. Yang Berhormat Bukit Gelugor sebagai mana yang telah saya terangkan dan saya nasihatkan sekarang ini kita selesaikan, teruskan urusan kita. Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat, perkataan-perkataan yang tidak sesuai jangan gunakan lagi. Jadi saya minta, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sila.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera akan terus kekal menjadi sebahagian daripada pendekatan dan mekanisme kerajaan dalam usaha untuk menangani isu ketidakseimbangan kedudukan sosioekonomi antara kaum khususnya bumiputera. MPBB perlu diwujudkan kerana masih terdapat jurang perbezaan pendapatan dan pegangan ekonomi di dalam masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh itu saranan supaya Dasar Ekonomi Baru dibatalkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh adalah tidak dapat diterima sama sekali. Saya mengakui, pelaksanaan DEB ada kelemahan-kelemahannya.

Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna kita harus menolak DEB malah penglibatan semua pihak harus dimantapkan dari segi pelaksanaannya sekiranya DEB ingin dilihat sebagai satu alat perancangan atau mekanisme yang berkesan dan berjaya. Pendekatan untuk mencapai hasrat ini akan terus dikembangkan bukan sahaja melalui pewujudan tenaga profesional bumiputera tetapi juga dengan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan.

Bidang keusahawanan akan membuka peluang untuk mereka memperoleh pulangan yang lebih kerana gaji bulanan tidak dapat menyaingi mereka yang memperoleh keuntungan dari perniagaan. Atas alasan ini, maka kerajaan akan meneruskan usaha melahirkan MPPB sehingga Misi Nasional tercapai sepenuhnya dan antara pendekatannya ialah dengan melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Tuaran, kementerian saya telah menetapkan sasaran untuk mewujudkan seramai 150,000 orang usahawan baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan termasuk di Sabah dan Sarawak. Langkah-langkah untuk memantapkan mekanisme pelaksanaan termasuk di Sabah dan Sarawak akan diteruskan dengan memberi penumpuan kepada pembangunan usahawan, pembangunan produk, kemudahan pembiayaan, penyediaan infrastruktur seperti premis perniagaan di samping program pembudayaan. Kursus-kursus yang dianjurkan terdiri daripada pelbagai kursus yang akan kita teruskan yang mana jika di mana-mana kawasan terdapat persatuan atau kumpulan usahawan daripada kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang ingin mengikuti kursus-kursus ini, maka mereka bolehlah berhubung dengan kementerian saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Permatang Pauh

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya hendak tanya satu isu tentang Dasar Ekonomi Baru yang telah melahirkan jurang lebarnya antara miskin dan kaya. Saya kira boleh tak Yang Berhormat Menteri sentuh sebab itu dan bagaimana Dasar Ekonomi Baru yang akan disambung itu boleh menjurus kepada mengurangkan jurang ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Seperti yang telah saya katakan sebentar tadi bahawa kita tidak mengatakan bahawa tidak ada kelemahan-kelemahan dalam kita melaksanakan DEB. Memang ada kelemahan-kelemahannya tetapi kita mengambil sikap bukan untuk mengaku kalah tetapi berusaha untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu. Antara pendekatan yang kita ambil ialah pertamanya kita harus mengakui hakikat bahawa soal untuk kita melahirkan masyarakat bumiputera menjadi usahawan melibatkan soal pembudayaan mereka dan soal pembudayaan bukanlah satu perkara yang boleh jadi serta merta atau automatik. Ia memakan masa yang begitu lama, 35 tahun semenjak DEB dimulakan adalah satu jangka masa yang pendek bukan lama. Dan kita perlu bersabar untuk tentukan soal pembudayaan ini dapat dijalankan dalam satu jangka masa yang panjang.

Kedua, pada mulanya apabila kita melancarkan DEB, kita lebih lihat kepada soal kuantiti kita tidak melihat kepada soal kualiti. Bidang yang kita beri tumpuan kebanyakannya pada mula dahulu ialah dalam bidang pembinaan tetapi kita tahu bahawa peluang dalam bidang pembinaan tidak lah sama seperti dahulu dan kita perlu beri tumpuan kepada bidang-bidang yang lain, yang lebih luas yang

sewajarnya perlu kita bangunkan bumiputera menjadi usahawan di dalamnya. Jadi kita melihat kepada bidang yang lebih luas dan kita beri penekanan kepada soal kualiti bukan kuantiti.

Ketiga semasa kita mulakan usaha untuk melaksanakan DEB kita lebih memberi penekanan kepada soal supaya masyarakat bumiputera mendapat ilmu dan pengetahuan.

Kita melihat kepada soal modal insan kita cuba melahirkan mereka yang boleh bekerja menjadi golongan profesional tetapi kita tahu bahawa itu tidak cukup kalau pun mereka profesional bergaji dan sebagainya dia tidak boleh bersaing dengan mereka yang berniaga yang mendapat keuntungan yang lumayan dan sebagainya maka atas sebab itu pendekatan kita ubah berasas kepada kelemahan-kelemahan yang kita hadapi tetapi untuk mengatakan bahawa kita meninggalkan DEB ketepikan DEB yang seperti diamalkan oleh pembangkang itu kerajaan yang sedia ada tidak akan buat sama sekali.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah menetapkan *target* untuk mewujudkan 150,000 usahawan bumiputera di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Soalnya adakah sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti dan berapakah bilangan yang diwujudkan mengikut sektor dan begitu juga mengikut negeri misalnya di wilayah berapa, di Negeri Sembilan berapa dan kalau apakah program-program atau strategi-strategi yang akan dilaksanakan untuk mencapai *target* tadi. Kalau tidak capai adakah langkah-langkah *contingency* yang akan dilaksanakan memandangkan kita tidak banyak masa lagi cuma ada lebih kurang empat tahun lebih sahaja lagi sebelum berakhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat soal untuk menjayakan matlamat melahirkan usahawan bumiputera dan juga meneruskan dasar-dasar yang ada kaitan dari segi melahirkan MPPB tu tidaklah hanya semata-mata dibuat oleh kementerian sahaja tetapi dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan di peringkat kerajaan seperti yang kita sedia maklum kerajaan telah mewujudkan *National Implementation Task Force*, dengan izin, yang menjurus bukan sahaja kepada *high impact* projek-projek yang mempunyai *high impact* tetapi juga kepada soal untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

NITF ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri yang melihat kepada beberapa sektor-sektor yang baru dan strategik dan perancangan-perancangan sedang diusahakan untuk membangunkan usahawan-usahawan bumiputera dalam sektor-sektor yang sedemikian antaranya termasuklah dalam bidang kewangan, dalam bidang industri asas tani dalam bidang ICT dan sebagainya ada 11 bidang yang telah dikenal pasti. Pendek kata Tuan Yang di-Pertua kementerian saya akan terus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita berasa seronok mendengar Yang Berhormat Menteri menyebutkan hendak melahirkan 150,000 usahawan tetapi mewujudkan usahawan ini tidak sama hendak mewujudkan golongan profesional. Golongan professional, kita bagi latihan, masuk universiti mereka akan menjadi golongan profesional.

Akan tetapi untuk mewujudkan usahawan ini, bukannya mudah. Jadi boleh tak Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan, bagaimana kita proses pemilihan ini, kerana bukan semua orang boleh jadi usahawan. Memang kalau kita tanya, siapa hendak jadi usahawan, ramai hendak jadi usahawan tetapi hendak melahirkan usahawan yang betul-betul usahawan, itu yang susah. Jadi dapat tak Yang Berhormat Menteri menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bagaimana proses pemilihan usahawan yang 150,000 itu. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang amat setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, yang sebenarnya juga menyampaikan pandangan yang sama seperti perbahasan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Labuan. Yang sebenarnya apa Yang Berhormat cakap itu bolehlah dijadikan jawapan kepada ramai di sini. Yang apabila berbahas seolah-olah hendak jadi usahawan macam hendak mohon masuk belajar dan sebagainya. Memang betul dalam usaha kita untuk melahirkan usahawan kita menggunakan tiga pendekatan.

Pertamanya seperti yang telah saya jelaskan tadi pembudayaan, keduanya dari segi kerajaan, kita melahirkan suasana yang kondusif atau pun kita menjadi pemudah cara atau pun fasilitator. Iaitu segala sokongan, bantuan yang kita berikan sama ada membangunkan usahawan, memantapkan usahawan itu atau pun produknya. Maksudnya dari segi usahawan kita beri dia ilmu kerana kita tahu ilmu penting dalam dunia berniaga yang penuh dengan persaingan. Kemudian kita tentukan pekerja-pekerjanya juga mendapat latihan kerana itu akan menyumbang kepada produktiviti syarikat. Kalau dia tidak ada latihan bagaimana dia hendak membantu syarikatnya bersaing dan dengan sendirinya akan menjejaskan syarikatnya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Kemudian soal bantuan kerajaan yang lain dalam bentuk pembiayaan yang kita sediakan melalui pelbagai peringkat daripada *micro credit* sehinggalah kepada yang besar SME dan sebagainya. Dan kita juga menyediakan kemudahan yang lain seperti premis, kilang-kilang bimbingan dan sebagainya. Itu kerajaan sebagai pemudah cara dan fasilitator. Perkara yang ketiga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Dia ada komponen.... Nanti sekejap! Perkara yang ketiga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi Yang Berhormat, dia belum bagi.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Perkara yang ketiga soal peluang, sekejap lagi. Apabila kita telah membudayakan dia, dia berminat hendak jadi usahawan dan kita sediakan dari segi kerajaan segala bantuan, sokongan kepadanya. Perkara yang ketiga dia akan tanya dalam bidang apakah yang sepatutnya dia menceburkan diri. Dan kalau dahulu kebanyakannya menjadi kontraktor dalam sektor pembinaan dan sebagainya, tetapi sekarang kita cuba bangunkan peluang-peluang yang baru, yang sepatutnya boleh difikirkan untuk mereka menceburkan diri. Dalam konteks ini memanglah kerajaan tidak dapat hendak menyediakan banyak peluang.

Akan tetapi kita mengambil daya usaha antaranya yang kita lakukan ialah melalui *franchise*, *vendor*, kita juga cuba membangunkan peruncitan, bumiputera dalam sektor peruncitan, dan cara-cara yang lain yang kita fikirkan. Dan dalam soal ini seperti juga yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat peluang yang boleh dilahirkan oleh GLC dan juga oleh syarikat-syarikat yang berjaya, tidak kiralah sama ada bumiputera atau pun bukan bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekurang-kurangnya ada kesedaran di peringkat kementerian. Kerana kalau dulu, bila sebut sahaja hendak jadi usahawan, hendak jadi orang berniaga, di kalangan kaum bumiputera, lebih-lebih lagi kita orang Melayu, hendak jadi kelas 'F'. Seheinggakan pada hari ini kelas 'F' berterabur dan apabila kita dedahkan peluang-peluang yang lain, kita lihat pada hari ini sudah mula, peniaga-peniaga bumiputera menceburi bidang lain, lain daripada kontraktor.

Hanya satu sahaja saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, saya masa bila Yang Berhormat Menteri merasmikan pelancaran keusahawanan baru-baru ini dekat Pan Pacific, saya tidak ikut dalam dewan, saya duduk di atas untuk melihat pameran-pameran yang dibuat oleh orang-orang kita. Saya rasa bangga Tuan Yang di-Pertua tetapi satu saya hendak ingatkan Yang Berhormat Menteri Kementerian, bila saya tengok dari atas, malang saya terlihat, pengusaha-pengusaha kita ini, yang pertama ini, dia tidak reti hendak menegur orang Tuan Yang di-Pertua. Macam mana hendak berniaga kalau tidak reti hendak menegur orang. Adakah pameran keusahawanan ini khas untuk menteri sahaja kah? Yang saya ini datang sebagai *layman* pergi tengok, sampai saya berjalan sehingga gerai ke 23, Yang Berhormat Menteri, barulah orang yang punya gerai itu mempersilakan saya dekat gerai dia dan menunjuk apa produk yang dia hendak pasarkan. Yang malangnya, nombor satu sampai nombor 22, orang sepopular Parlimen Jasin ini Tuan Yang di-Pertua, dia buat tidak tahu. *Astaghfirullah hal'azim...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia takut kot.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Macam mana hendak berniaga Tuan Yang di-Pertua, macam mana hendak berniaga. Prinsip yang pertama, mulut mesti ramah, muka mesti manis. Walaupun yang datang itu, orang biasa. Kadang-kadang orang berniaga ini Tuan Yang di-Pertua, orang berniaga yang orang ada duit ini, dia tidak tunjuk-tunjuk yang kita berpakaian macam ini. Orang yang lokos-lokos ini lebih banyak duit dan dia orang berniaga betul-betul.

Yang pakai cantik-cantik ini dia hendak menipu bank. Ini saya minta kementerian, pasakkan kepada mentaliti usahawan kita ini, ramah dengan orang, maniskan muka, anggapkan semua orang yang datang berkunjung itu adalah bakal pembeli produk kita. Kalau kita tidak memperkenalkan pada mereka produk kita, orang tidak tahu tetapi kalau kita datang pun macam "hidung tak mancung pipi tersorong-sorong", siapa hendak beli produk engkau. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta maaf Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran bangun pula.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Jasin, saya hendak bertanya menteri sebenarnya, sebab kalau kita lihat usaha yang dibuat oleh kerajaan telah banyak. Beri bantuan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera dan sebagainya. Dan *target* 150,000 ini memang baguslah. Terima kasih, tetapi kalau kita lihat Rancangan Malaysia kita ini sudah Rancangan Malaysia Kesembilan Datuk Menteri. Saya kira sudah ramai usahawan-usahawan bumiputera di bentuk, di bina tetapi kalau karakter yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi, saya rasa banyak yang akan terbengkalai, banyak yang akan bungkus.

Saya hendak tahu, hendak minta pandangan Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat, berapa ramaikah, sehingga sekarang sudah Rancangan Malaysia Kelapan, saya rasa kita sudah banyak bina usahawan yang telah bungkus, yang telah kecewa, yang telah tidak menjadi usahawan lagi kerana akibat daripada tindakan mereka sendiri. Kadang-kadang dapat sikit duit kerana berjaya mereka sudah tunjuk *action*. Kenal orang pun tidak, sedangkan kita ini pengguna, kalau kita tidak jaga pengguna, siapa lagi hendak jaga, kerana penggunalah yang akan membeli barang-barang mereka. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Maran. Mengenai Yang Berhormat Maran, saya tidak ada rekodlah, mana yang bungkus, yang kecewa kerana bila keadaan begitu berlaku mereka tidak daftar, yang kecewa yang gagal dia tidak daftar. Kita pun tidak ada rekod tetapi mungkin kena tengok daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri mengenai rekod-rekod syarikat yang tutup tetapi walau macam mana pun saya mengakui bahawa ini antara kelemahan yang kita dapati terdapat di kalangan usahawan-usahawan bumiputera kita, maka atas sebab itulah seperti yang telah saya katakan tadi, program-program kursus dan latihan pendidikan serta ilmu keusahawanan adalah penting untuk kita sebar, kita terapkan di kalangan usahawan-usahawan bumiputera dalam negara kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Dan berasaskan kepada itu kita telah buat keputusan untuk menubuhkan INSKEN yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan program-program ini dan seperti yang telah saya katakan kepada Yang Berhormat semua sebentar tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Sekejap lagi, mana-mana kawasan yang memerlukan kursus-kursus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: ...Diaturkan untuk usahawan-usahawan mereka maka kita bersedia untuk mengadakan program-program bagi kepentingan usahawan-usahawan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri telah melaksanakan amanah yang diberi oleh kerajaan. Walau bagaimanapun usahawan bumiputera ini, bukan sahaja didedahkan pada kursus kemahiran, yang pemasaran dan sebagainya. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jasin, sebab kita ini, pelanggan ini, kita jalan-jalan, kita tidak ada hasrat membeli apa-apa tetapi apabila pemilik kedai itu peramah, dari jauh dia senyum, kita pun tertarik, terpanggil.

Jadi persoalannya sekarang, perubahan mentaliti itu, pendekatan oleh orang bumiputera kita ini. Bagaimanakah cara hendak menarik hati pelanggan di samping *packaging* yang baik, di samping kepakaran pemasaran dan sebagainya, iaitu pendekatan untuk memperbetulkan minda usahawan-usahawan kita ini agar mereka lebih berjaya. Saya harap kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian ini berunsurkan juga pendekatan iaitu mengikut budaya dan adab setempat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saranan daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Yang Berhormat Dato' Menteri, ini pandangan dan pengalaman saya. Untuk menjadi seorang peniaga, dia ada tiga kategori iaitu pertama pengusaha. Dia mengusahakan, mengeluarkan. Yang kedua, dia sebagai pengedar dan yang ketiga, sebagai peruncitan.

Kadang-kadang pengusaha ini kena memahami iaitu sebagai pengedar dan sebagai peruncitan kerana *outlet* dia di situ penghujung pengguna dia. Hari ini kita dapat lihat kadang-kadang pengusaha ini dia berusaha memang boleh dia mengeluarkan satu-satu produk tetapi, dia tidak mempunyai pengalaman, jadi boleh tidak boleh supaya mereka ini dipupuk pengalaman dari segi perniagaan.

Kalau kita tengok macam Syarikat Nestle Yang Berhormat Dato' Menteri, produk mereka ini sudah turun menurun cukup lama dipasarkan tetapi hari ini masih lagi dia punya peringkat atasan turun ke pasaran untuk memastikan produk mereka itu berada di pasaran.

Oleh yang demikian, termasuk macam Yang Berhormat mengatakan tadi pengalaman dari segi perhubungan di antara pengguna dan kita sebagai penjual. Salah satu daripada sebab mungkin pasaran itu tidak boleh bergerak tetapi yang pentingnya ialah supaya di antara pengusaha, pengedar dan peruncit ini harus sama-sama menolong untuk memasarkan satu-satu jenis produk yang telah dipasarkan.

Alhamdulillah Yang Berhormat Dato', saya lihat hari ini bahawa kalau kita bandingkan sepuluh tahun dahulu, kita dapat lihat perbezaan begitu ketara daripada pengusaha-pengusaha bumiputera dan kita dapat lihat produk ini telah berada bukan setakat di dalam Malaysia tetapi juga di pasaran antarabangsa tetapi kalau boleh Yang Berhormat, saya bersetuju dan minta supaya kita buat satu undang-undang supaya segala *supermarket* yang besar, yang masuk ke dalam negara kita ini dan saya difahamkan *TESCO* telah membuat anjakan pertama, iaitu memasarkan barang-barang produk tempatan Malaysia yang dikeluarkan oleh bumiputera dan juga mengeksport balik ke negara mereka untuk dieksport ke seluruh pasaran dunia di mana *TESCO* berada.

Kalau konsep ini boleh kita gunakan Yang Berhormat, macam pasar raya-pasar raya lain, maka produk kita dengan tersendirinya akan berada di seluruh pelosok dunia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memandang baik pandangan daripada Yang Berhormat dan memang benar seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai perkara ini. Malah bukan sahaja kementerian saya, tetapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengadakan antara pendekatan pemasaran yang kita lakukan ialah memasarkan di *supermarket* atau *hypermarket* di luar negara supaya perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu juga dapat kita atasi...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Menteri. Dua perkataan yang Dato' Menteri sebut tadi saya ingat menarik, yang memang perlu diambil kira secara serius oleh semua pihak.

Yang pertama, kebudayaan perniagaan, membudayakan perniagaan ini sepatutnya Dato' Menteri bermula daripada rumah lagi. Bermula daripada rumah untuk membudayakan peniaga kerana kebanyakan anak-anak bumiputera khususnya orang Melayu memikirkan bahawa tiap-tiap orang masuk sekolah itu di *motivate* anak dia mengatakan kamu ini nanti akan jadi DO, jadi residen, kalau di Sarawak. Mungkin jadi pangkat besar ataupun jadi pengurus syarikat ataupun menjadi itu dan ini. Semua jurusan bekerja dengan orang lain.

Akan tetapi kalau kita lihat jika dibandingkan jurusan keluar nanti, kita lihat anak-anak Cina umpamanya kalau di Sarawak, dia tidak mahu cari kerja dengan kerajaan kerana motivasi dia daripada peringkat rumah ialah pergi bekerja sendiri, berusaha dengan sendiri tetapi motivasi kita yang menguruskan, menjuruskan kepada pekerjaan di pejabat orang lain, dengan kerajaan jadi jeneral, jadi peguam, jadi IGP Polis dan macam-macam lagi. Semua pangkat besar ini tetapi oleh kerana motivasi ini budaya kita tidak ada, jadi di mana letaknya tugas dan tanggungjawab seorang ibu bapa.

Juga di peringkat sekolah di mana letaknya tugas dan tanggungjawab sekolah untuk memotivasikan dan mengubah minda anak kita, memotivasikan anak kita supaya menjurus tidak lagi memikirkan *the employment* kepada kerajaan ataupun kepada syarikat-syarikat besar-besar. Kalau kita lihat Dato' Menteri, fakta yang nyata. Pendidikan telah berjaya meningkat. Kalau kita di sini peratusan daripada tahun 1990 dalam masa sepuluh tahun peratusan pendidikan kita telah menjuruskan bahawa semua profesional seperti arkitek, akauntan, jurutera, doktor, doktor gigi, doktor *veterinary*, juruukur semua menjuruskan peningkatan anak-anak Melayu dan bumiputera ini meningkat naik ke atas tetapi, dalam masa yang sama ekonomi mereka belum boleh ditanding dengan kaum Cina umpamanya oleh kerana *business* yang lain, yang perlukan servis daripada profesional ini *developer* nya, kontraktornya semua sekali *business* nya, *retail business* nya masih di tangan orang lain yang kadang-kadang memihak untuk mengambil keperluan *service* ini daripada orang dia sendiri bukan daripada orang kita. Melainkan yang ini juga diperbesarkan, profesional ini merasa diri mereka mendapat kek yang tidak mencukupi untuk dibahagi-bahagikan di antara sesama mereka sendiri.

Kebudayaan ini perlu daripada rumah, sekolah rendah dan pihak universiti. Universiti penting walaupun kita *produce a lot of professionals*, dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah panjang sangat ya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kalau kita tidak menjuruskan mereka ini untuk berusaha sendiri macam mana untuk me *market* kan mereka sendiri, akhirnya kita juga akan gagal pada suatu ketika nanti, keluar tidak banyak tetapi pendapatannya kurang. Macam mana pihak menteri berbincang dengan pihak Kementerian Pelajaran dan macam mana menggunakan PIBG di peringkat sekolah supaya mereka ini boleh menjuruskan anak-anak kita kepada keusahawanan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam soal untuk menjayakan pembudayaan di kalangan masyarakat bumiputera supaya mereka berminat menjadi usahawan, peranan ibu bapa merupakan antara peranan yang penting dan sudah tentulah kerajaan berharap supaya ibu bapa sendiri faham dan memainkan peranannya.

Dalam konteks di peringkat institusi pendidikan, baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah sehingga ke universiti kementerian sememangnya mempunyai kerjasama dengan pihak universiti dan sekolah menengah untuk melaksanakan program-program pembudayaan ini, dan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan melancarkan satu lagi program iaitu 'Program Usahawan Junior' yang melibatkan sekolah-sekolah rendah dan menengah, yang mana antaranya kita akan memberi latihan kepada guru-guru supaya mereka boleh memainkan peranan untuk memandu dan juga menyebarkan, menyedarkan di kalangan masyarakat pelajar-pelajar bumiputera supaya mereka berminat hendak menjadi usahawan...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu merupakan perkara yang sememangnya akan dilaksanakan oleh kementerian dan sasaran kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah supaya program pembudayaan kita ini dapat didedahkan kepada 1.5 juta peserta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ya, Bera bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Dato, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ringkas sahajalah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, ringkas. Baru-baru ini di dalam Dewan ini juga ramai yang menyuarakan mengenai peranan GLC di dalam membantu. Yang saya hendak bertanya jalinan hubungan di antara pihak kementerian dengan GLC-GLC tadi dalam usaha untuk membangunkan usahawan bumiputera, dan adakah pihak kementerian mempunyai mekanisme untuk memantau seramai mana yang telah dibentuk, usahawan yang telah dibentuk orang GLC tadi dan adakah pihak kementerian mempunyai data yang lengkap mengenai usahawan yang telah dibantu dan sebagainya.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin [Pasir Gudang]: Soal GLC saya akan pergi bila saya sampai ke para ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya cukup sayang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebab saya hendak tanya apakah kita boleh buat secara integrasi usahawan kecil di *grass root* dengan koperasi yang ada, supaya lebih maju.

Yang keduanya, saya merasakan bahawa salah satu usaha kita dalam teras pertama yang di *highlight* kan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam teras pertama ini ialah bagaimana daya penambahan kepada ekonomi. Maka, saya tengok dalam pertanian, nilai tambahnya cukup potensi, terutama di Kelantan. Apakah bentuk koperasi ini boleh memainkan peranan selain daripada PPK dan sebagainya untuk memaju dan membudayakan usahawan di kalangan bumiputera.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sikit. Ada kaitan. Sabak Bernam. Sikit sahaja, sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya lihat untuk kita membantu melahirkan usahawan di peringkat akar umbi, tidak banyak masalah. Saya melihat begini, Yang Berhormat Menteri, Sabak Bernam telah mengumpulkan lebih 500 usahawan kecil. Apabila disebut kecil, maknanya pendapatan RM1,000, RM2,000, RM3,000. Jadi, dalam konteks ini, boleh atau tidak pegawai-pegawai kementerian ini, di peringkat jabatan ini, dipertanggungjawabkan sama supaya kalau mereka gagal melahirkan usahawan pada tahap tertentu, mereka harus dipertanggungjawabkan dari segi prestasi mereka.

Jadi, maknanya kalau mereka gagal melahirkan usahawan, katakanlah sasarannya Sabak Bernam, dia perlu melahirkan usahawan berpendapatan RM5,000 ke atas dalam sepuluh orang, dalam setahun itu. Kalau dia gagal harus dikaitkan dengan prestasi sama ada mereka naik pangkat ataupun turun pangkat. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini? Sebab ini saya rasa akan memotivasikan semua pihak untuk menjayakan, melahirkan usahawan ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri mohon jawab sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada orang kawasan saya, Batu 13.... *[Tepuk]* Saya hendak kaitkan tentang budaya tadi, kita tahu dalam membina usahawan bumiputera, kita kena ingat usahawan bumiputera bukan orang Melayu sahaja, jangan silap faham. Bumiputera ini termasuklah orang Melayu, Orang Asli dan juga orang-orang lain di Sabah dan Sarawak. Mereka ini perlu kita bina.

Saya hendak tanya menteri, saya hendak kalau boleh kita hendak tahu berapa orang usahawan-usahawan bumiputera ini, daripada orang Melayu, Orang Asli dan orang di Sabah dan Sarawak, yang kita senaraikan sebagai usahawan supaya kita dapat melihat perbandingan antara mereka ini, berapa yang berjaya, berapa yang tidak berjaya. Dalam bentuk budaya tadi, kita kena ingat, kita ini negara Malaysia, negara bersama, orang India, orang Cina, Orang Asli dan sebagainya.

Saya hendak membicarakan supaya orang lain yang telah berjaya, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Santubong tadi, umpamanya orang Cina, memang mereka sudah berjaya dalam perniagaan. So, kita hendak tahu apakah peranan yang boleh mereka mainkan. Kalau boleh, kalau kita buat kursus, jangan kita kursus sesama kita sahaja, panggil saya berceramah, saya bukan usahawan, memanglah tidak berjaya.

Kita panggil usahawan daripada kaum lain supaya mereka ikhlas memberi bantuan kepada bumiputera ini, orang Melayu, Orang Asli dan juga orang-orang lain di Sabah dan Sarawak supaya akhirnya roti ataupun kek yang ada di negara kita akan dapat merasa bersama, orang Cina, orang Melayu, Orang Asli dan sebagainya dapat senang sama dan akhirnya kemewahan yang ada di negara kita akan kita kecapai bersama. Saya minta pandangan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Memang dalam pendekatan kita untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, kita memang akan menggunakan pendekatan untuk melibatkan usahawan-usahawan yang berjaya bukan sahaja daripada masyarakat bumiputera tetapi termasuk juga daripada masyarakat bukan bumiputera. Ini bukan sahaja dalam konteks untuk mereka bersama-sama memainkan peranan membimbing tetapi yang penting juga adalah kita mengharapkan kerjasama daripada usahawan bukan bumiputera untuk membuka peluang kepada bumiputera. Ini kerana tanpa peluang maka sudah tentulah tidak akan kita berjaya dalam matlamat kita. Jadi, ini sedang diusahakan oleh kementerian. Saya tidak menjanjikan bahawa ia satu proses yang mudah tetapi kita tetap akan berusaha.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam yang ingin mengaitkan kejayaan usahawan dengan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di kementerian. Kita perlu membezakan pencapaian dan prestasi serta kejayaan usahawan itu mahupun kegagalannya kepada perkara yang betul sebelum kita menentukan sama ada ia boleh berperanan untuk menentukan kenaikan pangkat ataupun tidak kepada pegawai. Sekiranya kegagalan sesuatu usahawan itu adalah bersandarkan kepada kecuaiannya ataupun kelemahan mereka sendiri, maka sudah tentulah tidak wajar hendak dipersalahkan kepada pegawai kementerian tetapi, jika kegagalannya adalah kerana kecuaiannya yang boleh dibuktikan maka tidak ada masalah untuk kita cari satu mekanisme yang boleh kita kaitkan. Jadi, ia tidaklah merupakan sesuatu yang dapat dijawab secara jelas pada hari ini, kita kena kaji perkara ini. Jadi, saya kaji dalam perkara itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Menteri, dengan izin, boleh saya *qualify* sikit, sikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Bolehlah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya lihat ramai pegawai-pegawai.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sabak Bernam dahulu. Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Saya tengah jawab itu, tengah jawab itu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Kepong nanti, Yang Berhormat Kepong memang terkepung..., dia bagi Sabak Bernam dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah. Nanti dia bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Bagi jalan, nanti sekejap.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Soalan yang saya bangkitkan. Jadi, Yang Berhormat Menteri, saya lihat ramai pegawai-pegawai ini yang rajin, dia turun padang di luar masa, memberikan motivasi kepada pengusaha ini. Kalau saya ambil Sabak Bernam, memang bila kita lihat pengusaha ini, usahawan kecil ini, memang hampir tidak pernah ditinjau dan dilawati, lagi-lagi diberi motivasi. Sekarang ini pegawai-pegawai ini sudah mula turun padang, ini sesuatu yang sangat baik. Oleh kerana itu potensi untuk usahawan ini lebih berjaya sangat jelas. Jadi, kalau pegawai-pegawai yang macam inilah, Yang Berhormat Menteri, saya ingat kita harus memberikan ia satu insentif khusus supaya mereka ini lagi rajin.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Ia samalah, sama ada dia menyebabkan kegagalan ataupun dia menyebabkan kejayaan, jadi kita akan ambil kira. Mengenai Yang Berhormat Pasir Puteh, hubungan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Selepas itu baru Yang Berhormat, kita adillah. Sama ada hubungan antara usahawan kecil dengan koperasi, memang kita lihat ini sebagai satu potensi. Lebih-lebih lagi koperasi yang boleh memainkan peranan sebagai penyumbang kepada keperluan-keperluan usahawan-usahawan kecil dalam memberi pinjaman mikro kredit. Kita tahu bahawa banyak yang menjadi anggota koperasi sebahagiannya ialah untuk mendapatkan kemudahan membuat pinjaman dari segi pinjaman-pinjaman peribadi membeli kereta, membuat kerja kahwin, membiayai pelajaran anak-anak.

Kita melihat ini sebagai satu potensi di mana koperasi itu sendiri boleh mengembang dan meluaskan lagi peranannya untuk memberi, membiayai perniagaan anggota-anggotanya yang terdapat di kawasan. Hari ini pinjaman melalui *micro credit* di dalam negara kita tidak begitu meluas hanya yang ada TEKUN dan kita telah pun buat keputusan supaya Bank Simpanan Nasional juga memainkan peranannya tetapi kalau kita menggunakan juga koperasi yang dekat dengan anggota yang mana melalui skim *Micro Credit* yang memerlukan pengaruh rakan-rakan untuk menentukan pembayaran dibuat maka kita nampak koperasi boleh memainkan peranan itu.

Sememangnya koperasi itu juga bertanggungjawab untuk membangunkan keusahawanan di kalangan anggota.

Inilah antara perkara yang kementerian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi dan insya-Allah melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang akan kita bentuk, akan memainkan tanggungjawabnya di samping kita melihat bagaimana melalui kekuatan yang sememangnya ada di dalam sektor koperasi kita boleh tentukan koperasi menguasai rantai nilai sesuatu sektor. Itu pun antara tumpuan yang kementerian melalui JPK sedang kita kaji dan kita lihat. Lebih-lebih lagi setelah Suruhanjaya Koperasi Malaysia diluluskan koperasi-koperasi di bawah sektor pertanian akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, saya hendak kongsi juga kerana konsep tadi itu hendak kongsi pelbagai kaum, kongsi pengetahuan dan sebagainya, ini memang satu konsep yang baik tetapi bolehkah Yang Berhormat fikir kembali pada zaman Sri Vijaya, Majapahit, Kesultanan Melaka, siapa yang berniaga. Siapa yang menjadi usahawan waktu itu? Jadi, saya tidak khuatir kalau dijalankan dengan betul, usahawan-usahawan kaum bumiputera juga akan berjaya tetapi bolehkah Yang Berhormat tetapkan bila seseorang itu berjaya, kita hentikanlah bantuan itu. Beri bantuan kepada orang yang memerlukan bantuan. Ini memang satu dasar yang belum lagi ditetapkan di dalam kementerian. Kita beri setakat yang dia berjaya, kemudian pindah kepada orang lain pula. Jangan kita bagi bantuan seumur hidup. Macam mana boleh? Saya berharap ada dasar sedemikian untuk menyekat seseorang menerima bantuan itu. Tidak ada. Memang tidak ada langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat Menteri kena habiskan jawapan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Ya, itu tidak betul, Yang Berhormat. Itu tidak betul apa Yang Berhormat cakapkan itu. Kita tidak menyekat. Kita, seperti yang telah saya katakan tadi, kita menjadi pemudah cara atau *facilitator* dan semua program kita adalah berasaskan kepada keperluan usahawan sehinggalah daripada melahirkan produk sampailah memasarkannya ke peringkat global.

Seperti Yang Berhormat katakan, di *facilitate* kita dengan izin, menjadi pemudah cara, kita bantu sehinggalah dia dapat berdiri sendiri bersesuaian sebagai seorang usahawan. Memanglah pada zaman dahulu, Majapahit dan sebagainya telah terbukti orang Melayu masyarakat bumiputera menjadi usahawan tetapi sejarah beberapa ratus tahun dahulu. Kemudian apabila penjajah datang kita pun tahu apa terjadi dan sekarang kita hendak datang balik, baru 30 tahun lebih DEB sudah semua kata tidak hendak terima. Kita kena terima bahawa ini akan memakan proses masa yang panjang dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana secara tidak langsung menerima hakikat perlu diteruskan usaha membangunkan usahawan bumiputera kerana telah terbukti bumiputera pernah berjaya sebagai usahawan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Putatan, sebenarnya kementerian telah pun melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan, penglibatan usahawan-usahawan di semua peringkat mengikut pendekatan dan mekanisme yang sama bagi seluruh negara. Memandangkan Putatan berada di sekitar 12 kilometer dari bandar raya Kota Kinabalu, maka semua program dan aktiviti keusahawanan yang telah diadakan di Kota Kinabalu meliputi dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dari daerah kecil Putatan. Antaranya ialah penyediaan premis oleh SETCO serta kursus-kursus yang diadakan oleh MARA, Jabatan Pembangunan Koperasi dan sebagainya.

Bagi pembiayaan pula, seramai 55 orang usahawan dari Putatan telah menikmati pembiayaan perniagaan MARA berjumlah RM1.427 juta bagi tahun 2004 hingga 2006. Manakala di bawah skim Pembiayaan Ekonomi Desa Bank Rakyat sejumlah 17 usahawan dengan nilai pembiayaan sebanyak RM531 ribu telah dimanfaatkan bagi tahun ini dan sebanyak empat permohonan lagi berjumlah RM320,000 sedang diproses. Manakala untuk TEKUN, seramai 23 orang usahawan kecil daripada Putatan telah menerima pembiayaan TEKUN berjumlah RM99,500.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal UDA yang dikatakan tidak memberi keutamaan kepada pembangunan hartanah di Sabah dan Sarawak, sukalah saya memaklumkan bahawa UDA pada masa ini sedang mengatur semula strategi dan hala tuju pembangunan bandar supaya dapat menyusun semula masyarakat dan melahirkan MPPB. Saranan Yang Berhormat Putatan supaya UDA turut membangunkan Pulau Taman Tunku Abdul Rahman, ia tidak menjadi halangan sekiranya selari dan menepati matlamat penubuhan UDA.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, selain dari pembudayaan keusahawanan, kementerian juga berusaha untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan dan memudahkan usahawan memulakan perniagaan melalui kemudahan dan bantuan yang disediakan. Ini termasuklah program-program promosi dan pemasaran, khidmat nasihat dan bimbingan, pembiayaan serta penyediaan premis perniagaan.

Sebagaimana saranan Yang Berhormat Kubang Kerian, dan juga Yang Berhormat Jerai sebentar tadi, sukalah saya menyatakan bahawa kementerian ini sentiasa berusaha memasarkan produk-produk IKS bumiputera khususnya di *hypermarket* dan *supermarket* tetapi pada masa yang sama dan ini dilakukan melalui usaha menentukan produk-produk tersebut bermutu dan memiliki standard di mana kerjasama daripada agensi-agensi R&D seperti MARDI, SIRIM dan FRIM diperolehi. Seterusnya kementerian juga melaksanakan program untuk memperkasa kedudukan dan memperluaskan pasaran bagi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan tersebut. Itu bermakna kita tidak hanya mengehendkan kepada usaha mempromosi dan memasarkan di *hypermarket* dan *supermarket* sahaja tetapi kita lakukan juga usaha-usaha bagi kita memperkasa dan memperluaskan lagi pasaran produk-produk bumiputera.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat Kelana Jaya dan Kuala Krau tentang pembiayaan tambahan untuk membangunkan *halal hub*, dengan izin, kementerian saya akan memberi perhatian sewajarnya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Batu Pahat untuk mempertingkatkan peruntukan pinjaman bagi bidang farmaseutikal dan kosmetik sehingga RM200 juta oleh SME Bank, kementerian saya akan meneliti dengan lebih lanjut perkara ini memandangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, SME Bank menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM100 juta bagi menjayakan program *halal hub*. Peruntukan sebanyak RM20 juta tersebut merupakan peruntukan untuk tahun 2007 sahaja. Pihak bank boleh memohon peruntukan tambahan sekiranya peruntukan sebanyak RM20 juta itu habis digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan GLCs seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera, kementerian menerima hakikat bahawa antara faktor kejayaan seseorang usahawan itu ialah memiliki peluang dan peluang ini pula bukan sahaja boleh direbut, diambil, didapati daripada kerajaan tetapi juga melalui pihak swasta termasuk GLC seperti mana yang disarankan.

Di bawah kementerian saya, kita sebenarnya telah pun mengadakan kerjasama dengan GLC di bawah Program Pembangunan Vendor dan kita sedang cuba melibatkan GLC dalam Program Satu Daerah Satu Industri yang sedang kita rangka.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi program Pembangunan Vendor, kementerian telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya untuk melibatkan 15 lagi GLC berbanding 8 GLC sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang menjadi *anchor*.

Pada masa ini GLC-GLC sedia ada ialah Tenaga Nasional Berhad, Keretapi Tanah Melayu, Malaysia Airport, Petronas, NADI ataupun AIROD, *Composit Technology Resources* Malaysia, Proton dan *UEM World*. Kita sememangnya mempunyai mekanisme untuk mengawasi vendor-vendor yang telah diterima oleh *anchor* ini dan kita akan berusaha untuk memperbaiki program kita ini dan program ini adalah lebih berasaskan kepada kerjasama dan sokongan vendor-vendor ini terhadap program kita. Sebagaimana kita sedia maklum, ia adalah satu program yang dijalankan atas asas kerjasama di antara GLC ini dengan pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi kah, Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Pendek. Sikit saja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang ada membangkitkan soal pembinaan MRSM di Segamat, Johor. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kementerian saya telah memohon sebanyak 12 buah MRSM dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi yang diluluskan adalah sebanyak lapan buah. Namun begitu, kementerian telah pun memohon penambahan empat buah lagi MRSM termasuklah pembinaan MRSM Segamat.

Mengenai saranan Yang Berhormat Setiu, kementerian turut memberi penekanan terhadap program-program untuk belia dan para siswazah yang ingin memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Untuk makluman Dewan, kementerian telah pun menandatangani memorandum persefahaman dengan Kementerian Belia dan Sukan, dalam usaha untuk memperbanyak dan mempertingkatkan program keusahawanan kepada belia-belia kita.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Labuan, Ledang, Parit, Beluran, Ipoh Timor dan Segamat ada menyentuh ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini saya mendapat maklum yang Kementerian Belia dan Sukan menghidupkan kembali Tabung ataupun Majlis Perundingan Ekonomi Belia, yang mana Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri adalah sebagai pengerusinya. Jadi, di sini, adakah kementerian Yang Berhormat mempunyai hubungan yang rapat dalam penyediaan bentuk dana dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita adalah salah satu daripada jawatankuasanya dan kita merupakan kementerian yang memberi sokongan kemudahan supaya apa sahaja keputusan yang diputuskan di situ akan dapat dilaksanakan kerana kita sedia maklum, Kementerian Belia dan Sukan sudah tentulah tidak perlu hendak wujudkan..., bank-bank yang lain dan sebagainya boleh digunakan melalui kemudahan daripada kementerian. Ya, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya lanjutan daripada kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan tadi. Mungkin kah kementerian boleh bekerjasama dengan kementerian yang di sebelah itu... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi]*

Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha untuk meramaikan golongan usahawan, produk daripada pusat-pusat pengajian tinggi. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang ada program pembudayaan keusahawanan. Kita bermula di peringkat universiti dan kita telah bentuk satu jawatankuasa yang dipanggil MAKMUM. Antara 17 universiti awam dalam negara kita dengan kementerian, di mana kita salurkan peruntukan program pembudayaan termasuklah untuk membina kios-kios dalam universiti bagi melatih pelajar berniaga dan sebagainya. Jadi benda itu memang ada dan kita akan mempertingkatkan kerjasama kita dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah saya sebut tadi, telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan kontraktor kelas 'F'. PKK akan meneruskan langkah pengukuhan bagi melahirkan kontraktor yang berwibawa, komited dan tulen selaras dengan misi nasional dan sebagaimana yang kita sedia maklum dalam usaha kita terhadap kontraktor kelas 'F', kita telah mengambil pendekatan pada masa ini untuk membekukan pendaftaran baru kontraktor kelas 'F'. Sehingga September 2006, terdapat 32,751 kontraktor berbanding 35,520 kontraktor kelas 'F' ketika pembekuan dilaksanakan pada tahun lepas.

Pengurangan ini berlaku kerana disebabkan kontraktor berkenaan tidak memenuhi syarat pembaharuan, tidak mengemukakan pembaharuan dan lesen mereka yang dibatalkan. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 34 lesen kelas 'F' telah dibatalkan atas kesalahan mengalibabakan lesen dan 105 lesen lagi dibatalkan kerana pemilik mempunyai pekerjaan tetap yang lain.

Mengenai permintaan Yang Berhormat Sri Aman, sungguhpun pendaftaran kontraktor kelas 'F' telah dibekukan, kerajaan telah memberi kelonggaran bagi membolehkan pendaftaran dibuat di daerah-daerah yang mempunyai kurang daripada sepuluh kontraktor kelas 'F' khususnya bagi negeri Sarawak, seperti Yang Berhormat banyak kali bangkit dalam persidangan yang lepas. Jadi, kita telah benarkan untuk pendaftaran kontraktor kelas 'F' dibuka di lapan daerah, iaitu Betong, Daruh, Konowit, Lubok Antu, Pakan, Saratok, Selangau dan Song. Bagi kawasan Yang Berhormat, terdapat 110 kontraktor kelas 'F', jadi bangunkan mereka dan bagi peluang kepada mereka dahulu. Kawasan Yang Berhormat ada 110 kontraktor kelas 'F'. Jadi, proses pengukuhan kontraktor akan terus menjadi strategi kementerian dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan mereka supaya mereka dapat bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang telah menyentuh tentang pembiayaan untuk kenderaan perdagangan baru, khususnya teksi. Sukacita saya maklumkan, bahawa dalam soal ini ianya sememangnya selari dengan hasrat kerajaan untuk membantu usahawan pengangkutan melalui perwujudan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam yang akan ditubuhkan sebagai tabung pusingan di bawah SME Bank mulai tahun hadapan. Mengenai cadangan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin *reverse* sikit, *u-turn* sikit soal kontraktor ini. Apakah usaha kementerian untuk memantau untuk kontraktor-kontraktor Kelas 'F' ini yang digunakan pakai oleh seseorang yang tidak bertanggungjawab.

Seumpamanya kontraktor yang bukan bumiputera, kontraktor yang besar-besar menggunakan pekebum, pemandu, penjaga rumah sebagai pemilik kontraktor Kelas 'F' di dalam mengusahakan supaya mendapat kontrak-kontrak daripada jabatan-jabatan kerajaan. Bagaimana usaha kementerian untuk memantau supaya ini tidak berlaku?

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Kita telah wujudkan satu mekanisme, di mana kita berpendapat ianya boleh mengatasi soal keadilan dan dalam kita melaksanakannya ia tidak menganiayai sesiapa. Iaitu di mana dalam soal kontraktor ini yang berjumlah, kalau Kelas 'F' sahaja 32,000 orang, yang adalah mustahil untuk pegawai kementerian mengendalikan mereka. Maka, kita memerlukan kerjasama daripada kalangan kontraktor itu sendiri, apatah lagi jika kontraktor itu tulin. Kita telah bentuk di setiap daerah, satu sistem di mana kontraktor-kontraktor boleh buat aduan terhadap kontraktor yang lain, yang dia rasakan dapat projek tetapi tidak melaksanakannya.

Setelah aduan dibuat, kita akan bentuk satu jawatankuasa yang terdiri daripada kontraktor itu sendiri untuk memanggil mereka yang kita dapati dan kita rasakan sebagai tidak tulin. Jadi, *the contractor* itu sendiri, *the contractor* akan mengadili kontraktor ataupun yang palsu dan sebagainya. Jadi dia tahu dan dia akan soal perkara-perkara yang berkaitan dengan soal pembinaan. Jadi adalah susah untuk yang kena tuduh itu untuk mengatakan bahawa sebenarnya mereka tulin dan sebagainya, sebab mereka akan tahu. Dan atas sebab itulah kita dapat membatalkan lebih kurang dekat 3,000 sekarang ini dan jika ada lagi mana-mana kawasan yang sebegitu banyak berlaku, maka kita di peringkat kementerian dan PKK mengalu-alukan supaya aduan dibuat oleh mereka, khususnya kontraktor kepada pihak kementerian dan juga PKK dan kita akan ambil tindakan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang berterima kasih dan menyokong penuh ke atas urusan pemutihan kontraktor Kelas 'F'. Jadi saya tahulah di satu, dua tempat di Pejabat Pegawai Daerah dan di Sarawak di Pejabat Residen, kerani residen itu pun ada syarikat dia. Pemandu atau *driver* pun ada syarikat dia. Jadi, apabila senarai-senarai kita untuk jalan kampung datang, mereka pilih semua yang lumayan. Isi-isi diambil, yang dia tidak dapat ambil, dia beri kepada konco-konco dan yang tulang-tulang baru diberi kepada penyokong kita, penyokong Barisan Nasional. Jadi, apakah usaha secara *forensic accounting* Yang Berhormat Menteri, supaya mengesan dan melarang orang ini yang memakai dua, tiga 'topi'. 'Topi' sebagai pemandu, 'topi' sebagai kerani dan sudah itu, 'topi' sebagai kontraktor Kelas 'F'.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah buat laporan? Yang Berhormat tadi tahu siapa-siapa, tetapi adakah Yang Berhormat buat laporan? Kalau Yang Berhormat tidak buat laporan, ini masalah kita.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Ha, nanti saya tulis surat pada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Itulah jawapannya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada satu masalah lagi. Apabila Kelas 'A' memberi sub kepada Kelas 'F' tetapi, bila sampai pembayaran, kontraktor Kelas 'A' tidak membayar kepada Kelas 'F'.

Ini *problem* dia, mengakibatkan kontraktor Kelas 'F' terpaksa menghadapi masalah untuk meneruskan kerja-kerja mereka. Apakah mekanisme ataupun ikatan yang boleh dibuat antara Kelas 'A' dan Kelas 'F' ini, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi PKK, kita bertanggungjawab soal melesenkan dan mendaftar. Soal pengagihan kerja dilakukan oleh agensi lain seperti JKR dan sebagainya. Jadi soal kawalan dan soal mekanisme pembayaran biasanya dilaksanakan oleh agensi seperti JKR. Itu sebab kita telah dapat melihat banyak kenyataan yang juga dibuat oleh Kementerian Kerja Raya mengenai kontraktor Kelas 'A', Kelas 'F' dan sebagainya kerana soal pengagihan dilaksanakan oleh mereka dan bila berlaku pengagihan, maka soal pembayaran pun ada timbul mengenai perkara itu. Kita di PKK hanya soal pendaftaran dan sebagainya. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan. Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin: Jadi mengenai cadangan Yang Berhormat Tanah Merah, kementerian pada masa ini telah melonggarkan syarat permohonan lesen bas sekolah bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha membuat permohonan. Bagi lesen permohonan bas sekolah ini, syarat memiliki lesen memandu telah pun dimansuhkan sekiranya pengurusan dijalankan oleh syarikat atau koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan dan saranan yang membina kepada perkara-perkara yang berkaitan di bawah kementerian saya. Jika ada mana-mana yang tidak sempat hendak dijawab, maka kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Yang Berhormat, saya ada pemberitahuan. Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Pelancongan untuk mendahulukan giliran menjawab perbahasan Bajet 2007, peringkat dasar dari nombor 27, senarai berwarna merah jambu ini kepada nombor 23, menggantikan Kementerian Kesihatan dalam jadual susunan giliran kementerian-kementerian yang telah diedarkan. Jadi, daripada nombor 27, ke nombor 23.

Saya jemput Kementerian Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Menteri.

12.40 tgh.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Kementerian Pengajian Tinggi merakamkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran terhadap usaha-usaha kerajaan untuk memantapkan lagi sektor pengajian tinggi di negara kita. Seramai 30 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan kesemua pandangan tersebut diambil serius oleh pihak kementerian dan pada hari ini saya ingin maklumkan bahawa, dalam Dewan ini ada empat orang Naib Canselor dan seorang Rektor serta tiga orang Timbalan Naib Canselor bersama untuk mengikuti perbahasan.

Ini menunjukkan keprihatinan mereka terhadap Parlimen dan betapa mereka peka kepada teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dan *insya-Allah* mereka akan mengambil kira pandangan-pandangan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan di universiti kita. Naib-naib Canselor yang hadir ialah dari USM, UTM, UPSI, UMS dan Rektor KUITTHO, manakala TNC-TNC yang hadir ialah dari Universiti Darul Iman, dari UKM dan UPSI. Jadi saya berharap, Ahli Yang Berhormat akan memberi pandangan sebaik mungkin untuk membantu kami dalam menjana kecemerlangan di sektor pengajian tinggi.

Menyedari betapa pentingnya sektor pelajaran, pendidikan, maka kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang besar kepada sektor pelajaran rendah, menengah, pengajian tinggi, sektor latihan dan juga pengajian sepanjang hayat. Saya yang di amanah untuk memimpin Kementerian Pengajian Tinggi, *insya-Allah* akan menggunakan sebaik mungkin peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 2007 bagi memastikan bahawa hasrat semua rakyat Malaysia untuk melihat peningkatan prestasi akan tercapai.

Kebanyakan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kecemerlangan di pusat pengajian tinggi. Cumanya sudah pasti kita mempunyai pandangan yang berbeza. Ada yang berpendapat bahawa kecemerlangan itu harus dilaksanakan dengan pendekatan yang tersendiri. Ada pula yang mempunyai pandangan berbeza berkaitan bagaimana hendak ditingkatkan kecemerlangan. Yang pasti, semua Ahli Yang Berhormat ingin melihat peningkatan dan kecemerlangan. Begitulah juga hasrat kerajaan kita ingin melihat prestasi yang meningkat. Sehubungan dengan ini, untuk memperkasa sektor pengajian tinggi, ada lima aspek yang perlu diberi perhatian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang pertama ialah bagaimana hendak mempertingkatkan prestasi pelajar; yang kedua, bagaimana hendak meningkatkan prestasi pensyarah; yang ketiga, bagaimana hendak menyediakan kemudahan fizikal, infrastruktur yang lebih baik; yang keempat bagaimana hendak membaiki lagi persekitaran universiti; dan yang kelima, akhirnya bagaimana hendak memantapkan lagi jaringan hubungan antara universiti dengan industri dan juga pihak-pihak yang lain yang berkaitan. Itulah lima perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya akan menghalusi setiap perkara dibangkitkan dalam sedikit masa lagi. Yang Berhormat Lipis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis ya.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Lipis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi oleh sebab kecemerlangan ini kadang-kadang dia sangat 'rigid' dengan izin, dan didefinisikan dengan berbagai-bagai cara. Jadi saya dengar cerita di IMU ini, sebuah universiti perubatan ya? Jadi mereka menggagalkan pelajar yang mendapat markah di bawah 65 markah. Bila hendak masuk ke *medical 'year'*, dia kata di bawah 65 markah tidak boleh. Jadi, rasa saya kiraan markah yang sebegini sepatutnya tidak berlaku dan saya percaya pelajar-pelajar yang masuk ke dalam jurusan perubatan ini adalah pelajar-pelajar yang baik dan sebagainya. Jadi, kalau macam itu, kadang-kadang ada seolah-olah ada macam penganiayaan.

Dan ada juga saya mendengar cerita bahawa ada pensyarah-pensyarah yang memang bangga kalau ada sesuatu gagal itu dapat digagalkan. Jadi rasa saya, ini pun satu perkara yang tidak baik dan dianiaya dan saya minta Yang Berhormat Menteri membuat penyasatan dan memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis membangkitkan dua perkara. Yang pertama ialah *cut of point* ataupun peratusan untuk lulus bagi mengikuti meneruskan pengajian perubatan. Yang kedua ialah tuduhan ada unsur perkauman dalam menggagalkan pelajar-pelajar di IMU. Berkaitan dengan adanya tuduhan tadi, ada insiden di mana pelajar-pelajar tertentu digagalkan oleh sebab bangsa, insya-Allah kita akan menyasat perkara ini. Berkaitan dengan prestasi pelajar-pelajar, seperti mana sedia maklum pelajar perubatan yang pertamanya, mereka merupakan pelajar terbaik sebelum dapat mengikuti kursus perubatan. Mereka hendaklah mencapai prestasi yang cemerlang, yang pertama hendak masuk kursus perubatan.

Yang keduanya, untuk meneruskan pengajian sudah pasti mereka perlu mendapat tahap pencapaian tertentu. Sudah pasti bagi memastikan kualiti doktor-doktor kita berada pada paras tertentu, adalah amat penting dijamin kualitasnya. Maka itu, kerajaan menyokong usaha-usaha untuk memastikan graduan perubatan itu merupakan graduan terbaik, tetapi jika ada aduan khusus berkaitan dengan penganiayaan berasaskan kaum, maka kita akan menyasat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai kecemerlangan, bukan sahaja universiti-universiti dan institut-institut pelajaran kita, tetapi juga pelajar-pelajar kita. Saya percaya Yang Berhormat Menteri ada baca satu artikel yang dikeluarkan di dalam *New Straits Times*, Tunku Abdul Aziz dalam bulan ini yang bertajuk '*Be Blind in Races for Educational Excellent*'. Di mana beliau ada tulis mengenai satu perjumpaan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di New York dengan izin, "*The informal dinner meeting, with some 200 Malaysians working and living in the Big Apple, there's in New York. He said, he was concerned about the small number of Malaysians in Oxbridge and Ivy League Colleges. He felt that the friendship made and the networks established with other students in this internationally respected institutions, would be useful later in life because these were the people most likely to provide the political, intellectual, diplomatic and corporate leadership. In many countries and a global old school tie network is not to be sneered at; it could pay dividends for Malaysia.*"

Dan di mana Tengku Aziz sekarang Penasihat *United Nations* mengenai *corruption* ada memberi beberapa sebab kenapa dengan izin, *paucity - the reason for the paucity of Malaysians in top British and American universities, is not far to seek. Our highly politically-charged educational system is simply not equipped for open and robust equal opportunity competition where a high level of proficiency in the English language is a minimum, basic requirement* dan di mana beliau kata bahawa daripada pengalaman beliau, dia ada jumpa. *There were large numbers of Chinese students from Singapore, Hong Kong, a sprinkling from Malaysia, and even China. I did not see single Malay.* Apabila dia ada *interview, in the United States, MARA and other government-sponsored students, nearly all Malays, could at best be place in mediocre state universities, which are less fussy about standards. The Malays have somehow become the unintended victims of misguided Malay chauvinism misguided as nationalism, the handiwork of over-zealous politician with a keen eye on popularity.* Dan dia tiba-tiba kata, *"Malays do not need crutches....."*

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, biar saya habis ini.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payah bacalah Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya dengan kementerian...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, saya bertanya. Pandangan kecemerlangan. Ini bukan sahaja di luar negara, tetapi di negara kita. *"Malays do not need crutches to get through life but, they together with other Malaysians of all races, can do with a clear and sensible policy direction in education, thats will, at least, enable them to make a real contribution to national development.* Dan akhirnya, *we need a world-beater* untuk *education, in the educational terms. Forget race which is an accident, anyway, and think of the nation and its needs. Do we have the stomach for this approach?* Adakah kita rela? Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan artikel ini, pandangan ini? Adakah kita rela bawa dalam era globalisasi, cabaran-cabaran yang kita hadapi? Mahu *global brand*, mahu *world-beater*, ketepikan *race*. Fikir, apa yang baik untuk negara, apa yang baik untuk anak-anak kita?

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih. Seperti juga Yang Berhormat Ipoh Timor, rakyat Malaysia yang lain juga mengikuti perbahasan Kementerian Pengajian Tinggi kerana ia merupakan satu isu yang amat penting untuk kita semua. Jadi saya pun baca jugalah tetapi, ada yang kita setuju, ada yang kita mempunyai perbezaan pendapat.

Seperti sedia maklum, bermula sesi 2002/2003, kerajaan telah pun memulakan usaha untuk menerapkan prinsip merit ke dalam universiti di mana kita telah mula memperkenalkan meritokrasi dalam menentukan kemasukan pelajar. Sebelum itu, kita sedia maklum bahawa ia berdasarkan kepada kuota dan sekarang ini kuota sistem tidak ada lagi. Maka, bolehlah kita katakan bahawa negara kita, kita sudah pun mulakan usaha, kalau dahulu berpandukan pada kuota hari ini, prinsip merit menentukan sama ada seorang pelajar boleh masuki universiti ataupun tidak dan kita memandang serius perkara ini, kita hendak capai kecemerlangan, saya setuju kita perlu tingkatkan prestasi kita, kita hendak banyakkkan pelajar-pelajar kita di *high valley colleges*, di *overseas* di luar negara. Kita hendak tingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan ini menuntut kita membuat beberapa perubahan.

Itu sebabnya kita telah ubah dari segi kemasukan pelajar ia berdasarkan kepada prinsip merit. Sudah pasti sistem ini sudah berjalan lima, enam tahun dan perlu kita mantapkan lagi dari semasa ke semasa.

Mengenai pelajar-pelajar kita di luar negara, saya ingin memaklumkan bahawa, kerajaan semalam dalam Mesyuarat Jemaah Menteri membuat keputusan bahawa kita, saya diberi tugas untuk menjelaskan perkara ini. Kita akan berjumpa dengan semua penaja untuk memastikan...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya habiskan. ...Untuk pastikan bahawa penghantaran pelajar-pelajar *undergraduate* ke luar negara hendaklah ke universiti-universiti yang terbaik di dunia. Kalau sebelum ini mungkin ada pelajar-pelajar tajaan kerajaan yang dihantar ke universiti-universiti seperti yang disebut oleh Tungku Aziz dalam artikelnya yang mungkin bukan retorik, maka kita semalam buat keputusan, bahawa bermula tahun hadapan, kita akan pastikan bahawa pelajar-pelajar kita ini akan mengikuti pengajian universiti terbaik di dunia. Ini antara usaha-usaha kita untuk meningkatkan kecemerlangan dalam negara kita.

Dalam pada itu, sebelum saya bagi kepada Yang Berhormat Sungai Petani, kita harus sedar bahawa kaum bumiputera masih lagi ada *handicap* umpamanya, itu sebabnya kita ada MARA. MARA merupakan sebuah institusi, saya berkebetulan lima tahun diamanahkan untuk menguruskan MARA, diamanahkan untuk menjaga kepentingan bumiputera, maka kita kerajaan mengakui bahawa perlu kita adakan beberapa program tertentu untuk memastikan bahawa terdapat keseimbangan kaum, dalam *participation* dalam bidang-bidang tertentu, khususnya dalam bidang profesion.

Jadi, *on one hand*, dengan izin, kita memang sudah mulakan menerapkan prinsip merit dalam kemasukan universiti dan unsur-unsur ini sudah mula kita terapkan dalam tempoh setahun dua ini, tetapi kita harus mengakui bahawa dalam kes-kes tertentu kita perlu sediakan peruntukan dan peluang yang sewajarnya untuk membolehkan sebahagian daripada rakyat kita daripada bumiputera dapat mengikuti pengajian dalam bidang tertentu di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Tadi telah dibaca oleh Ketua Pembangkang mengenai dengan seolah-olah adanya *racism*. Di sini saya rasa perlu kita jelaskan pada Dewan yang mulia ini, soal *racism* tidak timbul di Malaysia. Soalnya, apabila kita bercakap mahasiswa-mahasiswa bumiputera di universiti, selalunya diterjemahkan sebagai *racist*. Ini salah, soalnya penuntut Melayu, bukan Melayu adalah soal nasional. Jadi apa yang diberi kepada penuntut bumiputera sedikit kelonggaran sana sini walaupun kita ada hari ini memperkenalkan meritokrasi, tetapi masih dianggap ini sebagai soal *racism*. Saya rasa ini tidak, tidak ada soal *racism*.

Bila kita bercakap sahaja fasal soal bumiputera, selalu dirujuk sebagai *racist*. Ini tidak benar sama sekali, saya rasa ini saya tidak bersetuju sama sekali dengan pandangan khususnya daripada DAP. Jadi, seolah-olahnya kita buat ini hari kalau kita masuk...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang saya baca adalah dari Tungku Aziz.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya pun baca, malah saya *refer* itu sebagai rujukan pada hari saya membahaskan dasar dahulu, saya *quote*. Sila baca *Hansard*, Yang Berhormat tidak baca *Hansard*. Apa yang saya sebut...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, itu pandangan dia. Sebab itu menteri jawab tadi, ada yang dia setuju, ada yang dia tidak bersetuju tetapi, soalnya macam saya katakan, apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan hari ini, sudah jauh berbeza, tidak lagi soal *racism* tidak timbul, itu bukan saya hendak nyatakan ataupun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia wakil menteri lah, menteri tidak boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak, ini menteri sudah jawab...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk minta penjelasan, bukan untuk jawab bagi pihak menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya tidak jawab bagi pihak menteri...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kerana saya mahu minta penjelasan, tidak boleh penjelasan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Selain daripada...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini *floor* saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Selain daripada dia boleh balik kepada pentadbiran....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini *floor* saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagi *chance* kepada menteri lah...
[Ketawa]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak apa, sebab itu tadi saya bangun, saya hendak pohon penjelasan. Sebelum saya pohon penjelasan, saya juga menyokong apa yang telah dicakapkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana saya takut, saya bimbang apabila orang sebut sahaja kemasukan bumiputera ke universiti, walaupun mereka *mediocre*, kita sumbat masuk universiti. Ini tidak pernah. Kalau kita beri peluang kepada bumiputera, bukan bermakna kerana dia Melayu, ini soal nasional. Sebab itu kita bercakap misi nasional. Apa itu misi nasional? Kita tidak mempertikaikan, kita tidak menganaktirikan orang bukan Melayu, tidak sama sekali tidak. Soalnya kita hendak beri peluang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah ini menjadi apendiks, apendikslah. Jawapan Yang Berhormat Menteri oleh kerana saya mahu minta penjelasan...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak apa, tidak apa. Apendiks kah, perut kah, apa kah, itu saya tidak kisah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, ini jalan Yang Berhormat Sungai Petani. Duduk Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana saya tidak boleh minta penjelasan daripada beliau, saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, masa Yang Berhormat cakap, kenapa tidak tanya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan ucapan untuk beliau....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biarlah, menteri sudah bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Ini untuk minta penjelasan daripada menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia salah gunakan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:Bukan pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri pun tahu, ini salah gunakan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Selain daripada Yang Berhormat Menteri, tidak berupaya untuk jawab....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Dan perlu dibantu oleh Yang Berhormat Sungai Petani...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat Ipoh Timor, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... Diselamatkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, cukup.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Dia bukan bantu, dia rakyat yang bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat Sungai Petani, sila gulung habiskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Biarlah, ini saya punya *floor*...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, habiskanlah, pendekkan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya punya *floor*, saya cakaplah. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap, lepas saya bercakap, Yang Berhormat bercakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, sudah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini pun sudah duduk lama dalam Parlimen pun tidak faham....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Petani, cukuplah. Yang Berhormat Menteri hendak jawab....

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Teruskan, teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya balik kepada tadi kecemerlangan di mana saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengenai dengan kecemerlangan, kebimbangan saya terhadap kebebasan akademik di universiti. Dengan tempoh hari, ingat tidak dahulu kita berbincang mengenai dengan *ethnic relation* di UPM, kemudian sudah dihebahkan, dihebohkan oleh pihak pembangkang, ini DAP. Walhal ini bimbang saya, pihak parti politik cuba mencerooboh dalam soal *academic freedom* dalam universiti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Parti politik, bukan DAP, tetapi UMNO. Siapa dalam *election* sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini bukan soal UMNO, soal DAP...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan main lagu-lagu politiklah, parti-parti politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, ini *floor* Yang Berhormat Sungai Petani....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Parti-parti yang *guilty 100%* ialah parti UMNO, Yang Berhormat Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, pendekkan Yang Berhormat Sungai Petani, bagi menteri jawablah.

Beberapa Ahli Barisan Nasional: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, tengoklah ini fiil DAP ini, cuba hendak curi orang punya peluang, ini saya punya *floor*, bagilah *chance* saya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini salah guna *floor*.... [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini saya punya *floor*, saya punya hallah. Yang Berhormat boleh tegur. Lepas ini Yang Berhormat cakaplah berapa lama pun....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan cakap, ini minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Penjelasan saya hendak minta daripada menteri, bukan daripada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan tetapi, bukan dengan cara ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat hendak jadi menteri kah?...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh? Ini menyalahkan peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ertinya, minta penjelasan bukan buat ucapan dan buat tuduhan-tuduhan yang liar.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Inilah penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini bukan tuduhan liar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apabila *UMNO party* yang *guilty*, mengenai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ini bukan tuduhan liar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, bagi menteri jawab, Yang Berhormat Sungai Petani. Habiskan. Yang Berhormat Ipoh Timor, sila duduk.

Beberapa Ahli Barisan Nasional: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, saya bangkit dengan peristiwa soal kursus etnik di UPM, seolah-olah ini sudah berlaku pencerobohan oleh parti politik di dalam kampus, tentang apakah yang mereka boleh lakukan tentang soal akademik mereka dan apa yang tidak boleh dilakukan.

Kita bercakap, ada satu pihak selalu bercakap fasal *academic freedom* lah, fasal otonomi kampus dan sebagainya, tetapi apabila campuran ini berlaku, bimbang saya Yang Berhormat, adakah kursus-kursus yang hendak dikendalikan oleh universiti, perlu dan pasti dapat kebenaran daripada pihak kementerian terlebih dahulu ataupun pihak universiti mempunyai kuasa sendiri ataupun *autonomous power* untuk menentukan kursus-kursus dan apakah bidang-bidang yang dilakukan. Kalau ini yang hendak kita lakukan, apakah kursus sains juga. Takut-takut bimbang berlakunya seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi saya perlu Yang Berhormat dan Yang Berhormat kata, kecemerlangan dari segi pensyarah, dari segi itu dan sebagainya, apakah kedudukan autonomi ini. Adakah dia masih bebas untuk tentukan kursus-kursus yang hendak dikendalikan dalam universiti ataupun perlu kah kita ambil tindakan kepada pihak yang sudah hendak mahu campur tangan dalam soal-soal akademik universiti. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak tegaskan bahawa saya tidak perlu diselamatkan seperti mana kata Yang Berhormat Ipoh Timor tadi. Saya boleh berdiri atas kaki sendiri. Tidak perlu sesiapa selamatkan saya.

Yang keduanya berkaitan dengan autonomi di universiti, memanglah universiti ada kebebasan tertentu, tetapi ia berpaksikan kepada beberapa batasan. Batasannya ialah dasar kerajaan, peruntukan kerajaan dengan lain perkataan, *if it is not the complete autonomy*, bukan bebas 100%. Ini yang dasar, yang kita laksanakan di negara kita, kerana apabila bercakap tentang dasar, kursus, peruntukan kewangan dan lain-lain, ia perlu merujuk kepada pihak kerajaan dan Skim Gaji Pensyarah pun berpandukan kepada skim kerajaan. Jadi dalam konteks negara kita, ada kebebasan, tetapi bukan bebas mutlak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...Ia berpandukan kepada dasar-dasar dan peruntukan tertentu dalam undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Hendak habis sudah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Hendak habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat buat pilihan sama ada hendak habiskan sekarang ataupun hendak sambung petang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh, baru mula hendak habis?

Dato' Mustapa bin Mohamed: *Okay.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baru mula, hendak lari?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tidak lari.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu lari?

Dato' Mustapa bin Mohamed: *Okay, satu last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Teruskan? Bukan dia kata.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan mahu habis sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, mengenai apa Yang Berhormat Menteri kata tadi, mengenai dahulu ada kuota, sekarang meritokrasi, saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Menteri berani teruskan mengekalkan bahawa inilah meritokrasi, yang tulen. Apabila ini satu meritokrasi yang palsu, saya percaya bahawa menteri-menteri MCA, GERAKAN patutlah tahu dalam perkara ini, oleh kerana tidak ada satu sistem peperiksaan yang bersama untuk memasuki semua universiti sungguhpun ada *vice chancellor, rector-rector* di sini, mereka tahu ini satu sistem meritokrasi yang palsu. Kalau mereka orang yang berprinsip, mereka pun setuju kita tidak ada satu sistem yang adil dan sebab itu kita tidak ada *quality first*, belum kita sampai satu peringkat kita kata *quality first* untuk universiti-universiti kita, supaya kita boleh mencapai kecemerlangan, sama ada untuk *student intake*, sama ada untuk pelantikan pensyarah-pensyarah atau termasuk Naib Canselor dan semacam untuk *Medical Faculty* dan IMU.

Enam peratus sahaja *intake* yang tahun pertama ini ialah daripada STPM, 6% sahaja daripada STPM sungguhpun semua tahu STPM satu peperiksaan yang dikenali di dunia lebih sukar apabila banding dengan matrikulasi, bukankah ini menunjukkan bahawa kita perlu kalau mahu tentulah sistem meritokrasi, bahawa satu sistem yang bersama, sama ada menggunakan STPM atau sama ada menggunakan *matriculation* dan bukan di mana boleh dimanipulasikan.

Dan bahawa pun kalau kita mahu *quality first* untuk pelantikan semua pensyarah, baru-baru ini saya ucap tahniah oleh kerana ada dua wanita dilantik sebagai naib, *Vice Chancellor* UM dan UKM, tetapi kenapa dalam *short listed*, tidak pernah ada seorang bukan bumiputera, bukan Melayu dikaji dalam *short listed*, sama ada untuk pelantikan Naib Canselor UM atau Naib Canselor UKM. Adakah saya timbul perkara ini, adakah ini dianggap sebagai isu perkauman, atau itu isu satu nasional. Yang Berhormat Sungai Petani kata banyak mengenai perkauman, bahawa ini isu nasional patutlah lihat, tetapi dia sendiri ada fikiran sempit, anggapan yang...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya tidak berfikiran sempit macam Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita boleh ada rela *quality first*...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat jangan cakap saya fikiran sempit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Petani, sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat....., fikiran sempit, sesempit-sempitnya macam Yang Berhormat Ipoh Timor.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Peringkat universiti *intake* untuk pelantikan pensyarah-pensyarah... *This is my floor...*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *Your floor, or my floor, I don't care.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Saya under floor, you go down.*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, ya ya. *You* duduk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tadi, *you* ganggu saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:*Ground the floor...*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sekarang saya mahu ganggu awak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...*Floor...* Tadi kata...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Duduk, duduk, duduk....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagilah peluang Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tadi dia kata sempit, sengaja Yang Berhormat, dia kata saya fikiran sempit. Saya pun boleh kata fikiran dia lebih sempit dan cetek. Inilah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sudahlah Yang Berhormat, DAP tidak ada tempatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Petani, cukuplah. Yang Berhormat Ipoh Timor, bagilah peluang Yang Berhormat Menteri jawab, cukuplah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya kira, elok kalau kita sambung jam 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sambung jam 2.30 petang Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini sambung pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.06 tengah hari.
Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang.
*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan, mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua giliran kementerian menjawab dan peringkat Bacaan Kali Kedua bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin 6 November 2006.”

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul yang seperti dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis Mesyuarat disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk menyambung jawapan.

2.34 ptg.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua saya telah diperingatkan oleh Timbalan Yang di-Pertua pagi tadi bahawa kita ada beberapa penggulungan lagi selepas ini. Oleh hal yang demikian, saya akan cuba ringkaskan jawapan saya dan saya mohon maaf jika tidak semua persoalan dibangkitkan dapat saya jawab semasa penggulungan ini. Walau bagaimanapun, kita ada lagi Peringkat Jawatankuasa selepas ini, selepas raya, *insya-Allah* kita akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan.

Yang kedua, saya hendak mengimbas kembali apa yang kita bincang sebelum ini Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya hendak tekankan sekali lagi tentang prinsip merit yang telah diperkenalkan tahun 2002, 2003.

Yang keduanya, komitmen kerajaan untuk meningkatkan prestasi dan kecemerlangan universiti di negara kita. Dan kita hendak memantapkan lagi usaha-usaha ini supaya kita dapat mengeluarkan graduan yang terbaik.

Saya dukacita Tuan Yang di-Pertua kerana ada *tendency*, dengan izin, kecenderungan untuk dengan izin, *demonize* dan *batch* universiti kita di negara kita ini.

Ini satu trend yang tidak dapat terima. Saya hendak tekan di sini bahawa universiti kita sedang melakukan apa sahaja untuk meningkatkan kualiti dan universiti kita diterima sebagai tempat-tempat yang berkualiti.

Malam tadi saya bersama dengan salah sebuah universiti ternama di Australia umpamanya, mereka menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan mereka cukup kagum dengan pensyarah-pensyarah dan juga kemudahan-kemudahan yang ada di sini. Kalau mereka tidak kagum manakan mereka sanggup untuk mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan. Bagi itu, saya menyeru pembangkang supaya lebih bertanggungjawab dan *constructive* dalam memberi pandangan. Dan seperti saya maklumkan tadi, pagi tadi kita ada wakil-wakil universiti yang akan mengambil perhatian berat dan serius terhadap teguran-teguran, pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya hendak jawab Ipoh Timor, saya hendak jawab Ipoh Timor. Saya jawab Ipoh Timor. Ini berkaitan dengan isu pertama yang dibangkitkan tadi.

Beliau, Yang Berhormat Ipoh Timor telah menyarankan supaya kita mansuhkan sistem yang ada sekarang untuk kemasukan universiti dan mengusulkan supaya diadakan satu sahaja peperiksaan untuk kemasukan ke universiti. Saya ingin maklumkan Tuan Yang di-Pertua bahawa di kebanyakan negara, hampir kesemua negara dengan izin, ada beberapa *channels of entry*, bukan satu peperiksaan sahaja. Walaupun UK, Amerika, Australia dan malah universiti-universiti ini menerima..., universiti negara tersebut menerima STP dan juga matrikulasi.

Jadi kalau Yang Berhormat Ipoh Timor mempunyai prejudis dan *bias* terhadap matrikulasi, maka ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita terima. Kerana sebenarnya luaran ataupun *output* daripada sistem kita sama ada STP ataupun matrikulasi ianya subjek dari segi subjek yang dipelajari dari segi kemampuan kebolehan prestasi mereka sama sahaja dan kelayakan kita diterima di luar negara pelajar-pelajar kita yang mengikuti program matrikulasi di terima masuk universiti-universiti di luar negara.

Maka itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara ini, kita akan meneruskan dasar yang sedia ada. Dan malah ini adalah merupakan trend pada masa ini di banyak negara diterima pelbagai cara untuk memasuki universiti. Malah kalau kita tengok Universiti Terbuka umpamanya, mereka ada konsep apa yang dipanggil RPL ataupun *recognition of prior learning*. Apa yang dipelajari sebelumnya umpamanya untuk memasuki *Open University Malaysia* dengan kelayakan PMR, boleh membuat, mengikuti program siswazah setelah mengambil kira pengalaman bekerja. Ini trend seluruh dunia dan pembangkang hendak dengan izin, *reverse this trend*. Dan ini mempunyai..., pada pandangan saya muslihat yang kurang sihat dan ada prasangka dan prejudis terhadap pelajar-pelajar matrikulasi kita. Kerajaan berpuas hati dengan prestasi pelajar matrikulasi kita dan kita tidak ada rancangan untuk memansuhkan sistem yang ada sekarang ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya penjelasan. Memang kita tahu bahawa di negara-negara yang lain ada pelbagai peperiksaan digunakan untuk memasuki universiti.

Dan kita bukan pun berkata bahawa memansuhkan matrikulasi tetapi apa yang perlu ialah supaya keadilan dilihat, yang diterima oleh semua atau majoriti rakyat Malaysia bahawa kedua-dua sistem yang digunakan ini adil. Apa yang menjadi pertikaian ialah cara di mana dua-dua *exam* ini, matrikulasi dan STPM disamakan, digunakan untuk memasuki universiti.

Dan tentulah ini menjadi isu politik kepada Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini dan tidak rela lihat ini daripada segi kecemerlangan tetapi, saya mahu sebut mengenai isu kecemerlangan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa inilah antara satu daripada lima prinsip. Baru dua, tiga hari lalu Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai bahawa bermula awal tahun bahawa akan ada IPTS akan digredkan 'A', 'B', 'C'. Dan mendapat satu reaksi yang sangat negatif daripada IPTS-IPTS oleh kerana mereka inilah kali yang pertama mereka dengar tanpa ketelusan, *transparency*. Dan tidak ada perbincangan apa kriteria-kriteria, cadangan untuk menggredkan atau sebenarnya memberi *ranking* untuk IPTS, *ranking* atau *rating* bukan *grading* untuk IPTS bermula 2001, sudah lima tahun.

Mereka sudah meminta apa kriteria-kriteria akan digunakan sekarang adalah cadangan bahawa tahun awal akan digredkan apabila proses ini patut dimulakan di IPTA. IPTA patut ada *grading*. Kenapa nampaknya IPTA-IPTA yang patut dapat *ranking* atau *rating* atau *grading* yang awal tidak dibuat tetapi sekarang mahu mula IPTS. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu penjelasan. Kenapa pun tidak ada itu *consultation*.

Dato' Mustapa Mohamed: Yang pertama saya ingin beri jaminan bahawa akan ada *consultation*. Lambat lagi, ini bulan September, akan diperkenalkan bulan satu atau bulan dua. Dan kita mengambil kira pandangan semua pihak dan saya beri jaminan di sini bahawa kita akan ada *consultation* ada perundingan dengan pihak berkenaan dan pandangan mereka akan diambil kira. Malah dalam kita merangka sistem *grading*, *ranking* dan *rating*, kita akan mengambil dalam pasukan ini, pegawai-pegawai daripada IPTS sendiri sebahagian daripada mereka bukan semua. Jadi saya ingin beri jaminan, pertama akan ada *transparency*. Yang kedua, kita akan melibatkan mereka dalam proses *consultation*. Yang ketiganya, mereka akan menganggotai pasukan yang akan menentukan *grading*.

Soalan yang kedua berkaitan dengan IPTA. Kita, IPTS mempunyai beberapa isu dan baru-baru ini saya telah dedahkan dalam akhbar tentang empat kolej swasta yang kita telah tarik balik kelulusan untuk mengambil pelajar luar. Oleh kerana setelah kita buat audit ada beberapa amalan yang tidak sihat berlaku termasuklah salah satunya menggunakan pas pelajar untuk mengambil pekerja asing. Jadi kita dapati bahawa beberapa - bukan semua, kita berpuas hati dengan kebanyakan IPTS tetapi ada segelintir IPTS yang telah menyalahgunakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Maka itu bagi kerajaan *priority*, keutamaan ini ialah untuk mengadakan satu *grading*, *ranking* apa jua disebut *rating* IPTS dan kita harap dengan adanya ini maka orang ramai akan lebih yakin dengan sistem kita.

Mengenai IPTA kita juga sudah mulakan usaha untuk membuat *rating* tentang fakulti-fakulti tertentu, dan kita juga sudah melihat kepada kriteria-kriteria untuk penubuhan ataupun untuk mengubahsuai universiti kita supaya digelar *research university*...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustapa Mohamed: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ada sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ucapkan terima kasih kerana jawapan tadi cukup *clear* apa yang disoalkan oleh Ketua Pembangkang.

Bagi saya untuk kecemerlangan tadi, kita hendak melahirkan graduan yang mentaliti kelas pertama dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka kita kena ada perubahan anjakan paradigma. Iaitu kita hendak lahirkan bukan sahaja ilmu – keilmuan, bukan sahaja ilmu - bijaksana dan kita hendak lahirkan keterampilan, mempunyai kepakaran dan kita kena ada bahasa yang ketiga. Inggeris dengan Melayu memang sudah jadi nasi makan, air minum kita dalam universiti, tetapi kita hendak supaya ada yang ketiga bahasa Mandarin, kalau boleh bahasa Jepun, kalau boleh bahasa Arab apa salahnya. Sebab kalau kita baca, nabi bersabda... [*Membaca sepotong hadis dalam bahasa Arab*] Tuntutlah ilmu walaupun ke negara China. Kita alih pandangan tidak ke Barat lagi, kita pergi ke Timur. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah kita lakukan di universiti-universiti kita, kita hendak pastikan pelajar-pelajar menguasai lebih daripada dua bahasa satu bahasa ibunda, satu bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa asing. Dan *insya-Allah*, di universiti-universiti baru khususnya termasuklah universiti di Kelantan negeri asal kami, kita akan perkenalkan pendekatan baru ini di mana pelajar-pelajar akan menguasai satu bahasa lagi selain ibunda, bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa... [*Disampuk*] Tuan Yang di-Pertua satu, dua lagi, saya kena teruskan ya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Menteri bercakap fasal IPTA dan IPTS. Sekarang ini IPTA kita, sudah ada AUKU nya, iaitu peraturan-peraturan Akta Universiti, tetapi saya tidak nampak lagi sama ada akta itu boleh juga dipergunakan, diguna pakai ataupun kita gunakan untuk IPTS kerana mereka ini adalah juga universiti. Jadi kita hendak, kalau boleh selaraskan dari segi pakaian mereka, dari segi cara mereka berpersatuan dan sebagainya.

Kalau tidak, nanti pelajar di IPTA berdisiplin dan sebagainya, tetapi pelajar-pelajar di IPTS ini bebas dan ini juga mungkin mengganggu-gugat pendidikan mereka. Jadi apakah kerajaan akan juga menggunakan sistem seperti di IPTA yang ada pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, IPTS tidak tertakluk kepada AUKU, AUKU cuma merujuk kepada universiti-universiti dan kolej universiti kerajaan. Dalam pada itu, IPTS ada aktanya sendiri dan *insya-Allah* kita sedang melihat kepada akta ini bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan. Selain itu kita ada langkah-langkah pentadbiran termasuklah mengenai pakaian dan lain-lain yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi akta IPTS akan dipinda untuk mengambil kira beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan boleh...

Dato' Mustapa Mohamed: ...Saya hendak terus dengan Ipoh Timor, yang ini berkaitan Universiti Malaya, Fakulti Perubatan yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor.

Yang Berhormat Ipoh Timor kata, 6% pelajar di Universiti Malaya merupakan pelajar STP. Sebenarnya bukan 6%, 9% dan bukan 13 orang, 18 orang yang memiliki kelayakan STP. Jadi fakta tidak betul Ipoh Timor.

Yang keduanya ini berdasarkan prinsip merit. Seperti sedia maklum pelajar-pelajar cemerlang sahaja yang dapat mengikuti kursus perubatan dan secara kebetulan inilah yang berlaku di Universiti Malaya tetapi secara keseluruhannya kita dapati bahawa pelajar-pelajar STPM dengan matrikulasi ini yang memasuki Fakulti Perubatan 42% adalah pelajar STPM dan 58% adalah pelajar matrikulasi, itu global, *overall*. Universiti Malaya 9% pelajar STPM, tetapi secara keseluruhannya 42% pelajar STP dan 58% pelajar matrikulasi, dan sebenarnya kalau tengok kepada secara keseluruhannya kita dapati bahawa penyertaan kaum-kaum utama di negara kita dalam fakulti perubatan bolehlah kita kata membanggakan, walaupun banyak lagi yang perlu kita lakukan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang profesion tertentu. Jadi itu pembedan yang saya hendak beri kepada Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya penjelasan. Terima kasih oleh kerana menerangkan mengenai angka. Saya ada..., kalau itu 9% bukan 6%, tetapi bukankah ini satu angka yang *scandalous*, yang menunjukkan bahawa STPM dilihat tidak setaraf dengan matrikulasi. Saya ada tanya dalam ucapan saya, meminta mengenai angka-angka untuk semua *critical courses* di semua universiti. Dan saya harap kalau boleh di sini, boleh bawa sama ada jawapan boleh diberi kepada saya tetapi tadi Yang Berhormat Pasir Puteh pun ada sebut mengenai tujuan universiti-universiti kita ialah mengeluarkan graduan-graduan yang ada *mindset*, *first world mentality*. Dan kalau begitu kita mahu graduan-graduan kita bukan sahaja dapat *first world mentality* daripada keilmuan tetapi pun menghargai kebenaran dan keikhlasan.

Bagaimana Yang Berhormat Menteri, apa contoh Yang Berhormat Menteri beri kepada pelajar-pelajar, mahasiswa mahasiswi apabila beliau meminta maaf bagi pihak Timbalan Menteri beliau atas perkara penyelewengan peruntukan RM10 juta untuk Kung Yu khasnya mengenai peruntukan RM30,000 - pembaikan Sekolah Kung Yu di Muar. Apabila nilai RM3,000, adakah Timbalan Menteri tidak rasa ada kesalahan dan daripada siasatan yang dibuat oleh menteri, iaitu contoh dibuat oleh Menteri Kerja Raya dan tunjuk bahawa ada benar penyelewengan. Bukankah ini satu contoh yang tidak baik diberi kepada mahasiswa mahasiswi, bahawa tidak berdiri tegas atas keikhlasan...

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Melawan penyelewengan. *Example, be given to the university students...*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik biar Menteri jawab.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini hendak melebarkan perbahasan, isu ini kalau tidak silap saya telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor semasa perbahasan.

Yang pertama dakwaan Yang Berhormat tadi bahawa STPM ini tidak setaraf dengan matrikulasi dan dakwaan bahawa ini merupakan satu perkara yang *scandalous* ya. Yang Berhormat ini suka menggunakan perkataan-perkataan yang hendak menjatuhkan negara kita.

Kita semua rakyat Malaysia ya, saya tidak mahulah Yang Berhormat Ipoh Timor dan lain-lain menggunakan perkataan-perkataan yang boleh merendahkan lagi martabat kita seolah-olah kita ini teruk sangat, *we are okay*. Dan kita hendak tingkatkan lagi prestasi kita. Jadi saya tidak setuju dan memang tidak ada skandal dalam perkara ini. Ini cuma cap Yang Berhormat sahaja, STPM dan matrikulasi memang setaraf dan kita setarakan. Itu sebabnya kita gunakan kedua-duanya masuk universiti malah diploma juga ada laluan untuk masuk universiti. Siapa yang ada diploma bukan sahaja STPM, matrikulasi, diploma juga kita hendak rakyat kita yang ada diploma masuk universiti. Jadi hendak masuk universiti ini pelbagai cara yang ada.

Berkaitan dengan isu Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, perkara ini telah pun dijelaskan oleh kerajaan saya tidak mahu menambah. Cuma ringkas sahaja dua ayat. Yang pertama kita telah menekankan bahawa kita hendaklah berpegang kepada etika pentadbiran awam, anggota pentadbiran awam iaitu kita tidak harus mengkritik secara terbuka hal-hal berkaitan dengan kementerian lain.

Yang keduanya isu sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah dalam siasatan pihak JKR. Terima kasih, saya teruskan.

Saya teruskan dengan Yang Berhormat juga ada bangkitkan berkaitan dengan pelajar-pelajar kononnya pelajar-pelajar tertentu dia mendapat NOC atau *non objection certificate, law objection letter* ini daripada kementerian. Yang Berhormat mendakwa bahawa mereka belajar tiga hingga enam bulan sahaja di Malaysia boleh pergi ke beberapa buah universiti di Malaysia. Kita telah menyiasat perkara ini dan saya ingin menegaskan di sini ini tidak benar dan kalau Yang Berhormat ada bukti yang kukuh sila ke muka kepada saya dan kita akan siasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat Santubong bertanya tentang kemasukan pelajar bumiputera setelah dilaksanakan prinsip meritokrasi. Saya ingin maklumkan di sini bahawa pada sesi yang lalu, 2005/2006 peratusannya 62.4%. Merosot sedikit. Tahun sebelumnya 63.8%. Memanglah kita hendak semua pelajar kita cemerlang termasuklah pelajar-pelajar bumiputera dan 62.4% ini kita harap pelajar-pelajar bumiputera akan tingkatkan lagi prestasi mereka supaya lebih ramai daripada mereka dapat memasuki universiti di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan, saya ada sebut mengenai AUKU. Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa dalam bulan September, rang undang-undang akan dikemukakan....

Dato' Mustapa Mohamed: Belum sampai lagi. Panjang lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum sampai? *Okay*.

Dato' Mustapa Mohamed: Kalau boleh cukuplah gangguan setakat ini.

Ahli Yang Berhormat Muar membangkitkan tentang pelajar-pelajar perubatan. Beliau menyatakan bahawa kenapa kita menghantar pelajar-pelajar peringkat *undergraduate* bidang perubatan ke luar negara dan kenapa tidak kita hantar cuma pelajar-pelajar *post graduate* untuk menjadi *specialist*.

Saya ingin maklumkan bahawa pada masa ini kita masih lagi kekurangan tempat. Dalam negara kita, kita ada kira-kira 9,000 tempat iaitu 5,000 tempat di IPTA dan 4,000 tempat di IPTS, 9,000 semuanya sekali dan ini tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan kita. Oleh itu, kita ada kira-kira 7,200 orang pelajar perubatan di luar negara dan kita rasa kita masih perlu menghantar mereka ke luar negara dan kita akan cuba menghantar mereka ke tempat-tempat yang mana kualitinya baik dan yuran pengajian tidak terlalu tinggi.

Jadi kerajaan akan meneruskan dengan dasar untuk menghantar beberapa pelajar perubatan tertentu ke luar negara. Ini bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Muar.

Yang Berhormat Ayer Hitam menyarankan supaya rancangan jangka panjang kita perlu menubuhkan kategori khas untuk menjalani latihan pakar bagi doktor. Saya ingin maklumkan bahawa memanglah latihan ini dilakukan di Universiti Malaya, USM dan UKM dan setakat ini universiti kita telah mengeluarkan kira-kira 4,000 orang doktor pakar. Banyak doktor-doktor pakar dalam negara kita ini, dikeluarkan dalam negara kita dan saya di Kementerian Pengajian Tinggi sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan dan universiti-universiti tempatan bagaimana kita boleh menambah bilangan tempat untuk membolehkan doktor kita memperoleh kelayakan pakar dalam bidang perubatan dan dengan ini kita dapat mengurangkan pergantungan kepada luar negeri kerana kita semua tahu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam peraturan lebih ketat dikenakan oleh UK untuk menerima pelajar-pelajar pakar untuk mendapat latihan dan ini menyekat peluang mereka untuk pergi ke UK. Menyedari hal itu maka kita akan berusaha menambahkan bilangan tempat di universiti tempatan.

Yang Berhormat Gombak membangkitkan tentang IPTA dan IPTS. Beliau mencadangkan supaya dipantau kualiti sekolah perubatan. Saya hendak maklumkan di sini bahawa kerajaan baru membuat keputusan semalam juga bahawa kita hendak membekukan kelulusan oleh IPTS-IPTS baru bagi menubuhkan fakulti perubatan. Sekarang ini kita ada sepuluh IPTS yang menyediakan kursus dalam bidang perubatan. Kerajaan membuat keputusan bahawa kita hendak membekukan dan dalam proses pembekuan itu pihak Lembaga Akreditasi Negara dan *Malaysian Medical Council* atau MMC seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Gombak akan menjalankan audit akan memastikan bahawa fakulti-fakulti perubatan di universiti kita - di IPTS menyediakan latihan yang memenuhi piawaian MMC dan juga negara kita Malaysia.

Yang Berhormat Gombak juga ada menyarankan supaya pelajar bumiputera kita tidak hantar lagi ke luar negara supaya mereka dapat bersaing di negara kita. Saya hendak maklumkan di sini bahawa bilangan pelajar-pelajar dalam negara yang belajar dalam bidang perubatan melebihi pelajar-pelajar yang dihantar ke luar negara. Memang ada pelajar-pelajar dihantar luar negara untuk mempelajari bidang perubatan tetapi bilangan yang memasuki universiti tempatan yang berjumlah kira-kira 1,000 lebih setahun ini adalah bilangan yang *of course* kita hendak tambahkan tetapi kita tidak bercadang untuk menyekat terus pemergian pelajar-pelajar perubatan kita ke luar negara seperti yang disebut awal tadi oleh kerana kekurangan tempat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya itu isu-isu berkaitan dengan pelajar. Yang kedua isu-isu berkaitan dengan pensyarah. Ada saranan supaya kita sekat khususnya dengan penubuhan universiti baru ini akan berlaku penghijrahan tenaga pengajar di universiti sedia ada ke universiti-universiti baru dan ini akan menimbulkan masalah.

Saya ingin maklumkan di sini bahawa kerajaan peka dan dalam hal ini yang paling ramai memberi khidmat universiti lain ialah pensyarah-pensyarah daripada UTM. Sekarang ini ada 83 orang yang bertugas di beberapa buah universiti khususnya universiti-universiti baru dan kita sedang mengambil tindakan untuk menambah bilangan pensyarah di UTM dan universiti lain supaya penghijrahan pensyarah-pensyarah ini tidak menjejaskan mutu pengajian di universiti-universiti berkenaan.

Yang Berhormat Ipoh Timor sekali lagi ada tadi sebelum jam 1, menyebut tentang meritokrasi di universiti. Kita sudah memulakan usaha untuk memastikan bahawa kita akan mengamalkan prinsip ini. Memang sudah pun diamalkan dan kita akan memantapkan amalan ini dan seperti kita semua sedia maklum Yang berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara juga ada mengeluarkan kenyataan bahawa kenaikan pangkat dalam perkhidmatan kerajaan akan berasaskan kepada meritokrasi dan prestasi. Maka oleh kerana universiti juga di bawah perkhidmatan awam kita tidak boleh terkeluar daripada garis panduan ini dan *insya-Allah* kita akan memantapkan lagi usaha-usaha untuk mengamalkan meritokrasi. Memang ini diamalkan tetapi saya mengakui bahawa amalan sekarang perlu dimantapkan dan *insya-Allah* kita akan mantapkan lagi pengamalan prinsip ini untuk memastikan pensyarah dan pelajar-pelajar universiti kita cemerlang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi pagi Yang Berhormat ada sebut dan bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa dalam *short listing* untuk pelantikan Naib Canselor Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia bahawa langsung tidak ada seorang bukan Melayu atau bukan bumiputera yang disenaraikan. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita masih jauh daripada meritokrasi yang sepenuhnya dan Laporan Zaid, kenapa sampai sekarang masih dalam peringkat kajian yang terakhir apabila ambil enam bulan untuk habiskan Laporan Zaid tetapi ambil lebih satu tahun untuk habiskan satu siasatan dan pelan tindakan kementerian khasnya apabila Laporan Zaid ada buat cadangan bahawa ada 12 perakuan daripada 178 patut diberi keutamaan untuk dilaksanakan. Kenapa sehingga kini belum dijalankan?

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelantikan naib canselor kita telah mengamalkan kaedah baru iaitu mereka dipilih oleh satu jawatankuasa pemilih iaitu *search committee* dan ini telah diamalkan dalam tiga kes Universiti Malaya, UKM dan Universiti Kelantan dan jawatankuasa ini telah menilai semua calon-calon yang layak dan memanglah senarai-senarai pada masa ini tidak termasuk lagi senarai daripada calon-calon lain tapi ini bukan bermakna mereka tidak layak dan satu lagi perkara yang saya hendak tekankan di sini bahawa kita sedang berusaha untuk menambah bilangan pensyarah daripada kalangan bukan bumiputera. Bilangannya di beberapa buah universiti kecil dan ini tidak memungkinkan oleh kerana..., ataupun asasnya tidak berapa ramai maka dari segi memegang jawatan-jawatan tertentu dalam universiti mungkin pada masa ini memanglah benar tidak ramai daripada kalangan bukan bumiputera yang..., dan tidak ada Naib Canselor tetapi, saya memberi jaminan kerajaan memberi jaminan bahawa kita akan berusaha menambah bilangan pensyarah bukan bumiputera. Masalah yang kita hadapi rakan-rakan Naib Canselor pun ada di sini pada hari ini ialah kekurangan permohonan daripada seperti perkhidmatan polis, perkhidmatan tentera dan perkhidmatan awam yang lain gejala yang sama kita hadapi dalam perkhidmatan akademik. Saya bercakap tentang permohonan baru.

Walau bagaimanapun, arahan sudah pun dikeluarkan untuk mengambil beberapa bilangan daripada kalangan bukan bumiputera supaya kedudukan universiti lebih seimbang. Tuan Yang di-Pertua, cukuplah tentang itu ya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan tentang perkara ini. Yang penting, yang penting ini....

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, *last. Last one.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penting. Untuk *search* calon-calon yang terbaik sekali untuk negara supaya kita ada universiti-universiti yang cemerlang. Adakah rela kita bukan sahaja keluar daripada *pool* yang kita ada, bahawa *search for the* yang terbaik sekali daripada *global search* yang di mana ada universiti-universiti *Oxford, Cambridge, Ivy League*, Singapura yang rela *search for the best, global search*. Adakah kita rela buat begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini gaji dan lain-lain faedah yang diterima oleh seorang Naib Canselor adalah bersamaan dengan seorang pegawai kerajaan JUSA 'C'. Dan gaji ini adalah merupakan kira 20 peratus daripada gaji *Larry Summers* umpamanya, 10 peratus daripada gaji *Larry Summers*. Dan lain-lain presiden atau pun Naib Canselor universiti terkemuka di dunia. Jadi ini merupakan kekangan pada masa ini, pensyarah universiti merupakan tenaga atau pun sebahagian perkhidmatan awam dan kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk membawa keluar pensyarah-pensyarah daripada skim perkhidmatan awam.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Sepanjang ingatan saya, kita pernah berbuat demikian. Rektor pertama Universiti Islam Antarabangsa ialah Allahyarham Profesor Dr. Mohammad Abdul Rauf, Seorang tokoh akademik yang terkenal di dunia. Rektor yang kedua adalah Profesor Dr. Mohamad Abu Sulaiman, seorang tokoh akademik *Islamic scholar international* di Amerika Syarikat. *So*, maknanya kita pernah buat perkara demikian, bukan kita tak pernah buat. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Betul Yang Berhormat Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk maklumat Yang Berhormat Ketereh, UIA tidak di bawah AUKU yang mempunyai aktanya sendiri dan memang satu masa dahulu, memang pensyarah UIA mendapat pelbagai kemudahan termasuklah kemudahan untuk keluarga, untuk pendidikan anak-anak dan lain-lain ya. Itu kenyataan Yang Berhormat Ketereh benar tetapi pada hari ini, oleh kerana Rektornya merupakan orang tempatan, maka faedah-faedah yang diterima oleh Rektor UIA tak silap saya tidak banyak berbeza daripada yang diterima oleh Naib Canselor lain di universiti di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani mencadangkan supaya..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *But do we rather not, rather...*, tadi ada sebut, *Zaid Report*.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: *Okay*, terima kasih. *Last one* ya. Mengenai *Zaid Report*. Ini merupakan satu perkara yang amat besar kerana memerlukan perundingan dan semakin kita mendalami perkara ini, semakin kita dapati ia perlu dimantapkan. Dan selain itu, ia merupakan satu perkara yang dinamik.

Banyak perkembangan-perkembangan yang berlaku di luar negara, umpamanya tentang kalau di bidang *engineering*, ada *Washington Accord* ya, piawaian tertentu. Ini semua harus kita ambil kira. Jadi, saya dah keluar kenyataan sebenarnya kita dah tubuh jawatankuasa transformasi Pengajian Tinggi yang sudah hampir siap menyediakan laporannya dan pada hujung bulan ini mereka akan kemukakan kepada saya drafnya dan jika perlu, oleh kerana kerajaan tidak boleh terburu-buru. Pendidikan Tinggi satu perkara yang amat besar dan kita akan dapat input juga daripada Ahli Parlimen dan kita akan tengok laporan ini sama ada mantap atau tidak dan jika perlu kita akan buka kepada perbincangan dengan Ahli-Ahli Parlimen untuk membolehkan Parlimen memberi input.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat..., Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Mustapa Mohamed: Saya nak laju sikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Yang Berhormat Sungai Petani, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu diganggu lepas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Sungai Petani mencadangkan supaya universiti memberi fokus dalam bidang tertentu. Memang inilah yang kita sedang lakukan. Kolej-kolej universiti kebanyakan mereka menumpukan perhatian kepada bidang kejuruteraan dan kita ada juga konsep *comprehensive university*, *research university*, universiti-universiti yang lebih *established* akan ditukar menjadi universiti penyelidikan dan memang kita akan pastikan bahawa universiti akan menumpukan perhatian dalam bidang-bidang tertentu, dalam pada itu ada juga beberapa universiti yang akan terus menjalankan kegiatan dalam beberapa bidang menjadikannya sebuah *comprehensive university*.

Yang Berhormat Gerik ada membangkitkan tentang Akta Surcaj 605 berkaitan dengan kenyataan yang dibuat oleh pensyarah, memanglah pada masa ini pensyarah dianggap sebagai pegawai kerajaan, maka mereka juga tertakluk kepada Akta Badan Berkanun dan kita sekarang ini sedang melihat atau mengkaji seperti sedia maklum AUKU dan juga peruntukan-peruntukan lain untuk memberi sedikit kelonggaran kepada pensyarah, tetapi perkara ini belum lagi dimuktamadkan.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan tentang kedudukan Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri yang sekarang ini memegang dua jawatan iaitu Pengarah ATMA dan juga IKON iaitu Institut Kajian Oksidental UKM. Saya ingin maklumkan bahawa jawatan beliau sebagai Pengarah IKON iaitu Institut Kajian Oksidental, adalah sementara sahaja, sementara kita mendapat satu calon yang sesuai dan apabila calon itu dikenal pasti, maka beliau akan mengosongkan jawatan tersebut.

Saya beri jaminan bahawa beliau tidak mendapat apa-apa faedah daripada dua jawatan, beliau menerima gaji daripada satu jawatan sahaja. Yang Berhormat Kuala Terengganu mencadangkan supaya ISTECH segera dipulihkan. Saya ingin maklumkan bahawa ISTECH memang menghadapi beberapa isu dan masalah, dan sejak tahun 2003, pihak UIA telah mengambil alih semula ISTECH dan menjadi sebuah pusat pengajian di bawah kawalan UIA.

Sebelum itu ISTECH merupakan satu institut yang bebas daripada UIA, hari ini ia di bawah kawalan UIA mempunyai sepuluh profesor, seorang Profesor Madya dan seorang *distinguished Fellow* dan hari ini pun mempunyai 51 pelajar PhD, 48 pelajar *Masters* dan kita, pihak UIA sedang mengambil langkah untuk memastikan ISTECH kembali menjadi sebuah pusat yang cemerlang dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan kemudahan-kemudahan di universiti. Yang Berhormat Arau ada mencadangkan ataupun mencadangkan supaya kementerian menyediakan kemudahan sukan yang mencukupi untuk pelajar-pelajar di IPT. Saya ingin memaklumkan bahawa dalam tempoh RMK-9, kerajaan telah bermurah hati untuk menyediakan RM239 juta bagi menyediakan kemudahan sukan.

Yang paling besar ialah untuk kompleks sukan di UTM, Naib Canselor di sini iaitu RM53 juta tetapi bagi universiti-universiti baru, masalah KUKUM di kawasan Yang Berhormat Arau, oleh kerana ia merupakan kampus sementara, tidak ada kemudahan sukan dan KUKUM terpaksa menyewa kemudahan sukan untuk pelajar-pelajarnya.

Yang Berhormat Tebrau mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Konsultasi Pendidikan Negara. Saya ingin maklumkan Yang Berhormat Tebrau, bahawa hari ini kita ada Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan kita akan bermesyuarat dalam sedikit masa lagi dan selain daripada majlis ini, kementerian mendapat input daripada Ahli Parlimen, daripada para akademik, mereka yang sudah penacen, para industri dan saya ingin memberi jaminan Dewan ini bahawa adalah menjadi amalan kami di kementerian untuk mendengar pandangan daripada semua pihak termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memastikan kita dapat mengeluarkan graduan yang terbaik di negara kita.

Yang Berhormat Muar juga membangkitkan tentang cadangan dibangunkan prasarana termasuklah sekolah perubatan bersebelahan dengan hospital, dan ini memang menjadi hasrat kita supaya kemudahan ini dekat dengan fakulti perubatan universiti-universiti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa lagi perkara dibangkitkan saya akan sentuh dengan ringkas sahaja. Yang pertama ialah berkaitan dengan *on-job training* dan termasuklah isu-isu berkaitan dengan pengangguran siswazah. Memanglah kita sedar bahawa perlu diwujudkan satu sistem latihan amali yang lebih mantap dan pada hari Jumaat yang lalu, 15 September Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berjumpa dengan Pemimpin Pelajar, 300 orang kesemuanya dan mereka telah menyarankan supaya dimantapkan lagi hubungan industri dengan universiti supaya ditubuhkan satu mekanisme yang lebih baik memastikan bahawa latihan amali ini berkesan dan kerajaan ucap terima kasih kepada pelajar-pelajar berkenaan dan juga Ahli Yang Berhormat Tebrau berkaitan perkara ini, dan *insya-Allah*, kita akan laksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skim latihan graduan lepasan modal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai, kita mendapati skim ini amat berjaya sekali dan mengikut kajian yang dibuat, lebih 75 peratus pelajar-pelajar yang menyertai skim ini mendapat pekerjaan setelah dilatih di bawah skim ini. Itu sebabnya Yang Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan baru ini telah mengumumkan program ini akan ditambahkan kepada sekurang-kurangnya 1000 graduan untuk menyertai program ini tahun 2007.

Dan kita yakin bahawa dengan adanya program seperti ini dan program-program lain, peluang siswazah untuk mendapat pekerjaan akan bertambah baik. Yang Berhormat Tenom menyatakan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, sedikit sahaja hendak tolong pelajar universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jerai cepat sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat Yang Berhormat Menteri, pelajar-pelajar universiti ini dia kurang ada pendedahan walaupun dia dapat pengajian yang tertinggi. Jadi saya ingin mencadangkan supaya graduan yang keluar universiti dia orang tidak tahu hala tuju ke mana hendak cari kerja kah, hendak berniaga kah dan sebagainya. Kalau dia hendak berniaga, dia tidak tahu cara dan selok-belok, dan di manakah tempat mereka hendak bermula perniagaan mereka.

Jadi boleh tidak saya hendak mencadangkan supaya agensi-agensi kerajaan yang telah ada pada hari ini contohnya MARA, *SME Bank*, Bank Pertanian dan lain-lain agensi kerajaan yang ada ini harus memasuki universiti dan bertemu dengan pelajar-pelajar tahun akhir sebelum konvokesyen mereka dan mendedahkan apa yang ada pada mereka supaya pelajar-pelajar ini apabila dia keluar daripada universiti dia tahu apa dia hendak. Kalau dia hendak jadi 'pak tani', hendak cari modal Tuan Yang di-Pertua, dia pergi jumpa Bank Pertanian. Kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh? Cukup ya, terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan universiti kalau pun tidak semua universiti mengadakan apa yang dipanggil *career week* iaitu satu minggu untuk mendedahkan siswazah kepada peluang pekerjaan di luar tetapi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai kerana mencadangkan perkara ini dan insya-Allah kita akan mantapkan dengan mendapat pandangan dan rundingan buah fikiran daripada Yang Berhormat Jerai. Kita akan mantapkan program, *Career Week Program* yang sudah pun diadakan di universiti.

Yang Berhormat Tenom membangkitkan tentang Skim Latihan Graduan. Beliau mengatakan bahawa ia menjurus semata-mata kepada sektor industri dan ICT. Saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya kerajaan ada skim-skim lain termasuklah dalam bidang pertanian umpamanya, RM10 juta diperuntukkan oleh Bank Pertanian bagi membolehkan siswazah menceburi bidang ini. Jadi bukan sahaja ICT tetapi bidang pertanian juga ada.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara dibangkitkan tentang AUKU. Ia dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Sungai Petani. Ini antara Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan AUKU. Yang pertama, kita seperti sedia maklum sedang dalam meneliti semua pandangan. Hujung bulan ini kita akan muktamadkan cadangan-cadangan. Banyak cadangan diterima termasuklah *online* mengenai cadangan pindaan kepada AUKU. Yang pertama hendak tekankan kita tidak akan masukkan AUKU dan ini merupakan kehendak sebahagian besar pelajar-pelajar di negara kita termasuklah ibu bapa.

Kita membuat kajian rambang dan kita dapati lebih 90% ibu bapa mahu anak-anak mereka belajar dan membina sahsiah mereka bukan untuk terlibat dengan perkara-perkara yang tidak menguntungkan mereka. Dari AUKU, dengan adanya garis panduan, boleh membimbing para pelajar menjadi insan yang berguna...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Boleh gulung? Ya, terima kasih. Jadi AUKU....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan terakhir. Kita tunggu tadi oleh kerana Yang Berhormat kata mahu jawab. Bolehkah saya...

Dato' Mustapa bin Mohamed: Banyak kali *last* sudah ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai AUKU, di mana Yang Berhormat Menteri kata bahawa tidak akan memansuhkan AUKU. Kalau begitu, bagaimana boleh menjamin bahawa di kampus adalah iklim yang bebas oleh sebab baru-baru ini, hari ini ada pilihan raya di kampus-kampus dan di mana menunjukkan ada penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, ada politik wang, ada hotel, pun *free hotel stay* di Crystal Crown, RM50,000 di belanja oleh Menteri Besar Selangor di mana Suhakam dikecualikan dan tidak dibenarkan untuk memantau. Saya pun nampaknya diheret dalam kempen-kempen pelajar-pelajar *pro-establishment* bahawa saya meracuni pelajar-pelajar mahasiswa-mahasiswi di sana sungguhpun saya ada di sini. Kenapa ini boleh dibenarkan berlaku? Bukankah kita perlu satu iklim yang bebas dan yang terbuka dalam perkara ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor telah mengeluarkan beberapa tuduhan dan kenyataan-kenyataan yang serius. Yang pertamanya, saya hendak tekankan bahawa pilihan raya kampus tahun ini lebih terbuka dan lebih telus daripada tahun-tahun sebelumnya dan secara umumnya tidak mendapat terlalu banyak *complaint*. Kempen bermula kalau dahulu tiga hari, tahun ini enam hari kempen. Mereka boleh berkempen sebelum mula kuliah, boleh ada manifesto dan suasana adalah berbeza. Kita sudah memberi ruang yang lebih kepada pelajar untuk berkempen dan kita merasakan ini sudah mencukupi kerana kalau kita rasa kalau tidak ada undang-undang, peraturan, output dan lain-lain maka ada pelajar-pelajar yang akan berkempen sepanjang tahun seperti DAP yang berkempen sepanjang tahun. Jadi, kita tidak mahulah pelajar-pelajar kita bersikap demikian. Kita mahu *core business* mereka ada belajar. Jadi itu berkaitan dengan output.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya juga sebut dan Yang Berhormat tidak jelaskan. Saya minta juga supaya *research* ataupun kajian-kajian dijalankan di kampus, peruntukannya terlalu sedikit. Di mana yang saya dapat maklum balas terutama sekali daripada pensyarah muda, mereka sangat tidak mendapat sokongan daripada peruntukan yang membolehkan mereka menjalankan kajian. Keduanya, saya juga membangkitkan mengenai dengan skim gaji bagi pensyarah-pensyarah. Jadi yang itu tidak disentuh oleh Yang Berhormat. Ingin saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Untuk *research* Rancangan Malaysia Kesembilan, kira-kira RM800 juta diperuntukkan kepada universiti. Rancangan Malaysia Kesembilan akan melipatgandakan lebih banyak lagi, dan mengenai pensyarah...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: ...Bagi pensyarah-pensyarah yang memiliki kelayakan PhD, kerajaan telah bersetuju untuk meletakkan mereka pada tahap gaji yang lebih tinggi bermula awal tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya... Sedikit lagi hendak habis, biasiswa bagi pelajar-pelajar Australia dan New Zealand...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan beberapa isu mengenai pelajar. Nanti akan jawab soalan saya ya, jangan duduk ya? Saya harap Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Sekijang mencadangkan supaya penaja lain selain daripada JPA juga menaikkan biasiswa di Australia dan New Zealand. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak MARA telah pun bersetuju untuk mengikuti apa yang telah dibuat oleh pihak JPA berkaitan dengan perkara ini. Berkaitan dengan Yang Berhormat Cameron Highlands tentang PTPTN, banyak kali dibangkitkan dalam Dewan ini dan saya juga ucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan dan kita sedang berusaha untuk memantapkan lagi pengurusan PTPTN dan kita akan perkenalkan satu kaedah, modul baru dan *finding mechanism* yang baru untuk memastikan bahawa isu-isu masalah yang timbul sebelum ini dapat kita atasi.

Yang Berhormat Gerik sekali lagi membangkitkan tentang *TESL* pelajar-pelajar UPSI. Dia perlu mendapat *band* empat daripada enam dalam Bahasa Inggeris. Ini penting kerana mereka hendak ajar Bahasa Inggeris dan daripada kira-kira lebih 105 orang yang baru ini, 17 tidak dapat *band* empat dan mereka kena *repeat* ataupun kena ulangi peperiksaan. Mereka hendak ajar Bahasa Inggeris, pihak UPSI menetapkan mereka kena capai sekurang-kurangnya *band* empat. Jadi ini akan dibuat dan mereka perlu mengulangi peperiksaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya laju sedikit. Mengenai IPTS dan beberapa hal lain dibangkitkan, Yang Berhormat Kinabatangan menyebut tentang IPTS yang menyalahgunakan visa pelajar, tindakan telah pun diambil dan empat telah pun ditarik balik.

Yang Berhormat Ketereh ada bertanya kenapa pensyarah-pensyarah di politeknik tidak diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sebaliknya di bawah Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran ataupun Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Perkara ini sedang kita tangani dan masih lagi dalam perundingan. Akan ada mesyuarat hujung bulan ini di antara kedua kementerian untuk menangani masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh. Mengenai IPTS bumiputera, kerajaan peka dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh IPTS bumiputera dan kita akan terus melaksanakan usaha bagi memantapkan kedudukan mereka.

Yang Berhormat Larut ada membangkitkan pelajar-pelajar yang tercicir dan peluang untuk mereka belajar. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan menyediakan banyak saluran untuk mereka iaitu melalui MARA, melalui Kementerian Sumber Manusia, melalui Kementerian Belia dan Sukan, melalui Kementerian Pengajian Tinggi dan juga melalui Kementerian Pelajaran.

Tahun lepas umpamanya, 438,000 pelajar menduduki peperiksaan SPM dan kita hendak menyediakan peluang yang lebih kepada pelajar-pelajar kita termasuklah bagi mereka yang kurang dalam bidang akademik, kita hendak sediakan latihan kemahiran dan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan menambahkan bilangan kolej komuniti dan juga politeknik dalam usaha untuk memberi peluang yang lebih kepada pelajar-pelajar kita.

Akhir sekali, Yang Berhormat Batu Gajah ada menyebut tentang pilihan raya kampus yang dirujuk juga oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tadi. Beliau menyatakan supaya diadakan secara bebas dan adil dan mahu supaya Suhakam dilantik sebagai badan pemerhati. Seperti yang saya sebut tadi bahawa setakat yang kita ketahui pada masa ini jam 3 petang, tidak ada masalah besar yang berlaku di kampus dan suasana di kampus tahun ini, kita berikan ruang yang lebih kepada pelajar-pelajar dan dalam Dewan ini ada enam Naib Canselor dan dua Rektor untuk mengikuti perbincangan dan kita dapati *e-voting* juga berjalan secara umumnya dengan agak baik dan tidak harus dipertikaikan perkara ini dan kita merasakan tidak perlu Suhakam dilantik sebagai badan pemerhati.

Saya ada penuh keyakinan kepada TNC HEP iaitu Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar yang merupakan Pengerusi SPR di universiti yang mengendalikan. Segala aduan bolehlah dikemukakan kepada pentadbiran universiti.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Nak jawab ini sekali?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri...

Dato' Mustapa Mohamed: Saya jawab sekali dua-dua ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya ada menimbulkan mengenai kawalan kepada IPTS. Di IPTA kita ada kawalan, kita ada akta, tapi IPTS tidak ada kawalan, yang ada hanya *Education Act*. So saya mencadangkan supaya ada sesuatu mekanisme untuk kita mengawal IPTS termasuklah juga pelantikan *Vice Chancellor*, pelantikan pensyarah, kemasukan pelajar dan disiplin pelajar. Terima kasih, itu tidak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, kami semua, saya percaya semua pelajar juga mengkehendaki pilihan raya kampus berjalan dengan lancar dan kami menyambut baik jika pilihan raya kampus lebih terbuka dan telus. Persoalannya, sebelum pilihan raya kampus dijalankan, ada dakwaan-dakwaan dalam laporan menyatakan sebaran VCD benci membenci di kalangan pelajar telah mengambil tempat. Jangan beritahu Yang Berhormat Menteri tidak mengetahui bahawa segolongan pelajar, mereka ini anti *establishment*, ada berkaitan dengan pembangkang, mereka ini mahu membawa kekecohan dan ketidakharmonian dalam kampus. Bagaimanakah Yang Berhormat boleh memastikan bahawa pilihan raya kampus yang dijalankan, bukan sahaja ia telus, terbuka, ia juga bebas, tidak ada fitnah-memfitnah.

Dan juga saya ada bangkitkan isu berkenaan Seminar Bina Tenaga Mahasiswa yang dijalankan oleh USM, menyatakan bahawa ada elemen Yahudi yang mahu mengancam keselamatan negara dan melibatkan segolongan pelajar yang mempunyai pendapat berbeza dengan pihak kerajaan sebagai terlibat dengan elemen-elemen organisasi Yahudi ini. Dalam aspek ini saya mahu satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada siasatan akan dijalankan?

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya kampus diadakan dalam suasana yang aman, tenteram, telus dan adil. Dan peristiwa 26 Ogos disebut Yang Berhormat Batu Gajah tadi memang ada ceramah oleh sebuah jabatan kerajaan tetapi tidak dikaitkan secara langsung gerakan pelajar, cuma diberi peringatan bahawa jangan terlibat dengan persatuan-persatuan khususnya yang berada di luar negara yang ingin menjatuhkan negara kita secara tidak sah termasuk dengan sabotaj dengan izin, *undermind*.

Akhir sekali Yang Berhormat Ketereh, memanglah kita bagi IPTS, kita ada kawalan, kita ada akta, kita ada jabatan di kementerian saya. Cumanya kita sedang memantau, ada beberapa perkara yang sedang berlaku dan kita sedang mengaudit kesemuanya sekali. Itu sebabnya saya telah keluar kenyataan awal tahun depan kita akan ada *grading* 'A', 'B', 'C' tadi, ini dalam konteks untuk mengawal mereka. Mana-mana yang saya dah sebut yang 'C', yang teruk ini kita akan bagi amaran dan jika perlu kita akan tutup mereka. Jadi insya-Allah, terima kasih Ketereh atas cadangan tersebut. Dan saya memberi jaminan di sini bahawa kita akan mengetatkan lagi peraturan-peraturan, memastikan IPTS yang berkualiti sahaja beroperasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat, kita berjumpa lagi dalam Jawatankuasa, selamat berpuasa kaum Muslimin dan Muslimat. Yang lain selamat bercuti. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekarang saya jemput Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memulakan jawapan.

3.24 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan 2007 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu KHEDN serta membangkitkan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawabnya. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memperuntukkan Bajet 2007 berjumlah RM1.3 bilion kepada KHEDN. Dari peruntukan tersebut, RM998,669,000 merupakan peruntukan Belanja Mengurus dan RM302,848,900 sebagai peruntukan Belanja Pembangunan. Jumlah ini meningkat sebanyak 8.83% berbanding dengan Bajet 2006.

Tuan Yang di-Pertua, tentunya sebahagian besar dari peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan KHEDN dan agensi-agensi di bawahnya dalam memberi khidmat kepada orang ramai. Matlamat KHEDN adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan melalui sistem penyampaian yang lebih efisien dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Larut dan Labuan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan peningkatan sistem penyampaian serta prosedur permohonan permit kerja yang dilihat tidak efisien.

KHEDN sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dengan mengambil inisiatif dalam melaksanakan perubahan yang boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan keberkesanan jentera kerajaan. KHEDN turut menyedari keperluan untuk menarik lebih ramai profesional untuk bekerja di Malaysia. Keperluan ini telah mendorong Jabatan Imigresen Malaysia atau JIM, untuk mempercepatkan pengeluaran pas kerja dan pas rawatan profesional terutama kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang ICT kewangan, dan industri berteknologi tinggi.

Pihak kementerian juga turut mewujudkan pusat kelulusan setempat iaitu *one-stop center* yang diberikan kuasa untuk meluluskan permohonan yang diterima. Selain membantu mempermudah kemasukan pelancong asing, JIM turut menyediakan kemudahan *multiple entry* visa kepada pelancong China dan India untuk tempoh satu tahun. Mulai 1 September 2006, JIM telah menyediakan kemudahan *Visa on Arrival* bagi tempoh satu bulan kepada semua pelancong-pelancong asing kecuali negara-negara tertentu yang memerlukan visa sebelum ketibaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kualiti perkhidmatan juga terserlah kepada perkhidmatan permohonan pasport. Pada satu ketika dahulu, pemohon perlu menunggu selama tiga bulan untuk mendapatkan pasport antarabangsa. Tempoh tersebut telah dapat dikurangkan kepada satu hingga tiga hari. Dalam kes-kes tertentu, permohonan pasport diproses dalam tempoh 24 jam. Pihak JIM turut merancang supaya dokumen berkenaan dapat dikeluarkan dalam tempoh dua jam dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kelana Jaya dan Ipoh Barat mengenai penggantungan negara terhadap dua pekerja asing. Suka saya jelaskan di sini

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan. Berkenaan pasport, saya nak tahu daripada Yang Berhormat, kementerian Yang Berhormat ada banyak masalah di kawasan saya di mana pasport mereka ditahan. Dan apabila mereka terlebih tempoh di luar negara, mereka balik, ditahan. Dan apabila pemilik pasport ini menulis kepada pihak kementerian sama ada tiada jawapan atau apabila jawapan diterima adalah akan ditangguhkan kemudahan untuk dua tahun. Jadi apakah ini satu peraturan yang ditetapkan oleh pihak kementerian dalam aspek ini? Dan ada juga pasport yang telah hilang di luar negara, mereka tunggu lebih sepuluh tahun, dah lebih sepuluh tahun tak dapat balik juga pasport mereka. Jadi dalam kes-kes sedemikian, saya nak tahu apakah peraturan sebenarnya untuk membolehkan mereka memiliki semula kemudahan pasport ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Pasport Antarabangsa merupakan hak milik Kerajaan Malaysia. Oleh itu, pemilik Pasport Antarabangsa kena menjaga pasportnya dengan cara yang baik.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah orang yang di luar negara, memang mereka telah bekerja di sana dan telah melakukan sesuatu kesalahan di mana bila mereka balik dan pasport telah menunjukkan bahawa beliau pun telah *over-stayed*, tinggal di luar negara. Oleh itu Imigresen kena menahan pasport beliau untuk siasatan dan dalam tempoh satu bulan, pihak Imigresen akan memberitahu kepada pemilik pasport bahawa bila mereka boleh mengemukakan permohonan baru atau permohonan pembaharuan. Jadi kalau mereka tidak melakukan jenayah di luar negara, memanglah mereka akan dapat atau boleh membaharui pasport beliau dengan secara cepat.

Kalau beliau telah dibuktikan bahawa telah melakukan kesalahan atau jenayah di luar negara, memanglah kita kena tangguhkan pasport mereka satu tahun hingga tiga tahun. Jadi apa yang dimaksudkan tadi, pasport yang ditangguhkan sehingga sepuluh tahun dan saya tahu mereka adalah terlibat dalam aktiviti dadah. Ini bermakna mereka melakukan kesalahan yang sangat serius di luar negara. Oleh itu kita tahankan pasport beliau secara lama...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Masih berkenaan dengan pasport, Yang Berhormat. Saya difahamkan bahawa Pasport Terhad untuk ke Singapura akan atau telah dibatalkan penggunaannya dan terdapat beberapa rungutan daripada orang ramai, terutama sekali pemandu teksi yang berulang dari Johor Bahru ke Singapura atau dari Lapangan Terbang Sultan Ibrahim, Senai ke Singapura. Ini melibatkan lebih daripada 100 buah teksi dan pengusaha teksi daripada kedua-dua belah pihak, Singapura dan Johor Bahru.

Apabila pembatalan Pasport Terhad ini berlaku, mereka terpaksa menggunakan Pasport Antarabangsa yang lebih mahal dan ini menyebabkan kos meningkat dengan penggunaan muka surat yang akan cepat habis. Apakah usaha kerajaan bagi membantu ahli masyarakat yang kurang berpendapatan baik ini dalam memastikan bahawa pendapatan mereka tidak terjejas akibat daripada keputusan kerajaan? Adakah boleh kita sediakan dalam bentuk kad yang boleh diterima pakai oleh kedua-dua buah negara? Masalah ini bukan hanya ditanggung oleh pemandu atau pengusaha teksi, malah oleh rakan-rakan kita yang berulang-alik keluar masuk ke bandar raya Singapura. Terima kasih Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang pasport terhad tidak boleh digunakan mulai 1 Oktober 2006, jadi saya hendak nasihatkan kepada pengusaha-pengusaha atau pemandu-pemandu teksi supaya memohon satu kad yang dikenali sebagai FTC atau *Frequent Traveler Card*, di mana mereka boleh tunjukkan kad itu kepada Imigresen supaya pasport mereka tidak dicap oleh pegawai-pegawai Imigresen. Saya setuju kalau setiap hari pasport itu kena cap, jadi cepat habislah, memang dalam tempoh satu bulan.

Jadi kos untuk Pasport Antarabangsa adalah RM300, sangat mahal. Kita pun telah bincang dengan Kerajaan Singapura supaya kita boleh laksanakan satu sistem di mana Pasport Antarabangsa Malaysia kita kena cop apabila masuk dan keluar. Jadi pihak Malaysia atau pihak orang Malaysia kena pohon satu *smart card* yang tadi saya sebut dinamakan FTC. Sama juga kepada pekerja-pekerja Malaysia yang tiap-tiap hari kena masuk dan keluar dari Singapura di mana mereka bekerja di sana. Jadi mereka ada satu *smart card* pekerja. Jadi mereka tunjukkan kad itu, jadi pasport mereka tidak di cap lagi. Jadi pasportnya tidak akan habis cepat seperti yang saya sebut. Jadi inilah sistem yang kita telah bincang dengan Kerajaan Singapura...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Tan Chai Ho: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Masih lagi berkenaan dengan pasport. Saya ada pasport bersama saya yang hampir habis digunakan muka suratnyalah... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang rasional harga RM300 untuk pasport yang 32 muka surat dan kita ada satu pasport yang lebih tebal lagi, 64 muka surat berharga RM600.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya tanya demikian? Kerana, apakah rasional meletakkan harga itu? Kalau katakan harga kerana *production* pasport ini, maka kalau satu buku yang 64 muka surat itu mungkin kita boleh *rationalize* kan harganya dan begitu juga jika seseorang itu telah habis muka surat pasportnya sebelum tempoh sah pasport tersebut, pembaharuan itu mungkin boleh diberikan pertimbangan kerana ini adalah salah satu daripada cara kita menggalakkan rakyat kita untuk sering ke luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat Petrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sedikit lagi, tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cuma berkaitan dengan borang *frequent travelers* tadi, adakah ianya telah *applicable* juga, dengan izin, dengan negara Brunei dan Thailand sebab ini *frequency travel* ini juga melibatkan negara Thailand dan di Brunei bagi rakyat Sabah dan Sarawak yang sering berkunjung ke sana. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, mengenai caj pasport RM300 yang dikatakan mahal, saya akan jawab nanti kerana ada seorang Ahli Parlimen Pendang telah membangkitkan perkara ini. FTC pun telah digunakan di antara Malaysia dengan negara Brunei. Yang saya tahu, semuanya adalah berjalan secara baik. Oleh kerana mereka membawa FTC dan pasportnya tidak kena cop, jadi ini adalah sangat disukai oleh rakyat di Malaysia dan Brunei. Di Thailand belum lagi, masih dalam perbincangan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Saya ingin bertanya, mengapa kerajaan menetapkan pasport sekiranya seseorang pemegang pasport hendak ke luar negeri, dia mesti ada enam bulan. Misal kata kalau saya hendak pergi ke Singapura atau saya hendak pergi ke Bangkok, Thailand, cuma untuk dua-tiga hari atau satu minggu untuk melancong dan terus balik. Mengapa ia perlu ada enam bulan? Kalau sah laku masih ada empat bulan atau lima bulan, mengapa tidak boleh keluar negeri.

Sebelum bajet diumumkan, mengapa ada khabar-khabar bahawa harga pasport akan dinaikkan kepada RM600 atau RM500 dan pada masa itu ada ramai orang pergi ke *passport office* untuk memperbaharui atau memohon pasport. Apakah sebab ini? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Sudah. Yang Berhormat, *you* sudah lupa untuk baca itu surat khabar kah? Satu *statement* yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen saya, ada? Jadi Tuan Yang di-Pertua saya teruskan ya. Suka saya jelaskan di sini bahawa negara masih memerlukan sumber tenaga kerja luar kerana sumber tenaga kerja tempatan tidak mampu memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja sedia ada. Pertumbuhan pesat ekonomi negara telah menjadi tarikan kepada warga asing untuk memenuhi peluang-peluang pekerjaan yang terbuka luas di negara ini. Selain daripada itu, sikap penduduk tempatan yang terlalu memilih pekerjaan turut menyumbang kepada masalah kekurangan tenaga kerja.

Saya ingin mencadangkan supaya usaha berterusan dibuat bagi mengubah minda memilih kerja seperti ini kerana kita tidak boleh berterusan bergantung kepada sumber tenaga kerja dari luar. Selain kesan-kesan negatif yang timbul akibat kemasukan pekerja-pekerja asing yang tidak terkawal, pengaliran keluar sumber tanah yang pesat akan turut menjejaskan ekonomi kita dalam jangka masa panjang. Sehubungan dengan itu kerajaan telah menubuhkan dua buah Jawatankuasa Kabinet khusus bagi menangani kemasukan pekerja-pekerja asing. Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing ditubuhkan bagi memantau kemasukan pekerja asing secara sah dan Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing tanpa izin ditubuhkan bagi memantau kemasukan pekerja asing secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kementerian tidak menerima laporan rasmi bahawa pihak majikan sengaja memberhentikan pekerja-pekerja tempatan dengan tujuan untuk mengambil pekerja-pekerja asing yang sanggup menerima gaji yang lebih rendah. Jika sekiranya keadaan ini berlaku kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap majikan berkenaan dengan membatalkan kelulusan pengambilan pekerja asing kerana melanggar syarat-syarat permohonan. Sungguhpun majikan yang menggaji pekerja-pekerja asing tidak perlu mencarum KWSP dan SOCSO mereka dikehendaki membayar levi dan mengambil skim perlindungan insurans bagi setiap pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Seputeh mengenai kesukaran pakar-pakar asing untuk memohon status penduduk tetap, serta kesukaran suami dan isteri asing yang mempunyai kepakaran untuk mendapat taraf kewarganegaraan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua warganegara asing yang layak boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kemudahan permit masuk seperti yang dinyatakan dalam seksyen 10(1) Akta Imigresen 59, Pindaan 63.

Walau bagaimanapun, kemudahan permit masuk bukanlah merupakan hak kepada pemohon, tetapi ia merupakan anugerah Kerajaan Malaysia kepada warganegara asing untuk masuk dan menetap di negara ini mengikut dasar semasa yang sedang berkuat kuasa. Dalam hal yang demikian, pemohon-pemohon akan di siasat dan mereka perlu melalui tapisan keselamatan yang dibuat secara terperinci bagi menentukan kesahihan serta menilai kesetiaan mereka kepada negara. Dasar kerajaan mengenai pemberian kemudahan permit masuk kepada warga asing adalah adil dan saksama. Setiap permohonan perlu dikaji secara mendalam. Kerajaan berpandangan, dasar sedia ada masih relevan dalam menjamin keharmonian negara. Menyentuh mengenai pandangan dari ahli-ahli Yang Berhormat Kelana Jaya sama ada...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Permit masuk warga asing. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya setuju kita mesti memastikan latar belakang pemohon-pemohon warga asing ini untuk menjadi penduduk tetap atau warga negara mesti teliti dengan sedalam-dalamnya.

Ini agar kita tidak ada isu keselamatan di masa kelak tetapi, persoalannya kawasan saya ada banyak kes. Ini orang tua dah 70 tahun lebih di mana mereka telah mengemukakan sejak sepuluh tahun yang lalu tidak dapat jawapan pun. Jadi kalau apakah boleh pihak kementerian ada satu had masa untuk memproses permohonan permit masuk ini. Ada juga kes isteri asing ini mereka macam diugut kalau kamu isteri asing ini tidak mendengar kata-kata suami akan pergi batalkan permohonan tidak akan menjadi dia punya *sponsor*. Dan dia akan ditinggalkan dengan begitu sahaja kecuali memohon untuk visa *Social Pass*.

Ada satu kes kawasan saya suami pergi batalkan sebab isteri pergi buat laporan polis kerana dia dipukul oleh suami. Isteri buat laporan polis tindakan mahkamah diambil suami pergi tarik balik permohonan permit masuk. Jadi bolehkah tempoh masa diberi agar mereka tahu sama di tolak atau diterima dan kes-kes seperti umur 60-70 tahun macam satu kes Sir Norman Frank Sisson dari Ipoh pohon sejak tahun 1998. Sekarang sudah umur 75 tahun 10 hari. Jadi bulan Mei saya harap *best present*, hendak dapat PR sahaja. Sekarang sudah koma dia masih hendak harap-harapkan dia punya *wish* menjadi PR sahaja. Jadi apa hendak kaji lagi latar belakang ini?

Ada orang bagi tahu saya ini diskriminasi, ada diskriminasi di sebalik kelulusan. Saya pohon jawapan sekurang-kurang dalam kes yang melibatkan orang tua dan telah menetap di sini begitu lama mempunyai anak umur sudah enam tujuh puluh tahun diberi pertimbangan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Datuk Tan Chai Ho: Cukuplah Yang Berhormat saya faham apa yang hendak dibangkitkan. Yang Berhormat bagi satu contoh iaitu Sir Norman, jadi kepada saya, saya pun sudah buat siasatan di mana beliau tidak memohon, tetapi menulis surat kepada Imigresen. Jadi dia tidak dapat jawapan. Yang sebenarnya, beliau hendaklah mengisi borang yang tertentu supaya untuk mendapatkan permit masuk. Walau bagaimanapun, Pegawai Imigresen telah pergi rumah beliau dan memberitahu masalah ini supaya beliau boleh isikan satu borang yang betul-betul. Jadi kita akan teliti dan meluluskan permohonan beliau.

Jadi tidak ada *discrimination*, jangan kata *discrimination*. Ini saya tidak setuju, tidak benar. Jadi kepada isteri asing apabila mereka telah kahwin dengan orang tempatan Malaysia, jadi mereka berhak selepas lima tahun tinggal di Malaysia. Jadi mereka boleh mengemukakan borang permohonan permit masuk dan kita ambil masa sedikit untuk meneliti supaya beliau yang layak atau sesuai untuk memperoleh taraf PR. Jadi sebab-sebab yang *delay*, yang kata lambat, jadi tidak boleh salahkan imigresen sahaja. Kerana ada pemohon yang sudah pindah ke tempat lain dan mereka tidak memaklumkan alamat baru kepada Jabatan Imigresen...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Datuk Tan Chai Ho: Jadi di mana surat-surat yang dihantar mereka tidak menjawab. Itu sebab pada masa dahulu, saya telah menegaskan bahawa, pemohon sentiasa membuat *follow-up*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong bangun.

Datuk Tan Chai Ho: Jadi inilah satu cara yang baik, jadi jangan mohon sahaja dan *just keep quiet*, diam sahaja tidak buat apa-apa. Jadi kalau boleh sudah mohon dan buat *follow-up*, itu nasihat daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin hendak tanya sedikit mengenai proses pembaharuan penduduk tetap, *PR status*. Dan saya tidak tahu dua, tiga bulan lepas ataupun di bulan Mei hingga Jun itu, dia ada satu keadaan kecoh. Di mana warga Malaysia ataupun penduduk warga tetap, mereka ini terpaksa pergi ke imigresen untuk membaharui PR mereka dan ini mengambil masa, proses dia mengambil masa lama. Dan ada yang tunggu di dalam Jabatan Imigresen sejak pukul 4 pagi sampai 5 petang tetapi, PR mereka tidak dapat dibaharui. Saya hendak tanya, apakah rasional di belakang proses pembaharuan ini. Mengapa mereka terpaksa untuk membaharui dengan mengambil masa yang lama. *So*, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat, bolehkah kita ini dibawa ke kementerian untuk diberikan sedikit penerangan proses penambah baik mengenai proses pembaharuan status penduduk tetap ini? *So*, saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah bahawa perlu ada satu tempoh had untuk menimbangkan satu-satu permohonan. Dan Yang Berhormat berkata selepas memohon, pemohon perlu membuat *follow-up* iaitu menanya kedudukannya. Sebenarnya saya telah didatangi oleh pemohon-pemohon dan saya tulis surat kepada pejabat Yang Berhormat, menanya kepada beliau status pemohon. Kedudukan terkini berkenaan dengan permohonan itu. Dan selalunya kalau dapat jawapan, dalam proses pertimbangan. Dan kalau nasib tidak baik, langsung tidak ada jawapan. Jadi perlulah ada satu tempohlah untuk menimbangkan, kerana isteri asing, kepada saya dia tidak perlu lagi disiasat. Sebab dia punya anak pun di sekolah menengah sudah mahu habis, sudah 17 tahun, 18 tahun umurnya. Anak pun sudah mahu habis belajar di sekolah menengah. Jadi dia tidak boleh lari lagi, mana pergilah. Tetap ada di sini juga.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan, tidak pasti semua isteri asing yang berkelakuan baik kan. Jadi bukan semua, *I* kata, jadi bila ada permohonan, jadi kita kena siasat, jadi ambil sedikit masa. Maksud saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Tan Chai Ho: Diamlah Yang Berhormat. Jadi maksud saya bila sudah mengemukakan permohonan dan sudah tunggu lama, kena buat pertanyaan, buat *follow-up*. Pastikan ada jawapan dari pihak imigresen. Walau bagaimanapun saya setuju proses permit masuk kena dipercepatkan, saya setuju...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Datuk Tan Chai Ho: Jadi saya akan berikan arahan kepada imigresen supaya meningkatkan perkhidmatan. Pastikan pemohon akan dapat jawapan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh bangun. Timbalan Menteri sudah jawab.

Datuk Tan Chai Ho: ...Atau kalau boleh dapat permit masuk seterusnya. Kalau boleh. Nanti Yang Berhormat Seputeh duduk. Ini Yang Berhormat Puchong tadi membangkit perkara mengenai, itu bukan PR atau permit masuk.

Di mana isteri asing mereka dibenarkan tinggal satu tahun di negara kita, dan selepas itu kena membaharui visa mereka. So, ini bermakna isteri asing diberikan satu tahun untuk tinggal di Malaysia, selepas itu, visa sudah *expired* sudah tamat, mereka kena buat permohonan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Setahu saya ialah mengenai isteri ataupun suami yang telah mendapat status warganegara tetap, tetapi mereka terpaksa untuk membaharui dalam masa tertentu. Saya tidak tahu apakah proses dia, tetapi ini telah menjadi satu isu yang sangat hangat dalam surat khabar dan seterusnya. So saya hendak tahu sedikit, adakah ini satu amalan biasa, dan apakah peraturan di bawah kementerian mengapa mereka terpaksa memakan masa yang panjang untuk memperbaharui, *okay*. Kalau saya baca dalam surat khabar bahasa Inggeris dan juga bahasa Malaysia, atau bahasa Cina ini, mereka ini terpaksa tunggu, daripada awal pagi hinggalah petang dan tidak semestinya dapat peluang membaharui visa mereka atau pun permit mereka. Saya hendak tahu apakah rancangan daripada kementerian ini untuk memperbaiki keadaan sebegini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu, isteri asing hendaklah pergi ke Imigresen Putrajaya untuk membaharui visa mereka tetapi, sekarang isteri asing boleh membaharui visa mereka di imigresen peringkat negeri. Ini bermakna mereka boleh pergi mana-mana satu pejabat imigresen peringkat negeri dan mengemukakan permohonan mereka. Jadi yang masalah lama mereka tunggu, bagi sedikit masa untuk saya siasat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Datuk Tan Chai Ho: Saya hendak tahu apa sebab, tidak boleh bagi masa yang pendek untuk mereka memohon visa. Jadi saya akan siasat, Yang Berhormat terima kasih ya.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya isu yang berkaitan jugalah. Selalunya bagi isteri asing ataupun suami asing yang kahwin dengan warga Malaysia, mereka memang orang yang mempunyai kemahiran tertentu ataupun profesional tetapi, bila mereka datang ke Malaysia, mereka tidak dibenarkan untuk bekerja. Jadi saya hendak tanya, kalau kita hendak menarik orang yang berkemahiran untuk menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan negara, sepatutnya bila mereka kahwin dengan orang Malaysia, mereka haruslah diberi kebenaran untuk bekerja supaya kemahiran mereka boleh disumbangkan kepada ekonomi dan juga bidang-bidang tertentu di Malaysia. Jadi saya hendak tanya, mereka kena tunggu berapa lama kah baru boleh dibenarkan untuk bekerja. Apakah prosesnya, dan adakah mereka betul-betul perlu dapatkan kebenaran dari pihak kementerian baru mereka boleh bekerja? Boleh Yang Berhormat jelaskan.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, isteri asing yang mempunyai kepakaran, mereka boleh mohon, boleh mohon kebenaran untuk bekerja di Malaysia dan mereka kena kemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen dan kita akan timbangkan. Biasa kita meluluskan jika mereka boleh membuktikan kepakaran mereka dengan kemukakan sijil-sijil yang tertentu. Jadi tidak ada masalah untuk mereka bekerja di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya bertanya sama ada pihak Kementerian ada meminta perakuan Sijil Kelakuan Baik dari negara asal pemohon sebagai dokumen tambahan bagi permohonan kemudahan permit masuk. Buat ketika ini keperluan Sijil Kelakuan Baik tersebut hanya dibuat mengikut kes-kes tertentu sahaja. Sehingga kini tapisan keselamatan hanya dirujuk kepada pihak PDRM sahaja.

Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya turut meminta penjelasan mengenai statistik berhubung pecahan warganegara asing yang telah diberi taraf penduduk tetap mengikut negara yang dikategorikan sebagai dari lain-lain negara disebabkan kebanyakan mereka merupakan golongan *stateless* atau kewarganegaraan mereka tidak dapat dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhasrat untuk menyusahkan mana-mana pihak kalau isu pemberian permit masuk. Ini termasuk bagi golongan profesional yang berkahwin dengan warganegara Malaysia. Mereka layak memohon kemudahan ini setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan bagi mendapatkan taraf warganegara adalah tertakluk kepada Bahagian III, Jadual Pertama dan Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Permohonan isteri kepada warganegara Malaysia bagi mendapat kerakyatan secara kemasukan dikehendaki mempunyai taraf pemastautin tetap terlebih dahulu dan seterusnya menetap untuk satu tempoh tertentu. Mereka juga akan diberikan kemudahan imigresen yang bersesuaian bagi membolehkan mereka bekerja dan tinggal bersama keluarga mereka di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang memaklumi bahawa penganugerahan taraf pemastautin tetap dan taraf warganegara adalah penganugerahan yang tertinggi oleh sesuatu negara kepada orang-orang asing yang berhasrat untuk menetap lama di negara tersebut. Sebagai warganegara, mereka akan mendapat semua kemudahan sebagaimana warganegara yang berada turun temurun di negara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Datuk Tan Chai Ho: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Datuk Tan Chai Ho: Prinsip perbandingan yang menyatakan sesuatu negara itu lebih longgar atau lebih ketat, tidak boleh digunakan. Malaysia mempunyai pendekatan dan peraturannya yang tersendiri dan tidak wajar mengambil contoh negara lain. Asas yang paling penting sekali ialah mereka yang memperoleh taraf pemastautin tetap dan taraf kewarganegaraan akan memberi sumbangan serta mencurahkan kesetiannya di negara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kelana Jaya.

Datuk Tan Chai Ho: Sekejap.. Dan mereka tidak akan menyalahgunakan taraf tersebut untuk kepentingan diri atau seterusnya melakukan penyelewengan yang memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kelana Jaya, sila.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Tadi dalam jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa tentang memeriksa Sijil Kelakuan Baik hanya bergantung kepada kes-kes tertentu sahaja.

Saya amat berminat, dalam keadaan apakah, yang disebutkan sebagai kes-kes tertentu kerana statistik yang diberikan oleh pihak kementerian bahawa terlalu ramai golongan warganegara asing Indonesia diberi taraf penduduk tetap berbanding dengan negara-negara lain. Itu yang pertama.

Yang keduanya, bilangan warganegara asing yang diberi taraf pemastautin tetap itu yang tidak dikenali negara asalnya merupakan suatu golongan yang terlalu besar sebanyak 228,533 orang telah disebut. Jadi, apakah semua orang ini tidak ada negara asalnya? Maka saya hendak minta penjelasan dalam hal ini supaya kita tahu apakah latar belakang mereka ini. Minta penjelasan lebih lanjut lagi. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, yang tadi saya sebut *stateless* ini merupakan mereka pada masa dahulu mereka datang dari negara asal tetapi tidak membawa dokumen-dokumen yang tertentu atau dokumen-dokumen mereka telah hilang, jadi apabila mereka memohon taraf PR mereka tidak menyatakan mereka datang dari negara mana. Masa itu borang yang kita gunakan memang kemungkinan tidak ada menyatakan negara asal mereka.

Mengikut rekod yang kita ada, memanglah terdapat 200,000 lebih yang boleh dikatakan tidak ada dinyatakan mereka datang dari negara mana iaitu negara asalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh Yang Berhormat habiskan Yang Berhormat, ya. Habiskan jawapan Yang Berhormat, ya.

Datuk Tan Chai Ho: Di pihak imigresen apabila terdapat sesuatu permohonan, nama mereka sudah di *blacklisted*. Jadi memang kita kena memohon maklumat lanjut. Tadi saya ada sebut kes-kes yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bintulu yang membangkitkan tempoh pengeluaran Pasport Antarabangsa Malaysia yang tidak seragam di antara pejabat-pejabat cawangan imigresen dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pendang yang mempersoalkan caj bayaran pasport Malaysia yang didakwa sebagai mahal.

Bagi maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pasport merupakan dokumen perjalanan yang sangat penting bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara. Dokumen ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang perlu dilindungi. Kementerian sememangnya memberikan keutamaan kepada keselesaan orang ramai yang memohon Pasport Antarabangsa Malaysia. Pada masa yang sama meningkatkan ciri-ciri keselamatan dokumen berkenaan.

Waktu menunggu telah berjaya diturunkan dari tiga bulan di suatu ketika dahulu kepada satu hingga tiga hari. Dalam kes-kes tertentu, dalam tempoh kurang daripada 24 jam. Kementerian terus berhasrat untuk mempercepatkan lagi tempoh berkenaan kepada hanya dua jam sahaja tetapi berbagai-bagai faktor menyumbang kepada kes-kes kelewatan pengeluaran pasport. Terdapat pejabat-pejabat cawangan imigresen yang hanya menerima permohonan di mana proses tapisan dan pengeluaran dibuat oleh pejabat cawangan imigresen yang lain di lengkapi dengan mesin dan stok pasport.

Lokasi pejabat cawangan JIM juga turut mempengaruhi jangka masa pengeluaran pasport. Tidak semua pejabat cawangan JIM dilengkapi dengan mesin cetak keselamatan dan kemudahan penyimpanan stok pasport. Dalam usaha membaiki sistem penyampaian, pihak kementerian berharap hambatan-hambatan ini akan dapat diatasi dan adalah tidak mustahil untuk menyeragamkan tempoh pengeluaran pasport Malaysia seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat pada masa hadapan.

Pihak kementerian berpendapat caj RM300 untuk pasport Malaysia adalah berpatutan. Caj yang dikenakan adalah selaras dengan kualiti dokumen yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang bermutu tinggi yang dilengkapi dengan teknologi sistem *biometric* ber *chip*. Sudah pasti kos bagi mengeluarkan setiap pasport yang mengandungi ciri-ciri keselamatan seperti ini adalah agak tinggi.

Pihak kementerian mengambil maklum dan mengkaji mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kadar ini dikaji kerana terdapat rakyat yang hanya menggunakan pasport untuk sekali perjalanan sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan berkenaan permohonan pasport. Demi untuk meringankan caj RM300 itu, pada masa sekarang apabila seseorang kehabisan tempoh lima tahun apabila hendak membaharui pasport dia, dia bukan membaharui, dia kena memohon semula dan pada suatu masa dahulu apabila pasport tempohnya telah tamat dia boleh dicap dan dicatat sebagai dilanjutkan selama lima tahun lagi. Bolehkah ini dikuatkuasakan supaya perbelanjaan untuk membelanjakan cip dan buku pasport baru tidak payah dan cuma cap sahaja dan tidak payahlah sampai RM300 lagi. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua teknologi sentiasa berubah, jadi untuk memastikan *security chip* dalam pasport adalah baik dan bermutu tinggi, jadi kita kena minta pemohon supaya membuat permohonan baru selepas pasport lama sudah tamat. *That means, we have to make sure*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kita pastikan pasport antarabangsa Malaysia adalah mutu yang tinggi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, *chip Mykad* boleh pakai selama-lamanya. *Chip* untuk *Mykad* boleh pakai selama-lamanya mengapa pasport tidak boleh pakai untuk sepuluh tahun?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Datuk Tan Chai Ho: Tadi saya sebut ICT atau teknologi selalu berubah, *change very fast*. Kalau kita tidak berhati-hati nanti orang yang akan membuat pasport palsu. *We make sure that security* dalam pasport adalah baik, tidak boleh ditiru oleh orang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan jawapan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Datuk Tan Chai Ho: Cukuplah, banyak pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah terangkan macam mana hendak, cara-cara mohon pasport...

Datuk Tan Chai Ho: Yalah, semua isu pasport sudah banyak...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Datuk Tan Chai Ho: ...Banyak telah diterangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri pada sesiapa Yang Berhormat..., Yang Berhormat Seputeh?

Datuk Tan Chai Ho: *Last*, ya. Yang Berhormat Seputeh, *last*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Selepas itu Batu Gajah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Selepas itu Yang Berhormat Batu Gajah, ya. Terima kasih.

Saya ada dua soalan yang saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan di sini atau mencari jalan untuk menyelesaikan masalah oleh pelancong asing. Ini kerana tahun yang akan datang adalah Tahun Melawat Malaysia. Nombor satu, saya terima satu aduan baru-baru ini, pelancong dari negara China, beg tangannya dirampas orang dan semua dokumen dan wangnya semua hilang. Selepas itu bila dia pergi ke pihak Imigresen...

Okay, dia boleh dapat bantuan daripada Kedutaan China di sini dengan mengadakan satu pasport yang baru tetapi tidak tertampal visa masuk Malaysia. Jadi, dia pergi ke Pejabat Imigresen, cari jalan hendak balik ke negara China dan pihak Jabatan Imigresen hendak tangkap dia. Dia kata, dia tidak ada rekod visa kemasukan ke Malaysia, walhal dia tunjuk Laporan Polis kepada pihak Imigresen dan kata semua barangnya sudah diragut tetapi mereka tidak terima. Lepas itu dia lari.

Saya rasa ini adalah satu masalah yang mungkin dihadapi bukan sahaja oleh pelancong dari negara China dan mungkin pelancong-pelancong dari negara lain. Kalau masalah seperti ini berlaku apa yang mereka boleh buat? Ini menunjukkan bahawa Kedutaan Malaysia di luar negeri, ia sudah ada sistem komputer atau maklumat di sana tidak disambung ke Imigresen, *headquarters*. Jadi, apabila perkara seperti ini berlaku, pelancong asing yang susah.

Nombor dua ialah bagi pelancong asing kadang-kadang mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu kes-kes spesifik, tidak payahlah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya lah, umum, umum.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini umum. Mereka selalu ditanya oleh polis, hendak tunjuk dia punya dokumennya. Mereka tunjukkan pasport lepas itu polis kata, ini saya tidak pasti ia sah atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah ceritakan itu semua, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Okay*, ikut saya ke balai. Ikut ke balai, kadang-kadang satu minggu dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekarang masalah ialah macam mana pihak Imigresen boleh membantu pelancong asing kita yang menghadapi masalah seperti ini? Polis selalu kata, dia perlu pasport mereka disahkan oleh Imigresen di Putrajaya, baru lepaskan mereka. Ini menyebabkan selalunya pelancong asing bukan sahaja dari negara China, saya terima aduan daripada Filipina yang Januari ini melancong....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham, Yang Berhormat Seputeh, cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini masalah yang selalu dihadapi oleh pelancong asing, macam mana pihak kementerian...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tahun depan, Tahun Melawat Malaysia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kerana tahun depan, Tahun Melawat Malaysia, macam mana pihak kementerian dan Imigresen menyelesaikan masalah ini?

Datuk Tan Chai Ho: Itu ditunjukkan kepada pihak polis, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Untuk jawapan pertama, kena pastikan pelancong negara China, bila beg tangannya diragut, tempat di mana, di negara Malaysia, kan? Jadi, bila dia masuk ke Malaysia, Imigresen, KLIA mesti ada simpan rekod kemasukan beliau. Jadi, bila kita buat siasatan, kalau tidak ada rekod, kita kena buat siasatan lagi. Kalau kes itu berlaku di luar Malaysia, memanglah tidak ada rekod. Ini kerana beliau belum masuk ke Malaysia tetapi kalau pelancong warga China sudah masuk ke Malaysia, bila dia sampai di Imigresen mesti hendak memberitahu atau menunjukkan visa beliau. Di sana kita akan masukkan butir-butir visa beliau dalam komputer. Jadi, kes ini merupakan spesifik seperti yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada kes macam ini beritahu saya supaya saya akan semak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Tan Chai Ho: Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskanlah, Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Mengenai penyalahgunaan visa pelajar untuk bekerja di negara ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi pengesahan pasport, *travel document*. Balai polis kata tidak ada mesin, tidak boleh kenal pasti sama ada ia benar ataupun tidak. Macam mana Imigresen boleh membantu mereka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Tan Chai Ho: Ini tertakluk kepada PDRM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh cukuplah, Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Tan Chai Ho: Bincang dengan Imigresen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh boleh pergi ke Jabatan Imigresen.

Datuk Tan Chai Ho: Saya akan ajukan perkara ini kepada Imigresen supaya ia boleh bincang dengan PDRM...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Okay.*

Datuk Tan Chai Ho: ...Jadi ada satu sistem yang lebih baik. *Okay.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya percaya Yang Berhormat juga terima aduan seperti ini. Banyaklah....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: MCA pun terima banyak tetapi kenapa begitu lama masih belum diselesaikan. Ini akan menyusahkan pelancong asing kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Datuk Tan Chai Ho: Saya baru terima aduan yang seperti ini, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Baru terima, kah?

Datuk Tan Chai Ho: Duduklah, cukuplah.... *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lain kali saya bawa lebih kes kepada Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Pihak JIM telah pun mengambil tindakan tegas bukan sahaja ke atas pelajar-pelajar terbabit dengan menangkap dan menghantar mereka pulang tetapi juga ke atas institusi pengajian yang bertanggungjawab. Pelajar-pelajar terbabit dimasukkan ke dalam senarai hitam JIM dan tidak dibenarkan masuk semula ke negara ini. Sementara institusi pengajian terbabit akan dibawa ke mahkamah dan di senarai hitam dengan tidak lagi memberi kebenaran untuk membawa masuk pelajar-pelajar asing.

Yang Berhormat Bintulu ada membangkitkan masalah mendapatkan sijil kelahiran, sijil kematian dan kad pengenalan bagi penduduk yang mendiami kawasan Bintulu, Kapit dan Kinabatangan. Beliau juga membangkitkan masalah Sijil Kematian tidak dapat dikeluarkan kerana tidak ada kad pengenalan, di samping menyukarkan rakyat kerana kos untuk menyelesaikan masalah tersebut yang menghendaki merujuk masalah mereka ke Kuching adalah tinggi.

Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya pihak kerajaan mengkaji semula prosedur yang tidak sistematik dan efisien itu dan seterusnya mencadangkan supaya wakil rakyat dan ketua kaum diberikan kuasa untuk mengesahkan kerakyatan mereka. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Pendaftaran Negara iaitu JPN Negeri Sarawak memang sentiasa memberikan perhatian terhadap masalah yang dihadapi di kawasan Ahli Yang Berhormat.

Setakat ini di kawasan Parlimen Bintulu terdapat tiga buah Pejabat Cawangan JPN, iaitu di bandar Bintulu, Bakdaw dan Sebauh. Pejabat-pejabat ini berfungsi untuk membantu orang ramai di kawasan tersebut untuk mendaftar kelahiran, kematian dan permohonan kad pengenalan.

Berhubung dengan 10,000 orang yang belum memiliki kad pengenalan dan memandangkan perkara ini telah lama dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka di sini saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya mengemukakan maklumat seperti senarai nama dan juga alamat mereka dan saya akan mengarahkan JPN Negeri Sarawak melalui pasukan khas Bergeraknya bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Menyentuh mengenai kesukaran mendapatkan Sijil Kematian, ia tidak sewajarnya berlaku kerana pengeluaran Sijil Kematian dituntut oleh undang-undang sebagai bukti bahawa seseorang itu telah mati dan keterangan-keterangan lain mengenai si mati. Apa yang berlaku termasuk juga di semenanjung ialah setelah waris si mati mendapat permit menguburkan yang dikeluarkan oleh pihak polis dan penguat kuasa tempatan, waris si mati tidak memohon untuk mendapatkan Sijil Kematian di JPN yang berhampiran. Bagi mengatasi masalah ini, pihak JPN sedang mengambil tindakan supaya dokumen permit menguburkan dicatatkan sebagai dokumen JPN. Keadaan ini akan membolehkan pendaftaran Sijil Kematian dibuat secara automatik dan mandatori.

Mengenai perbelanjaan yang tinggi kerana pemohon terpaksa hadir ke JPN Negeri Sarawak untuk menyelesaikan masalahnya, sebenarnya mereka yang menentukan masalahnya di Kuching ialah untuk menghadiri temu duga untuk mendapatkan daftar lewat Sijil Kelahiran atau kad pengenalan. Temu duga ini tidak dimestikan dibuat di Kuching. Malah pada kebiasaannya dibuat oleh di ketiga-tiga pejabat cawangan JPN di Bintulu, Tatau dan Sebauh. Pihak kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa kepada Wakil Rakyat dan Ketua Kaum untuk mengesahkan sama ada seseorang itu warganegara atau sebaliknya. Pengesahan taraf kewarganegaraan seseorang itu berasaskan kepada faktor perundangan dan rekod ibu bapa kepada pemohon di mana Ahli Yang Berhormat dan Ketua Kaum tidak mempunyai maklumat tersebut. Pihak kementerian sedar...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Saya tidak berapa bersetuju jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kalau rayuan, memang mahu sampai Kuching. Kita ada kaji kah ataupun betul-betul kita bertimbang rasa betapa susahnyanya satu keluarga hendak pergi ke Kuching, contohnya kalau penduduk daripada kawasan Bakun, macam mana mahu sampai ke Kuching? Dia mahu turun daripada Bakun sampai Tubau, Tubau turun sampai Bintulu, dari Bintulu barulah naik kereta lagi 16 jam baru sampai Kuching, jadi, siapa yang tanggung belanja itu? Itu satu.

Kedua, tadi kata tidak boleh turun kuasa. Kita sebenarnya bukan minta kuasa. Kita tolong sama Jabatan Pendaftaran Sanggang, penduduk-penduduk di kawasan itu. Berapa puluh kalilah *you* punya *special team* atau pegawai daripada mana, saya pun tidak tahu, selalu turun padang tetapi, sepuluh kali turun, satu kali pun tidak selesai! Bila baru selesai?

Saya berharaplah, pegawai bagilah menteri yang betul sampaikan apa masalah di kawasan. Jangan pusing-pusing di Dewan ini sepuluh kali, kita tidak boleh selesai. Malulah kita Kerajaan Barisan Nasional! Kalau pegawai tidak boleh ditukarkan, kita singkirkan. Apa boleh bikin!... *[Disampuk]*

Ini masalahnya, kita sepuluh kali pusing. Tadi *you* jawab, saya sudah dengar enam tahun dulu. Serupa jawapannya. Saya sudah bagi semua maklumat tapi tidak jalan juga. Masalah itu masih lagi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sudah setuju Ahli Parlimen boleh tolong tetapi sekarang kata tidak boleh. Tidak boleh, tidak apa tapi mesti ada satu rancangan untuk selesaikan masalah ini. Sila tolong jawab.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu, tadi saya sudah sebut, kalau susah oleh kerana perhubungan, jauh-jauh, saya bersetuju pergi ke Kuching mengambil masa yang panjang dan kalau boleh pergi ke cawangan JPN yang saya sebut tadi di Bintulu, Tatau dan Sebauh adalah lebih dekat. Itu satu, yang kedua...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Tan Chai Ho: Nanti, nanti, Yang Berhormat... *[Ketawa]* Di kawasan pedalaman adalah sangat susah atau sukar untuk mereka keluar, jadi saya bersetuju juga di mana JPN menyediakan Unit Khas Bergerak atau *Mobile Unit* supaya pasukan *Mobile Unit* ini boleh masuk ke kawasan pedalaman untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan pedalaman. Kita sudah mengamalkan sistem ini sudah lama dan telah mendatangkan hasil yang baik tetapi oleh kerana banyak kes yang berlaku di mana kita memang tidak boleh menyelesaikan masalah ini dalam masa yang pendek. Jadi, saya mintalah mendapat kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada maklumat mengenai di mana mereka memerlukan bantuan daripada JPN, silalah beritahu kepada kita supaya boleh diambil tindakan seterusnya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh bagi saya mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendek sahaja Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, saya mahu menjelaskan sedikit di sini, berapa kali sudah kita bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran, unit khas kah, atau unit perkara kah, apa unit pun sudah sampai. Kita minta dia rumah panjang, kita umum semua suruh rakyat balik. Siapa belum ada *IC*, siapa belum ada surat beranak semua balik. Saya minta pegawai *you* teruslah mengadakan satu *interview* kepada penduduk, apa dokumen *you* mahu, apa gambar *you* mahu. Pegawai daripada Jabatan Pendaftaran kata tiada wang beli filem, saya keluar wang beli filem, saya habis RM80,000! Empat atau lima kali sudah berjalan tetapi akhirnya kosong balik. Tidak ada hasil pun!

Tadi, berkali-kali kita pergi pusing balik, nanti akhir sekali surat dihantar lagi, mahu *interview* di Kuching. Tadi Timbalan Menteri kata, bolehlah di *interview* di Sebauh. Masalahnya Jabatan Pendaftaran daripada Kuching mesti mahu *interview* di Kuching. Saya fikir pegawai *you* di sana tidak pakai otak!

Seorang Ahli: Tak ada otak!

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya sambung sikit? Saya pun dari kawasan yang serupa, memang ada masalah yang sama. Tadi saya telah dengar Timbalan Menteri telah mengatakan kita buat perancangan tetapi boleh atau tidak ditentukan pada hari ini, pada saat ini juga? Untuk negeri Sarawak, kita akan menyelesaikan segala-galanya dalam masa lima tahun dari sekarang. Sebab kita telah pernah mendengar ini sejak lebih sepuluh tahun, mungkin lebih 20 tahun sudah! Kalau kita setakat berjanji kita akan buat rancangan, itu tidak boleh diterima lagilah. Saya memang menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Bintulu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta gulunglah, Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah diucapkan kepada Yang Berhormat Bintulu dan bagi Kapit ya, di mana pun telah memberi panduan kerjasama kepada Jabatan Pendaftaran Negara, dan saya setuju. Kalau boleh kita hendak selesaikan masalah ini serius mungkin cepat dan kita tidak mahu *delay* lagi, dan saya cadangkan supaya saya akan turun bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ya, saya akan turun melihat dengan sendiri bagaimana keadaan yang tadi disebutkan begitu teruk ya, itu saya akan turun ya, bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedar masih ramai lagi penduduk pendalaman bukan sahaja di Bintulu, Kapit dan Kinabatangan yang masih lagi tidak mempunyai dokumen berkenaan yang sah, masalah perhubungan telah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Yang Berhormat sudah jawab itu.

Datuk Tan Chai Ho: Meningkatkan orang ramai bagi mendapatkan perkhidmatan JPN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat habiskan.

Datuk Tan Chai Ho: *Okay*, sikit sahaja. Unit Khas Pergerakan JPN akan terus berusaha menjelajah seluruh negeri Sarawak bagi menyelesaikan masalah yang telah berlarutan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya, akhirnya, Timbalan Menteri, akhirnya...

Datuk Tan Chai Ho: Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagilah, bagilah..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya penggunaan *MyKad*, penggunaan *MyKad*, akhirnya saya sangat ringkas. Kes ragut, denda, saya mahu satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, penggunaan *MyKad*, *MyKad*. Kes akhirnya. Akhirnya, saya pohon lah kes ragut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kes ragut. Denda bagi kes ragut RM100 itu dan kes bencana alam itu. *Okay*. Kehilangan *MyKad*, apakah kedudukan sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagi *MyKad* yang hilang kerana diragut..

Datuk Tan Chai Ho: Sudah, sudah, duduk. Saya jawab. Duduk, duduk. Saya jawab, jawab. Denda bagi kehilangan *MyKad*, jadi kita sudah cadangkan kepada Kabinet supaya kali pertama RM100, kali kedua RM200 dan kali ketiga RM300. Jadi kes-kes ragut di mana kehilangan *MyKad*, jadi tidak dikenakan denda. Jadi perkara ini masih belum digazet lagi, jadi belum berkuat kuasa. Belum. Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah lulus. Sudah lulus.

Datuk Tan Chai Ho: Ya, sudah lulus tetapi tidak berkuat kuasa lagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah. Sudah.

Datuk Tan Chai Ho: Sudah. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak KHEDN akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya jemput Kementerian Pelancongan. Timbalan Menteri sila.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai Kementerian Pelancongan serta memberi pandangan dan cadangan yang amat berguna di dalam memajukan industri pelancongan negara. Saya percaya segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Ahli Dewan yang mulia ini akan membantu Kementerian Pelancongan di dalam melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan ada membangkitkan soalan, bagaimanakah kementerian boleh mempromosikan Malaysia sebagai destinasi unggul? Jika cara untuk datang ke Malaysia yang satu-satunya pilihan melalui udara adalah mahal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa peka terhadap isu-isu yang boleh menjejaskan industri pelancongan negara. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan sentiasa melipatgandakan usaha dan rangka, strategi baru dalam program-program promosi yang dijalankan bagi menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kenaikan harga tambang kapal terbang MAS sedikit sebanyak memberi kesan kepada para pengguna terutama kepada para pelancong. Walau bagaimanapun, tambang penerbangan bukanlah satu-satunya fakta penentu dalam membuat keputusan perjalanan.

Antara faktor lain yang diambil kira oleh para pengguna adalah kualiti sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan. Bagi menangani masalah ini, di peringkat domestik Kementerian Pelancongan menggalakkan rakyat Malaysia untuk melancong secara terancang, iaitu dengan membeli pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan oleh Agensi-agensi Pengembaraan Tempatan melalui percutian seperti terancang, ianya dapat menjimatkan kos di samping dapat menikmati percutian yang lebih menyeronokkan. Selain daripada itu, rakyat Malaysia boleh juga menggunakan perkhidmatan penerbangan murah iaitu AirAsia bagi tujuan melancong.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa pula, Kementerian Pelancongan sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang unggul di rantau ini. Program-program sedang di perhebatkan dengan MAS dan usaha-usaha untuk kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing dan pengusaha-pengusaha pelancong luar negara turut dipertingkatkan. Antara usaha-usaha yang dijalankan adalah menerusi kempen pengiklanan *tactical* bagi menggalakkan mereka untuk membangunkan dan menjual lebih banyak pakej-pakej pelancongan ke Malaysia. Melalui kempen-kempen ini, syarikat penerbangan dan pengusaha pelancongan yang mengambil bahagian akan membangunkan pakej-pakej pelancongan ke Malaysia dengan kadar harga istimewa untuk meningkatkan ketibaan lebih ramai pelancong berkualiti yang mampu berbelanja besar ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan asing untuk meningkatkan jumlah penerbangan ke Malaysia dan menggunakan KLIA sebagai *international hub*, dengan izin, dengan ini ianya akan meningkatkan penawaran dan memberi lebih pilihan kepada para pengguna. Syarikat-syarikat penerbangan asing juga digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan *chartered flight* yang menawarkan kadar tambang lebih murah dari masa ke semasa bagi memastikan jumlah ketibaan pelancong ke negara ini akan terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan soalan, apakah kerajaan sedar, bila kerajaan mengumumkan untuk menarik pelancong pada tahun 2007 seramai 20 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan persiapan pelaksanaan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 berjalan lancar, jawatankuasa-jawatankuasa berikut telah ditubuhkan:

- (i) Jawatankuasa Induk Tahun Melawat Malaysia 2007 yang dianggotai oleh 16 kementerian yang terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan;
- (ii) Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh kementerian atau agensi yang terlibat; dan
- (iii) Jawatankuasa Kecil Peringkat Negeri yang menyelaras pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2007 di peringkat negeri.

Untuk menerima kunjungan para pelancong dari seluruh pelosok dunia, pihak kementerian telah memperkenalkan Kempen, Malaysia *Welcome the World*, bagi menjemput konsep mesra pelancong di kalangan para *front liners* dalam industri pelancongan.

Melalui kempen ini, pelaksanaan kursus *Think Tourism* telah dipergiatkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh para penggiat industri pelancongan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap menyatakan hendaklah pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengekori jawapan itu tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menubuhkan dua jawatankuasa untuk meningkatkan pelancongan di Malaysia. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa faktor utama ialah keselamatan di dalam negeri. Adakah bercadang untuk tubuh satu jawatankuasa merangkumi dua kementerian, ialah Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan untuk memantau bahawa keselamatan dalam negeri ini amat penting.

Satu faktor utama untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, bahawa ini boleh kalau ada satu jawatankuasa pemantau, saya rasa ini boleh meringankan kerja dan juga memastikan yakini kepada para pelancong. Sebab ini boleh menarik lebih pelancong dari luar negeri. Sebab itu keyakinan keselamatan dalam negeri waktu ini tidak berapa selamat, khususnya di Kuala Lumpur. Sebab ini ragut atau mana-mana jenayah telah tertambah mengikut itu indeks jenayah pada tahun ini Januari hingga Julai sudah meningkat 90% tentang kes ragut ini. Adakah kementerian memantau menubuhkan satu jawatankuasa merangkumi dua kementerian. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat Bukit Bintang. Terima kasihlah atas cadangan. Memang satu jawatankuasa telah diarahkan oleh jemaah menteri yang di pengaruhi oleh Menteri Pelancongan atau Timbalan Menteri Pelancongan, iaitu jawatankuasa Penyelarasan Masuk dan isu-isu pelancong asing ke Malaysia. Isu-isu seperti ragut atau keselamatan memang kita telah bincang dan akan bincang, dan mesyuarat akan ada pada kurang-kurang pada setiap dua minggu sekali dan anggotanya memang kita ada pihak polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, JPJ, MAB, MAS, AirAsia dan juga PKP.

Isu-isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan juga Yang Berhormat Seputeh tadi mengenai isu yang spesifik boleh merujuk kepada saya supaya bangkitkan di Peringkat Jawatankuasa ini. Supaya kita boleh bincang dengan lebih teliti tetapi, saya mesti ada dokumen atau maklumat yang terperinci.

Yang Berhormat Padang Terap menyatakan, adakah pihak MAS tidak menyokong ataupun tidak memberi sokongan terhadap kerajaan untuk mempromosikan negara kita dalam Tahun Melawat Malaysia 2007 nanti kerana didapati bahawa apabila melihat di setiap kapal terbang, hanya satu kaki sahaja tertulis *Visit Malaysia 2007*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan menerusi agensinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia sentiasa berusaha untuk mempromosikan industri pelancongan negara dan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007, kerjasama dengan pihak MAS adalah merupakan salah satu usaha yang sedang giat dijalankan bagi mencapai matlamat ini.

Bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007, Kementerian Pelancongan melalui perbincangan bersama pihak MAS telah mencapai kata sepakat untuk memaparkan logo Tahun Melawat Malaysia 2007 di 86 badan pesawat Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS. Agenda utama memaparkan logo Tahun Melawat Malaysia 2007 ini dan untuk menarik perhatian umum terutamanya pelancong-pelancong di peringkat antarabangsa secara khusus dan di peringkat domestik secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat dua paparan bagi promosi Tahun Melawat Malaysia 2007 pada 86 buah pesawat MAS. Paparan pertama merupakan logo saiz 22 inci dengan 25 inci pada pintu hadapan pesawat. Saiz dipilih supaya dia tidak melebihi saiz bendera Malaysia yang terdapat di semua kapal terbang MAS. Setiap promosi tersebut khususnya untuk penumpang pesawat yang melalui pintu pesawat sahaja. Manakala paparan kedua yang merupakan teks *Visit Malaysia Year 2007*, pada bahagian belakang pesawat bersaiz 25 inci dengan 385 inci dipilih agar ia jelas kelihatan semasa pesawat ditempatkan di terminal.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada promosi badan pesawat MAS, dan Tourism Malaysia telah mengenal pasti untuk promosi-promosi lain bagi tujuan menarik lebih ramai pelancong melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Ini termasuklah pengumuman semasa pendaratan, pengiklanan dalam majalah *Going Places*, tayangan video 4 minit 11 saat dalam *travel section* dan juga kolum dalam *in flight entertainment* dan promosi melalui *Golden Holidays* iaitu anak syarikat MAS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Kudat mencadangkan supaya membina lebih banyak hotel di negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelancongan Malaysia telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM16 juta dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk membangunkan sebuah Hotel Sri Malaysia di Sabah. Kekurangan bilik hotel di Sabah merupakan satu fenomena baru kerana pertumbuhan yang tinggi di dalam jumlah kedatangan kemasukan pelancong ke Sabah beberapa tahun kebelakangan ini.

Oleh itu kerajaan memang menggalakkan pihak swasta untuk menceburi bidang pelancongan dengan menyediakan kemudahan penginapan seperti pembangunan hotel-hotel dan sebagainya ke arah membantu pengusaha-pengusaha di dalam industri pelancongan membangunkan premis-premis penginapan dan juga projek-projek pelancongan, Kementerian Pelancongan telah mengadakan dua tabung pinjaman. Tabung yang dimaksudkan adalah Tabung Khas Pelancongan dan Tabung Infrastruktur Pelancongan dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM1.2 bilion. Ini bertujuan menggalakkan para pengusaha projek pelancongan termasuk segmen industri hotel membangunkan projek-projek mereka. Daripada maklumat yang diperoleh kebanyakan permohonan untuk mendapatkan pembiayaan dari tabung ini adalah dari pihak swasta di negeri Sabah. Kebanyakannya adalah untuk membiayai projek pembinaan hotel.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan juga telah mencadangkan supaya Kementerian Pelancongan menggunakan pulau yang terdapat di Sabah seperti Pulau Gaya dan membangunkan produk-produk pelancongan yang lain seperti mewujudkan pusat perlindungan penyuaian dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, saya sudah *highlight* kan tahun lepas, Tok Bali, Pasir Puteh adalah tempat yang cukup potensi untuk membangunkan industri pelancongan. Pernah kita buat sukan air 300,000, dua hari. Hadir dari dalam dan luar negeri. Maka apakah kita boleh dalam RMK-9 ini untuk kita jadikan bahawa Pasir Puteh iaitu Tok Bali itu pusat pelancongan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat, memang saya pernah pergi ke tempat itu dan saya bersetujulah dengan Yang Berhormat. Kita akan bincang perkara ini dengan pihak berkenaanlah dan kita akan berbincang dengan Yang Berhormat juga, macam mana kita boleh membangunkan tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan mengambil maklum akan keindahan pulau-pulau yang terdapat di negeri Sabah. Oleh yang demikian, bagi pembangunan kemudahan-kemudahan di pulau-pulau atau taman laut, peruntukan sebanyak RM55.3 juta telah diluluskan di bawah program pembangunan eko-pelancongan untuk negeri Sabah. Pembangunan ini adalah bagi pelbagai kemudahan untuk digunakan oleh pelancong domestik dan juga pelancong asing. Kemudahan ini disediakan bagi membolehkan keselesaan di samping memastikan pembangunan infrastruktur pelancongan yang lebih kemas dan teratur.

Antara komponen pembangunan infrastruktur yang dibangunkan oleh Kementerian Pelancongan adalah seperti menaik taraf jalan masuk, pembinaan bangunan, *board walk*, landskap, jeti, restoran, surau, kedai cenderamata, tapak perkhemahan, jeti kecil, tandas, bilik persalinan, menara pemerhati, bangunan sendiri, pusat penerangan pelawat, *chalet*, wakaf, *roof*, *bench* dan kerja-kerja elektrik. Mengenai cadangan mewujudkan pusat perlindungan penyu, Kementerian Pelancongan menyambut baik cadangan Yang Berhormat ini kerana kementerian merasakan ia mampu menarik pelancong termasuk pelancong minat khas.

Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Penampang membangkitkan mengenai insentif dan pengecualian cukai kepada mereka yang terlibat di dalam industri pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, melalui Bajet 2007, kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan negara khususnya sebagai persiapan dalam mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007. Di antara insentif yang diberikan adalah melanjutkan tempoh pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat pelancongan yang mengendalikan sekurang-kurangnya 500 orang pelancong asing atau 1,200 pelancong domestik luar, lepasan duti eksais sebanyak 50 peratus kepada pengusaha pelancongan bagi membeli kenderaan pacuan empat roda ini yang dipasang dalam negara atau CKD.

Tiga pengecualian cukai pendapatan kepada pekerja untuk tujuan pelancongan yang meliputi perbelanjaan, penginapan dan makanan di mana sebelum ini hanya ditawarkan ke atas tambang penerbangan sahaja. Usaha untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007, Kementerian Pelancongan melalui Sekretariat Tahun Melawat Malaysia telah berbincang dan bersetuju untuk menyediakan satu garis panduan bagi menarik penajaan dari penaja-penaja syarikat korporat dan pihak swasta. Garis panduan itu menggariskan faedah-faedah yang akan diterima oleh penaja mengikut nilai tajaan mereka. Usaha-usaha promosi yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan adalah sebagai usaha tambahan bagi menawarkan lagi mengenai kempen Tahun Melawat Malaysia kepada dunia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*].

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ini kerana tanpa promosi yang baik, insentif yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan dapat memberi faedah yang sepatutnya diperolehi. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jerai. Bagi Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahniah, iklan pelancongan baik Tuan Yang di-Pertua. Cuma satu sahaja, kalau boleh kerana saya biasa berjumpa dengan pelajar-pelajar kita di luar negara, jadi pelajar-pelajar ini setiap tahun apabila menyambut Hari Kemerdekaan, pelajar-pelajar Malaysia akan kutip duit sesama dia orang, dia orang buat pertunjukan kebudayaan Malaysia dan sebagainya di universiti-universiti dan juga di rumah-rumah duta-duta kita.

Jadi, kadang-kadang dia orang *constrain* dari segi peruntukan, terpaksa kutip duit poket sendiri. Jadi apakah boleh kementerian Yang Berhormat Dato' memasuki dalam perbelanjaan iaitu untuk memperkenalkan Malaysia dan budaya Malaysia, kita salurkan duit melalui *embassy* kepada pelajar-pelajar ini untuk mereka membuatkan persembahan kebudayaan dan memperkenalkan Malaysia apabila mereka menyambut Hari Kemerdekaan dan sebagainya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Terbatuk*]

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang cadangan ini agak baik, kita akan ambil perhatian ini dan kita akan masukkan program ini dalam promosi kita. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang rajin datang ke Sabak Bernam.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, *Homestay* ini, saya tengok ini satu konsep pelancongan yang sangat menarik dan di Sabak Bernam banyak tempat yang boleh menjadi lebih menarik jika Kementerian Pelancongan dapat memberikan sokongan ataupun dana. Contohnya aktiviti malam, salah satu aktiviti malam yang sering kali ada di Sabak Bernam, ialah aktiviti silat yang tradisional yang memang satu perkara yang dilaksanakan secara bermusim. Masalahnya kerana tidak ada peruntukan. Kalau boleh kementerian ini membantu memberikan peruntukan.

Saya yakin bahawa program ini dapat dilaksanakan secara berterusan, itu perkara yang pertama. Yang keduanya, banyak tempat kalau dijadikan pusat agrotourism, sebenarnya di Sabak Bernam itu begitu banyak. Umpamanya kita ada baki buaya yang dibela di sana, ada dalam lebih kurang 20 ekor daripada 50 ekor. Jadi, kalau tempat ini dijadikan pusat ataupun desa buaya, saya yakin ramai orang akan datang, begitu juga dengan kupang, kerang dan siput sedut. Ada ataupun tidak kementerian memperuntukkan satu dana supaya membangunkan tempat-tempat ini menjadikan destinasi pelancongan yang akan memberikan nilai tambah kepada program *Homestay*. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Memang program *Homestay* ini adalah antara program atau produk pelancongan yang kita sedia adakan.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, kita telah sediakan sebanyak RM40 juta untuk program ini tahun hadapan dan saya akan bincang dengan Yang Berhormat mengenai isu ini. Memang kita alu-alukan program *Homestay* di mana-mana kawasan sebab kita program ini boleh membantu pengusaha-pengusaha *tourism* domestik atau tempatan. Isu dengan *ecotourism* di Sabak Bernam itu, saya akan bincang dengan pegawai atau Exco di negeri Selangor yang bertanggungjawab dalam *tourism* ini supaya kita bincang dengan Yang Berhormat, kita cari macam mana kita boleh membangunkan kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sedikit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi saya terlepas pandang. Saya telah berbincang hangat dengan sahabat saya dari Arau. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, AIPO tahun hadapan akan diadakan di Malaysia dan lebih kurang sepuluh buah negara dan lapan buah negara pemerhati akan hadir di dalam persidangan AIPO yang akan diadakan di Malaysia. Jadi, boleh tidak, saya mohon kementerian Yang Berhormat Dato' supaya kita adakan pertunjukan promosi dan sebagainya kerana yang akan hadir itu adalah Ahli-Ahli Parlimen dalam gabungan AIPO. Jadi ini secara tidak langsung akan mempromosikan *Visit Malaysia Year 2007*.

Jadi saya dipertanggungjawabkan untuk cenderahati dan cenderamata. Yang Berhormat Arau dipertanggungjawabkan dari segi sambutan dan sebagainya. Jadi bolehkah kita gabungkan dengan kementerian dan kita *promote* kan Malaysia untuk Tahun Melawat Malaysia 2007. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Bersetujulah dengan apa Yang Berhormat cadangkan. Memang di dalam satu bahagian di Kementerian Pelancongan kita ada bahagian MICE iaitu *meeting, incentive, convention, and exhibition*. Mesyuarat AIPO ini memang adalah program yang kita alu-alukan dan kita akan memberi bantuan dan kita akan bincang dengan jawatankuasa yang berkenaan supaya kita memberi bantuan yang kita boleh memberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sedikit sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapit dan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu pihak kementerian telah menjalankan banyak publisiti, dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menarik pelancong dari negara China ke Malaysia. Ini kerana kita dapati lebih banyak pelancong dari negara China pergi ke Singapura yang mana kos kehidupan harga jauh lebih jauh lebih mahal dari Malaysia, dan juga mereka ke Singapura.

Akan tetapi mereka tidak datang ke Malaysia kerana berlakunya bad *publicity*, layanan yang agak buruk terhadap pelancong dari negara China. Jadi, soalan saya ialah macam mana kalau kita hendak mengalu-alukan lebih pelancong dari negara China datang ke Malaysia, ini bermaksud apabila mereka menghadapi masalah, pihak kementerian mesti ada satu unit yang mana, boleh membantu mereka dan orang yang menghulurkan bantuan itu, mesti boleh bertutur dalam bahasa Cina.

Jadi, jikalau saya lihat di kalangan pegawai Kementerian Pelancongannya, kebanyakannya pegawai daripada kaum bumiputera. Saya rasa begitu juga kalau kita hendak menarik lebih pelancong dari negara Iran dan negara Timur Tengah datang ke Malaysia, kita juga perlu ada pegawai yang boleh bertutur dalam bahasa mereka. Jadi saya hendak tanya, macam manakah pihak kementerian menyelesaikan masalah ini? Sekarang KLIA telah ada *broadcast* dalam bahasa Mandarin dan juga bahasa Arab dan ini sudah menyelesaikan sedikit masalah yang dihadapi oleh pelancong asing di KLIA tetapi, apabila mereka menghadapi kes ragut, apabila mereka menghadapi masalah-masalah lain, adakah kementerian mempunyai unit yang khas dan mempunyai pegawai yang boleh bertutur dalam bahasa asing ini untuk menghulurkan bantuan kepada mereka? Saya minta penjelasan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat Seputeh. Memang kementerian ambil perhatian, ambil berat mengenai isu ini. Kita tahu ada pelancong begitu ramai dari negara China dan untuk makluman Yang Berhormat, kita tahu kalau banding dengan angka yang pergi ke Singapura, kita akan kurang. Antara sebabnya ialah ada sedikit publisiti yang kurang baik tahun lepas dan juga kita hadapi masalah penerbangan. Kita akan selesaikan masalah itu.

Mengenai isu pelancong dari negara China tidak pandai bercakap dalam bahasa Inggeris, memang untuk makluman, memang mereka datang ke sini, melalui *tour company*, *tour operators* yang ramainya pun tahu bahasa Mandarin. Itu bukan masalah yang besar. Kita memang akan melantik lebih ramai pegawai yang pandai bahasa Mandarin, bahasa Arab dan juga bahasa-bahasa yang lain. Itu adalah tujuan kita dan tanggungjawab kita supaya kita memberi perkhidmatan lebih baik kepada semua pelancong asing, bukan sahaja kepada negara China, kepada India, kepada *Middle East* dan lain-lain juga.

Yang Berhormat Kota Kinabalu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kapit.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat Kapit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta kenyataan daripada Timbalan Menteri, apakah produk-produk *tourism* yang dipromosikan bagi negeri Sarawak sekarang, selain dari program *Homestay*? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat tadi saya telah jawab mengenai dengan Sarawak. Sarawak memang kita pun ada program-program yang spesifik terutama sekali eko-pelancongan, seperti kita ada program yang ramai orang pergi iaitu *tropical rainforest*, *musical festival* yang berada di Kuching dan kita telah menarik begitu ramai pelancong asing dan juga program-program yang lain seperti *Mulu Cave* seperti *jazz musical* di Miri dan lain-lain program.

Memang kita mengalu-alukan pandangan atau cadangan Yang Berhormat kalau ada supaya kita boleh menarik lebih ramai pelancong. Antara sebab kita menghadapi sedikit masalah untuk negeri Sarawak, iaitu kurang penerbangan asing yang pergi terus ke Kuching macam kita tengok ada penerbangan dari Hong Kong dan terus pergi ke KK, Shanghai ke KK, Xiamen, Guangzhou dan itu kita tidak ada terus dari kawasan yang lain pergi Kuching, itu masalah yang kita hadapi dan kita sedang berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan kita harap dengan kerjasama kerajaan negeri, kita akan membawa lebih ramai pelancong asing ke Kuching.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat Kota Kinabalu, Kudat, dan Kinabatangan telah membangkitkan isu mengenai kesan perkhidmatan penerbangan MAS terhadap sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sememangnya memandang serius terhadap isu kelewatan dan kekurangan penerbangan MAS terutama dari Kuala Lumpur ke negeri Sabah. Sehubungan itu Kementerian Pelancongan telah diarahkan oleh Jemaah Menteri untuk mengharapkan perbincangan dengan semua pihak yang berkenaan dan nampaknya isu ini pun telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Pengangkutan..., sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat Pendang telah menyuarakan kebimbangan mengenai kesan penghijrahan pakar perubatan dari kerajaan ke hospital swasta di dalam pelaksanaan *health tourism*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program, *Health Tourism Program*, Kementerian Pelancongan telah dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan program ini di luar negara. Selaras dengan itu Kementerian Pelancongan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan di dalam memastikan kejayaan program, *Health Tourism Program* ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis kah?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat itu sahajalah yang saya ada pada masa ini, dan ada yang saya tidak dapat jawab di sini, saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri sila.

5.03 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, pendapat, pertanyaan, teguran dan cadangan yang membina ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab kementerian sempena perbahasan Bajet 2007 pada 4 hingga 14 September 2006.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membentangkan bajet tersebut pada 1 September yang lalu, telah menekankan kepada pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh kementerian dengan memaklumkan peruntukan sebanyak 721 juta kepada kementerian untuk dibelanjakan pada tahun hadapan. Izinkan saya memberikan ulasan kepada pandangan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kementerian.

Yang Berhormat Sabak Bernam telah bertanya tentang persatuan-persatuan belia yang kebanyakannya tidak aktif, apakah cadangan untuk membolehkan persatuan belia bergerak aktif, dan apakah pandangan sekiranya pemimpin persatuan sendiri terdiri daripada individu yang mempunyai kerja tetap. Mengenai isu persatuan belia yang tidak aktif yang dibangkitkan. Kementerian sentiasa mengambil langkah untuk membimbing pemimpin-pemimpin belia melalui Program Latihan Kepimpinan dan pengkhususan persatuan di samping memberi bantuan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti. Cadangan kementerian untuk memperkenalkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia pada tahun ini, antara lain ialah untuk memperkasa pertubuhan belia melalui pendekatan bersepadu dalam membangun, mendaftar dan mengawal selia kesemua pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah kementerian. Kementerian juga berharap melalui penguatkuasaan tarif umur, ahli dan kepimpinan pertubuhan belia di bawah akta ini dapatlah digerakkan kepada mereka di dalam golongan umur belia.

Yang Berhormat Kuala Terengganu bertanya program dan aktiviti belia amat membosankan....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Sabak Bernam.

Datuk Azalina binti Othman Said: Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah mengkhususkan supaya setiap Ahli Parlimen ataupun Wakil Rakyat memberikan kerjasama dalam membangunkan belia ini supaya kita diberikan data mengenai belia mengikut daerah kita. Jadi dengan ini, kita dapat mengenal pasti manakah belia-belia kita yang patut diberikan perhatian, itu perkara yang pertama.

Yang keduanya dari segi persatuan belia Yang Berhormat Menteri, saya ingat kita kena memberikan perhatian yang khusus, kerana ini identiti bagi belia dan saya lihat di kampung-kampung belia-belia ini sebenarnya dia sudah lemah dan lesu. Jadi saya berharap supaya pegawai belia yang ada di daerah-daerah diberikan satu tugas khusus untuk memastikan bahawa belia berdasarkan kampung itu akan dapat bergerak bersama-sama dengan mereka. Sewajarnya mereka ini harus turun padang ke kampung-kampung daripada masa ke semasa, terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya berkenaan dengan data belia, kementerian menyedari antara masalah paling besar ialah tidak semua belia kita sama.

Itu sebabnya baru-baru ini kementerian dalam dasarnya telah membuatkan projek perintis untuk mewujudkan peta belia di dalam kawasan-kawasan dan bagi kementerian, dengan adanya peta belia ini bukan sahaja data belia dari segi umur, jantina tetapi lebih kepada kawasan hitam, putih dan kelabu kepada apa-apa isu berkenaan dengan masalah gejala sosial yang dapat diselesaikan bersama.

Berkenaan dengan identiti belia, kementerian bersetuju bahawa memang persepsi umum bahawa persatuan belia itu lemah, tetapi sebenarnya tidaklah begitu teruk Tuan Yang di-Pertua kerana masalah dalam persatuan belia selalunya ialah tidak banyak yang minat nak menjadi pemimpin persatuan. Itu sebabnya dengan adanya akta ini kementerian berharap kita dapat memperkasa lagi gerakan belia dengan satu pendekatan yang lebih baru supaya dapat menarik minat belia-belia untuk menjadi ahli persatuan. Berkenaan dengan pegawai-pegawai kementerian, kementerian ingin membuat pengakuan...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Selangor.

Datuk Azalina binti Othman Said: Izin saya habiskan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Azalina binti Othman Said: Berkenaan dengan pegawai-pegawai sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, masalah utama kementerian ialah pegawai kementerian tidak pernahnya cukup. Apa yang kementerian ada ialah pegawai di peringkat daerah. Kementerian tidak ada pegawai di peringkat Parlimen ataupun di peringkat Dewan Undangan Negeri. Apa yang ada di peringkat tersebut ialah wakil-wakil persatuan belia, itu sebabnya kementerian dalam proses nak *reorganise* kan jabatan belia supaya isu-isu ini dapat dilihat dengan lebih mendalam dan memohon Jabatan Perkhidmatan Awam menumpukan bahawa pegawai-pegawai sama ada secara kontrak ataupun secara tetap perlu diwujudkan terutama sekali selepas kita berjaya dalam membuatkan peta belia, justifikasi dengan adanya pegawai-pegawai yang lebih khusus kepada kawasan-kawasan tersebut perlu diadakan. Itu sebabnya saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam kerana menimbulkan isu berkenaan dengan pegawai yang tidak cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri, soal persatuan belia lesu, tidak aktif, hidup segan mati tidak mahu, di antara sebabnya soal kepimpinan dan yang keduanya soal kewangan. Bagaimanakah kementerian melihat perkara ini untuk membantu persatuan-persatuan belia dari segi peruntukan kewangan selain daripada peruntukan yang wakil-wakil rakyat bantu agar persatuan ini dapat mengadakan aktiviti dari masa ke semasa.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Kementerian berharap dengan adanya akta, isu-isu kewangan ini dapat diselesaikan secara tidak langsung, terutama sekali kalau dengan adanya akta ini kita dapat memberikan satu jaminan bahawa persatuan belia itu dapat digerakkan khusus kepada generasi mereka di bawah definisi umur belia yang dicadangkan di dalam akta. Masalah kewangan ialah keputusan selalunya daripada Kementerian Kewangan.

Saya tidak menafikan antara masalah kementerian menghadapi selalu kritikan ialah masalah sukan kerana duit sukan banyak datang daripada cukai *sin tax* jadi pengkhususan perbelanjaan di tumpukan kepada sukan. Berbanding dengan isu belia, kementerian...

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiu.

Datuk Azalina binti Othman Said: Dalam isu belia, kementerian melihat bahawa bantuan kewangan adalah dalam aspek organisasi dan bantuan dari segi aktiviti yang ditetapkan tahunan perbelanjaannya daripada Kementerian Kewangan. Kementerian baru-baru ini telah mewujudkan satu program 'Y' to 'Y' di mana kementerian telah menjemput Ahli Parlimen untuk bekerjasama dengan Kementerian di dalam mewujudkan Peta Belia dan kementerian berharap daripada dikeluarkan hasil peta ini, *insya-Allah* dapatlah kementerian bersama-sama dengan Ahli-Ahli Parlimen melihat tentang perlunya kewangan itu diperbanyakkan untuk membantu belia-belie khasnya di kawasan luar bandar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu sila.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan soal memantapkan lagi kepimpinan belia di peringkat akar umbi melalui persatuan-persatuan belia. Saya suka mencadangkan dan ingin juga melihat respons daripada Yang Berhormat Menteri apa kata sekiranya jabatan belia di peringkat daerah-daerah mengadakan program-program itu secara *joint venture* ataupun bersama dengan persatuan-persatuan belia yang dipilih oleh jabatan belia itu sendiri supaya sedikit sebanyak persatuan belia itu belajar bagaimana hendak mengorganisir ataupun hendak melaksanakan sesuatu program supaya secara tidak langsung jabatan belia ini mahu melahirkan generasi belia yang berketerampilan kepimpinan mereka sedikit demi sedikit. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya perkara *joint venture* ini sudah lama dilaksanakan. Antara sahabat, rakan kongsi kementerian ataupun jabatan belia di peringkat dan negeri ialah majlis belia negeri dan majlis belia daerah. Jadi kementerian tidak melihat ini sebagai satu perkara yang baru. Walau bagaimanapun, di dalam akta kementerian ada mencadangkan wujudnya majlis perundingan, selain daripada majlis belia di peringkat negeri, majlis belia di peringkat daerah dan sekarang ini wujud. Kementerian mencadangkan diwujudkan majlis perundingan belia di peringkat negeri dan majlis peringkat belia di peringkat daerah supaya hubungan rapat di antara jabatan belia dan NGO-NGO belia dan yang paling penting pemimpin-pemimpin masyarakat supaya isu-isu berkenaan belia akan menjadi isu bersama semua pihak yang mempunyai kepentingan di dalam kawasan-kawasan tertentu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu..., Padang Terap, Jerai, mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jerai...

Datuk Azalina binti Othman Said: Dua-dua pun boleh... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang ini, saya pilih Padang Terap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa pasal?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia bangun dahulu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* ...Oh ya?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, tahniahlah di mana nampak akhir-akhir ini sudah nampak belia telah agak bernafas semula di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Dahulu kita ada sembilan rakan yang hidup, iaitu Rakan Sukan, Rakan Rekreasi, Rakan Waja Diri, Rakan Wira Mahir, Wira Usaha., semua ada sembilan, semuanya. Saya nampak ada sebab-musababnya kenapa persatuan belia kita tidak aktif di akhir-akhir dan sebelumnya, dan pada masa kini, mungkin kerana setiap aktiviti jabatan untuk kursus kah, apakah mengambil peserta tanpa melalui persatuan belia. Pegawai belia terus memilih, mengambil, sesiapa yang berminat untuk dihantar kursus.

Jadi anak-anak muda atau para belia kita tidak berminat masuk belia kerana Pegawai Belia terus mengambil peserta tanpa beritahu belia. Ini kerana ada sembilan gaya hidup tadi. Adakah kita bercadang untuk mengkaji semula sembilan gaya hidup ini ataupun setiap aktiviti belia, program jabatan dan kementerian mesti melalui persatuan belia yang ada di kampung ataupun di mana-mana juga. Mesti melalui mereka barulah para belia berminat untuk menyertai badan-badan belia di semua peringkat. Adakah kita akan kaji semula sembilan Rakan Muda ini ataupun mesti mengambil melalui persatuan-persatuan belia, mengambil peserta untuk kursus dan sebagainya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Sebenarnya isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu memang sesuatu yang disedari oleh kementerian kerana masalah belia ini kalau kita definisikan umur di bawah umur 40 tahun, jumlahnya 11 juta orang. Ahli persatuan belia Yang Berhormat hanya 2.8 juta, itu menyebabkan bahawa apabila kementerian atau jabatan melaksanakan program perlu dilaksanakan dengan mereka-mereka yang juga bukan persatuan belia. Kalau kementerian khusus hanya dengan ahli-ahli persatuan belia mungkin kita akan sempitkan kehadiran mereka-mereka yang bukan daripada persatuan belia.

Walau bagaimana pun, kementerian juga menyedari bahawa isu persatuan belia yang sering dituduh itu lesu dan sering dituduh tidak mempunyai kebolehan itu saya rasa tidaklah kata semuanya, walau bagaimana pun saya mendapat maklumat bahawa banyak persatuan belia memaklumkan bahawa Wakil-Wakil Rakyat sentiasa peka kepada kewujudan persatuan belia terutama sekali di kawasan-kawasan mereka. Tidak adalah persatuan belia yang mana wakil rakyat mereka tidak kenal tetapi, disebabkan amalan demokrasi kerajaan kita, persatuan belia di kawasan akar umbi ini memang banyak. Ada yang terkenal, ada yang tidak terkenal, itu sebabnya Akta Belia yang akan diwujudkan ini sangat penting supaya kementerian dapat senaraikan semula semua gerakan belia di negeri dan di daerah supaya apabila kita nak memberi bantuan kewangan, kita tahu mereka di mana dan apakah pengkhususan mereka.

Masalah yang kita hadapi ialah pada hari ini semua persatuan belia didaftarkan di bawah pendaftar pertubuhan, bererti kementerian tidak ada senarai. Jadi yang mana pada saat ini pun hendak dilahirkan dengan mengisi borang pun kementerian tidak akan dimaklumkan.

Itu yang sebabnya mungkin kadang-kadang mereka yang lebih rapat dengan pegawai-pegawai di peringkat negeri dan di peringkat daerah yang kenal dengan pegawai-pegawai di peringkat negeri dan peringkat daerah, persatuan belia tersebut mempunyai lebih banyak sedikit kelebihan kerana mereka kenal. Walau bagaimana pun kementerian menyedari bahawa kadang-kadang pendekatan ini tidak berlaku adil terutama sekali pada mereka yang tidak menjadi ahli-ahli persatuan. Itulah sebabnya pada tahun 90-an, Rakan Muda diwujudkan. Rakan Muda diwujudkan dengan gaya-gaya hidup tertentu di mana belia-belia di antara umur 15 hingga 25 tahun diberikan pendekatan-pendekatan yang dapat dilihat menggalakkan belia dekat dengan kerajaan.

Walaupun bagaimana pun kementerian menyedari pada tahun 2006 ini Rakan Muda juga perlu dilihat dan dibentuk pada keadaan mengikut zaman. Itu sebabnya kementerian telah diberikan arahan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Rakan Muda ini dikaji semula, dalam bahasa Orang Putih Tuan Yang di-Pertua, *rebrand*, dengan izin, Rakan Muda supaya ia berdekatan dengan cita rasa belia-belia terutama sekali di bawah umur 25 tahun. Yang Berhormat sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun] [Tunduk memberi hormat sebanyak dua kali]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hormat, hormat, jangan dua-dua sekali..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas..., Yang Berhormat selepas Yang Berhormat Jerai, saya ingin mencadangkan membenarkan Yang Berhormat Menteri teruskan jawapan ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan ganggu, jangan ganggu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan ganggulah, jangan ganggu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kasihan menteri, banyak lagi nak jawab ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh Yang Berhormat Jerai duduk, saya pun tidak ada halangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak patutlah, saya sudah berdiri ini. Yang Berhormat Menteri, pertama saya hendak mengucapkan tahniahlah, ada nampak keserlahan Kementerian Belia dan Sukan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh! Apa dia punya beza Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, yang kedua Yang Berhormat Menteri, belia hari ini adalah modal insan negara kita dan masalah yang saya lihat, belia hari ini ialah kerana mereka tidak ada aktiviti yang mencukupi untuk 'mendiscaj' kebeliaan mereka itu tetapi...*[Dibantu oleh Yang Berhormat Arau]* Merealisasikan, tetapi apabila Yang Berhormat mengadakan Kelab Sukan Komuniti, saya dapati apabila saya melancarkan kelab ini, saya dapati belia-belia berhimpun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap, kalau hendak minta penjelasan sila kemukakan soalan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak masuk, kita kena minta izin, cara elok-elok, kalau tidak, Yang Berhormat tidak faham soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kalau tidak faham, tidak payah tanya. Cukup...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebab saya berbincang hangat dengan Arau, sebab Arau pun dia malas hendak bangun kerana berat badan sedikit!.....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada banyak Kementerian lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi boleh atau tidak Yang Berhormat kita banyakkkan lagi aktiviti-aktiviti supaya belia-belia ini, macam yang saya tubuhkan dalam kawasan saya ada kelab karaoke, saya ada kelab *internet* dan sebagainya, jadi budak-budak ini belia dia ditumpu ke situ, jadi dia kurang ke arah yang boleh merosakkan negara kita ini.

Jadi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat sebagai menteri, supaya membuat program-program yang boleh mendekati belia bersama dengan kita dan menghindarkan mereka dari terlibat dengan gejala sosial.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri, teruskan kerja Menteri yang baik itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik, baik, teruskan Menteri.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tambah sikit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu kah, Sabak Bernam?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ada kaitan, ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta kerjasama.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tangga Batu *last*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Sabak Bernam. Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang bagaimana penubuhan ataupun gagasan Rakan Muda ini sebenarnya adalah untuk memberikan tenaga kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang lesu di peringkat akar umbi. Itu mungkin ukuran sepuluh tahun dahulu Yang Berhormat Menteri. Jadi dalam nak *re-brand* Rakan Muda ini harapan saya adalah supaya kita melihat pertembungan yang berlaku di antara Rakan Muda dan pertubuhan-pertubuhan belia hari ini.

Umpamanya program-program Rakan Muda dianggap sebagai bersaing kepada program-program pertubuhan belia, akhirnya yang menjadi lesu dan lemah adalah pertubuhan-pertubuhan belia, sekali gus menafikan hasrat penubuhan Rakan Muda di peringkat awal dahulu, yang pertama Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua Yang Berhormat Menteri, saya melihat Yang Berhormat Menteri begitu bersungguh-sungguh untuk membawa Akta Pembangunan Belia ini dan saya selaku juga wakil pada pertubuhan-pertubuhan belia mengalu-alukan perkara ini. Dan saya juga mengharap supaya di dalam Akta Pembangunan Belia nanti, benar-benar kita menjurus kepada bagaimana untuk menggalakkan belia-belia di peringkat akar umbi, di cawangan-cawangan untuk secara *self motivation*, secara galakan rangsangan dalaman diri sendiri untuk memimpin, bukannya disebabkan oleh faktor-faktor luaran seperti yang berlaku pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Kepada Yang Berhormat ya, dua isu tadi itu, saya ingin berkata bahawa memang liga sukan komuniti itu banyak mendapat sokongan daripada peringkat akar umbi. Tapi saya juga dimaklumkan bukan semuanya generasi belia yang menjadi *participant*, dengan izin, ada percampuran kerana kita di dalam sukan tidak dapat membezakan di antara tua dengan yang muda.

Walau bagaimanapun, liga sukan komuniti ini memberikan kesedaran kepada kementerian bahawa masyarakat tempatan mempunyai idea yang banyak kalau diberi peluang untuk memimpin isu-isu di bawah. Itu sebabnya kementerian menyedari, kita tidak boleh hanya letak tanggungjawab belia kepada persatuan belia, kita tidak boleh letak tanggungjawab belia hanya kepada jabatan belia. Itu sebabnya kementerian nak mewujudkan Program 'Y' to 'Y' ini dengan Ahli-Ahli Parlimen dengan harapan dalam tiga bulan hingga bulan Disember, kita dapat sama-sama mencari isu-isu belia di kawasan luar bandar khususnya, di kawasan bandar amnya di mana kemungkinan penekanan program belia setiap kawasan beza dengan belia yang lain.

Saya kadang-kadang memohon maaf bagi pihak kementerian kerana bila kita melaksanakan program, kita selalu menganggap belia semua sama. Itu sebabnya kalau nak hadir program, selalunya belia-belia yang minat pada isu itu saja yang hadir, yang kadang tak minat langsung tak datang tetapi kita memang tahu pendekatan sukan itulah yang mereka paling minat. Itu sebab kadang-kadang orang tegur kementerian kenapa lebihkan sukan? Sebab kementerian melihat bukan lebihkan sukan, kerana sukan lebihkan kepada belia dan belia pun suka juga pada sukan. Mungkin kata Yang Berhormat betul, belia ini suka lepaskan, tak tahu lepas apa Yang Berhormat, tapi mungkin tenaga banyak. Bila tenaga banyak tu, dia lari kah, dia lompat, itu yang dia seronok tetapi sekarang pun, kita pun tengok dengan adanya program-program kementerian, orang-orang yang bukan belia pun minat nak melepaskan sesuatu, jadi kementerian tidak boleh mendiskriminasikan.

Berkenaan dengan Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu mengatakan Rakan Muda ini mungkin melesukan. Saya Yang Berhormat, sebenarnya memohon bahawa tiap-tiap tahun, 400 ribu budak-budak sekolah kita, yang keluar daripada Tingkatan 5, sekolah. Saya tak yakin persatuan belia boleh menyelesaikan 400 ribu mereka ini. Persatuan belia perlu bantuan daripada kerajaan yang disebut Jabatan Belia dan Sukan, yang dikhususkan yang disebut Bahagian Rakan Muda.

Sebenarnya niat kementerian Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk membantu persatuan belia. Dan dengan ada akta ini, kementerian menyedari persatuan-persatuan belia akan diberikan satu pendekatan yang baru yang *insya-Allah* akan memberikan ramai belia berminat kepada aktiviti-aktiviti persatuan belia.

Itulah harapan kementerian yang utama di dalam Akta Belia dan saya berharap dalam *rebranding*, dengan izin, Rakan Muda ini, kementerian nak menekankan kepada umur di bawah 25 tahun selain daripada gaya hidup yang sihat, mereka di bawah umur belia remaja ini perlu dikhususkan kepada program kesukarelaan, *volunteerism*, dengan izin.

Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, masalah kita sebab saya dah kata dulu masa saya ada gulung perbincangan, belia-belia kita ini selalu nak 3T, Tuan Yang di-Pertua, topi, *t-shirt*, tambang. Bukan apa, kata orang, "teringin tapi takut", itu isu lain tetapi, 3T - *t-shirt*, topi, tambang. Kalaulah kita buat program, 3T tak ada, kita dapat laporan belia-belia tak nak keluar. Jadi kalau mereka hendak kan 3T, bererti belia tidak datang kepada program kerajaan atas dasar kesukarelaan. Inilah sebenarnya cabaran kementerian supaya 3T ini tidak digalakkan dan mereka keluar menghadiri program-program persatuan belia ataupun program-program kerajaan atas dasar minat dan semangat belia yang ada dengan diri mereka.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Yang Berhormat Kuala Terengganu, bertanya tentang program dan aktiviti belia membosankan, kelesuan persatuan belia dan dia juga telah menimbulkan isu berkenaan dengan persatuan-persatuan belia yang pada hari ini memainkan peranan yang begitu terkenal ialah persatuan MAYC dan persatuan 4B. Yang Berhormat telah meminta Menteri untuk semak semula dari segi kepimpinan kedua-dua persatuan berkenaan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, isu membosankan itu saya dah jawab, tak semestinya semua persatuan belia mempunyai masalah kepimpinan yang lesu ataupun yang tidak perkasa persatuan mereka. Walau bagaimanapun kita juga menyedari kejayaan MAYC pada hari ini dan Gerakan Belia 4B diterajui oleh pemimpin-pemimpin yang disebut pemimpin belia yang khususnya disebut pemimpin belia veteran. Mereka adalah individu-individu yang dapat memimpin.

Walaupun bagaimanapun kementerian menyedari bahawa perlunya kesinambungan kepimpinan pemimpin dalam persatuan belia di mana Akta mahu mencadangkan dikhususkan gerakan belia semuanya di bawah umur 40 tahun supaya pemimpin-pemimpin yang lebih muda, yang lebih bertenaga, dengan bantuan daripada pemimpin-pemimpin belia veteran, dapat memimpin persatuan-persatuan belia yang ada dalam negara kita.

Yang Berhormat Setiu membangkitkan isu penyalahgunaan dadah di kalangan belia dan bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut. Dan juga kurangnya semangat kesukarelaan dan patriotik di kalangan belia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menjawab soalan tersebut dan soalan ini juga boleh diikatkan dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Sri Gading, Sabak Bernam, Maran, Sungai Petani dan Kuala Krau.

Kementerian sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bekerjasama dengan semua agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam isu dadah. Kementerian pada tahun 2004 telah mewujudkan Program Belia Benci Dadah di mana program ini adalah satu program rakan kongsi dengan Majlis Belia Malaysia. Pada hari ini kementerian melihat, kejayaan program ini lebih mewujudkan kesedaran kepada belia-belia. Program ini bukanlah program yang disebut sebagai menahan belia-belia daripada dadah. Ini di luar bidang kuasa kementerian.

Akan tetapi, program kesedaran adalah di dalam bidang kuasa Kementerian. Kementerian juga baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia untuk mewujudkan peta belia ataupun dalam bahasa teknikalnya ialah pemetaan belia dengan izin, *youth mapping*. Kementerian menyedari bahawa pelaksanaan peta ini sangat penting kerana belia pada hari cabaran mereka berlainan, fokus mereka berlainan dan kita perlu mengambil kira taburan latar belakang belia-belia di dalam setiap kawasan supaya kita dapat mengkhususkan minat mereka kepada program-program yang dapat menggalakkan mereka keluar untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sihat. Kementerian juga mendapat kebenaran daripada Kabinet untuk mewujudkan program baru yang dipanggil Program Memperkasa Tenaga Muda atau PMTM. Program ini Kabinet telah bersetuju memberi kebenaran kepada Kementerian untuk melatih 20,000 orang peserta sehingga bulan Disember 2006 dengan peruntukan sebanyak RM9 juta di 20 daerah.

Arahan yang diberi kepada Kementerian adalah supaya mereka-mereka yang gagal memasuki program khidmat negara yang cukup berjaya dengan generasi belia kita, diberikan peluang melalui program PMTM. Lima modul teras ditekankan dalam PMTM iaitu pembinaan jati diri, pembinaan kepimpinan, pembinaan kesukarelaan, pembinaan pendidikan dan kemahiran serta pembinaan kerjaya dan keusahawanan. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada NGO-NGO yang ada kerana mereka membantu Kementerian dengan menghantar belia-belia yang boleh dilihat agak nakal sedikit untuk menghadiri program ini.

Kementerian menyedari bahawa belia-belia seperti dengan izin, geng-geng mat rempit kah, geng-geng yang lepak Tuan Yang di-Pertua, kalau diberikan peluang mereka untuk menghadiri kursus mereka dilihat dapat memberikan peranan dan kesan yang positif kerana mereka menyedari masyarakat masih memerlukan mereka. Itu sebabnya program PMTM ini dilaksanakan supaya golongan belia yang menganggap diri mereka tidak diterima oleh masyarakat terutama sekali belia-belia yang menganggap mereka ini mempunyai tanggapan negatif daripada masyarakat diberikan peluang untuk menghadiri kursus yang dapat memberikan mereka peluang kedua di dalam masyarakat...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sikit sahaja, sikit sahaja..., mat rempit.

Datuk Azalina binti Othman Said: Saya ada isu belia, yang soalan daripada Yang Berhormat Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bab mat rempit ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai lagi. Ada Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Mat rempit tadi, sikit sahaja.

Datuk Azalina binti Othman Said: Akan tetapi, Yang Berhormat Sungai Petani ini yang terakhir? Itu saya menjawab, kemudian mat rempit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Azalina binti Othman Said: Mat rempit?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Baru-baru ini kita dengar bahawa Putera UMNO nak menganjurkan program bermotor mat rempit ini. Bagi saya, itu bukan satu program yang agak baik untuk mendekati mat rempit ini ke hala yang baik. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Adakah kementerian turut menyokong program yang sedang dirancang oleh Putera UMNO ini supaya menarik mat rempit bersama dengan masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian nak memaklumkan, nak mendefinisikan mat rempit ini bukan ada definisi yang tetap. Hanya dia seorang lelaki dan dia suka naik motosikal, tidak semestinya dia mat rempit. Sebab adanya mereka yang naik motosikal itu graduan-graduan universiti, ada yang naik motosikal itu cikgu-cikgu sekolah. Dan tak semestinya mereka yang naik motosikal yang dipanggil mat rempit. Ini adalah golongan-golongan yang menyusahkan masyarakat. Itu sebabnya kementerian tidak bersetujulah bahawa belia-belia kita ini, kita memberikan identifikasi kepada mereka berdasarkan kepada minat mereka.

Kemungkinan mereka yang minat motosikal ini yang disebut mat rempit ini ialah mereka-mereka yang mempunyai kebolehan nak membawa motor untuk sukan motosikal ke *GP Motor*, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu.

Datuk Azalina binti Othman Said: Bagi izin saya jawab. Oleh itu bagi kementerian, kita tidak ada masalah menyokong apa-apa program kerana kementerian mempunyai cawangan sukan bermotor di mana siapa yang minat nak naik motosikal kah, jenis motosikal dan seterusnya boleh melaksanakan program sukan bermotor dengan kementerian. Berkenaan dengan mat rempit ini, izinkan kementerian memaklumkan bahawa 167 daripada mereka telah diberikan kepada kementerian melalui Putera UMNO untuk menghadiri program PMTM yang saya dah sebut tadi dan daripada kesan kursus ini, kita melihat mereka mempunyai kesan yang sungguh positif selepas mereka tamat kursus sepuluh hari ini.

Jadi kementerian melihat sebenarnya, tidaklah dapat digambarkan mereka-mereka yang suka naik motosikal dan mereka adalah generasi belia dianggap sebagai golongan yang negatif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiu ada berkaitan dengan perkara yang sedang dibangkit?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya. Program memperkasa tenaga muda Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, sebenarnya saya minta supaya semua diringkaskan, supaya masa yang mencukupi dapat kita berikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk gulung. Inilah permintaan saya. Jadi, kalau boleh, kalau tak mustahak, tak payah minta penjelasan.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, memperkasa tenaga muda. Saya ucap tahniahlah kerana saya sendiri melihat program ini dan kita tengok anak-anak muda begitu bersemangat dengan program ini tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau dulu ada PKSN, sekarang sudah ada PKLN, kemudian Program Memperkasa Tenaga Muda.

Cuma saya ingin tahu, apakah program ini kepada peserta-peserta akan berakhir hanya setakat memperkasa tenaga muda ataupun apakah program susulan kepada mereka, kepada peserta-peserta ini selepas mereka ini tamat daripada program ini. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mewujudkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia iaitu IPPBM, di mana semua yang mendaftarkan diri di dalam mana-mana program kementerian, akan mengisikan borang mereka di bawah IPPBM supaya kementerian dapat memantau dan melaksanakan pendekatan susulan.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu belia ialah soalan dari Yang Berhormat Sungai Petani. Berkenaan dengan kementerian kurang memberi tumpuan kepada program-program belia dan lebih menumpukan kepada program sukan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin menyatakan bahawa kenyataan ini adalah tidak begitu tepat kerana sebenarnya kementerian memberikan pengkhususan yang sama kepada kedua-dua program, tetapi penambahan adalah lebih kepada program-program belia disebabkan bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan terlibat dalam isu program kerajaan yang ada kena mengena dalam belia. Kalau kita kaji selain daripada Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan dan kementerian Datuk Rais saya lupa pula, KeKKWa.

Jadi kementerian-kementerian ini kalau dihimpunkan sekali, perbelanjaan peruntukan mereka untuk program-program yang kena mengena dengan belia Tuan Yang di-Pertua, saya berasa yakin bahawa kerajaan memberikan banyak penumpuan kepada belia terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan menekankan kepada aspek modal insan. Sebenarnya Program Modal Insan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah program yang menekankan kepada belia, di dalam aspek latihan kepimpinan, kemahiran, keusahawanan, pembangunan-pembangunan kepimpinan serta pemulihan belia secara langsung ataupun tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sukan. Yang Berhormat daripada Ipoh Timur, Arau, Jerai, Gombak, Kuala Terengganu dan Parit Sulung menimbulkan soalan-soalan dan saranan-saranan yang mempunyai persamaan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam meningkatkan mutu sukan negara, sukalah mengatakan bahawa kita sentiasa terbuka dalam menerima kritikan ataupun pandangan dalam proses kita meningkatkan martabat sukan negara. Kementerian Belia dan Sukan bersama agensi-agensi khususnya Majlis Sukan Negara dan majlis sukan negeri-negeri yang merupakan agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan sukan prestasi tinggi, sentiasa menjadi hasrat untuk mempertingkatkan prestasi sukan dalam negara kita sebagai agenda utama kementerian khasnya dalam aspek pendekatan modal insan.

Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dihadiri oleh 15 Menteri Kabinet, jelas menunjukkan bahawa kerajaan mempunyai keprihatinan untuk meningkatkan prestasi sukan dalam negara kita.

Kerajaan melihat sukan sebagai satu perkara yang sangat penting kerana ia merupakan satu cara yang sangat mudah dan berkesan untuk menyatupadukan rakyat terutama sekali masyarakat berbilang bangsa dan agama di dalam negara kita.

Di samping itu, sukan juga mampu meningkatkan imej negara melalui pencapaian cemerlang atlet-atlet di pertandingan antarabangsa, tetapi lebih daripada itu sukan juga merupakan wadah yang dapat membentuk peribadi yang mulia di kalangan belia-belia remaja kita yang mempunyai sifat-sifat disiplin, rajin, menghormati rakan, kompetitif, bekerjasama, berdedikasi, berani dan mempunyai semangat patriotik. Apa yang jelas selama ini adalah bahawa mutu sukan negara kita mengalami peningkatan imej di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun masyarakat sering beranggapan mutu sukan negara kita merosot, ekoran daripada kemerosotan beberapa sukan popular seperti bola sepak. Namun demikian, kita berjaya dalam beberapa sukan yang lain yang mungkin jarang diperkatakan kepada masyarakat tetapi sejak kebelakangan ini, sering disebut. Contohnya sukan skuasy, boling, boling padang, terjun, karate do, wushu, gimnastik dan sebagainya. Apa yang kita akui Tuan Yang di-Pertua ialah prestasi sukan negara kita tidak konsisten. Ini menyebabkan timbullah anggapan negatif-negatif mengenai mutu sukan negara kita.

Kementerian seperti biasa sentiasa bersikap positif dan sentiasa mencari jalan untuk memastikan bahawa atlet negara kita lebih konsisten dalam melahirkan prestasi yang terbaik di peringkat antarabangsa. Justeru itu, kementerian telah pun melaksanakan beberapa langkah di antaranya menempatkan beberapa atlet kita berlatih sepenuh masa di luar negara. Di mana pada hari ini, antara hasil kejayaan ialah kemenangan Nicol Ann David kali kedua sebagai Juara Terbuka British, sukan skuasy.

Tuan Yang di-Pertua, sukan prestasi tinggi adalah sangat mahal untuk dilaksanakan. Ini adalah kerana kos untuk menyediakan atlet yang dapat bersaing dengan atlet-atlet di negara lain adalah melibatkan kos yang besar dibandingkan dengan pelaksanaan Program Sukan Untuk Semua.

Setiap negara di dunia akan berusaha termasuk dengan membelanjakan peruntukan yang banyak dalam melahirkan atlet dan pasukan kebangsaan masing-masing supaya dapat memenangi kejohanan antarabangsa. Saingan yang hebat ini menyebabkan kos untuk menyediakan atlet dan pasukan yang mampu bersaing menjadi hal.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Azalina binti Othman Said: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, boleh?

Datuk Azalina binti Othman Said: Saya habis sedikit boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak suruh Datuk habis baru saya bangun atau macam mana itu maksudnya?

Datuk Azalina binti Othman Said: Saya habis sedikit dan Datuk....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baru saya bangun?

Datuk Azalina binti Othman Said: Tanya soalanlah bangun kah duduk, terpulang pada Datuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bijak jawapan menteri ini, hebat menteri ini.

Datuk Azalina binti Othman Said: Untuk menyediakan program latihan jangka panjang dan jangka pendek sukan, cabaran utama kementerian Tuan Yang di-Pertua ialah memastikan atlet-atlet ini menerima sukan sebagai kerjaya profesional mereka. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, seorang atlet memerlukan latihan enam hingga lapan jam sehari. Ini kalau kita lihat kalau mereka kerja sepenuh masa dan tidak berlatih akan mengalami kerugian dan kalau mereka berlatih enam hingga lapan jam sehari kadang-kadang akan mengganggu kerjaya mereka sepenuhnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah boleh masuk sekarang Datuk?

Datuk Azalina binti Othman Said: Lagi sekejap lagi. Melalui pendekatan ini skim-skim latihan diwujudkan dan kementerian berharap sokongan-sokongan ini dapat memberikan keyakinan kepada atlet bahawa sukan di Malaysia adalah satu budaya dan juga satu kerjaya. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya sesetengah masa kagum juga dengan Yang Berhormat Menteri ini, sesetengah ketika saya gembira dengan Menteri ini. Sesetengah ketika saya sedih juga dengan menteri ini, kegigihan beliau memang tidak boleh dipertikaikan. Beliau memang berhasrat dengan kementeriannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan masuk soalan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak masuk tadi pun susah sudah masuk ini pun susah macam mana Tuan Yang di-Pertua? Sabar Tuan Yang di-Pertua ya. Bersungguh-sungguh dia dan kementeriannya itu saya tidak nafikanlah tetapi apakan daya jenis-jenis sukan kita ini berbagai-bagai, ada yang memang di peringkat antarabangsalah ada di peringkat serantau ada di peringkat maknanya kejayaan tetap ada jugalah di samping kelemahan. Cuma yang dipertikaikan sangat Tuan Yang di-Pertua, yang menarik perhatian sangat Tuan Yang di-Pertua, yang menyentuh sangat hati ialah bola sepak Tuan Yang di-Pertua.

Bukan kita hendak menafikan sesiapaalah bukan hendak menyalahkan sesiapa tetapi kita rasa sedih kalau sekecil Togo, sebuah negara yang tidak dikenal di antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, Togo. Negara Togo pun boleh masuk dalam *32, the top list World Cup* punya pasukan Tuan Yang di-Pertua, Togo Tuan Yang di-Pertua, *astaghfirullah*. Saya tengok dia orang budak-budak dia berlatih pun celah-celah pokok, celah-celah kaki ayam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat senang sahaja tanya Menteri mengapa Malaysia tidak boleh, jadi duduklah, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua dia pun penat menjawab tadi saya tengok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanya Menteri mengapa Malaysia tidak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada 52 minit dia menjawab berdiri Tuan Yang di-Pertua jadi saya memberikan dia kerehatan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebab itu saya menggunakan cerita sedikit. Saya terus masuk Tuan Yang di-Pertua arahan Tuan Yang di-Pertua saya patuhlah. Apa ikhtiar agaknya, ikhtiar-ikhtiar? Kata setengah kawan-kawan ada sesetengah kata pemakanan kita, Togo makan apa Tuan Yang di-Pertua makan kelapa Tuan Yang di-Pertua. Apa dia boleh pergi *World Cup*, apa Tuan Yang di-Pertua agaknya? Setengah negara Afrika ini pun bukan hendak menghinalah tidak tentu apa pun makanan dia tetapi dengan semangat kegigihan. Jadi agaknya boleh dapat ulasan sedikit apa agaknya perasaan Yang Berhormat Menteri, apa agaknya masa depan yang akan diberi kepada bola sepak tanpa hendak menyalahkan sesiapa Tuan Yang di-Pertua, menyalah pun sudah tidak guna Tuan Yang di-Pertua kita puas salah menyalah tetapi tang itu juga kita kan. Boleh jadilah *you* kata boleh sambung.

Okey Tuan Yang di-Pertua terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua tiap kali saya masuk Dewan selalu tanya soalan bola sepak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Azalina binti Othman Said: Semua tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh semua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Di luar Dewan dalam Dewan, saya pun tidak tahu apa hendak jawablah Tuan Yang di-Pertua sebab masalahnya di sini kerajaan ialah kerajaan demokrasi. Kita hanya bagi bantuan kewangan atau kepakaran kepada bola sepak melalui persatuan. Kita pun sudah masukkan persatuan bola sepak di bawah senarai sukan lapan teras. Saya pun sudah tulis surat hendak menghadap Sultan Pahang Duli Yang Maha Mulia Tuanku Presiden Persatuan. Saya pun sudah bincang dengan Timbalan Presiden Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang hendak bawa bawah 20 bawah bidang kuasa kerajaan. Tengku Mahkota setuju, saya dimaklumkan FAM tidak setuju.

Jadi sehinggalah kalaulah kerajaan diberikan kuasa semua penuhnya hendak mengawal bola sepak bolehlah saya hendak jawab soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sebab masalah senarai peraturan bola sepak dunia FIFA Tuan Yang di-Pertua dia tidak membenarkan kerajaan campur tangan. Saya Tuan Yang di-Pertua baru balik daripada Qatar mereka hendak buat persediaan sukan Doha dia maklum pada saya Singapura, China dengan Qatar sudah letakkan kerajaan terlibat mengawal semua persatuan sukan walaupun tentangan daripada peringkat antarabangsa. Sebab mereka berpendapat pelaburan yang paling besar kepada sukan adalah kerajaan duit rakyat.

Jadi bila kalah surat khabar banyak menteri, banyak timbalan menteri, Ahli Parlimen marah semua orang marah siapa tidak hendak menang? Kerajaan memang hendak menang tetapi kalaulah kerajaan tidak boleh mengawal hanya memberi nasihat, saya rasa susahlah hendak jawab.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menghadap Tuanku pun hendak tunggu tarikh tidak dapat. Bukannya saya kata apa Tuan Yang di-Pertua masalah sekarang ini ialah semua persatuan sukan dalam negara kita dikawal oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Jadi Pejabat Pesuruhjaya Sukan pun berpeluh-peluh hendak mengawal persatuan sukan yang mempunyai kebebasan mentadbir kewangan mereka. Jadi kalaulah atlet tidak berjaya, yang menyenaraikan atlet ialah persatuan sukan. Majlis Sukan Negara mengambil atlet dan dilatih, kalau dibagi yang tidak sihat pun kita sihatkan. Itulah sekadar yang mampu diberi oleh kerajaan.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bola sepak kah, atau mana-mana persatuan sukan, bagi saya perlulah satu pendekatan luar daripada kuasa kerajaan. Ini terpulang kepada Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat lah sebab memang semua orang sedih. Saya pun kadang bila hendak cerita tidak tahu ini Tonga belum lagi. Saya pergi negara-negara kecil semua boleh menang tetapi Yang Berhormat sebenarnya negara dia kalau tidak main sukan dia tidak dapat pergi ke luar negara. Dia kalau tidak main bola sepak tidak menang tidak dapat *scholarship* hendak masuk universiti. Kita Tuan Yang di-Pertua, tidak buat apa pun makan tujuh lapan kali sehari, tidak hendak belajar pun dapat universiti percuma itu yang budak-budak ini kadang-kadang tidak mempunyai kesedaran bahawa sukan itu ialah martabat negara. Ini bukan calang-calang isu. Jadi saya hendak jawab, minta maaf lah ini soalan kali ini saya tidak boleh jawab....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat boleh kekalkan itu perkataan, 'sukan itu martabat negara'.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat, saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Azalina binti Othman Said: Lupa pula saya di mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading faham?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua saya amat faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup jangan tanya lagi cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan tentang bola sepak dan apa masalah di mana kerajaan tidak boleh hendak campur tangan kerana tentangan undang-undang antarabangsa. Itu yang menyedihkan. Dia sedih, saya pun sedih Tuan Yang di-Pertua apa hendak buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah tanya lagi.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, mengulas berkenaan dengan dakwaan Yang Berhormat Ipoh Timor mengenai tindakan saya yang cuba menahan maklumat tentang kos yang terlibat dalam menjalankan kajian kebolehlaksanaan cadangan menubuhkan pusat sukan prestasi tinggi atau TARRC di Brickendonbury adalah tidak benar sama sekali. Saya sendiri telah memaklumkan bahawa cadangan penubuhan pusat sukan tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang akan bermesyuarat pada 28 September telah ditetapkan tarikhnya.

Kita sememangnya memahami tentang keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai cadangan penubuhan pusat tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi kementerian selepas pembentangan dilaksanakan oleh pakar, kementerian akan memaklumkan mungkin melalui satu taklimat khas ataupun melalui surat kepada mereka-mereka yang menyoal kepada kementerian ataupun tidak, semasa sidang yang akan datang berkenaan dengan kedudukan kerajaan berkenaan dengan pusat latihan khas yang hendak diwujudkan di Brickendonbury.

Yang Berhormat Ipoh Timor juga telah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Mengenai angka RM317,000 yang merupakan soalan yang spesifik dalam pertanyaan saya dan semasa Yang Berhormat jawab dia ada angka di depan beliau tentulah dia tidak boleh nafikan. Saya boleh beri bukti kalau perlu tetapi Yang Berhormat tidak kemukakan angka itu dan bukankah ini satu perbuatan yang sengaja *hold information*. Kenapa begitu? Saya ada tanya dengan spesifik ada angka di depan Yang Berhormat Menteri, kenapa tidak beri angka itu?

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mungkin bukti Yang Berhormat ada ialah jawapan bertulis saya yang telah dilaksanakan pada hari pertama soalan yang ditanya lebih kurang serupa oleh Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw. Saya tidak ada nama. Saya ada bagi jawapan bertulis dan kepada mereka yang terlibat di dalam kajian asal kepada pusat di kenderi.

Bila Yang Berhormat tanya saya pada hari itu iaitu hari kedua soalan yang termasuk 13 soalan lain saya telah mengatakan bahawa jawapan kalau diberi tidak mencukupi memandangkan kita akan meneruskan juga siasatan di mana dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet yang hendak diadakan barulah dapat dirumuskan sebenarnya menyeluruh tentang status kedudukan dan kos yang hendak dibina ataupun kos kajian berkenaan dengan pusat tersebut. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Ipoh Timor juga telah membuat dakwaan bahawa tentang pembinaan kemudahan sukan di Malaysia tidak dirancang dengan sempurna sehingga menyebabkan....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh? Sebelum itu *correction*. Jawapan sehari sebelum itu kepada Yang Berhormat Kepong tidak ada angka. Saya dapat angka itu daripada jawapan Yang Berhormat sendiri hari yang sama tetapi tidak dibacakan, kenapa?

Datuk Azalina binti Othman Said: Saya sudah jawab Yang Berhormat bahawa saya telah memaklumkan bahawa jawapan bertulis akan diserahkan bagi soalan yang pertama yang telah diisikan kandungan kepada soalan Dr. Tan Seng Giaw. Dan saya telah menjawab di dalam ucapan saya berkenaan dengan soalan Yang Berhormat tanya bahawa semuanya akan diikat sekali. Yang penting di sini Yang Berhormat ialah saya sebenarnya telah menjawab soalan tersebut. Itu bagi pendapat saya. Kemungkinan Yang Berhormat mempunyai dokumen yang saya tidak ada dengan diri saya tetapi bagi soalan pertama telah saya jawab secara bertulis. Sekarang ini soalan kedua dan seterusnya ada 13 soalan saya telah mengikatkannya untuk dijawab selepas 28 September.

Saya ingin menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, tidak adalah sebab untuk kementerian menyembunyikan. Kalaulah kementerian menyembunyikan, tidak akanlah Yang Berhormat pun boleh mendapat maklumat tentang jumlah.

Kalau saya tidak berkata tentang jumlah dan Yang Berhormat berkata bahawa, jumlah ini Yang Berhormat dapat daripada pihak ketiga bolehlah mengatakan kita cuba hendak menyembunyikan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan tentang *allegation* Yang Berhormat tentang kita membina banyak 'gajah putih', saya ingin menyatakan bahawa kenyataan tersebut adalah tidak tepat. Kita ingin memaklumkan bahawa rakyat kita mempunyai hak untuk beriadah dan bersukan. Oleh itu, kemudahan-kemudahan sukan sememangnya amat diperlukan. Kementerian telah melaksanakan pembinaan kompleks rakan muda, kompleks-kompleks sukan dan pusat-pusat pertandingan rakan sukan cuba di laksana dan dibina untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada semua rakyat.

Walau bagaimanapun, kementerian menyedari bahawa ada juga beberapa *facility* sukan, dengan izin, yang di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan daerah perlu dikemas kini dan dinaikkan taraf penggunaannya. Itu sebabnya kementerian telah di dalam salah satu daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sukan telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan berilah *budget*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kepada kementerian supaya dapat dinaikkan taraf semua *facility* sukan di peringkat negeri dan daerah-daerah. *Alhamdulillah*, Kementerian Kewangan telah bersetuju memberikan peruntukan sebanyak RM125 juta untuk dinaikkan taraf.

Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa kita tidak sempat lagi untuk melaksanakan naik taraf tersebut tetapi di dalam proses untuk meninjau permohonan-permohonan yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan ataupun daerah...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Parit Sulong....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai Kompleks Sukan Rakan Muda. Baru-baru ini saya ingat isu khas mengenai Kompleks Sukan Rakan Muda di Puchong saya dapati bahawa kementerian mungkin tidak memberikan keutamaan atau prioriti yang khusus bagaimana untuk mengurus kompleks-kompleks sukan rakan muda yang telah dibina di mana bagi saya kalau tidak ada pengurusan yang berkesan maka ini menjadi satu projek gajah putih.

Akan tetapi saya ingin juga berterima kasih kepada kementerian kerana satu minggu yang lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah melawat ke Kompleks Sukan Rakan Muda di Puchong dan beliau telah berjanji bahawa akan menambah dua pegawai untuk menguruskan ini tetapi persoalan sekarang ialah saya hendak tahu apakah rancangan Kementerian Belia dan Sukan ini mengenai kompleks sukan yang ke 15 ataupun yang *balance* ini. Bagaimana kita hendak menguruskan. Kalau kita telah membelanjakan sebanyak sebagai contoh di Puchong ini RM28 juta tetapi orang-orang Puchong ataupun komuniti-komuniti yang berdekatan ini tidak dapat menggunakan kerana masalah utama ialah kekurangan kakitangan untuk menguruskannya.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kompleks sukan Puchong ini telah digunakan atau di *handover*, dengan izin, pada bulan Mac lalu tetapi kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada orang ramai ialah kemudahan dewan kuliah dengan asrama.

Kalau macam ini lebih baik kita membina hotel dan hostel. So, saya hendak tahu apakah tindakan dan saya berharaplah kementerian boleh mengambil langkah-langkah dan tindakan yang lebih segera supaya kemudahan yang telah dibina daripada wang rakyat ini dapatlah dikembalikan kepada rakyat terutamanya rakyat setempat di sini. Saya beri sebagai contoh ialah kawasan saya rakyat Puchong. Saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah dimaklumkan tentang lawatan Yang Berhormat ke rakan muda Puchong dan saya telah bertanya kepada pegawai saya berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan saya dimaklumkan bahawa pertama berkenaan dengan tidak cukup pegawai itu memang betul sebab saya dimaklumkan bahawa pelantikan pegawai-pegawai untuk menjaga ialah pelantikan yang berlainan.

Keduanya, saya dimaklumkan berkenaan dengan *handing over*, dengan izin, pada bulan Mac itu saya dimaklumkan memang dan selalunya walaupun di *handover* ialah semua di aspek fizikal tetapi kemungkinan pengisian itu akan dilaksanakan peringkat demi peringkat sebab ia baru dibina. Walau bagaimanapun, saya menyedari dan pegawai-pegawai tertinggi kementerian menyedari antara masalah utama kita bukannya gajah putih tetapi pengisian *management*, dengan izin. Perlulah saya lihat di sini bahawa dalam aktiviti-aktiviti yang kena-mengena dengan sukan dan belia seharusnya *management* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua diswastakan. Diswastakan di mana saya dimaklumkan ada juga beberapa kerajaan tempatan telah menswastakan kompleks-kompleks sukan mereka dan saya dimaklumkan bahawa mereka mendapat keuntungan yang baik.

Oleh itu, saya telah mengarahkan pegawai saya untuk menyediakan kertas kerja dan untuk berbincang dengan Kabinet ataupun Kementerian Kewangan supaya dalam kompleks-kompleks sukan rakan muda dan seterusnya harus diletakkan elemen swasta supaya dapat digalakkan penggunaannya lebih, keuntungannya lebih dan yang paling penting pengurusan dapat dilaksanakan supaya masyarakat tempatan dapat menggunakan harta kerajaan. Terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan dengan isu tersebut.

Yang Berhormat Parit Sulong pula telah bertanya kepada kementerian tentang 50 kompleks sukan komuniti yang hendak dibina pada Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya ingin menarik minat Yang Berhormat Parit Sulong sebenarnya isu di sini ialah saya menyebut tidak ada kena-mengena dengan kementerian kerana kementerian telah melaksanakan yang terbaik untuk membina dan telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan tidak ada masalah hanya struktur pembinaan dan konsep pembinaan adalah di atas bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Walaupun bagaimanapun, ingin saya memaklumkan bahawa JKR telah dalam peringkat yang terakhir dengan izin, *final stage* supaya dapat mengeluarkan kebenaran bagi kementerian untuk mengeluarkan LOA kepada pembinaan ini. *Insyallah* kementerian berharap dengan pembinaan ini seterusnya kita dapat mewujudkan kompleks-kompleks sukan komuniti yang tidak begitu mahal dan tidak dapat dilihat sebagai 'gajah putih' supaya dapat mewujudkan gaya hidup yang sihat bagi masyarakat tempatan terutama sekali di dalam penggunaan masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin mengatakan di sini bahawa kementerian juga berhadapan dengan situasi-situasi di mana seperti yang disebutkan tadi beberapa *facility* sukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.

Dan di sini kementerian, dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi kah?

Datuk Azalina binti Othman Said: Bolehlah tahan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua hendak saya lompat ke *to the point*, dengan izin,...?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ikut bijaksanalah.

Datuk Azalina binti Othman Said: Bijaksanalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab sebagaimana yang telah saya katakan, kita perlu memberikan masa yang cukup untuk Menteri Kewangan menggulung nanti. Kalau tidak nanti, saya takut sampai pukul 12 malam pun tidak boleh selesai.

Datuk Azalina binti Othman Said: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa dengan itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya sempat baca, saya akan menjawab. Kalau tidak, yang kurang itu saya akan jawab secara bertulislah, untuk pegawai saya kaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Azalina binti Othman Said: Jadi, saya rasa dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, yang mungkin menjadi minat kepada Ahli-Ahli Parlimen ialah berkenaan dengan isu arahan Kabinet di mana kementerian mengambil alih pengurusan kejohanan *Le Tour de Langkawi*.

Tuan Yang di-Pertua, arahan diberi kepada kementerian ialah berkenaan dengan isu *Le Tour de Langkawi* ini adalah sukan pelancongan, *sports tourism*, dengan izin. Oleh itu, kementerian melihat antara pendekatan yang baik ialah memberikan sokongan dan dorongan kepada persatuan-persatuan sukan yang terlibat seperti Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia supaya mereka sendiri dapat menjalankan kejohanan ini dengan mana-mana pihak yang menjadi pakar di dalam kejohanan ini.

Kementerian melihat dan Kabinet juga bersetuju bahawa *Tour de Langkawi* ini yang telah diwujudkan 11 tahun, menjadikan Malaysia terkenal di peringkat antarabangsa sebagai sektor sukan berbasikal dan pulangan dari segi ekonomi pun dalam sektor ini dapat dilihat dan paling penting arahan kementerian kepada persatuan ialah mewujudkan pendekatan program-program pembangunan sukan berbasikal di dalam tanggungjawab mereka untuk melaksanakan sukan *Tour de Langkawi* bagi tahun 2007 iaitu dalam aspek sukan-sukan daerah.

Saya percaya disebabkan masa tidak membenarkan, saya dengan ini...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat Datuk Menteri, satu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Kita berterima kasih kepada kementerian kerana melantik seorang Pegawai Penyelaras Sukan Peringkat Parlimen, tetapi boleh tidak Yang Berhormat timbangkan supaya..., sekarang ini umurnya dihadkan sampai 28 tahun.

Jadi saya rasa itu terlalu singkatlah. Kalau boleh dilanjutkan, kerana 28 tahun ini masih aktif, Yang Berhormat Menteri. Jadi boleh tidak Yang Berhormat Menteri timbangkan?

Datuk Azalina binti Othman Said: Apa 28 tahun, apa ini?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Umur.

Datuk Azalina binti Othman Said: Untuk?

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Pegawai Penyelaras Sukan Peringkat Parlimen, Penggerak Rakan Muda.

Datuk Azalina binti Othman Said: Oh, Penggerak Rakan Muda. Itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat jawab. Soalan ini perlu dijawab oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada perkara yang lain yang saya ingin mencadangkan. Yang Berhormat boleh bawa berbincang semasa kita di Peringkat Jawatankuasa.

Datuk Azalina binti Othman Said: Jadi saya ingin tutup ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kalau saya buka, saya tidak tutup, tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Azalina binti Othman Said: Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah tanya saya soalan. *Insyah-Allah* mereka yang tanya, yang tidak sempat saya jawab, saya akan cuba menjawab dengan cara bertulis dan dengan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian dan saya berharap Yang Berhormat akan meneruskan tanggungjawab Yang Berhormat untuk membantu kementerian untuk memartabatkan belia dan sukan di dalam negara kita, khususnya di kawasan-kawasan Parlimen, *insyah-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri. Timbalan Menteri Penerangan, sila.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa isu di bawah pertanggungjawaban Kementerian Penerangan semasa perbahasan mengenai Bajet 2007.

Yang Berhormat Larut menyarankan supaya BERNAMA sebagai agensi media kerajaan dijadikan sebagai *Malaysian News Channel* atau MNC dengan menjadikannya sebuah saluran berita 24 jam dan disiarkan melalui ASTRO.

Cadangan Ahli Yang Berhormat Larut ini sememangnya telah dalam perhatian Kementerian Penerangan di mana satu kajian awal telah dibuat oleh Bernama untuk menubuhkan MNC ini. Kajian tersebut mendapati bahawa kos operasi terlalu tinggi sehingga mencecah RM100 juta sekiranya dilaksanakan. Oleh yang demikian, kerajaan belum membuat keputusan sama ada rancangan tersebut berdaya maju dan patut diteruskan atau sebaliknya.

Yang Berhormat Larut juga menyatakan bahawa pada awal tahun ini, ramai kakitangan BERNAMA berhenti kerja kerana tidak puas hati dengan sistem kenaikan pangkat dan pembahagian tugas yang membebankan sesetengah pihak. Beliau juga mencadangkan supaya peluang kenaikan pangkat yang lebih adil perlu dilaksanakan oleh BERNAMA di mana dengan mengutamakan pengalaman untuk kenaikan gred yang lebih tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BERNAMA mempunyai dua skim perkhidmatan untuk kakitangannya iaitu Skim Sistem Saraan Malaysia iaitu SSM dan Skim Komersial. Kemudahan di bawah Skim Komersial mempunyai kesamaan dengan kemudahan di bawah Skim SSM. BERNAMA mempunyai 512 kakitangan; di mana 200 daripadanya diletakkan di bawah Skim SSM dan 306 di bawah Skim Komersial. Kenaikan pangkat ditentukan oleh sebuah panel dan kriteria kenaikan pangkat berdasarkan prestasi dan kebolehan untuk kakitangan. Di bawah Skim SSM, kenaikan pangkat juga tertakluk kepada Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan atau PTK.

BERNAMA mengamalkan konsep *multitasking*, dengan izin, demi melicinkan aliran kerja dan dia tidak bermaksud untuk membebankan mana-mana pihak. Sehingga 11 September 2006 hanya 12 orang sahaja kakitangan yang telah berhenti kerja. Tidak sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Larut dan 11 lagi di bawah Skim Komersial. Sehingga kini, seramai 22 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat iaitu enam kakitangan di bawah Skim SSM dan 16 kakitangan di bawah Skim Komersial.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya hendak bertanya berkenaan dengan kakitangan tadi tentang Bernama TV tadi, Yang Berhormat mengatakan dalam perhatian. Apakah ada satu *time frame* ataupun sebuah jawatankuasa telah diwujudkan untuk melihat kepentingan dan proses untuk pelaksanaan program ini?

Tentang peletakan jawatan ataupun pemberhentian kakitangan BERNAMA tadi, adakah disebabkan mereka rasa tidak puas hati dengan tangga gaji yang ada ataupun mereka mendapat peluang yang lebih baik untuk mencuri pengalaman di tempat yang lain. Boleh minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA telah mengkaji sebenarnya, telah mengkaji kemungkinan untuk membentuk *Malaysian News Channel* tadi, tetapi kosnya melibatkan RM100 juta. Jadi Kementerian Penerangan belum bersedia untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, setakat ini kita telah bekerjasama dengan ASTRO. Dahulu kita hanya menyediakan program selama 15 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kepada ASTRO. Sekarang ini kita telah bersetuju setiap hari setengah jam bagi tiap-tiap bahasa. Ertinya telah cukup baik.

Yang keduanya mengenai kakitangan tadi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Menyampuk*]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sekejap. Saya hendak jawab Yang Berhormat Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai sudah cakap lama dan selalu tanya-tanya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Larut, beliau juga seorang wartawan, bekas wartawan. Beliau berhenti bukan kerana tidak puas hati *but* dalam skim perkhidmatan atau gajinya, kerana kenaikan pangkat. Jadi Setiausaha Politik Menteri Besar dan sebelum itu Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Perak ketika itu. Mereka juga, yakni BERNAMA juga mempunyai alasan yang sama tetapi tidak dapat dinafikan ada yang tidak berpuas hati kerana Skim Komersial itu cukup tidak menarik kerana peluang di luar itu lebih besar lagi. Sila Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pendek tetapi tepat. Saya ingin tahu....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*] [*Berjalan keluar Dewan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, hendak tanya juga?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Kepong jangan kacau, ini *floor* saya. Dia mahu balik itu, Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh, Parlimen habis lewat.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertamanya saya hendak ucap tahniahlah kerana kempen bendera kita itu menjelajahi dengan motor besar berjaya nampaknya. Cuma tidak masuk ke Jerai sahaja. Jadi, tidak apalah, saya rasa tahun depan *insya-Allah* akan masuk ke Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang program ini. Boleh tidak saya hendakkan satu itu kerana sekarang ini kita fokus kepada pertanian sebagai satu daripada Rancangan Malaysia Kesembilan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: BERNAMA ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, BERNAMA lah. Jadi boleh tidak program melalui BERNAMA kah, melalui apa kah, kita adakan satu "Program Media Tani" iaitu untuk kita memperjelaskan kepada masyarakat tani, kepada orang-orang usahawan industri kecil dan sederhana dan industri asas tani dan sebagainya kerana di negara maju, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat program tani ini diberikan informasi-informasi yang baik dan memberi semangat kepada pak tani-pak tani, generasi muda kita untuk melibatkan diri dalam pertanian.

Jadi, kalau kita ada satu program iaitu media tani, kita memberi informasi, kita memberi galakan dan sebagainya untuk memanfaatkan orang-orang yang ingin melibatkan diri dalam pertanian. Tuan Yang di-Pertua, pendek dan tepat. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Memang pendek dan tepat Tuan Yang di-Pertua iaitu jawapan, Jabatan Penerangan Malaysia atau RTM memang ada satu jabatan khas iaitu Jabatan Pertanian dan Pembangunan untuk RTM. Ertinya bidang itu memang telah diambil kira. Itu tepat jawapannya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, walaupun tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kos yang tinggi untuk persediaan menjadikan BERNAMA TV ini sebagai satu saluran yang baru, tetapi apakah kita tidak ada punca-punca yang lain menjadikan ia satu realiti barangkali.

Saya tidak tahulah, mungkin boleh diperbadankan kah atau diswastakan kerana dengan demikian, kita boleh menggunakan dana lain untuk merealisasikan perkara ini untuk menjadikan BERNAMA bukan sahaja sebagai satu agensi nasional, bahkan menjadikan sebuah rangkaian televisyen baru untuk kepentingan negara kita dan ini boleh meningkatkan lagi badan penyiaran di negara kita.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu cadangan yang baik. Pihak kementerian juga telah menerima beberapa cadangan daripada pihak swasta untuk menjadikan saluran MNC ini dilaksanakan oleh pihak swasta, dan kami memerlukan pandangan daripada beberapa unit di Jabatan Perdana Menteri, dan juga pihak Kementerian Kewangan untuk melihat kemungkinan dan daya maju pihak swasta untuk mengendalikannya. Dan perkara ini adalah satu perkara dasar yang belum dapat saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Larut juga menyarankan supaya RTM lebih banyak menyiarkan isu-isu yang berkaitan dengan keharmonian dan dasar kerajaan dan tidak perlu bersaing dari segi *rating* dengan TV swasta. Saya pasti beliau merujuk tentang *Program Ina dan Mawi* dan Siti Nurhaliza dan Datuk 'K' yang menjadi kawan rapat pada beliau.

Sekiranya RTM berhasrat untuk bersaing, beliau menyarankan supaya diwujudkan satu saluran baru iaitu RTM3 yang dikhaskan untuk tujuan komersial. Sebagai sebuah agensi kerajaan, RTM perlu meneruskan dasarnya untuk menjadi nadi penting dalam meneruskan kemajuan negara dengan pengisian kakitangan diberi perhatian penting.

Tuan Yang di-Pertua, RTM memang tetap berpegang kepada fungsi asasnya sebagai saluran media kerajaan yang menyebarkan berita dan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, ini termasuk aspek-aspek keharmonian untuk memberikan penekanan kepada usaha melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri dan saling bekerjasama untuk memajukan negara. Mesej ini memang menjadi kandungan utama dalam rancangan-rancangan yang disiarkan terutamanya dalam rancangan-rancangan yang berikut seperti:

- (i) siaran berita radio dan TV dalam pelbagai bahasa;
- (ii) rancangan berbentuk bicarawara dengan tetamu di radio dan TV seperti *Selamat Pagi Malaysia*, *Hello On 2*, *Bersama Menteri*, *Fast Forward*, *Forum Perdana*, *Debat Perdana*, *Panorama* dan lain-lain; dan
- (iii) rancangan bercorak santai seperti *Salam Pantai Timur*, *Anjung Budi* dan rancangan-rancangan sketsa yang lain.

Berikut adalah data peratusan rancangan-rancangan tersebut yang terkini untuk makluman Yang Berhormat. Kalau RTM dikatakan terlalu banyak rancangan hiburan. RTM1, berita 20%....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:Penerangan 32%, hiburan hanya 3%, drama 20%. RTM2, berita 8%, penerangan 26%, hiburan 12%, drama 35%.

Saya bagi Yang Berhormat Sri Gading dahulu sebagai menghormati beliau orang yang senior.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di senja dan petang yang begini syahdu Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan mengambil tempatnya tepat pada masanya. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai tinggi Kementerian Penerangan banyak perubahan telah pun berlaku kepada TV, radio dan rancangan-rancangannya. Rancangan-rancangannya sangat memberi faedah, menarik, memberikan pengetahuan saya ucapkan tahniah. Cuma ada teguran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perkara ini boleh hantar surat ucapkan tahniahlah, tidak payah sebut di sini...
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau saya hantar surat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak masuk TV Tuan Yang di-Pertua.... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab, tujuan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini jawapan dengan dia. Ini hari dia, malam tentu ada TV keluar, saya ada tumpang sikit sana Tuan Yang di-Pertua. Ada boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu jaga kepentingan dirilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cuma ada sedikit teguran yang membina, soal lawak jenaka slot-slot lawak jenaka dan drama. Ada dua pandangan umum. Saya ambil jenaka dahulu, komedi setengah-setengah pelakon ini ketawa dalam segmen dia ketawalah. Jadi komen orang ramai Tuan Yang di-Pertua, dia tidak patut ketawa dengan kelakar yang dia buat. Dan dia tidak tajam, tumpul! Jadi orang ramai lagi tidak patut ketawa. Komedi itu gagal dan yang berlakon itu tidak patut ketawa, yang menonton lagi tidak patut ketawa. Jadi tidak menimbulkan satu perasaan kepuasan kepada penonton.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu hari jemput Yang Berhormat pergi buatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak boleh Tuan Yang di-Pertua saya bukan pelakon. Yang kedua tentang drama, ini membina Tuan Yang di-Pertua kita tidak tuju kepada satu-satu tajuklah. Terserahlah Tuan Yang di-Pertua ada pandangan ada pendapat sendiri, masing-masing kita di Malaysia menonton ada pendapatnya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada lagi Tuan Yang di-Pertua belum selesai. Saya ada empat perkara sekali bangun Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua drama kita drama memang sudah pelakon baik, cuma skrip kadang-kadang skrip lama yang diguna pakai berulang-ulang pada drama-drama yang lebih kurang dia punya tema. Pelakon baik Tuan Yang di-Pertua secara mimik muka lakonan dia baik. Saya ucap tahniah, saya tengok sudut penggambaran pun baik cuma saya hendak komen sedikit bukan soal pelakon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat kalau gambar hendak keluar sekalipun keluar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, tak, saya punya pandangan sebenarnya baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa ada suntuk sikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan menegur, mengkritik untuk kepuasan seluruh termasuk warga RTM itu sendiri Tuan Yang di-Pertua, jadi masa bukan salah pelakon bukan salah pengarah. Dibagi slot 30 minit katalah drama, dia main sikit iklan lepas itu sambung sikit, iklan drama sambung habislah drama itu 30 minit, 'liaulah' 30 minit, jadi drama ini bagus Tuan Yang di-Pertua menarik tetapi apabila begitu kita rasa tidak puas Tuan Yang di-Pertua.

Saya tahu RTM memang perangkap pendengar penonton ini supaya menonton lagi masa depan, tetapi apakah kewangan yang diutamakan atau kepuasan rakyat yang diutamakan. Ini RTM Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap dengan TV swasta saya bercakap dengan RTM jadi ada dua persoalan. Apakah kewangan yang diutamakan atau perasaan penonton diutamakan? Dan juga orang *complaint*, berita juga masuk iklan, sedangkan RTM ialah satu saluran maklumat kerajaan yang 100% untuk maklumat. Jadi dalam slot berita tidak payahlah untuk masuk iklan dan kalau dua pembaca itu rasa penat, dia ada dua pembaca berita dia boleh bergilir-gilir, jadi tidak perlu berhenti dan banyak slot yang dirasakan penting oleh penonton, sudah tidak dapat ditonton kerana ada slot yang memakan masa kepada penonton.

Dan Tuan Yang di-Pertua berita ini ditunggu Tuan Yang di-Pertua. Jadi jangan gunakan masa perdana ini *prime time* untuk RTM, tetapi mesti beri kepada rakyat. Saya hendak ingatkan, ini teguran, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar di bawah.

Yang penghabisan Tuan Yang di-Pertua, biar dia sekali jawab. Timbalan Menteri ini handal Tuan Yang di-Pertua, dia jadi Menteri pun layak Tuan Yang di-Pertua, ini jangan kita bimbang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hanya berikan 20 minit kepada Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana boleh Tuan Yang di-Pertua, RTM satu Malaysia Tuan Yang di-Pertua, dia punya siaran 24 jam, Tuan Yang di-Pertua bagi 20 minit. Ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan dia boleh melalui televisyen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullah hal'adzim*, Tuan Yang di-Pertua. *FM Klasik* yang dulu *RIMA* ditukar "Klasik", *RIMA* sudah tukar "Klasik". *RIMA* dan klasik sebenarnya jauh berbeza. Walaupun Menteri dulu ada alasan dia, saya tak nak bergaduhlah. Jauh itu..., *RIMA* itu, "Radio Irama Melayu" itu, dengan "Klasik", dia berbeza. Soal perkataan Melayu di situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perkataan Melayu itu sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sikit lagi. Perkataan Melayu di situ sebenarnya perkataan yang keramat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya cukup sabar dengan Yang Berhormatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi begini Tuan Yang di-Pertua, *RIMA...last*, satu ayat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik..baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia orang minta selitkan, saya tidak *check* 24 jam dia punya siaran kalau sama betul atau tidak kelihatan, dia minta sikitlah, buka, mula dengan doa, ayat Al-Quran, ada juga waktu sembahyang dan bang. Itu sahaja. Tidak tahu sama ada betul atau tidak betul saya punya kenyataan, tetapi itu yang diminta, sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Peneranganlah, sekarang Timbalan Menteri, dia jawab.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesabaran. Tuan Yang di-Pertua kena sabar Tuan Yang di-Pertua. Di Parlimen memang tempat orang bersabar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang..., memang, lebih-lebih lagi bulan puasa akan datang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya..., ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, memang seorang yang cukup sabar kerana Yang Berhormat Sri Gading memang mempunyai tahap kesabaran yang cukup tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, soal lawak, di mana pelakonya sendiri ketawa dengan apa yang dilawakannya. Memang kadang-kadang ada segmen yang begitu. Sebab kadang-kadang pelakon-pelakon ini dia tidak tertakluk kepada skrip Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang dia secara spontan, itu kadang-kadang yang jadi begitu keadaannya. Kita sendiri pun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Datuk, maksud tidak patut ketawa, lakonan itu tidak kelakar langsung. Itu maksudnya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Jadi kita baikilah. *Insya-Allah* yang itu. Saya harap nanti pegawai-pegawai saya yang ada di belakang dan depan, akan berunding dengan Yang Berhormat, untuk jadi salah seorang konsultanlah, untuk skrip, tenaga di RTM1 dan RTM2...*[Ketawa]*

Yang keduanya, mengenai drama ini, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, drama ini slotnya 30 minit atau 60 minit. Iklannya cuma 4 minit sahaja. Drama sebenarnya kalau yang 30 minit itu, 26 minit. Hanya 4 minit sahaja yang kita panggil TV komersial, dengan izin. Kalau yang 60 minit, TV komersialnya 8 minit sahaja. Bukan tengah sedap itu, dia berhenti, tetapi memang yang paling baik, tengah sedaplah berhenti, jangan sudah lepas kenyang baru berhenti. Jadi *overstay, you're welcome*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang ketiganya berita ini ada iklan, sebenarnya tidak banyak stesen TV yang lain, iklan RTM ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Larut dan Yang Berhormat Sri Gading bahawa tumpuan RTM bukan kepada komersial. Cara perbandingan, pendapatan kami di dalam iklan merupakan hanya 25% berbanding dengan TV stesen yang lain, ertinya tumpuan tidak begitu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Akan tetapi apa yang orang persoalkan sekarang ini *rating*. Dari segi kepenontonan kita, orang anggap penonton- penonton RTM ini terlalu rendah berbanding dengan TV stesen yang lain tetapi, *alhamdulillah* terbukti, Yang Berhormat Larut duduk sekejap, saya hendak habiskan ayat ini. Terbukti apabila majlis siaran langsung diadakan di satu tempat dan kita mengadakan siaran langsung di suatu tempat, rupa-rupanya peminat-peminat kita, penonton kita tidak kecil 4.7 juta yang satu lagi itu 6.8 juta. Ertinya kepenontonannya mempunyai nilai yang tinggi. Ketaatsetiaan penonton bukan kepada TV stesen Tuan Yang di-Pertua tetapi, kepada rancangan atau pada pengisian program itu. Jelaslah bahawa RTM mempunyai kredibiliti yang tinggi. Walaupun BBC mempunyai perjanjian persefahaman dengan sebuah TV stesen yang lain yang bukan kepunyaan kerajaan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum habis jawab!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti dia akan jawablah di luar. Saya sebut fasal persaingan ini bukan apa, bila dibandingkan, memang saya tidak kenal sama ada Mawi, Ina, atau pun Datuk K atau pun Siti Nurhaliza ini. Sebab saya tidak hendak sebut fasal inilah kerana sedih jugalah bila berlaku perbalahan tentang *rating* ini, apabila Timbalan Menteri ditegur oleh Ketua Eksekutif TV3, tentang masalah *rating* ini. Ini yang kita tidak mahu.

Jadi, sebab itu saya beri pandangan saya, supaya tidak perlu kita bersaing. Kalau TV swasta ini, ada dia punya haluan, biarkan. Kerana dia adalah merupakan TV komersial. Sampai saya agak, apalah Yang Berhormat, sampai Yang Berhormat di tegur tentang *rating* yang konon kata, *rating* itu tidak bertepatan dengan apa yang dilakukan.

Maka sebab itu saya berharaplah supaya persoalan ini yang ke depan tidak timbul, kerana kita tahu bahawa RTM adalah sebagai sebuah agensi kerajaan, amat penting mengutamakan maklumat kerajaan, terutama Rancangan Malaysia Kesembilan ini amat penting. Supaya kita faham masalah-masalah yang berlaku. Dasar-dasar kerajaan, supaya sampai ke peringkat akar umbi, itu yang saya maksudkan tetapi kalau kita hendak *commercialized*, kita adakan satu saluran, biar ia sebagai satu stesen, yang kalau hendak bersaing, bersainglah. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sri Gading tentang apa nama *RIMA* atau pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ucapanlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup panjanglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tentang *Klasik*, sekarang ini kita hendak jimatkan belanja, sebab itu kita gunakan siaran nasional, maka masuklah berita dan sebagainya tetapi kalau boleh, kita *private* kan, kita swastakan.

Biar siapa yang berminat untuk menjadikan radio klasik ini sebagai Yang Berhormat katakan tadi, saya sambung sikit, sebuah radio yang benar-benar dapat menjaga kepentingan mereka yang minat lagu-lagu klasik. Sekarang ini saya timbul...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan, kalau Mawi pun ambil kesempatan hendak menyampaikan lagu-lagu klasik, Siti Nurhaliza, mereka ini ada tempat lain, yang macam M. Daud Kilau, Arwah R. Azmi tidak ada, cuma di siaran radio ini sahaja. Sebab itu saya hendak menyentuh tentang iklan ini, kalau boleh Yang Berhormat, sesuai dengan program, bukan setakat potong stim Yang Berhormat.

Forum Perdana, saya terima kompelin *Forum Perdana* yang mengatakan bahawa, ini aduan Yang Berhormat ya, saya tolong sampaikan. Tengah-tengah *Forum Perdana* itu Tuan Yang di-Pertua, siaran agama, iklan yang di masuk, iklan yang tidak sesuai. Ada iklan yang menjolok mata, gambar perempuan, ini sudah agak terlampau, jadi kalau kita terlalu mementingkan pendapatan, di sinilah boleh berlaku kesilapan. Jadi saya minta Yang Berhormat dapat melihat dan memperbaiki lagi apa juga kelemahan yang ada. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak lagi?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sikit sahaja, dia orang kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, bolehkah selesai dalam lima minit?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ini kena menghormati kawan-kawan saya.

Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Larut ini memang mempunyai maklum balas daripada rakyat, kerana mereka dapat undi daripada rakyat, jadi mesej itu perlu dijawab di Dewan yang mulia ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal bersaing tadi, sebelum saya ingin menjawab soalan yang keempat oleh Yang Berhormat Sri Gading. Soal bersaing, CEO TV3 bukan menegur saya, apabila berita itu keluar dalam surat khabar tabloid, malam itu beliau minta maaf bahawa beliau tidak berkata demikian. Saya tidak tahu di dalam Dewan yang mulia ini sama ada beliau bercakap benar atau berbohong tetapi, beliau memohon maaf dengan saya dan telefon saya sendiri. Dia panggil saya "Yeop, bukan maksud teman begitu", katanya dalam bahasa Perak, dengan izin. Ertinya beliau melakukan kesilapan melalui tegurannya melalui tabloid berkenaan.

Yang keduanya, dari segi *rating*, dengan izin, *garbage in garbage out*. Adakah dengan hanya memasang 1000 komponen pada 1000 TV set dianggap sebagai *structure sampling*, dengan izin, dari statistik, *calculus*. Adakah *justified* dengan izin, sesuatu itu dilihat bahawa sesuatu saluran TV itu lebih popular berbanding dengan kita. Lihatlah juga dari segi *sampling* nya, jangan ikut *random sampling* dengan izin, mesti *structured sampling*, dengan izin sekali lagi. Lihatlah bahawa RTM ditonton oleh penonton-penonton luar bandar. Lihatlah bahawa orang luar bandar lebih ramai menonton RTM. Jangan mengeluarkan sesuatu kerana dengan izin, *garbage in garbage out* sebab *methodology of research* atau pun pendekatan penyelidikan itu tidak mengikut kehendak. Walaupun kita tahu bahawa itu standard yang ada di peringkat antarabangsa.

Akan tetapi, acuannya mesti ikut acuan Malaysia tidak boleh disamakan *sampling* nya dengan acuan di US atau di UK atau di *Europe*, ini Malaysia kerana penonton-penonton RTM ramai di luar bandar. Ini harus diketahui dan kita tidak berhajat untuk bersaing Yang Berhormat, tidak berhajat untuk bersaing. Tetapi kalaulah uar-uar mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan berbuih-buih mulutlah DJ kita ataupun *compere* kita dan penerbit menguar-uarkan tentang Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi kalau penontonnya sedikit adakah mesej semua sampai?

Itu sebabnya Yang Berhormat Menteri Penerangan yang ada sekarang ini mewujudkan program-program sekarang ini walau pun sedikit kontroversial tetapi tujuannya untuk menarik kepenontonan yang lebih tinggi. Rancangan-rancangan yang melibatkan kerajaan, akhirnya akan ramai penonton. Itu satu langkah bijak yang harus kita fahami, bukan mengkritik beliau. Saya ucapkan terima kasih kepada pendekatan di Dewan Yang Mulia ini teguran-teguran yang dibuat.

Yang keempatnya soalan tentang *FM Klasik*...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit Yang Berhormat. Kenapa Yang Berhormat mengambil masa untuk menjelaskan perkara ini? Kalau bukan teguran sepatutnya benda itu tidak menjadi suatu isu lain kali sebab kita tidak mahu macam Timbalan Menteri Pengajian Tinggi umpamanya sebagai contoh menimbulkan suatu perkara yang boleh kita rasakan tidak sepatutnya berlaku apabila berbalah dengan Menteri sebagai contoh. Terima kasihlah kalau penjelasan itu Yang Berhormat beri...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya harap penjelasan itu cukup jelas untuk Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi kami, adalah suatu gambaran yang tidak sepatut berlaku.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini saya perlu jelaskan di Dewan Yang Mulia ini, kawan-kawan kita daripada media pun turut ada. Saya harap ia dapat disiarkan besok, bukan sahaja oleh RTM tetapi oleh lain-lain saluran TV dan media.

Mengenai *FM Klasik* kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini fahami. Dahulu kita buat cantuman dengan izin, *merged* antara FM Nasional atau *Nasional FM* dengan *Klasik FM*, dulu kita *merged* ya tetapi, oleh kerana banyak rungutan yang telah kita perolehi, sekarang ini formatnya balik kepada asal. Balik kepada asal tetapi dia dinasionalkan, ertinya seluruh negara berbanding dengan *Klasik FM* dahulu hanya untuk Lembah Klang. Formatnya dikembalikan kepada asal tetapi penyebarluasannya ke seluruh negara.

Insya-Allah, orang-orang antik ertinya orang-orang yang lama akan dapat menikmati hiburan-hiburan kalau peminat Dato' M. Daud Kilau ada di sini maka Larutlah orang utamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tentang Al-Quran itu, Al-Quran dan azan...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Al-Quran itu memang kita ada selitkan, *insya-Allah*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada selitkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Iklan semasa *Forum Perdana* itu, iklan yang tidak sesuai Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Kita tidak boleh elakkan iklan itu, iklan perempuan. Kalau perempuan itu pakai baju kurung, pakai tudung apa salahnya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini menjolok mata Yang Berhormat, menjolok mata. Menjolok mata memang

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya akan..., saya akan lihat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta siasatlah, kalau betul ada.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya akan siasat dan saya akan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekurang-kurangnya ini Islam Hadhari, Yang Berhormat. Islam Hadhari, Yang Berhormat....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya, saya pun *hadhari* juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Iklan itu *okay*, cuma tak berapa sesuai, itu maksudnya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Baiklah, saya ambil itu sebagai teguran, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Pensiangan minta agar proses pendigitalan RTM terutamanya di Lembah Klang akan dilaksanakan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*] [*Berjalan keluar Dewan*]

[*Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Kita jumpa di luar lepas ini.

Maka RTM perlu lebih berwibawa, menekankan kualiti, *content* dan sebagainya. Untuk maklumat Dewan Yang Mulia ini RTM sekarang ini sedang dalam proses pengujian pendigitalan dengan RTMI ataupun....

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Hendak terangkan sedikit sahaja. Padang Terap sekejap lagi. Perkara ini sedang dijalankan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bahasa itu molek..., boleh ulang lagi tak? Apa bahasa tidak berapa jelas saya, bahasa tadi. "Penje....", apa?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Pendigitalan, ertinya sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Larut adalah yang dipanggil 'RTM3' itu sebagai RTMI atau *integrated* ataupun *interactive* dalam perkara itu, *insya-Allah* akan ada tiga saluran dan perkara ini sedang dalam ujian. Sila Yang Berhormat Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam duduklah. Tunggu giliran.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Disebut Padang Terap ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Padang Terap, ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sebut Padang Terap, oleh Timbalan Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya hendak bangkitkan tentang garis panduan Timbalan Menteri. Saya dapati bahawa di akhir-akhir ini peratus masyarakat yang menonton TV1 dan TV2 agak meningkat. Cuma kadang-kadang ada juga..., apakah garis panduan, dahulu ada garis panduan, rambut panjang tidak boleh dan sebagainya tetapi, sekarang ini masih kah pihak kementerian, masih mengekalkan garis panduan kerana ada kes artis yang telah diheret di mahkamah, masih lagi muncul di kaca TV. Ada yang rambut panjang masih lagi dibenarkan muncul di kaca TV. Apakah garis panduan yang tertentu kerana ia merupakan ramai penonton yang melihat, adakah garis panduan yang tertentu yang diwujudkan oleh kementerian supaya artis-artis kita tidak boleh muncul begitu sahaja di kaca TV. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, dahulu semua TV dan radio tertakluk kepada Akta Penyiaran. Sekarang ini ia tertakluk di bawah Suruhanjaya MCMC. Dari segi *content* nya atau isi kandungannya, program-program RTM itu masih lagi tertakluk kepada garis panduan.

Cuba Ahli Yang Berhormat bayangkan dengan izin, *visualize*, Datuk A. Samad Said, kerana kita hendak benarkan dia muncul di TV, kita hendak suruh dia potong rambut dan janggut? Ataupun Ramli Sarip memang itu identiti beliau, kita hendak potong 'beliau'..., bukan potong beliau, potong rambut beliau? Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Ketereh, kita ada *flexibility* tetapi, yang *rockers*, tidak tentu hala itu memanglah kita tentukan supaya imej mereka sebagai idola itu dapat kita pertahankan untuk menjadi contoh kepada anak muda yang lain. Memang kita buat begitu.

Akan tetapi saya fikir dalam perkara ini, TV lain pun menghadapi permasalahan yang sama dan garis panduan ini saya harap sedaya mungkin yang boleh, kita lakukan yang terbaik tetapi kalau sudah orang beridentiti sebegitu, saya fikir kita harus menghormati identiti kesenian dan keunikan seseorang tokoh atau idola itu...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pensiangan juga meminta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendek sudahlah Yang Berhormat Sabak Bernam, tak boleh panjang-panjang.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak merakamkan ucapan tahniah kerana kepelbagaian program dan acara TV ini yang pastinya menarik penonton. Saya ingin memberikan ucapan tahniah ini kepada program yang turut sama dalam kempen menangani dan memerangi salah guna dadah, musuh nombor satu negara dengan keupayaan untuk menjemput Jamal, Saleem dan juga Yunus Pati. Saya harap program yang memberikan kesan yang sangat besar kepada kumpulan penagih dan bekas penagih ini yang harus diteruskan. Saya telah pun menyarankan supaya ahli-ahli daripada PENDAMAI iaitu Persatuan Bekas Penagih Malaysia secara terpilih boleh dilibatkan dalam program itu.

Perkara yang kedua ialah saya sangat berharap supaya program bernilai ilmu yang melibatkan belia dan pelajar sekolah diperbanyakkan sebagai contoh di sekolah-sekolah banyak bakat pidato, bahas, deklamasi. Ini semua harud diketengahkan. Dengan mengolah secara tertentu ia akan boleh dijadikan suatu program yang menarik yang akan menjadi pengimbang kepada banyak sangat program hiburan sekarang ini. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perkara ini?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Mungkin semasa saya sebutkan statistik tadi Yang Berhormat belum ada kesempatan untuk masuk, mungkin waktu Asar tadi. Saya sebutkan bahawa:

- (i) rancangan hiburan di RTM1 cuma 3%;
- (ii) rancangan hiburan di RTM2 cuma 12%;
- (iii) rancangan penerangan di RTM1, 32%; dan
- (iv) program penerangan di RTM2, 26%.

Itu untuk maklumat Yang Berhormat lah. Jadi saranan Yang Berhormat pada program-program yang berkenaan...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera Yang Berhormat, apa lagi Bera?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sekejap ya Yang Berhormat Bera. Saya hendak habiskan jawapan ini.

Yang bernilai ilmu itu memang jadi salah satu keutamaan dalam bahasa Arab, *Fiqh al-Aulawiyat*, the set of priority atau senarai keutamaan yang telah kita lakukan Yang Berhormat Sabak Bernam tetapi, tentang rancangan Jamal dan Saleem yang disiarkan secara langsung, memang ketika itu banyak kepenontonannya telah meningkat dan ada permintaan untuk kami mengulang siaran, program itu tetapi kami tidak ulang siar kerana takut dia punya nilai akan turun dan oleh sebab itu, *insya-Allah* kalau masa yang sesuai, kita akan undang lain, undang beliau ataupun mereka.

Saya fikir Yang Berhormat Sabak Bernam juga yang merupakan *the Board of Trustee* dengan izin, atau Lembaga Pemegang Amanah kepada penama ini, kita juga akan jemput untuk menerangkan berapa ramai penagih-penagih dadah di Sabak Bernam yang telah mempengaruhi Bagan Datok umpamanya, harus ditangani. Sila Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya pun ada sedikit sahaja. Ini tentang polisi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap tadi. Saya hendak tanya tentang polisi pengiklanan dalam TV, di dalam RTM dan sebagainya. Dahulu kita begitu *strict*, begitu keras. Misalnya *Pan Asia* pun kita tidak benarkan. Pada hari ini kalau kita lihat, bukan soal *Pan Asia*, iklan yang dibawa terus daripada luar, dengan pelakon-pelakonnya daripada luar misalannya, sudah ada di dalam TV kita.

Baru-baru ini saya tengok satu iklan *Visa Card*, Richard Gere sendiri, tidak ada pelakon tempatan pun dan yang terbaru saya lihat iklan mengenai syampu, *Head and Shoulder*, kalau tidak silap saya, Preity Zinta menjadi pelakonnya, seorang pelakon Hindustan. Jadi, langsung tidak menggunakan artis tempatan. Dahulu kita kata, *Pan Asia* pun tidak boleh. Sekarang ini terus kita bawa pelakon daripada luar, bukan orang Malaysia. Jadi bagaimana dengan pandangan, Yang Berhormat?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bidang pengiklanan di media ini bukan di bawah bidang kami, di bawah Persatuan '3-H atau 4-H', dengan izin, iklan itu di garis panduan tetapi, kami telah mengambil pendekatan proaktif baru-baru ini, di mana kami telah bertemu dengan Persatuan '4-H' ini dengan izin, dan kita bersetuju dengan Yang Berhormat Bera supaya *Pan Asia* ataupun iklan yang diimport terus ini tidak disiarkan.

Sedaya mungkin yang boleh kita ikut garis panduan yang ditentukan. Dalam perkara ini, KeKKWa memainkan peranan untuk menentukan, apakah bentuk dan warna-warna pengiklanan yang perlu diketengahkan. Dalam perkara ini kami telah mengambil perhatian yang sebaik-baiknya...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila, sila!

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya tertarik apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut mengenai program RTM tadi, hiburannya 3%, 12% disebut tadi tetapi, apakah dibuat kajian dengan 3% program untuk hiburan itu, berapa ramai pula penonton yang mengerumuni program itu berbanding dengan program-program yang bersifat keilmuan?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, setiap minggu kami membuat kajian terhadap 50, dengan izin, *top 50 program*. Bukan sahaja program RTM1 dan RTM2 tetapi perbandingannya dengan saluran-saluran TV yang lain, didapati *rating* untuk program-program yang bukan hiburan itu mungkin lebih daripada 50. Maknanya, dengan izin, *below top 50 or below 50 for that matter* ertinya, masih rancangan hiburan menjadi keutamaan tetapi, satu program ilmuwan atau program ilmu yang cukup tinggi *rating* nya ialah *Forum Perdana Hal Ehwat Islam*.

Program ini menduduki tangga yang ketiga dan paling banyak sekali tangga yang kesepuluh. Ertinya, program ilmu ini bila formatnya ditukar, penontonnya ramai. Ertinya, saya sebutkan tadi ketaatsetiaan penonton bukan kepada stesen TV tetapi kepada program yang disogok dan disajikan kepada penonton. Kami ambil perhatian dalam perkara ini dan *insya-Allah* kita buat beberapa perubahan.

Begitu juga Yang Berhormat Bera ada membangkitkan dalam perbahasan yang lalu menyarankan supaya RTM menjadi stesen informasi negara dan mesti berani mengubah pemikiran rakyat dan bukan menghidangkan program untuk sekadar hiburan sahaja dan telah saya jelaskan tadi....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat 'Seputeh' dan Yang Berhormat Bukit Bintang.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bagi Yang Berhormat Seputeh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh!

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh..., okey, okey!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Begitu jelas jawapan tadi, saya nampak perubahan banyak, bukan hendak puji, banyak perubahan. Cuma saya minta balik, tolong tengok *Radio Klasik*. Ini kerana *Klasik* sudah berubah tiga kali, daripada Radio 1 pergi Nasional, pergi kepada FM, pergi kepada *Klasik*. Sepatutnya, perubahan dari segi hadharinya ialah apabila saya tengok mulai daripada 8 September 2006, Khutbah Jumaat tidak disiarkan secara langsung.

Sedangkan khutbah ini satu *method manhaj*. Yang Berhormat faham lah itu, bahasa Arab, *manhaj* dan *method*, itu samalah, untuk memberi penerangan sampai ke *grassroots*, untuk khutbah diselaraskan oleh negara kita.... [Disampuk] Jadi, sebab itulah saya hendak tengok balik, *Bicara Mufti* pun tidak ada. Oleh sebab *Klasik* ini banyak lagu-lagu, saya suka lagu, lagu P. Ramlee pun saya hafal, walaupun saya Islam hadhari, ini saya minat. Jadi, tengok balik supaya ruang untuk agama ini kita jangan perkecilkan, balik asal, beri lagu, beri Jumaat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan panjang sangat, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: ...Jadi, saya rasa semangat ini, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bukan saya marah tetapi saya hendak fleksibel dalam soal agama dan nyanyian kerana rakyat kita bukan Islam sahaja. Saya setuju. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita ambil perhatian apa Yang Berhormat Pasir Puteh sebutkan kerana saya cukup setuju beliau mempunyai pendekatan, saya *quote* ayat Al-Quran, dengan izin... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Ertinya, harus ada kebijaksanaan, kelemah-lembutan penyelitan mesej yang hendak disampaikan, memang itu kita jalankan. *Insya-Allah* kita akan lakukan...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Bintang Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Sabak Bernam, banyak sangat. Yang Berhormat Bukit Bintang, sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tanya, sejauh manakah, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata *digitalize* siaran RTM. Saya ingin tanya Yang Berhormat, sejauh manakah pelaksanaan *digitalize pilot project*, dengan izin, siaran di RTM dan adakah hasrat kerajaan untuk menukar sistem siaran analog pada masa kini kepada sistem *digitalize*, oleh kerana trend di dunia ini telah menuju ke arah *digitalize* dalam siaran ini. Minta penjelasan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ada dua bentuk pendigitalan atau *digitalization* mengikut lidah Yang Berhormat Sri Gading. Program ini, satu ialah dari segi peralatan, dengan izin, *equipment*, dan satu lagi adalah alat pemancar. Sekarang ini, kita sedang mencuba dalam tempoh enam bulan ini pendigitalan *RTM 1*, ataupun *Interactive RTM*, itu ertinya akan ada, bukan saluran ketiga tetapi pengujian dari segi pendigitalan tadi.

Radio telah kita lakukan sebahagian daripadanya tetapi kalau peralatan dan juga kemudahan pendigitalan itu ada di studio tetapi pemancarnya tidak digital pun tidak boleh, harus ada *synchronization* dengan izin, harus ada percantuman. Perkara ini sedang dijalankan, kalau Yang Berhormat Bukit Bintang mahukan alat *decoder* pendigitalan itu, *insya-Allah* kita akan hantar satu, komen di Dewan yang mulia ini sama ada ia sesuai atau tidak.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit lagi. Boleh atau tidak, Sabak Bernam. Sikit sahaja, satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam, ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya berdosa kalau saya tidak bawa perkara ini di sini. Saya sebenarnya sudah buat catatan tadi tentang RTM, 20% - berita, 32% - penerangan, hiburan - 3%, RTM 2 - 12% tetapi saya dapati bahawa fokus rakyat terhadap perkara ini sangat besar.

Jadi saya hendak bertanya, sebenarnya dan ini pun saya telah bertanya, media ini patut ada pihak yang mengawalinya termasuklah media-media yang lain, TV-TV yang lain. Saya telah bertanya di sini, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, ini orang lain bertanggungjawab, KeKKWa bertanggungjawab, Kementerian Penerangan bertanggungjawab, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bertanggungjawab. Kawalan terhadap budaya hiburan yang keterlaluan ini sebenarnya siapa yang mengawal?

Jadi, saya harap pihak Kementerian Penerangan yang menjadi salah satu daripada pihak yang penting di sini tolong bawa perkara ini. Jangan terlalu banyak sangat unsur hiburan. Saya rasa TV komersial yang lain pun harus memberikan penekanan terhadap selain daripada berita tetapi isu keilmuan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong berikan jawapan yang meyakinkan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta gulung.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya sedang mahu menggulunglah ini apabila sahabat saya Yang Berhormat Sabak Bernam bertanya. Sebenarnya dari segi autoriti, kami terletak di bawah Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi atau MCMC. Dari segi pelesenan dan dari segi isi kandungan atau *content* dengan izin, terletak di bawah mereka, bukan kementerian-kementerian lain dan perkara ini boleh diperbahasakan secara mendalam. Begitu juga dari segi beberapa perkara pengisian dalam program *Bicara Siswa, Fenomena Seni, Forum Perdana* dan sebagainya, saya rasa itu program ilmuwan, yang kita panggil pembangkang untuk masuk. Yang Berhormat Ipoh Barat pun kita panggil, sebab kita mahu memberikan peluang kepada pembangkang dan kawan-kawan yang lain dalam Barisan...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya nampak televisyen, sama ada RTM ataupun TV3, banyak membuat kajian awam secara tidak formal iaitu bentangkan satu persoalan, lepas itu bagi jawapan dalam SMS. Dulu apabila SMS untuk *Akademi Fantasia*, saya difahamkan bahawa caj bagi satu SMS itu, 50 sen tetapi, caj untuk kajian-kajian yang apa, yang saya kata kajian secara tidak formal ini, adakah cajnya berapa dan adakah kementerian membuat satu *monitoring*, supaya masyarakat Malaysia tidak dieksploitasi oleh pihak *supplier*, pada media ini dan dengan secara senyap-senyap mereka mendapat keuntungan yang besar dan keuntungan kepada RTM ataupun TV ini kita tidak tahu, tetapi masyarakat khususnya telah tertipu dengan tindak-tanduk yang mungkin secara *shelter* dan tidak telus. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan itu ada kebenarannya dan kita juga mengambil kira aspek-aspek berkenaan. Saya mewakili Kementerian Penerangan mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara dan isu yang telah dibahaskan dalam perbahasan yang lalu termasuklah soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat yang akan saya buat secara bertulis jawabannya kerana saya patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja, mengenai adakah masa itu akan *revert* balik kepada 8.30 untuk *Berita Tamil*?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, saya ada jawapan yang sebenarnya daripada pukul 8.30 kepada 6.30. Soalannya begini, Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya, mengapa siaran *Berita Tamil* diubah daripada 8.30 kepada 6.30 petang. Ini kerana kita ada *belting*, atau dengan izin, jajaran. Kita panggil jajaran CINTA iaitu Cina dan Tamil iaitu antara pukul 5 petang hingga 7 malam dan kita telah memberikan masa yang keseluruhannya dari yang dulunya 10.7% kepada 12.8% tetapi, saya dapat juga maklum balas tentang ketidaksesuaian masa itu dan kami akan membuat pengubahsuaian dari segi masa itu - saya dapat maklum balas.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita *revert* balik ke 8.30, itu yang bukan sahaja pandangan saya tetapi semua golongan masyarakat India berpendapat itu masa yang sesuai kerana kebanyakan ramai masyarakat India yang selepas bekerja pukul 6.30 dan 8.30 baru sesuai untuk mendengar berita. Bolehkah itu diambil kira?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini bukan Pejabat DAP sahaja, ya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan kepada soalan saya tadi belum dibuat. Ini, dia orang ini memang perangai macam itu. Kadang-kadang bila bagi pihak dia, undang-undang mesti kena ikut tetapi, kalau kita dengar, undang-undang pun tidak ikut...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *I think, he must be ...*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Belum habis jawapan tadi. *Don't make me angry.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menggulung. Sudah habis dah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya tidak pernah marah, tau? *Come..., you sit down dulu. You sit down.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You sit down. You don't have to tell me.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak hendak ikut peraturan, terpulang kepada Timbalan Menteri. Dua-dua duduklah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya bercakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You're nobody. Speaker's say, I will listen....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sudah. Cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak gulung *so, I interject, was it wrong?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat Menteri, sudah jawab.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan tunjuk ajar. *Don't ever think you got one role and others will support...*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apa *you* kata?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah. Yang Berhormat Santubong, sila duduk. Yang Berhormat Ipoh Barat, sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah. Dua-dua pun duduklah. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun sudah jawab, dia kata ambil perhatian. Dia tengok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan itu dan kita ambil itu sebagai prinsip utama kepada garis panduan yang akan kita lakukan dan ini merupakan satu saranan yang cukup baik yang kita akan ambil kira sebagai satu penggaris bawahan kepada dasar yang akan kita lakukan daripada saranan itu.

Begitu juga apa yang Yang Berhormat Ipoh Barat sebutkan tadi. Saya juga mendapat maklum balas yang sama kerana pengundi-pengundi saya pun ramai orang India dan mereka telah memaklumkan kepada saya dan kita akan membuat penyelesaian.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berapa peratus dibuat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Mana-mana jawapan yang belum sempat saya berikan, *insya-Allah* saya akan buat jawapan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Wilayah Persekutuan. Ya, Timbalan Menteri, sila.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Bajet 2007. Didapati beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini.

Pertamanya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Larut di mana beliau telah menimbulkan isu berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi pemasangan *Close Circuit TV* atau CCTV dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menjaga keselamatan di bandar raya. Sehubungan dengan peruntukan ini, Yang Berhormat Larut telah mencadangkan agar peruntukan berkaitan sebaliknya digunakan bagi melantik 10,000 anggota polis tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa dalam pembentangan Bajet 2007 baru-baru ini didapati tiada peruntukan disediakan dalam bajet berkaitan untuk pemasangan CCTV ini. Bagaimanapun, pemasangan CCTV ini dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan menggunakan peruntukannya sendiri. Dengan demikian cadangan Yang Berhormat itu tidak mungkin dapat dilaksanakan oleh kementerian ini.

Seterusnya Yang Berhormat Segambut pula telah menyentuh ...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong, bangun.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. CCTV ini, apa yang berlaku di negara lain kita lihat memang dibuat oleh majlis bandaran ataupun *city hall*. Persoalan yang dibangkit ialah kalau kita mempunyai CCTV, reaksi daripada apa yang berlaku dalam CCTV itu mesti juga kita perkemas. Maknanya kalau ada perkara berlaku, berapa cepat pihak *City Hall Enforcement Officers*, pegawai polis, mengambil tindakan daripada gambaran yang kita terima.

Yang kedua, CCTV ini tidak mendatangkan kesan apa-apa kalau ia tidak di *back-up* dengan filem dalamnya. Kerana berlaku di KLIA yang CCTV ini berjalan 24 jam tetapi *monitoring* itu berjalan macam itu sahaja.

Kalau operator tidak nampak, filem tidak berjalan, ada *recording*, jadi dengan sendirinya apabila operator tidak nampak habis macam itu sahaja, tidak ada bukti, tidak ada apa benda. Jadi untuk penyelidikan ke belakang itu tidak boleh dibuat.

Saya berpengalaman sendiri berhubung dengan KLIA ini. Jadi, saya bimbang apa yang kita buat kalau tidak cukup dengan penyelidikan tertentu dan tidak cukup dengan *back-up* tertentu, kita akan membuang masa dan wang begitu sahaja.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan pemasangan CCTV ini, berkaitan dengan keselamatan khususnya, bahawa di mana CCTV ini adalah dibekalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada pihak Polis yang mana pemasangannya itu adalah dibuat di tempat Jabatan Polis sendiri di daerah-daerah tertentu dan juga di IPK Kuala Lumpur. Satu lagi CCTV adalah yang dioperasikan melalui Pusat ITIS. Ini adalah khusus berkaitan dengan kesesakan pengangkutan di bandar raya ini dan digunakan juga untuk mengenal pasti kalau ada jenayah-jenayah yang berlaku.

Bagi pusat ITIS ini, macam polis, ada di sana membuat pemantauan dan jika sesuatu jenayah berlaku bahawa polis akan mengambil tindakan untuk menyampaikan maklumat-maklumat ini ke bawah sehingga kepada peringkat *radio car* umpamanya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Saya teruskan Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Segambut pula telah menyentuh dua isu iaitu pertamanya, merupakan cadangan agar struktur Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur yang diwujudkan mengikut Yang Berhormat berkaitan di bawah Akta Wilayah Persekutuan dimansuhkan dan digantikan dengan satu majlis yang dianggotai oleh ahli-ahli kaunselor Bandaraya Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan cadangan untuk meminda Akta Wilayah bagi menubuhkan satu Majlis yang dianggotai oleh ahli-ahli *council*, Bandaraya Kuala Lumpur sebagai ganti kepada Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, saya ingin menyatakan di sini bahawa buat masa kini, akta berkaitan, iaitu Akta Wilayah Persekutuan tidak wujud buat masa ini. Walau bagaimanapun saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Segambut berkaitan dengan cadangan itu ialah membuat pindaan kepada Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 ataupun *Federal Capital Act 1960*, dengan izin, yang mana akta ini ada mengandungi peruntukan berkaitan dengan penubuhan satu badan yang dinamakan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.

Di atas cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Segambut, bahawa pewujudan satu majlis yang mengandungi ahli-ahli kaunselor sebagai ganti kepada Lembaga Penasihat adalah satu cadangan yang baik. Bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa semenjak kementerian ini diwujudkan pada 27 Mac 2004, iaitu pewujudan semula kementerian ini, DBKL masih tertakluk kepada Akta Ibu Kota Persekutuan 1960. Kementerian ini sebagai pemacu kepada tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan masih sedang melakukan kajian untuk menambah baik bukan sahaja Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, bahkan juga mengkaji semua undang-undang yang diguna pakai di semua Wilayah Persekutuan.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut ialah beliau meminta agar Datuk Bandar Kuala Lumpur berbincang terlebih dahulu dengan semua Ahli Parlimen Kuala Lumpur dalam menyediakan bajet tahunan DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya penyediaan bajet tahunan DBKL telah pun melalui proses pengumpulan input awal di peringkat akar umbi lagi, bagi melalui persatuan-persatuan penduduk dan badan-badan NGO yang lain dalam Kuala Lumpur. Maklumat-maklumat yang diterima ini setelah diperincikan, dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Penasihat bagi dibincang dan membuat perakuan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk diluluskan oleh beliau.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang pula....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut itu adalah satu cadangan yang baik. Kami di sini adalah wakil rakyat dan hanya ada 11 sahaja dari Kuala Lumpur. Jadi, setiap kali bila bajet Kuala Lumpur dibentangkan, kami selalu diminta komen oleh pemberita. Dan selalu kami terpaksa kata, "Saya tak tahu apa yang dibentangkan oleh Datuk Bandar dalam bajetnya". Saya rasa kalau DBKL sudi mengadakan rundingan dengan para NGO di Kuala Lumpur, jadi apa salahnya kalau DBKL juga adakan satu rundingan bersama di antara sama ada dari parti pembangkang ataupun dari Barisan Nasional. Jadi sama-sama juga menyumbangkan idea dan cadangan kita untuk bajet yang akan datang.

Saya rasa sebenarnya yang bajet itu haruslah diberi kepada kami pada pagi itu sahaja. Bila Datuk Bandar adakan sidang akhbar mengumumkan bajet pada tahun yang akan datang, semua Ahli Parlimen sepatutnya pada waktu itu, kita semua sudah ada satu *copy*. Sekurang-kurangnya kita boleh komen dengan pemberita. Kalau tidak, selalu kita kata, ada satu kali saya terima yang bajet itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Satu minggu selepas ia dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, isu sudah dibentangkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya selepas baca dalam surat khabar baru tahu apakah yang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Sebenarnya ditekankan dalam bajet itu. Jadi saya ingin memintalah kementerian Yang Berhormat itu boleh menimbang cadangan daripada pihak Yang Berhormat Segambut dan juga Yang Berhormat Seputeh tetapi,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri teruskanlah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh itu bolehlah kita melihat dan apa yang penting bahawa maklumat-maklumat yang kita peroleh untuk menyediakan bajet kita dapat daripada *grassroots* yang mana memberi pandangan, komen yang begitu baik dalam DBKL menyediakan bajet bagi sesuatu tahun itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Yang Berhormat, sebenarnya kami wakil rakyat adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Isu yang sama Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Teresa Kok Sh Sim [Seputeh]: ...Terdapat dengan *grassroots*. *Grassroots* di kawasan-kawasan kami tertentu. Jadi saya rasa yang...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya rasa yang buat pandangan daripada Wakil Rakyat juga adalah pandangan dari *grassroots*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Diminta ini diambil pertimbangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri sudah jawab tadi.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya lihat Yang Berhormat Seputeh ini ada mimpi sedikit. Mungkin dia hendak kena cari kawan...*[Dewan riuh]* Saya sudah kata bahawa kita akan tengok apa pandangan, apa yang dikomen oleh pihak Yang Berhormat Seputeh. Jadi, apa yang dilakukan sekarang ini, kita merasakan mengumpulkan input-input daripada *grassroots* sebagai maklumat yang lebih tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, beralih kepada kesimpulan Yang Berhormat ya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Jadi itu sebab yang rasakan pada peringkat ini yang kita laku, Yang Berhormat Seputeh. Saya teruskan. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang menyentuh dalam perbahasannya dengan membuat dakwaan bahawa pegawai penguat kuasa DBKL telah menyalah guna kuasa dalam tugas mereka khususnya dalam dua kes iaitu yang pertama, kes menahan dan memukul terhadap seorang penjaga kereta pada 2 Julai 2006.

Yang kedua, kes menyita kereta sorong seorang penjaja di Jalan Tun Sambanthan, Brickfields. Sehubungan dengan dua kes yang didakwa oleh Yang Berhormat, saya ingin menyentuh pertamanya kes penahanan terhadap seorang penjaga letak kereta. Dalam kes ini, Yang Berhormat telah mendakwa anggota penguat kuasa telah memukul seorang penjaga letak kereta yang ditahan. Sebenarnya kes ini masih lagi dalam siasatan pihak DBKL Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab salah gunakan kuasa kakitangan DBKL, imej kerajaan akan terjejas jika kejadian ini tidak dipandang serius oleh sebab pada 22 Julai tahun ini, ia berlaku di Brickfields. Salah, ini berlaku di Bukit Bintang.

Seorang penjaga kereta telah membuat laporan kepada polis dan juga saya tulis kepada Pengarah Jabatan Penguat Kuasa dan Keselamatan DBKL untuk menyiasat dalaman tentang aduan ini. Laporan polis pun telah dibuat dan Hospital Besar Kuala Lumpur pun telah periksa kecederaan yang dilakukan oleh penguat kuasa, kakitangan DBKL ini.

Kita harus mengambil kira bahawa membuat laporan dan juga satu surat kepada Pengarah tetapi, amat sedih ialah kerana tidak mendapat apa-apa jawapan, dua bulan. Yang kedua kes ialah penjaja. Ini aduan yang dibuat kepada DBKL kerana kakitangan DBKL ini, cawangan Bukit Bintang yang melakukan satu kenderaan DBKL di waktu luar, digunakan oleh kakitangan. Menyita barangan khususnya dua beca, dan dua troli dan enam ayam kampung di tepi jalan rumah dia. Inilah satu kesalahan gunakan alat kenderaan kerajaan untuk aktiviti peribadi. Ini tidak boleh dimaafkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Beliau telah membuat laporan kepada polis. Saya harap satu siasatan dalaman untuk jika ada berlaku salah, tindakan harus diambil terhadap pegawai atau kakitangan ini. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau nak siasat semua curi ayam, kes-kes ayam semua tak selesai Yang Berhormat ya. Banyak sangat ya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah dia kata serius..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat nak siasat semua ayam, semua curi itu. Bagi isu-isu yang besarlah Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini masalah dia kata serius kerana seolah-olah anggota Penguatkuasa DBKL ini salah guna kuasa. Itu sebab saya katakan tadi, bahawa DBKL memang menangani serius terhadap dakwaan Yang Berhormat. Itu sebab saya nyatakan tadi bahawa kes ini dalam siasatan dan apabila selesai kita akan maklum kepada pihak yang berkaitanlah.

Begitu juga berkaitan dengan kes menyita kereta sorong seorang penjaja di Jalan Tun Sambanthan itu, di mana Yang Berhormat mendakwa tindakan menyita tersebut dibuat oleh penguat kuasa untuk membantu bagi membolehkan jiran pemilik kereta sorong yang sebelah untuk mengambil alih tapak pemilik gerai kereta sorong itu. Setelah disiasat, didapati bahawa sebenarnya penyitaan dibuat oleh kerana menghalang jalan dan juga kerana dengan berniaga ayam itu telah melakukan kekotoran. Itulah sebab penyitaan dibuat oleh penguat kuasa Dewan Bandaraya.

Berkaitan dengan dakwaan Yang Berhormat bahawa DBKL punya pegawai membantu supaya jiran pemilik kereta sorong berkaitan untuk mengambil alih tapak itu adalah tidak benar. Oleh kerana pada hari ini kalau Yang Berhormat hendak tengok kawasan itu masih kosong lagi, tidak ada siapa yang ambil. Jadi apa yang didakwa oleh Yang Berhormat itu tidak tepatlah...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana kakitangan DBKL ini menggunakan kenderaan kerajaan iaitu DBKL punya lori untuk menyita barang-barang dua beca, dua troli dan enam ayam kampung. Selepas laporan kepada polis sebab saya tanya ini penguat kuasa DBKL tetap, tidak ada berlaku apa-apa tindakan menyita apa-apa barangan dari penjaja.

Penguat kuasa jabatan tidak melakukan apa-apa penyitaan. Itu fasal dia buat laporan kepada polis. Selepas buat laporan polis, barulah kakitangan ini menjemput penjaja ini untuk membalikkan semua dua beca, dua troli dan enam ayam. Bila ayam itu kembali balik, ayam tua. Ayam kampung itu sudah tukar kepada ayam tua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah kena potong Yang Berhormat ya? Sembelih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ha, inilah yang berlaku. Saya harap ini boleh disiasat dengan lebih teliti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Kalau tidak bersalah, mengapa dia mahu sita semua barang-barang itu. Minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Apa yang saya telah nyatakan tadi bahawa inilah merupakan siasatan yang dibuat bahawa penyitaan kereta sorong itu dibuat oleh kerana pemilik tersebut menjalankan perniagaan ayam yang membuat kekotoran di kawasan awam dan juga menghalang jalan di tempat tersebut. Itu sebab penyitaan dibuat. Jadi apa Yang Berhormat kata itu daripada hasil penyiasatan kami bahawa adalah tidak tepatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh alih kepada isu lain, Yang Berhormat? Minta gulunglah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat, yang akhirnya, Yang Berhormat Seputeh...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Boleh Yang Berhormat Pasir Puteh masuk sedikit?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Seputeh, ada ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri, sahabat lama saya. Saya sayang kerana timbalan menteri banyak buat perubahan bandar raya. Dua perkara besar... *[Membaca ayat Al-Quran]* iaitu mengajak kepada yang baik, mencegah benda yang tidak baik. Di Chow Kit, saya minta supaya Jawatan Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu JAWI, Penguatkuasa dewan Bandaraya, Polis Kuala Lumpur, Rukun Tetangga, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tolong serbu lorong-lorong yang ada, kita hendak bersihkan maksiat. Ibu-ibu ayam kita ambil, pulihkan dia. Bapa-bapa ayam, ambil dia, pulihkan. Kalau boleh hotel itu sendiri, *warning* dia punya lesen. Jika berlaku lagi, tarik balik.

Yang keduanya ialah dadah, HIV. Tidak banyak, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada 500 sahaja dok merayap di tempat *parking* kereta. HIV/AIDS dan juga dadah, *clear* kan, letak di satu tempat. Saya sebagai Pengarah JAWI dulu, saya sudah letak di satu tempat di Jalan Ledang. Jadi kalau boleh kita sedia satu tempat, baca *Yassin*, hak yang mati hantar ke kubur. Saya rasa itulah dua perkara kalau hendak jadi bandar raya bersih. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sedikit tak? Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudah sampai ke Sabak Bernam berkaitan dengan dadah. Saya lebih sayang daripada Yang Berhormat Pasir Puteh kepada dia tetapi, yang penting nampaknya kita membenarkan Kuala Lumpur ini mempunyai imej negatif seperti Lorong Haji Taib, belakang mati. Saya hendak menyokong Yang Berhormat Pasir Puteh supaya kita ada satu agenda khas, Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk menjadikan tempat itu bersih daripada gejala negatif seperti yang disebutkan. Cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita beri tempoh dalam mungkin setahun ini selesai masalah itu. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh dan juga Yang Berhormat Sabak Bernam. Memang dari segi tindakannya, macam ibu-ibu ayam dan HIV ini kalau tindakan bersih, maknanya ini di luar kawasan ataupun *jurisdiction* DBKL tetapi, kalau ibu-ibu ayam ataupun dadah ataupun gejala negatif yang berlaku di hotel-hotel di mana DBKL boleh melihat untuk mengambil sesuatu tindakan berkaitan dengan lesennya.

Walau bagaimanapun, dalam konteks ini bahawa pihak DBKL sentiasa berganding bahu dengan agensi-agensinya penguat kuasa yang lain seperti polis umpamanya, JAWI untuk bertindak mengadakan satu operasi yang bersepadu dan di mana ada tindakan yang perlu diambil oleh DBKL, maka tindakan akan diambil dan di mana berlakunya kes-kes di bawah bidang kuasa agensi yang lain, maka merekalah yang akan mengambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi kah, Yang Berhormat? Boleh gulung Yang Berhormat ya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya ingin menjawab Yang Berhormat Seputeh punya, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh iaitu beliau mendakwa pihak kementerian telah melakukan penyalahgunaan kuasa kerana telah membenarkan pembinaan pejabat UMNO Seputeh yang baru di Taman Desa dan juga Pejabat MCA dikekalkan di OUG. Jadi perkara ini sebenarnya sudah banyak kali dijawab oleh pihak kementerian. Yang terakhir semasa dalam perbahasan Titah Diraja di mana Yang Berhormat Menteri telah menjawab berkaitan dengan kewujudan Pejabat UMNO yang dulu, dan juga berkaitan dengan Pejabat MCA di OUG.

Walaupun Pejabat UMNO sekarang ini ditukar di tempat yang baru iaitu di Taman Desa sebagaimana Yang Berhormat dakwa kata itu merupakan pejabat UMNO tetapi, sebenarnya bahawa premis itu adalah merupakan premis ataupun pusat kegiatan masyarakat.

Di mana untuk makluman Yang Berhormat, di sini ada aktiviti-aktiviti yang memberi perkhidmatan untuk mendapatkan seperti pinjaman TEKUN, kerana pegawai TEKUN ada ditempatkan di pusat kegiatan di Taman Desa ini.

Begitu juga program-program yang berkaitan dalam membantu masyarakat yang kurang bernasib baik turut dilaksanakan di situ melalui Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat yang mana badan ini adalah merupakan badan NGO yang mana pegawai ataupun anggota majlis ini ada di premis berkaitan. Selain daripada itu, banyak program yang lain termasuk program-program seperti menyambut Hari Kemerdekaan juga digunakan di situ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Bagi saya habis dahulu, Yang Berhormat Seputeh, saya habiskan dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagi kawasan ataupun kompleks di OUG itu, bahawa di situ juga yang mana telah beroperasi lebih kurang sudah 20 tahun dan di situ banyak aktiviti kemasyarakatan dijalankan di situ, seperti tadika, *taichi*, sukan pingpong diadakan di situ. Jadi apa Yang Berhormat kata bahawa ini adalah pejabat UMNO adalah tidak benar, sebagai pejabat UMNO, tetapi ia adalah merupakan pusat kegiatan masyarakat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kalau malam ini ada masa kita pergi sana tengok. Yang dikatakan pusat khidmat masyarakat Seputeh itu. Itu banci UMNO digantung di sana sahaja. MCA pun tidak ada tempat sana. Dan di sana Persatuan Penduduk Rukun Tetangga semua tidak diberi peluang untuk menggunakan kontena yang dipindah ke Taman Desa itu. Adalah jelas itu memangnya adalah Pejabat UMNO Seputeh, dan saya rasa memang tidak adil bagi kementerian itu keluar wang untuk membiayai kesemua kos perpindahan dan juga pembinaan itu. Dan selalunya kita nampaklah yang UMNO, MCA, Gerakan saya tidak pasti lagi, selalu menggunakan dana kerajaan untuk membina cawangan sendiri dan diletakkan di tapak permainan kanak-kanak pula. Dan juga diletakkan di tanah kerajaan. Ini bermaksud mereka ini, sebenarnya adalah setinggan. Jadi kalau kerajaan hendak katakan ada setinggan sifar pada tahun 2005, tetapi sampai sekarang kita lihat kementerian membenarkan mendirikan, memberi wang kepada mereka membina satu lagi setinggan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Di bawah nama Pusat khidmat Masyarakat. Saya rasa ini amat tidak adillah, kalau ada Pusat Khidmat Masyarakat, saya sebagai Wakil Rakyat, saya juga harus diberi peluang menggunakan tempat itu untuk adakan aktiviti saya. Dan itu sepatutnya dijadikan sebagai separuh daripada pejabat saya, tetapi kenapa ini tidak dilakukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa yang pihak Yang Berhormat ini, terlalu berpihak kepada pihak Barisan Nasional. Bila mereka melakukan kesalahan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, pihak kementerian masih berpihak kepada mereka. Inilah yang menjadi korupsi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dan semua ini berlaku di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, ringkaslah jawapan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini Yang Berhormat Seputeh menyatakan bahawa ada bendera UMNO tetapi, ada kah label yang menyatakan, itu bangunan UMNO? Tidak ada. Cuba Yang Berhormat pergi tengok, saya baru tengok semalam, cuma ada bendera, bendera *Federal*, Persekutuan, kebanyakannya, dan ada satu, dua bendera UMNO. ..

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [*Bangun*]

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini kerana dipasang sempena menyambut hari kemerdekaan. Jadi apa Yang Berhormat berkata ada tanda sebagai Pejabat UMNO, itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Cheras, hendak bagi jalan? Ringkaslah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat dari Melaka dia kurang faham situasi sebenarnya di sini tetapi, beliau faham pun, ingin membohongkan Dewan ini. Mengelirukan Dewan ini, saya boleh jemput Yang Berhormat, dengan belanja petrol saya untuk membawa Yang Berhormat pergi melawat berpuluh-puluh dewan orang ramai yang diambil alih, dicerobohi, dirampas oleh UMNO menjadikan premis UMNO, dengan papan tanda, logo UMNO. Hendak terima cabaran saya? Jemputan sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Belum habis penjelasan saya. Ini adalah penyalahgunaan yang besar-besaran berlaku di Kuala Lumpur. Lagi pun apa itu berbagai-bagai kegiatan yang dilancarkan untuk masyarakat tempatan. Saya ingin tanya Yang Berhormat, kalau saya memohon supaya menjadikan sesebuah dewan orang ramai dalam kawasan Parlimen Cheras sebagai pusat perkhidmatan saya Ahli Parlimen ataupun premis DAP, adakah Yang Berhormat atau kementeriaannya membenarkan. Dan saya akan pastikan pusat itu akan menjadi pusat rakyat, pusat menganjurkan pelbagai, beratus-ratus kegiatan untuk kebaikan masyarakat tempatan, dan adakah Yang Berhormat sedia meluluskan dana awam untuk maksud ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Perampas jangan membetulkan apa-apa yang telah disalahgunakan atau disalahlakukan. Ini adalah kebenaran. Maka, bilakah Yang Berhormat menerima jemputan saya, saya akan bawa Yang Berhormat pergi melawat setiap premis di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di setiap kawasan Parlimen. Bukan sahaja Cheras tetapi di mana-mana juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, gulunglah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak ada masa, saya tidak mahulah hendak melayan, fasal apa yang diceritakan berkaitan dengan Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak dapat jawablah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Jadi saya rasa setakat ini saya sudahi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi, isu pelantikan Datuk Bandar itu.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Isu-isu ini, dan kalau ada apa-apa yang lain boleh tulis suratlah. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Itu isu pelantikan Datuk Bandar itu, yang mana ahli politik Barisan Nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh tanya di luarlah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tidak payahlah, dia sudah malu. Tidak payahlah.., tidak payahlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak dapat jawab, tidak jawab langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Menteri Kesihatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan... Tuan Yang di-Pertua, ini isu yang sangat penting.

7.26 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Yang mana mereka menghendaki ahli politik Barisan Nasional dijadikan Datuk Bandar.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ...Pihak Kementerian Kesihatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi ini isu penting, kenapa tidak di jawab?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ...Ingin menjawab beberapa saranan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Islam Hadhari kah?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ...Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Maran, pihak kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Kebanyakan isu yang dibangkitkan ini, sebenarnya banyak sudah dijawab, jadi saya hanya sentuh beberapa perkara yang saya kira perlu untuk makluman Dewan yang mulia.

Pertama, Yang Berhormat Gombak mahukan supaya semua produk yang didaftarkan oleh pihak berkuasa kawalan dadah supaya dapat dinilai terlebih dahulu dari sudut kualiti, aplikasi, dan keselamatan sebelum ia didaftarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, semua maklumat berkaitan dengan kesan sampingan, yang pernah dikaitkan dengan satu ubat, ada disenaraikan dalam setiap sisip bungkusan produk. Dan maklumat ini akan sentiasa dikemas kini berdasarkan kepada maklumat terkini yang dapat diketahui berkenaan produk tersebut.

Di negara ini, sistem pemantauan keselamatan ubat telah diwujudkan sejak tahun 1989, melalui program pemantauan kesan *adverse* ubat. Dan melalui sistem ini, profesional kesihatan dan juga pesakit boleh melaporkan kesan *adverse* atau kesan sampingan yang pernah berlaku akibat penggunaan ubat tersebut.

Semua laporan ini akan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Kesan *Adverse* untuk memastikan jika terdapat tindakan lanjutan yang perlu diambil. Bagi tahun 2005, sejumlah 2,363 laporan kesan *adverse* telah diterima dan tindakan sewajarnya telah pun diambil. Tindakan-tindakan yang telah pun diambil, dimaklumkan kepada pihak berkuasa kesihatan, iaitu melalui buletin yang dikeluarkan oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan atau BPFK.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak juga mengatakan mengenai pelaksanaan ataupun penglibatan Majlis Perubatan Malaysia (MMC), dalam hal-hal isu pengiktirafan sekolah-sekolah perubatan. Perkara tersebut telah pun dijawab dan diterangkan secara terperinci oleh Yang Berhormat Dato' Mustapha, Menteri Pengajian Tinggi, jadi tidak perlu saya beritahu dalam Dewan ini.

Perkara yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, adalah tentang ambulans. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia, kebanyakan kes kecemasan pesakit akan ditemani sekurang-kurangnya oleh paramedik. Ingin dinyatakan bahawa kes-kes kecemasan yang biasanya didapati tidak ditemani oleh paramedik adalah kes-kes yang dibawa oleh perkhidmatan ambulans melalui organisasi bukan kerajaan, seperti Persatuan Bulan Sabit Merah atau St. John Ambulans. Kerana fungsi mereka pada dasarnya adalah lebih tertumpu pada pengangkutan pesakit daripada tempat kejadian ke hospital...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Walau bagaimanapun kementerian sudah pun mengukuhkan sistem perkhidmatan ambulans secara bersepadu di seluruh negara dan satu projek perintis yang kita panggil *pre-hospital care*, dengan izin, sedang dirancang...

Dr. Tan seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ...Projek ini akan dijalankan di Lembah Klang dan Pulau Pinang dan dijadualkan akan dilancar pada tahun 2007... Tunggu dahululah Kepong, saya habis dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak ialah mengenai rekod perubatan pesakit sama ada rekod tersebut dibuat dalam bentuk elektronik atau disimpan secara manual di hospital di mana pesakit di rawat. Cara lazimnya pesakit kronik akan dirawat oleh doktor dalam disiplin yang sama di sebuah hospital. Terdapat beberapa langkah yang diambil untuk memastikan kesinambungan rawatan pesakit dapat berjalan dengan baik di samping mengurangkan pertindihan data sekiranya pesakit di rujuk ke hospital lain atau *discharge*.

Sekiranya pesakit dirujuk ke hospital lain, doktor tersebut akan membuat surat rujukan untuk dikemukakan kepada doktor yang dirujuk dan surat rujukan tersebut yang mengandungi butiran dari segi perihal pesakit, diagnosis penyakit, penyiasatan yang telah dilakukan. Ubat-ubatan yang diberikan dan juga perancangan masa depan untuk pesakit.

Jadi untuk masa hadapan, kementerian berharap supaya dapat diwujudkan sistem perkongsian maklumat secara *online* di mana maklumat tersebut dapat dicapai oleh pelbagai kategori doktor atau pegawai perubatan yang terlibat dalam perawatan pesakit tersebut. Sistem ini akan dapat menggunakan kawalan keselamatan yang tinggi di mana individu yang mempunyai kod-kod tertentu iaitu dengan izin, *authorization code and password* sahaja dapat *access* kepada maklumat pesakit yang berkenaan bagi memastikan kerahsiaan dan keselamatan peribadi pesakit terjamin.

Yang Berhormat Gombak juga menyentuh tentang insurans.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong Yang Berhormat, hendak beri jalan kah, Yang Berhormat, Kepong?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum, sila duduk.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Maghrib dekat hendak habis ini. Mengenai Insurans Kesihatan Kebangsaan, sekarang ini di peringkat EPU, kerajaan sudah pun melantik konsultan, kita tunggu dan dijangkakan pada tahun 2007 pertengahan, laporan daripada konsultan akan dapat diperoleh untuk kerajaan membuat tindakan selanjutnya. Sila Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebutkan mengenai ambulans. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita di KL, di Lembah Klang ini, dari segi St. John dan sebagainya, berapa buah ambulans di rantau ini, di kawasan ini? Dan dengan ambulans ini kakitangannya, setakat mana mereka dilatih untuk *resuscitation* dan sebagainya dan setiap ambulans, apakah kelengkapan untuk kecemasan dan sebagainya? Ini memang satu perkara yang penting bagi saya bertanyakan soalan ini dan saya akan terus tanyakan kerana bagi saya tidak cukup dan latihan pun tidak sempurna dan saya berharap Yang Berhormat dapat bermula untuk memperbaiki keadaan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kepong, soalan itu spesifik, berapa, jadi saya akan jawab secara bertulis. Tadi saya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mungkin ada 17 sahaja.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kita sudah pun membuat perintis projek *pre-hospital emergency care* di mana kita akan meletakkan minimum standard dan juga *best practice*, dengan izin. Bukan sahaja kenderaan tetapi spesifikasi dalam ambulans dan juga pembangunan latihan untuk sumber manusia. Jadi biarlah dahulu projek perintisan ini dapat berjalan dan selepas itu kita akan *insya-Allah, role over* apabila projek perintis ini berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Maran membangkitkan isu mengenai *screening*, dengan izin, pengesanan penyakit-penyakit tertentu yang boleh dilakukan di klinik-klinik kesihatan luar bandar terutamanya pengesanan barah. Khususnya perkara yang dibangkitkan adalah untuk pemeriksaan *mammogram* yang baru-baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet beliau di mana subsidi sebanyak RM50 bagi setiap pemeriksaan *mammogram* bagi mengesan kanser payu dara. Program ini sedang disusun atur di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan oleh itu Kementerian Kesihatan hanya membantu dari sudut operasi.

Saya kira itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, mana-mana yang tidak sempat di respons oleh kementerian, kita akan ambil tindakan sewajarnya bagi memastikan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, dia sudah habis Yang Berhormat ya!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya, saya faham tetapi saya pun ada sebutkan...

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti beliau akan jawab secara bertulis ya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:Waktu Peringkat Dasar pun saya pun ada membincangkan mengenai...

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti, masa peringkat..., *where I think* Yang Berhormat saya boleh jawab, lepas ini, lepas saya sembahyang Mahgrib, kita boleh berceritalah. Terima kasih banyak-banyak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat Kepong. Ya, sekarang sebagai penutupnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menggulung. Di jemput Yang Berhormat Menteri.

7.36 mlm.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Sesi Perbincangan Bajet 2007 khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Kewangan. Banyak perkara yang telah ditimbulkan semasa perbincangan tersebut dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua teguran dan berusaha melaksanakan segala saranan dan cadangan yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus memastikan pelaksanaan Bajet 2007 dilaksanakan dengan baik dan saya berpendapat dan saya yakin hasrat kita semua adalah sama, tidak kira sama ada kita di *frontbench* atau di *backbench* ataupun pembangkang hasrat kita sama ialah untuk menjana ekonomi untuk mencapai Visi 2020 di mana negara dapat mencapai taraf negara maju dan semua rakyat negara ini dapat hidup dalam keadaan yang baik dan makmur.

Saya mulakan penggulungan ini Tuan Yang di-Pertua dengan beberapa isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Beluran, dan Yang Berhormat Temerloh berhubung dengan konsep bajet dan kadar pertumbuhan yang diunjurkan dalam bajet iaitu 5.8%.

Yang Berhormat Ipoh Timor telah menyatakan bahawa kadar ini adalah rendah dan sektor swasta tidak memainkan peranan yang diharapkan dan juga pelaburan langsung dari luar iaitu FDI tidak memasuki negara dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kadar 5.8% adalah satu kadar yang baik, memandangkan dalam konteks keadaan antarabangsa sekarang di mana begitu banyak cabaran dan risiko yang dihadapi oleh negara kita. Jika kita bandingkan kadar 5.8% ini dengan kadar pertumbuhan di Indonesia hanya 5.2%, Filipina hanya 5.0%, Thailand sebanyak 4.5% dan juga Jepun sendiri hanya 2.7%, United States yang mana negara begitu maju hanya 3.4% dan Euro *area*, hanya 2.4%.

Jadi saya anggap pertumbuhan dalam negara kita iaitu 5.8% tahun ini dan insya-Allah 6% tahun depan boleh dianggap sebagai satu kadar pertumbuhan yang baik berbanding dengan negara-negara lain dan juga dalam konteks keadaan ekonomi antarabangsa. Dan berhubung dengan FDI, FDI kita memang banyak sungguh pun tidak begitu banyak berbanding dengan masa tahun 80-an dan 90-an tetapi masih juga boleh dianggap munasabah iaitu dalam kadar RM15 hingga RM17 bilion setahun. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa keadaan dunia sekarang telah berubah. Pada tahun 80-an dan awal tahun 90-an, Malaysia merupakan satu-satu negara yang melaksanakan polisi yang liberal dan pada masa itu tidak wujud China, tidak wujud India, tidak wujud negara-negara Latin Amerika tetapi, sekarang *competition* begitu semakin kuat dan negara China telah wujud dan dengan polisi-polisi liberal dan FDI banyak juga yang melabur dalam China, India, Vietnam, Latin Amerika. Jadi kita kena *compete*.

Dan falsafah Rancangan Malaysia Kesembilan, falsafah bajet ialah untuk membolehkan negara kita, negara tercinta kita *compete* dalam keadaan masa sekarang. *Compete* dalam keadaan di mana negara-negara lain juga telah mengambil langkah yang kita telah ambil sejak tahun 80-an. Dan mereka mempunyai penduduk yang banyak dan mereka mempunyai banyak kelebihan tetapi kita juga mempunyai kelebihan dan kita ingin memastikan bahawa kelebihan ini digunakan sebegitu rupa sampai kita dapat mencapai misi 2020. Falsafah dalam Bajet 2007 antara lain...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat ada kata bahawa benar kita perlu satu asas supaya kita boleh *compete* dengan negara-negara yang lain khasnya China, India, yang *power house*, yang baru ekonomi dan negara-negara yang begitu cepat semacam Thailand sungguhpun baru-baru ini berlaku satu *military coup* tapi nampaknya tidak akan ada impak yang begitu teruk dan Vietnam dan Indonesia.

Akan tetapi bukankah daripada *worldwide governance indicators* atau WGI, yang dikeluarkan oleh *World Bank* baru-baru ini daripada enam petunjuk-petunjuk yang semua membayangkan bahawa dalam aspek *competitiveness*, *we are losing out*, dan semacam *control of corruption*. Kalau tak silap kalau kita kaji petunjuk-petunjuk itu dalam tahun lalu, *transparency international corruption perception index*, kita jatuh ke 39. Kalau kita kaji *worldwide governance indicators*, data-data mengenai *control of corruption* mungkin Malaysia dah jatuh lebih teruk ke tempat ke 50. Bukankah ini menunjukkan bahawa *something is very wrong* bahawa kita tidak boleh *exercise control* mengenai faktor-faktor *competitiveness*.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya penunjuk-penunjuk ini adalah benar, kita tidak akan menerima begitu banyak FDI, RM15 bilion hingga RM17 bilion adalah FDI yang masuk pada setiap tahun ke dalam negara kita. Dan pelaburan ini dibuat oleh syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat terkenal *Dell*, *Intel*, syarikat-syarikat terkemuka di dunia masih mahu datang ke Malaysia membuat pelaburan sebab mereka yakin, mungkin mereka lebih yakin dari kita, tapi mereka yakin akan dapat pulangan yang munasabah. Jadi yang lebih penting dari indeks ialah dengan izin, *facts on the ground* menunjukkan bahawa syarikat-syarikat terbesar dalam dunia menghormati kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sikit. Saya memang secara bernas, saya memang tertarik kepada falsafah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan saya berharap kedudukan kita akan kekal 18 di dalam negara berdagang, akan kekal dan mungkin akan diperbaiki lagi. Walau bagaimanapun, *Dell*, *Intel* memang ada masuk, tapi saya ada nampak itu syarikat seperti Motorola sudah pindah sedikit sebanyak kepada negara lain. Dan selain daripada *Dell* dan *Intel* ini, siapa lagi, ini teknologi maklumat tapi teknologi yang lain yang masuk ke Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah syarikat yang besar yang masuk?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada FDI, FDI itu penting, ada syarikat masuk mungkin ada syarikat keluar sebab mungkin dari segi *competitiveness* gaji kita mungkin tak begitu *competitive*. Dan industri-industri yang merupakan industri dalam *value chain* yang rendah mungkin keluar tapi syarikat lain akan masuk tetapi selain daripada syarikat asing, kita juga patut memberi perhatian kepada syarikat-syarikat dalam negeri. Jadi *private sector* yang selalu disebut sebagai pihak swasta, *private sector* adalah penting. Dan saya ingin memberi sedikit penjelasan sebagai satu rumusan dari Bajet 2007 tentang *private sector*. Ada empat teras dalam Bajet 2007 di mana kerajaan cuba untuk memberi peranan kepada *private sector*, pihak swasta untuk menjadi pihak yang menjana ekonomi.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, bila kita mengurangkan kadar cukai korporat dari 28% kepada 26% dalam dua peringkat. Kita berbuat demikian, sungguh pun jiran-jiran kita kadar korporat negara mereka ialah lebih tinggi, Thailand lebih tinggi, Indonesia lebih tinggi, Filipina lebih tinggi, mungkin *Singapore* kurang sikit tapi kadar di China, di tempat-tempat lain lebih tinggi. Sungguh pun lebih tinggi kita ingin menjadi lebih *competitive* dan kita ingin memberi peranan yang lebih kepada pihak swasta dan kita kurangkan, itu satu.

Yang penting juga Tuan Yang di-Pertua ialah dalam bajet, kita mengambil satu tindakan yang boleh dianggap sebagai memberi isyarat kepada *private sector* tentang keikhlasan kita dalam perkara ini. Kita mewujudkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, tentang cukai korporat tadi yang telah diturunkan daripada 28% kepada 26% dalam tempoh dua tahun yang membawa kepada kerugian cukai kepada kita kira-kira RM2 bilion. Saya nak tanya sekarang ini, Taiwan *corporate tax* dia adalah 25%, Singapura 20%, Hong Kong 17%. Tadi Yang Berhormat bandingkan dengan Thailand, bandingkan dengan Indonesia dan Filipina, itu bukan tandingan kita. Saya nak tanya Yang Berhormat, sejauh manakah dengan pengurangan cukai korporat ini dapat menarik yang pertama FDI tadi. Sedangkan kita sudah kerugian, kita akan bakal rugi RM2 bilion. Apakah akan berlaku sesuatu yang dapat mengimbuh, berbaloi kata orang. Erti kita dapat menarik lagi kedatangan FDI daripada negara-negara lain untuk datang ke mari berbanding dengan keadaan lokasi, keadaan *corporate tax* di Singapura 20%, Hong Kong 17%, Taiwan 25%.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, itu satu soalan yang baik tetapi, dari segi aliran hasil kerajaan yang RM2 bilion yang disebut sebagai kerugian, bukan kerugian sebenarnya, kita kurang hasil RM2 bilion, memang benar tetapi, dari langkah yang diambil ini, ekonomi akan dijanakan, ekonomi akan meningkat. Pertumbuhan ekonomi akan meningkat sehingga mungkin kita dapat lebih dari RM2 bilion. Itulah harapan kita. Kita yakin bahawa pelaburan modal akan berlaku dengan begitu rupa dan peranan pihak swasta akan meningkat dengan begitu rupa supaya kita tak rugi langsung dan kita dapat lebih, itu satu.

Yang kedua, tentang perbandingan yang saya buat dengan negara Thailand, Filipina, Indonesia. Memang Hong Kong, Singapura dan Taiwan lebih rendah daripada kita, tapi Singapura ini bukan nak kata ia bukan negara, tak kena, tapi dia *city state*. Ia bukan negara macam negara Malaysia. Hong Kong ini bukan negara pun, ia sebahagian dari China dan Taiwan itu pun ada yang anggap sebagai hanya satu *province*.

Akan tetapi, bagi kita soal pokok ialah kita telah mengambil satu langkah yang kita yakin ia akan memberi hasil yang baik. Tentang Tribunal Rayuan Kastam misalan Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya apabila sesuatu keputusan dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam dan tidak dipersetujui oleh pelanggan, pelanggan akan buat *appeal* kepada menteri - Menteri Kewangan. Dan dalam hal ini, kita mengambil satu langkah di mana kuasa Menteri Kewangan diberi kepada pihak tribunal supaya dilihat dan supaya keputusan yang dibuat dalam tiap-tiap rayuan adalah adil, konsisten dan objektif.

Dan juga di pihak *income tax*, kita buat satu keputusan dan kita mengambil satu langkah di mana Ketua Pengarah *Income Tax* dikehendaki untuk memberi *advance ruling* di mana beliau membuat satu keputusan bersama-sama dengan syarikat yang terlibat dan keputusan ini akan dipegang sebagai konsisten. Tuan Yang di-Pertua, ini mengelakkan keadaan di mana Ketua Pengarah atau pegawai-pegawai LHDN membuat keputusan *ad-hoc*. Ini memberi satu kelebihan kepada pihak swasta dalam merancang, dalam melibatkan diri dan juga kita membuat satu rangka atau satu *guideline* di mana kita memberi maklumat yang jelas apa itu audit, *income tax*, apa itu *investigation* supaya cara-cara *investigation* tidak digunakan secara *ad-hoc* dalam kes audit.

Dan ini semua kita buat untuk memberi satu suasana yang baik kepada pihak swasta supaya pihak swasta boleh memainkan peranan yang penting untuk menjana ekonomi, untuk menarik pelaburan dari luar dan mungkin yang lebih penting untuk memberi keyakinan kepada penduduk Malaysia sendiri untuk menambahkan penanaman modal. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet, kita mewujudkan satu konsep PFI. PFI boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Satu kita meminta KWAP dengan EPF untuk melabur sehingga RM20 bilion dalam beberapa projek dan mereka akan memiliki projek itu dan kerajaan akan menyewa daripada mereka untuk kemudahan tetapi yang lebih penting, kita mewujudkan satu konsep di mana kita beritahu pihak swasta bahawa mungkin mereka dapat mengenal pasti beberapa projek.

Misalan, di satu tempat boleh dijadikan satu bandar yang boleh diwujudkan di satu tanah yang mungkin dimiliki oleh kerajaan. Dan di bawah konsep ini, pihak swasta akan membuat rancangan dan mereka akan mengira, membuat rancangan dan juga buat *business plan* dan sebarang keuntungan, kerugian dan sebarang risiko diambil oleh pihak swasta tetapi, oleh kerana projek ini memberi hasil kepada negara dari segi memberi pekerjaan kepada rakyat kita dari segi mereka membayar cukai, dari segi mereka memberi kelebihan dan memberi kemudahan yang boleh digunakan oleh industri-industri lain, kita beritahu pihak swasta kalau mereka memerlukan sedikit pertolongan daripada kita, mungkin dari segi kita membeli satu dua bangunan di tempat bandar baru itu, mungkin untuk dijadikan sebagai *district office*, bomba atau apa-apa, kita akan memberi pertolongan dan kita telah membentuk satu tabung yang diberi nama *PFI facilitation fund*, dengan izin, yang berjumlah RM5 bilion untuk memberi kemudahan kepada pihak swasta untuk mewujudkan projek-projek yang kalau tabung ini tidak wujud, mungkin projek itu pun tidak wujud. Itu yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang pertama. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang pertama, ini macam mana pihak kerajaan memilih syarikat-syarikat itu? Mesti ada kriteria untuk memilih syarikat ataupun konsortium untuk memajukan sesuatu projek dan di sini tadi Yang Berhormat kata kita ada EPF dengan banyak wang simpanan. Dengan wang itu, adakah ini akan diberi pinjaman dengan kadar faedah yang rendah kepada pihak syarikat yang terlibat dengan PFI dan sebagainya.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pertama itu, pihak EPF dengan KWAP, akan memiliki bangunan-bangunan yang tersebut. Dalam kes kedua yang disebut tadi, kita tidak pilih syarikat. Itu yang kelebihan dia, kita tidak pilih sebab kita tak tahu mana syarikat yang nak buat apa. *So*, kita beritahu syarikat-syarikat. Memanglah syarikat itu mesti syarikat yang *genuine*, syarikat ada yang *track record* dan syarikat yang boleh dipercayai.

Mana-mana syarikat boleh datang kepada kerajaan dan beritahu inilah dia projek dan dia memang kena beritahu kita bahawa mereka adalah syarikat yang boleh dipercayai dan inilah dia *business plan model*, *business plan* mereka dan projek ini adalah baik untuk negara, adalah strategik, akan memberi kelebihan untuk negara dan mereka akan mengambil risiko dalam mewujudkan dan melaksanakan projek ini dan mereka meminta sedikit bantuan. Kerajaan tidak pilih, bila dia datang, projek ini adalah projek baik, kita bagi bantuan. Kita tak pilih, itu satu kelebihan. Isu pilih syarikat, pilih kontrak, tidak wujud.

Mereka dan siapa-siapa syarikat Malaysia, syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia boleh datang. Tak ada masalah. Yang ketiga, itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya hendak sentuh dengan cadangan saya fasal pembangunan Pulau Gaya yang saya menyentuh fasal *PFI facilitation fund* ini yang tidak akan melibatkan, walaupun saya berbahas, tidak akan melibatkan kewangan kerajaan tetapi sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, bahawa ada kemudahan seperti ini dan adakah pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan melantik GLC yang sebagai syarikat yang dimiliki kerajaan untuk menerajui seperti apa yang berlaku dengan RDA atau wilayah utara, wilayah timur dan wilayah selatan. Jadi adakah kementerian dengan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan panaslah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Ketawa] Saya pun panas cakaplah, Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi, bagaimana yang saya bahaskan di Pulau Gaya itu, adakah ini rupa macam berbeza ataupun sesuai dengan apa yang Yang Berhormat Tan Sri sentuh kan tadi?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua kalau ada projek di Pulau Gaya yang perlu yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana syarikat tidak semestinya syarikat GLC. Mana-mana syarikat yang memerlukan sedikit bantuan kita akan beri pertimbangan. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditekankan yang diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan ialah tentang *mutual respect* dan juga percaya kepercayaan. Kita mesti percaya kepada syarikat swasta dan banyak langkah-langkah telah diambil oleh kerajaan seperti *Securities Commission*. Dulu *Securities Commission* mengambil masa begitu lama untuk menyemak sebarang *proposal* yang diberi.

Akan tetapi sekarang kita percaya dalam banyak keadaan kita minta pihak swasta beritahu bahawa mereka telah mematuhi apa yang terdapat dalam garis panduan dan mereka sains dan kita terima dulu dan kita beri kelulusan kita percaya dan selepas itu memang kita akan semak, cek dan kalau mereka tidak ikut tindakan undang-undang akan diambil tetapi cara kita buat kerja sekarang ialah atas dasar kepercayaan, itu satu perkara yang telah diwujudkan dan telah ditekankan dalam Bajet 2007. Yang terakhir yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah dalam bajet 2007 kita telah memberi penekanan kepada konsep *corporate social responsibility* dan kita telah sebut bahawa oleh sebab kerajaan memberi begitu banyak kemudahan, kepercayaan, pertolongan, bantuan kepada pihak swasta.

Pihak swasta juga mempunyai tanggungjawab untuk berjiwa rakyat untuk membantu sekolah-sekolah di pinggir untuk membantu rumah-rumah orang tua dan sebagainya dan kita telah menjadikan satu syarat baru yang akan dilaksanakan di mana di dalam tiap-tiap laporan tahunan syarikat-syarikat yang tersenarai mereka akan sebut apa dia langkah yang telah diambil oleh mereka dalam aspek *corporate social responsibility*. Jadi inilah falsafah yang diterjemahkan sebagai langkah-langkah dalam Bajet 2007 untuk menjanakan ekonomi melalui langkah memberi peranan yang lebih kepada sektor swasta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tadi kita dengar mengenai falsafah bajet, sekarang saya mahu tahniah Yang Berhormat Menteri mengenai butir-butiran bajet. Kalau ada ketidakadilan yang sangat ketara, bagaimana apa yang dicadangkan dalam bajet ini boleh dipinda? Bolehkah dipinda sebelum kita akan lulus dengan prinsipnya tetapi sebelum akan ada peringkat jawatankuasa selepas penangguhan Dewan oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Noh bin Haji Omar daripada Tanjung Karang ada kata bahawa bukan sahaja tidak ada satu sen untuk membina sebuah sekolah baru untuk SRJK(C), Cina atau SRJK(T), Tamil dalam bajet tahun depan ataupun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini tentu sangat tidak adil oleh sebab berbanding dengan 50 tahun dulu merdeka bilangan pelajar-pelajar di SRJK(C) sudah tambah dua kali daripada 300,000 ke lebih daripada 600,000 dan tunggakan untuk mengadakan sekolah-sekolah SRJK(C) kalau adil kalau mengikut *ratio* yang berpatutan ialah *areas* 250 sekolah.

Sekarang nampaknya satu sekolah baru pun tidak ada. Bagaimana bajet ini boleh dipinda supaya adalah sekolah-sekolah baru SRJK(C) dan SRJK(T) bukan sahaja dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dalam lima tahun ini tetapi pun dalam bajet akan datang. Bagaimana ini boleh dibuat?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua sekiranya perkara ini berhubung dengan mungkin bukan sahaja bajet tetapi juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rancangan Malaysia Kesembilan, dan saya perlu berbincang perkara ini dengan Menteri Pelajaran untuk mendapatkan penjelasan dan mungkin Menteri Pelajaran sendiri akan memberi penjelasan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai syarat memenuhi tanggungjawab sosial oleh syarikat-syarikat swasta. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Yang Berhormat kerana memikirkan untuk meletakkan syarat ini. Persoalannya ialah sejauh mana tindakan yang akan dilakukan. Apakah yang akan dilakukan apabila ada pelanggaran syarat seperti ini kerana kalau kita lihat sekarang pun syarikat-syarikat GLC misalnya dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab sosial tetapi banyak yang tidak memenuhi tanggungjawab ini dan tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Jadi selepas syarat ini ditetapkan, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian terhadap syarikat yang melanggar syarat tanggungjawab sosial?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, ada dua aspek tentang GLC, satu ialah tentang tanggungjawab sosial yang bukan sahaja menjadi tanggungjawab GLC tetapi juga tanggungjawab syarikat-syarikat yang tersenarai. Ini untuk semua syarikat tersenarai diberi *corporate social responsibility*.

Corporate social responsibility yang diberi kepada semua syarikat ini tidak diwajibkan mereka membuat satu-satu tetapi kita tahu bahawa oleh sebab diwajibkan kepada mereka untuk menyiarkan untuk masukkan dalam laporan tahunan, apa yang mereka buat langkah yang mereka mengambil dan mungkin mereka akan malu kalau di dalam *chapter* di dalam bab *social responsibility* tidak ada benda langsung, kosong. Boleh, dari segi undang-undang boleh tetapi mereka akan mengambil usaha untuk melaksanakan *social responsibility* kita tahu.

Itulah tujuan kita pun hendak menggunakan *moral suasion* untuk mereka membuat *corporate social responsibility* tetapi bagi GLC, *corporate social responsibility* mereka mungkin lebih sedikit sebab mereka ini diberi tanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk memberi penekanan kepada bidang-bidang tertentu seperti mewujudkan usahawan bumiputera misalnya.

Oleh sebab mereka ini dikuasai oleh kerajaan, syarikat-syarikat ini dimiliki sebahagian daripada saham oleh kerajaan mereka harus memberi penekanan dan sumbangan yang lebih sedikit. Sekiranya mereka tidak memainkan peranan ini ataupun kurang memainkan peranan ini dan saya tahu banyak perkara tentang GLC bukan semua GLC tetapi satu dua GLC telah disebut dan banyak isu-isu juga telah disebut dalam Dewan yang mulia ini dan kalau mereka tidak mengambil perhatian dan didapati mereka tidak memainkan peranan yang diharapkan oleh kerajaan kepada mereka tindakan akan diambil. Itu jelas sebab kita telah wujudkan konsep GLC ini dengan tujuan yang tertentu tujuan yang begitu ikhlas dan begitu fokus. Tiap-tiap pihak dalam konsep ini dalam rangka ini harus memainkan peranan dan mereka yang tidak memainkan peranan tindakan akan diambil.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat saya amat tertarik dan saya rasa terharu apabila mendengar satu janji kepada badan kerajaan tetapi kadang-kadang janji ini dia tinggal janji begitu sahaja tetapi apa yang berlaku di sebalik janji ini kadang-kadang dia bukan sahaja GLC ataupun syarikat-syarikat yang besar sedemikian telah mendapat habuan dan kontrak daripada kerajaan tidak memainkan peranan yang positif, bukan sahaja tidak memainkan peranan *social responsibility* secara ikhlas tetapi ada yang menjadi satu dalang yang telah membunuh banyak syarikat-syarikat khususnya syarikat bumiputera.

Saya tengah hari tadi terserempak dengan seorang kawan yang mempunyai satu syarikat. Syarikat ini ganjil, dia mengeluarkan kabel dan kabel ini dijual kepada Tenaga Nasional Berhad. Jadi ada satu ketika mereka ini telah mendapat ISO, macam-macam *grading, international standard* semua sudah diterima. Tapi diberitahu suruh berhenti jadi *supplier* buat *business* lain. Lepas itu mereka akur dengan cadangan itu dan membuat *business* lain. Apabila membuat *business* lain dikehendaki oleh pihak TNB, saya ada fakta tertentu Tuan Yang di-Pertua membuat lesen *fee* RM1.2 *million*. *Business contract* nya RM15 juta tapi lesen, *fee* RM1.2 juta.

Jadi ini syarikat bumiputera. Bukan soalan *social responsibility* ini. Ini hanya menekan dan membunuh ini. *Social responsibility* itu barang *free* yang kita bagi tapi ini tujuan betul-betul hendak membunuh syarikat ini. Jadi apabila jumpa dengan dua orang pengarahnya di luar sana saya rasa sedih kerana ini syarikat bumiputera yang berkemampuan dan berkepakaran tetapi dalam masa yang sama dibunuh macam ini tetapi, yang memainkan peranan ini Tenaga Nasional Berhad patutnya GLC dan satu syarikat yang begitu dihormati negara kita tapi sebaliknya pula ini sebab hutang ini tertunggak lagi pembayaran daripada Tenaga Nasional Berhad.

Oleh kerana ada hutang kena dulu *supplier* kabel ditahan daripada *supply* kabel. Ada hutang tertunggak, oleh kerana sudah diberhentikan *business*. Ada RM180,366 dia punya hutang dan faedah yang dikenakan Tuan Yang di-Pertua kepada syarikat ini kerana hutang ini ialah 1.5% *per month* iaitu 18%, maksimum *allowable* dalam perundangan kita di Malaysia. Ini undang-undang British. Ini macam *Ah long* pun ada TNB ini. Hendak bunuh kawan ini bukan sahaja mengenakan faedah itu oleh kerana kontrak ditamatkan tetapi bila tidak bayar lagi hutang ini dia kena faedah 1.5% satu bulan. Ini along punya cerita ini bukan bank bukan apa.

Saya cukup yakin bahawa TNB berhak mengenakan faedah tetapi ini bukan caranya. Ini membunuh syarikat. Sudah syarikat bumiputera ini sudah habis kawan saya tanya tadi hendak bankrap sudah dia. Kalau tidak lama lagi Datuk kata dia memang hampir bankrap betullah ini. Ini semua ini.... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Ini saya boleh serah kepada Tan Sri kalau dapat diambil tindakan dan kita hendak perkara ini diambil tindakan kerana TNB ini syarikat kerajaan Tan Sri. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kalau Yang Berhormat dapat serahkan dokumen, kita akan mengambil tindakan dan kita pernah dengar termasuk di Dewan yang mulia ini bukan sahaja isu-isu ini tetapi juga dua tiga isu tentang TNB dan kita sedar dan saya telah berbincang dengan timbalan saya pun dan kita akan dapat maklumat dan saya janji kita akan mengambil tindakan...[*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, ada juga isu yang ditimbulkan tentang bajet defisit sebanyak 3.4% sama ada ini adalah satu kadar yang boleh kekal dan adakah kita harus mewujudkan bajet dengan bajet defisit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit maklumat tentang konsep bajet defisit dari segi konsep kita menguruskan negara sejak dahulu. Sejak dari zaman Tunku Abdul Rahman dahulu, kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyebut sedikit tentang sejarah kita. Pada tahun 1957 bila negara kita merdeka pada masa itu semua negara yang merdeka di Afrika dan juga di Asia semua memegang falsafah sosialis. Semua negara sosialis. Itu jadi semacam satu fesyen tetapi negara kita adalah satu-satunya negara, Yang Teramat Mulia Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri kita telah sebut dengan begitu jelas bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang praktikal dan kita tidak mempunyai fahaman sosialis dan kita akan berurus niaga dengan semua negara, *free trade* dan kita juga pegang kepada *market economy*. Pada masa itu ini adalah satu perkara yang begitu *unfashionable*, dengan izin, dan dalam banyak perkara kita juga mengambil falsafah yang sama iaitu kita praktikal dan dalam isu bajet defisit, banyak analisis-analisis dan surat khabar Barat telah mempersoalkan tentang bajet defisit.

Mengikut mereka yang harus dilakukan oleh sesebuah negara ialah *surplus* atau *balanced budget*, defisit. Itu menjadi semacam satu ideologi yang dipegang begitu kuat oleh negara-negara Barat tetapi, bagi kita bajet defisit adalah satu perkara praktikal. Ada masanya bila negara makmur kita memang akan mewujudkan satu *balanced budget* dan dalam masa dan pada masa di mana negara kita memerlukan kerajaan mengambil langkah yang lebih dan memberi keyakinan yang lebih kepada pihak swasta kita akan mengambil pendirian bahawa bajet yang sesuai ialah *devisit budget*.

Sungguhpun demikian, kita praktikal dan kita *prudent* dan kita telah mengambil langkah untuk mengurangkan kadar defisit ini dari 5.8% tiga empat tahun dahulu kepada satu kadar yang dianggap *sustainable* sebanyak 3.4%.

Dan kita percaya bahawa defisit 3.4% ini bukan satu defisit yang terlalu besar dan kita boleh *sustain* dan dengan itu kita dapat mengambil langkah untuk menjanakan juga ekonomi dan untuk menjanakan beberapa sektor dan juga untuk memberi keyakinan bukan sahaja kepada pelabur-pelabur tempatan juga kepada pelabur-pelabur asing dan juga yang penting sekali untuk memastikan bahawa infrastruktur dan prasarana dalam negara kita wujud dan di kampung-kampung, di pinggir-pinggir bandar dan pedalaman kita ada air, ada api, ada jalan dan kerajaan akan belanja. Kerajaan tidak kuarir tentang konsep bajet defisit janji bajet defisit ini boleh *sustain*...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya....

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Lepas itu boleh. Yang Berhormat Puchong bangun dahulu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Nanti sekejap ya, sabar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Secara keseluruhan saya setuju kita mesti menguruskan defisit kita dengan satu kadar yang *sustainable* tetapi dalam Bajet 2007 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa bajet ini merupakan satu bajet fizikal berkembang *expansionary physical policy* dan saya hendak tahu kalau kita hendak *expand* maksudnya *expand* dari segi mana.

Maksud saya ialah macam mana kita hendak berkembang dengan fizikal polisi sebab kerana dalam perbincangan saya juga nyatakan bahawa keadaan sekarang dalam *market* di akar umbi mereka merasa terutama di sektor-sektor runcit, pemborongan mereka mengalami satu tekanan dari segi *business* mereka dan ini terbukti *collection* dengan izin, mereka Tuan Yang di-Pertua sangat lambat, *slow* dan juga saya difahamkan ramai pelabur-pelabur swasta ini mempunyai satu sikap sekarang ini ialah *wait and see attitude* kerana mereka tidak tahu apakah hala tuju kita kerana mereka tidak ada satu keyakinan terhadap polisi ekonomi kita ini tidak tahu mana hala tuju.

So, mereka ini ialah *wait and see attitude*. Itu pun untuk pihak swasta, mungkin kerana tekanan daripada kadar bunga yang semakin menaik ataupun ketidaktentuan situasi ekonomi dunia dengan tekanan daripada kenaikan harga minyak ataupun faktor-faktor *geopolitics*, kita tidak tahu..., tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan-penjelasan!... [Ketawa] Ini serius ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang serius...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya hendak bangkitkan satu..., ataupun..., ya serius ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Tidak akan Yang Berhormat membawa perkara yang tidak serius?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, serius ini. *So*, saya hendak tahu, apakah rancangan daripada Kementerian Kewangan supaya kita boleh mengikis ataupun mengurangkan kebimbangan mereka ini daripada sektor swasta ini, terutamanya di SMI ini, mereka ini macam orang kata sudah hilang hala tuju, tidak tahu macam mana ini. Hendak *invest* pun tidak boleh, tidak mahu. *Invest* pun takut, *business* pun tidak ada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: lalah, baiklah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Dan *collection* pun *slow* dan lagi satu ialah mengenai kecairan, *liquidity in the bank*. Ada pihak, *a school of thought* kata, *plenty of cash in the bank*, tetapi pada masa yang sama, dia kata *liquidity* dalam *cash* ini tidak cukup untuk sektor ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *So*, ini satu keadaan yang bagi saya, satu keadaan dengan yang saya nyatakan bahawa mereka ini mungkin *confused*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Menteri akan berikan keyakinan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...*So*, saya hendak tahu, bagaimana kementerian boleh memberikan keyakinan dari aspek.... [*Ketawa*] Ekonomi dan juga dasar-dasar yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong ada hendak tanyakah? Saya jemputlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Relevan kepada bajet defisit. Memang kalau kita banding dengan Amerika Syarikat, defisit kita kecil, sangat kecil. Pada satu ketika, adakah Yang Berhormat kita di dalam falsafah budget, defisit kita bermula dari 1957, bukan 1997? Adakah kita akan mirip kepada Amerika Syarikat? Kerana pada satu ketika, Clinton dia cuba hendak kurangkan defisit ini, tetapi nampaknya Bush itu tidak begitu yakin kepada mengurangkan defisit mereka tetapi, apakah kalau kita banding dengan Amerika Syarikat, kedudukan kita?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Menteri, ini soalan-soalan yang serius telah dikemukakan, bolehlah Yang Berhormat teruskan jawapan sehingga selesai.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong, saya tidak fikir keadaan Malaysia begitu teruk sampai semua rakyat begitu *confused*. Kalau semua rakyat begitu *confused*, tidak akan negara kita boleh dapat pertumbuhan, kadar pertumbuhan 5.8%.

Sungguhpun demikian, sekiranya ada juga rakyat yang mungkin belum dapat faedah dari segi rancangan kerajaan. Itulah sebabnya kita melaksanakan satu bajet yang *expansionary*. Itulah tujuan dia supaya projek-projek dapat dilaksanakan, kelebihan, manfaat dapat dirasai oleh semua rakyat. Tentang, *bank liquidity*, saya akan jawab kemudian.

Tentang bajet defisit yang disoalkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Kepong, kita tidak sama dengan Amerika. Amerika itu makin lama, makin tinggi bajet defisit dia. Kita makin lama, makin kurang. Itu perbezaan dan kita tidak ikut cara Amerika dan kita harap Amerika ikut cara kita.

Beberapa Ahli: Ya!... [Tepuk]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat Ipoh Timor juga telah tanyakan satu soalan yang agak teknikal tentang kita menggunakan harga tahun asas 1987. Kita tidak dapat berubah sistem indeks setiap tahun sebab banyak *input, output table* yang digunakan tetapi, walau bagaimanapun, pada tahun hadapan kita akan tukar *indexation* kepada tahun 2007 tetapi, sungguhpun indeks tukar tetapi, kadar pertumbuhan lebih kurang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menjawab soalan yang ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tentang CPI. CPI yang direkodkan ialah 3% bagi tahun 2005, dan 3.9% untuk tahun 2006 tetapi, walau bagaimanapun, satu berita yang gembira ialah, pada bulan Ogos, kadar CPI telah turun kepada 3.3%. Soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor ialah manakala, CPI nampak rendah, tetapi harga indeks harga pengeluar PPI pula tinggi, 7.9% bagi tahun 2005 dan 11.1% bagi tahun 2006.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada sebab kenaikan harga bagi kedua-dua indeks tersebut perlu sama kerana faktor-faktor berikut:

- (i) kedua-duanya adalah berbeza dari segi metodologi pengiraan. CPI mengukur harga runcit barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dan isi rumah. Sementara itu PPI pula mengukur kadar perubahan purata di dalam semua harga barangan yang dikenakan oleh pengeluar-pengeluar dan dibayar oleh pengimport-pengimport di Malaysia;
- (ii) terdapat barangan yang terkandung dalam pengiraan CPI yang harga runcitnya adalah dikawal seperti barang petroleum, dan barang-barang perlu terutama di musim perayaan contohnya gula, tepung, keju, marjerin dan bawang merah;
- (iii) barangan dalam pengiraan PPI pula kebanyakannya untuk dieksport, memandangkan negara kita adalah merupakan negara perdagangan utama, *trading nations*: dan
- (iv) CPI dipengaruhi oleh persaingan di pasaran yang kini semakin baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timor juga menyatakan bahawa Bajet 2007 adalah bajet pilihan raya kerajaan dan ia tidak banyak mempengaruhi pasaran saham di Bursa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membentuk Bajet 2007 dan juga dalam membentuk Rancangan Malaysia Kesembilan, kita ingin membentuk, mengambil langkah-langkah, mengambil pendirian, memikirkan tentang cara untuk memajukan negara dalam tempoh yang tertentu mungkin, lima tahun atau sepuluh tahun. Dalam merangka bajet, kita tidak boleh hanya fikir tentang *stock market*, sama ada syarikat yang tersenarai ini akan naik atau tidak.

Sebab *stock market* ini dengan ekonomi adalah berlainan dan tugas kerajaan, peranan kerajaan ialah untuk mengambil langkah, mengambil pendirian untuk merangka satu *framework* supaya ekonomi dapat berkembang dalam tempoh-tempoh tertentu. Dan kalau ekonomi itu berkembang, memang hasilnya kita akan lihat pada *stock market*, bukan *immediate* dan kita yakin pada tahun-tahun akan datang, apabila projek-projek dilaksanakan, apabila langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menjana ekonomi, berhasil, *stock market* makin lama akan makin kukuh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Tentulah ini satu penunjuk mengenai kepercayaan, keyakinan tetapi kenapa Yang Berhormat Menteri tidak berbeza dengan menteri-menteri yang lain di mana-mana negara kita, bahawa apabila *stock market* naik, *claimed* kejayaan dasar kerajaan, tetapi tidak naik atau turun kata itu dua-dua perkara yang berbeza. Kenapa ada pendirian yang semacam ini?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ada dua aspek tentang kenaikan harga *stock market*. Satu ialah kenaikan *stock market* dalam satu jangka masa yang panjang, satu jangka masa yang tertentu mungkin lima tahun, sepuluh tahun. Dan kalau kerajaan mengambil langkah yang baik dan menguruskan ekonomi dengan baik, dari segi jangka panjang syarikat-syarikat yang tersenarai dalam bursa memang akan mendapat keuntungan yang lebih, dan keyakinan pelabur-pelabur akan meningkat dan harga saham-saham syarikat-syarikat ini akan naik dan mereka yang membeli akan untung dari segi jangka panjang.

Jadi adalah tidak salah bagi kerajaan, sebab kerajaan telah menguruskan ekonomi dengan baik dan telah menunjukkan hasil ini, kita telah lihat dalam bursa untuk mengambil kredit tetapi kita tidak boleh monitor harga saham di bursa saham tiap-tiap hari, dan ada hari dia naik ada hari dia turun, dan bila turun kita kata kerajaan tidak buat kerja, dan bila dia naik kita kata kerajaan buat kerja. Tidak boleh monitor tiap-tiap hari tetapi dalam jangka panjang memang ada efek.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang dirangka ini memang banyak pihak dapat keuntungan, di mana-mana bajet atau rancangan Malaysia yang diumumkan mesti ada yang dapat untung, mungkin mesti juga ada yang rugi dengan izin, *they will be a winner, they will be a loser* tetapi dalam Bajet 2007 kita telah merangka bajet itu dengan sedemikian rupa supaya kita melebihi mereka dan pastikan bahawa hampir semua pihak dapat keuntungan, dapat faedah dari kanak-kanak kurang upaya, dari penduduk-penduduk luar bandar, dari mereka yang miskin yang diberi biasiswa di sekolah-sekolah kita meningkatkan biasiswa untuk sekolah rendah dari RM30 kepada RM50, menengah dari RM50 ke RM70 macam-macam dan satu langkah yang kita ambil ialah mereka yang dari keluarga miskin ataupun keluarga yang berpendapatan rendah, yang dapat 10A1 diberi biasiswa tanpa soalan. Siapa-siapa yang dapat 10A1 diberi biasiswa. Janji mereka dari keluarga yang pendapatan bulanan ialah RM1,500.

Kita ingin memastikan bahawa tidak ada rakyat di negara tercinta kita ini tidak dapat masuk universiti oleh kerana tidak ada duit. Tidak ada. Itu langkah yang diambil oleh kerajaan dalam bajet yang diumumkan. Yang mungkin, yang tidak dapat keuntungan dalam bajet ini ialah mereka yang menghisap rokok banyak dan mungkin mereka yang meminum alkohol banyak. Itu pun rokok, cukai yang terlibat hanya 20 sen, tetapi syarikat-syarikat rokok telah tambah 20 sen lagi jadi harga telah naik 40 sen, tetapi cukai hanya naik 20 sen atau lebih sedikit dan baki adalah syarikat-syarikat sendiri yang telah menaikkan harga. Alkohol, cukai yang dikenakan adalah tidak begitu banyak tetapi, hanya dua pihak yang tidak dapat untung dalam bajet yang diumumkan.

Yang Berhormat Ledang mencadangkan supaya sebahagian kecil daripada peruntukan kerja-kerja penyelenggaraan bagi kontraktor Kelas 'F' sebanyak RM1 bilion dikeluarkan dan sebanyak RM200 juta atau RM300 juta untuk membina rumah-rumah PPRT. Untuk makluman Yang Berhormat isu ini tidak berbangkit mungkin kerana peruntukan sebanyak RM30 juta telah disediakan di bawah Program Bantuan Rumah, yang mana merupakan sebahagian daripada peruntukan Skim Perumahan Kos Rendah sebanyak RM540.7 juta.

Yang Berhormat Seputeh ingin mengetahui kenapa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri diberi kurang peruntukan belanja mengurus pada tahun 2007 berbanding dengan Kementerian Pertahanan. Peruntukan belanja mengurus disediakan berdasarkan saiz dan bilangan kakitangan serta program-program dan aktiviti-aktiviti sesebuah kementerian. KKDN mempunyai bilangan anggota perkhidmatan yang lebih kecil berbanding dengan Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Lipis memohon supaya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *argument* saya ialah, pada masa kini siapakah musuh negara kita? Ini adalah *argument* saya, negara kita bukan di dalam peperangan. Jadi, pada waktu ini kalau kadar jenayah semakin naik akan merosakkan imej negara dan menakutkan pelancong daripada datang ke Malaysia. Jadi kita perlu memberi lebih peruntukan untuk menangani masalah kenaikan jenayah ini. Itu sebabnya saya cadangkan lebih peruntukan diberi kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri khususnya untuk menaikkan gaji pegawai polis dan juga menambah kakitangan polis dan pada waktu satu, dua tahun ini mungkin tidak perlu begitu banyak peruntukan diberi kepada Kementerian Pertahanan. Saya hanya cakap secara bandingan sahaja pada waktu sekarang.

Kita lihat aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan, mereka sekarang buat *National Service*, lepas itu sekarang mahu tubuh satu Universiti Pertahanan, semua ini sebenarnya bukanlah kerja sebenar dari segi pertahanan untuk negara. Ini satu cadangan supaya ini *public outcry* untuk kenaikan gaji dan elaun pihak polis ini, semalam telah pun kuat dibahaskan di sini. Ahli Parlimen dari Barisan Nasional dan juga pembangkang semua setuju dengan ini, mungkin kami cadangkan supaya pihak kementerian juga boleh meluluskan permohonan dari pelbagai pihak tentang isu ini.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang kita setuju pihak polis patut diberi pertimbangan untuk mendapat gaji yang lebih akan dipertimbangkan dan juga kemudahan yang lebih, dan kita setuju seratus peratus bahawa keselamatan adalah satu perkara yang penting dan harus diberi penekanan dan harus diberi prioriti tetapi, kita tidak perlu berbanding dengan Kementerian Pertahanan. Bagi polis kita telah pun meluluskan pembelian pada peringkat awal 2,000 kereta baru, sebab kita fikir kereta ini penting kalau kereta ini diletak di tempat-tempat yang strategik dengan siren dia bunyi kuat, aspek *visibility* sebab semua pihak dapat lihat polis di tempat-tempat strategik dan kita percaya bahawa kadar jenayah akan turun dan kita telah meluluskan dalam satu dua minggu ini kita akan beli 2,000 kereta baru untuk polis.... [*Tepuk*] Dan kereta ini, kalau kita beli siapa hendak bawa kereta? Sebab polis ada tugas masing-masing. Jadi kita meluluskan 3,000 jawatan baru untuk menjadi *driver* tetapi, tiap-tiap kereta, kita bagi *ratio* 1.5 sebab ada yang cuti dan sebagainya. Itu telah diluluskan dan akan dilaksanakan dalam tempoh yang singkat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tan Sri jangan beli Kancil tau untuk polis. Itu kereta jangan beli, Kancil!

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tak, kita tidak beli Kancill!

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tan Sri sedikit sahaja. Saya faham peruntukan RM1 bilion yang diperuntukkan adalah untuk.., dia lebih fokus untuk kontraktor kelas 'F'. Dan dengan sebab itulah banyak kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja kecil diwujudkan. Ada dua perkara Tan Sri yang saya lihat di peringkat pelaksanaan. Kebanyakan kerja yang dilaksanakan adalah kerja-kerja yang kurang prioriti, misalnya membaharui semula pagar berhias, membina pagar tembok, pagar konkrit untuk pejabat JPS di peringkat kampung yang langsung tidak relevan. Sedangkan banyak lagi rumah-rumah PPRT yang memerlukan pembelaan di mana pada saya rumah ini juga boleh dibina oleh kontraktor kelas 'F'. Dan dahulu semasa pembentangan bajet ini satu bilion dikhususkan untuk kontraktor Kelas 'F'.

Saya faham memang kerajaan menyediakan RM30 juta untuk rumah-rumah PPRT tetapi kita cuma dapat 2,000 sedangkan yang menunggu di Muar sahaja yang menunggu beratus. Dan saya rasa saya yakin di seluruh negara tidak kurang 20,000 rumah PPRT yang masih menunggu untuk.....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Menyampuk]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Ketereh pun banyak, yang masih menunggu untuk pembinaan. Pada saya Tuan Yang di-Pertua kelas 'F' dapat, rumah PPRT pun dapat berbanding dengan kerja-kerja lain yang pada saya, saya lihat di peringkat pelaksanaan yang tidak prioriti. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okay terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata yang 3,000 pegawai polis sebenarnya mereka diambil masuk untuk menjadi *driver* untuk 2,000 kereta perondaan polis. Jadi ini maksudnya sebenarnya kerajaan tidak berhasrat untuk menambah kakitangan polis. Kalau mengikut bajet sekarang hanya hendak menambah *driver* untuk kereta perondaan sahaja. Dan juga satu lagi semalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk pasukan polis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Bukan semalam saya tanya Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Diam dahulu la *you*. Dengar saya cakap dahulu. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya tanya berapa orang...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kereta polis, polislah bawa. Apalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okeylah kita anggap yang 3,000 itu adalah *driver*...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Driver* polislah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:Kereta peronda polis dan juga mereka pegawai polis tetapi, kita juga hendak tanya berapa pegawai polis bersara pada tahun yang akan datang. Kalau yang bersara itu 6,000....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana boleh itu *you* tanya Kementerian Kewangan, tanyalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itu pun mahu tanya kah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi macam mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah takkan Bintulu hendak jadi *driver*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Menghadapi kekurangan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya boleh jawab, saya boleh jawab, saya boleh. Itu satu soalan yang baik, saya boleh jawab.

Yang kita ambil 3,000 ini bukan semua jadi *driver* untuk memasuki sebagai jawatan tambahan. Jadi kalau ada seorang pencen jawatan itu akan diisi dan jawatan 3,000 ini tambahan. Bukan untuk isi yang pencen...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Okay. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi Yang Berhormat Menteri, banyak lagi?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ada mungkin sampai pukul 12.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sampai 12 kah, baiklah.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sedikit, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua tentang isu, tentang soalan Yang Berhormat Ledang...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bagilah dahulu Menteri jawab. Kepong, Menteri hendak jawab soalan saya itu.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat Ledang...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini, ini bukan defisit ini relevan kepada kereta.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Nanti, nanti, saya jawab dahulu, saya jawab dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Siapa?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tentang, jawab dahulu, lepas itu, saya jawab dahulu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tentang isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ledang kalau ada dalam peruntukan satu bilion yang projek-projek yang dilaksanakan adalah projek-projek yang tidak seharusnya diberi prioriti kita akan mengambil tindakan.

Saya akan berbincang dengan ICU untuk memastikan bahawa projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor kelas 'F' di bawah peruntukan menggunakan peruntukan satu bilion adalah projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat dan bukan projek-projek kosmetik. Dari segi program bantuan rumah dan bantuan rakyat dengan mendirikan rumah-rumah sekiranya RM30 juta ini tidak cukup kita boleh tambah dan kita akan tambah jumlah ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada memang masalah yang serius. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa lagi? Serius lagi kita balik.., lagi jauh.., lagi seriuslah!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sri Gading ini penting kerana di Sri Gading pun kadangkala apabila kereta polis

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Menterilah ini kalau boleh ini relevanlah kepada semua kawasan. Tambahan 3,000 kereta itu baik memang baik. Kita berharap...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kereta 1,000, 2,000? Tidak apalah, tidak apalah, 1,000 boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa, masa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini masalah Menteri Kewangan bukan masalah mereka. Walau bagaimanapun, 3,000, 2,000, 1,000 pun itu baik dan kita tambahkan tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat mesti memerhatikan bahawa di dalam masalah polis ini kadang kala apabila kereta itu rosak susah hendak diperbaiki. Bengkel dan sebagainya tidak begitu profesional kadangkala. Dan kalau kita ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu Kementerian Keselamatan... lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perkara ini telah kita bincangkan semasa Menteri dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan, bukan ini untuk peruntukan. Kalau tidak ada peruntukan daripada Kementerian Kewangan macam mana ini hendak diperbaiki masalah penyelenggaraan dan *service* untuk kereta. Ini memang satu perkara yang serius. Di Sri Gading pun tidak ada *service* yang baik. Baiklah saya berharap Yang Berhormat mempertimbangkan perkara ini untuk memberi peruntukan yang lebih kepada pihak polis.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: *Okay* kita akan memberi perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Larut supaya pengecualian cukai diberi kepada majikan yang mengambil pembantu rumah tempatan berbanding pembantu rumah asing. Manakala Yang Berhormat Bukit Gantang pula mencadangkan supaya pusat penjagaan kanak-kanak dipertimbangkan untuk pengecualian cukai.

Berhubung dengan pusat penjagaan kanak-kanak, dalam Bajet 2007 peruntukan telah pun diberi dan kita akan menimbang...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Kita akan memberi perhatian kepada cadangan ini. Satu minit. Bagi cadangan Yang Berhormat Larut tentang memberi kelebihan dari segi cukai untuk mereka yang mengambil pembantu rumah tempatan ini menimbulkan beberapa isu *basic principle*, percukaian dan kita akan pertimbangkan dari segi prinsip percukaian.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Lipis punya jawapan tadi hendak beri, sampai Lipis ada gangguan. Jadi saya hendak tahulah apa cerita sebenarnya kan... *[Ketawa]* Jadi minta diulang balik yang itu. Fasal gangguan oleh..., Seputeh gangguan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Isu apa tadi, isu apa tadi?... Kemudian, kemudian.

Yang Berhormat Labuan juga mencadangkan supaya had RM200,000 yang ditetapkan untuk kontraktor kelas 'F' dinaikkan kepada RM300,000 bersesuaian dengan peningkatan kos bahan binaan. Kita akan memberi pertimbangan kepada cadangan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menegaskan di sini bahawa kelas 'F' merupakan satu kelas yang dianggap oleh kerajaan sebagai satu kelas *basic* dan memang tujuan kita ialah untuk memastikan bahawa mereka yang memasuki bidang kelas 'F' dapat dinaikkan kepada kelas-kelas yang lain. Itulah tujuan kita dan kerajaan akan juga mengambil tindakan untuk memastikan ada program *graduation*. *They graduated* dari kelas 'F' kah, kelas 'E', 'D' dan insya-Allah, kalau boleh kelas 'C'.

Yang Berhormat...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tan Sri, minta penjelasan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya cukup setuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri mengatakan kelas 'F' adalah *basic* tetapi masalah yang berlaku ialah dia pakai sistem undi. Bila sistem cabut undi, bermaknanya dia kira nasib sahaja. Dia tidak, soal *graduation* tidak timbul, soal pemantapan, pengukuhan tidak timbul. Saya ingat ini hendak perlu diperbetulkan, hendaklah dikaji semula. Sistem undi semua orang boleh dapat ikut rezeki. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kita akan kaji semula sistem undian tetapi, ada banyak *pros* dan *cons* tentang sistem yang wujud dan ada juga pendapat bahawa sistem undi yang wujud sekarang dan diguna pakai di merata tempat ada juga kelebihan dan rakyat dapat lihat bahawa sistem ini adalah suatu sistem telus dan banyak juga yang dapat projek dan dibahagikan secara adil tetapi, juga ada satu pendapat bahawa seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa ini bukan cara kaedah yang efektif dalam kita mewujudkan satu sistem untuk memastikan *graduation* kelas 'F' dan kita akan kaji semula dan mungkin ada masa kita boleh pakai undi dan juga ada masa kita pakai kaedah yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Padang Terap ada mencadangkan satu pekeliling khusus dikeluarkan untuk kontraktor kelas 'F' memandangkan terdapat peraturan yang tidak seragam berkaitan dengan harga borang tender atau sebut harga.

Saya telah menyemak perkara ini dan diberitahu bahawa untuk sebut harga tidak kena bayaran, tidak kena bayaran. Tidak ada bayaran tetapi untuk borang tender ada bayaran dan mungkin ada pendapat bahawa bayaran ini adalah tinggi dan kita akan menyemak semula bayaran ini. Bayaran ini sekarang ini lebih kurang RM50 minimum dan ada pendapat ini adalah tinggi dan kita akan menyemak semula pembayaran...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tan Sri, sedikit sahaja.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Termasuk juga kontraktor kelas 'F' yang ingin mengambil tender projek-projek yang di bawah kawalan GLC, TNB dan sebagainya sekarang ini kena bayar dan saya fikir wajar tidak dikenakan sama dengan di jabatan-jabatan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kalaupun dikenakan satu amaun yang *token* supaya hanya mereka yang berhasrat untuk mengambil bahagian ambil tetapi bukan satu jumlah yang besar sebab kutipan pun tidak banyak sangat. Kita pun bukan harapkan dari kutipan untuk mendapat satu tabung yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat Sri Aman yang memohon supaya kerajaan mengagihkan kontrak kerja kepada kaum minoriti bumiputera di Sabah dan mungkin juga di Sarawak yang memegang lesen kontraktor kelas 'E', 'D', 'C', 'B' dan 'A'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan supaya memastikan bahawa kontrak-kontrak di Sabah dan Sarawak diberikan kepada bumiputera termasuk minoriti bumiputera dan kerajaan akan memberi fokus yang lebih dalam perkara ini supaya kontrak-kontrak di Sabah dan Sarawak diberikan kepada bumiputera dan diagihkan kepada bumiputera termasuk minoriti bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan juga minta supaya kerajaan mengkaji semula pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif di dalam syarikat GLC kerana terdapat mereka yang memegang jawatan pengerusi dalam syarikat induk dan juga dalam beberapa syarikat subsidiari. Kita akan mengkaji perkara ini dan kita bercadang juga untuk melantik Ahli-ahli Parlimen ke dalam syarikat-syarikat GLC.... [*Disorak*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, berapa masa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah, kalau Yang Berhormat berucap, ucapan Yang Berhormat akan sampai 12 tengah malam saya tidak akan membenarkan sesiapa meminta penjelasan.... [*Disorak*] [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh, ada mustahak mesti mahu tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau saya ada kuasa. Peraturan Mesyuarat 37(2).

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu terlibat Tuan Yang di-Pertua juga.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bercakap sesama sendiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh Yang Berhormat, kalau boleh..., ya, ya cepat, cepat sedikit.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tebrau meminta kerajaan memberi perhatian yang serius mengenai isu pinjaman yang kurang adil dan saksama kepada pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi *liquidity* dalam sistem perbankan, memang banyak dan tidak ada isu tentang kuota dalam pemberian pinjaman. Projek mana-mana pun janji projek itu *viable* dan dapat dilaksanakan dengan baik harus patut mendapat pinjaman dan dari statistik yang terdapat sistem perbankan telah memberi RM574 bilion pinjaman kepada SME dan juga kepada bumiputera dan bukan bumiputera tetapi, isu yang penting juga yang telah dibangkitkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini ialah *charges* yang dikenakan oleh bank-bank kepada rakyat. Dalam hal ini, saya dengan timbalan saya juga bersependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.... [Tepuk]

Kita harus ingat bahawa dalam keadaan negara pada tahun 1997 dan 1998 dalam keadaan susah, banyak bank hampir kerugian, hampir rugi dan susah dalam keadaan susah kerajaan telah menolong begitu banyak kepada bank-bank. Pertama dengan mewujudkan dana harta dan dana modal untuk memberi modal kepada bank... [Disorak] Dalam keadaan senang sekarang mereka bank-bank ini harus ingat... [Disorak] Harus ingat tentang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu ayat, Tan Sri ulangkan lagi... "Harus ingat". Bank-bank ini harus ingat...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya ulang lagi, "Harus ingat"....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, bila tukar tempat?.... [Yang Berhormat Sri gading duduk di tempat Yang Berhormat Subang] Yang Berhormat Sri Gading, bila tukar kerusi?.... [Disorak] [Dewan riuh]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Pada hari Rabu yang lalu saya dengan kedua-dua Timbalan saya iaitu Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin dan Dato' Dr. Ng Yen Yen telah mengadakan satu perbincangan dengan semua sembilan bank tempatan dan kita telah memberi satu..., boleh dianggap juga sebagai *warning* yang tegas dan ketiga-tiga kita, Timbalan saya pun bagi *warning* dan saya pun bagi *warning*. Satu Dato' Dr. Ng Yen Yen pun bagi *warning*... [Disorak]

Kita telah..., dan mereka telah bersetuju untuk mengkaji kadar-kadar ini dan mereka telah bersetuju dengan sertamerta untuk:

- (i) tiada caj dikenakan bagi urusan menunaikan cek persendirian di kaunter, tidak ada lagi dah, habis dengan serta-merta mereka setuju. Sebab kalau kita ada cek, kita bawa cek kita sendiri kepada cawangan kita, mana boleh kita bayar RM2 atau RM3, ini tidak adil jadi telah dihapuskan;.... [Disorak]
- (ii) kita juga dengar ada bank-bank mengenakan caj perkhidmatan RM10 sebulan bagi akaun semasa. Kita beritahu bank-bank dihapuskan serta-merta. Kalau untuk cek kalau hendak kenakan RM10 untuk setiap enam bulan, boleh tetapi, tiap-tiap bulan tidak boleh. Tiap-tiap bulan tidak boleh, dihapuskan; dan.... [Disorak]

- (iii) ada juga yang *complaint* mereka ini anak-anak dia bawa duit syiling, bawa duit syiling kepada bank dan kena caj tetapi duit itu pun tidak banyak kurang dari RM100 dan dengan sertamerta tiada caj dikenakan bagi penukaran duit syiling di bawah nilai RM100 sertamerta... [Disorak]

Saya dan Timbalan-timbalan Menteri Kewangan akan sentiasa bermesyuarat dengan bank-bank supaya perkara-perkara seperti ini tidak berulang lagi...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tan Sri, boleh tak saya hendak *clarify* sedikit mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Maybank itu, spesifik Maybank ini, dia telah mengumumkan bahawa dia akan caj RM2 untuk setiap transaksi yang kurang daripada RM4,500 di *over the counter* atau OTC. Adakah ini dia telah dihapuskan?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Dihapuskan serta-merta... [Disorak] [Dewan riuh]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tan Sri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, tahniah Tan Sri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Dihapuskan. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang begitu prihatin dan ambil tindakan terus membantu rakyat kita.... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, soalan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Soalan ada panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti faham bank ini jadi nakal sebab kita punya Gabenor sombong. Gabenor kita memang sombong. Kalau kita hendak pergi jumpa, sesiapa hendak buat perjumpaan dengan Gabenor, bulan-bulan tidak boleh dapat, tidak boleh dapat. Kalau kita jumpa Menteri ataupun kita jumpa Tuan Yang di-Pertua lagi senang.... [Disorak] Dia berbulan-bulan, bertahun-tahun tidak boleh dapat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa fasal?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa fasal? Inilah yang kita hendak Yang Berhormat Menteri jawab nanti... [Ketawa] Kalau Gabenor ini begitu susah bekerjasama, macam mana lagi kita bank-bank boleh prihatin atas masalah rakyat. Saya difahamkan juga banyak kalilah, boleh kata terus punya, Kementerian Kewangan apabila ada mesyuarat mengenai isu-isu bank ini, memang Gabenor Bank tidak akan hadir.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kenapa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dia memang akan hantar timbalan atau pegawai-pegawainya, apa masalah dia? Kalau dia tidak minat, kita buang sama dia terus.... [*Disorak*] Tukarlah orang baru... [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Tukar, tukar!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Banyak orang lagi layak jadi Bank Gabenor ini. Bagilah peluang Timbalan Gabenor. Kalau dia begitu susah, apa dia fikir? Kita beri pada dia. Berapa kali kita bahas, dia tidak mahu layan juga... [*Disampuk*] Banyak sombong. Memang sombong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini satu. Dua, saya mahu persoalkan perkara mengenai faedah lagi *credit card*. *Credit card* kita sekarang 18% setahun. Bolehkah atau setuju kah Yang Berhormat Menteri, kita boleh dikurangkan 18% kepada 10% setahun. Minta Yang Berhormat Menteri luluskan dan diluluskan sertamerta. Terima kasih.... [*Ketawa*] [*Dewan gamat*]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat terima kasih. Dalam perjumpaan kita pada hari Rabu yang lalu, memang Gabenor tidak datang, Timbalan datang sebab Gabenor ada di Singapura. Timbalan Gabenor ada, dia tahu...

Seorang Ahli: Buang, buang, buang!

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Berhubung dengan itu, kita juga telah berbincang tentang pembayaran dan caj untuk kredit kad yang 80% dan bank-bank telah diberitahu bahawa sungguhpun 80% dibenarkan oleh Bank Negara tetapi 18% ini maksimum dan mereka tidak seharusnya pada setiap waktu menggunakan kadar maksimum, mesti turun daripada kadar maksimum.... [*Disorak*] Kadar maksimum itu, kalau disebut maksimum, itu maksimum tetapi, kadar sebenar patut lebih rendah dan bank-bank telah berjanji akan mengkaji perkara ini. Saya akan memaklumkan kepada Parlimen sedikit masa nanti.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sedikit, saya mahu tambah sedikit, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, ada sedikit lagi saya mahu tambah. Tadi kita kaunter-kaunter punya *chargers* sudah habis, tetapi ATM punya macam mana? *Chargers* itu, belum lagi. Minta jelas sedikit. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ATM. Kita tidak sempat bincang fasal ATM pada mesyuarat hari Rabu. Pada mesyuarat yang akan datang kita akan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Yang Berhormat Kuala Krau bertanyakan sama ada peruntukan bagi sektor pertanian yang diumumkan dalam Bajet 2007, khususnya RM300 juta telah disalurkan kepada Bank Pertanian Malaysia atau BPM.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Bank Pertanian Malaysia iaitu BPM memberi kuasa meluluskan pinjaman kepada pengurus cawangan, khususnya di luar bandar seperti pekan Kuala Krau, Jengka dan Triang untuk kemudahan pinjaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa perjanjian pinjaman di antara Kerajaan Persekutuan dengan Bank Pertanian bagi Program Tabung Untuk Makanan atau 3F telah pun ditandatangani dan wang pinjaman akan disalurkan kepada Bank Pertanian. Sementara itu Bank Pertanian sentiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasinya dan cawangan-cawangan diberi tugas untuk memproses dan juga pada suatu tahap memberi kelulusan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini amat penting kerana agenda negara berhubung dengan pembangunan industri pertanian. Umpamanya di Sarawak, kita mempunyai tanah yang begitu besar dan begitu luas sekali tetapi malangnya kebanyakan tanah di Sarawak ialah tanah yang tidak mempunyai geran walaupun dipunyai di bawah tanah adat.

Bank Pertanian tidak berkemampuan mengusahakan ini melainkan agenda dan metodologi pengeluaran sumber kewangan daripada kerajaan ini diubah dalam Bank Pertanian dan cara Bank Pertanian menguruskan sumber kewangan ini juga diubah. Kalau ini tidak diubah, akhirnya kita di Sarawak malangnya mempunyai sumber tanah yang besar tetapi tidak akan mendapat menjadi satu tempat untuk membangunkan industri pertanian. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kita akan ambil tindakan untuk mengkaji balik garis panduan supaya tanah-tanah yang tidak mempunyai geran, *native land* atau tanah rizab dimasukkan juga dalam diberikan bidang kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu dua lagi, Yang Berhormat Maran mencadangkan agar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membenarkan pegawai-pegawai awam mengeluarkan wang caruman bagi menunaikan haji dan menjelaskan hutang mereka. Ini satu perkara yang berat sedikit sebab tujuan KWSP ialah untuk simpanan untuk hari tua dan kita dapati bahawa kebanyakan mereka, secara purata bila mencapai umur 55 atau 56, secara purata baki kita dalam KWSP hanya RM130,000 untuk lelaki dan lebih kurang RM93,000 untuk perempuan.

Kita sedar bahawa jumlah ini tidak mencukupi untuk tempoh lima, sepuluh atau dua belas tahun. Dalam tempoh tiga tahun mungkin sudah habis. Jadi dalam keadaan begini, kita rasa berat sedikit untuk melonggarkan syarat untuk mendapatkan balik yuran kita untuk tujuan-tujuan yang lain tetapi, mereka yang mencapai umur 50 atau 55 boleh mengeluarkan separuh daripada yuran atau separuh daripada baki untuk tujuan-tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Seorang Ahli: Penjelasan, penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Seorang Ahli: Belum jawab lagi soalan saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya belum dijawab lagi.

Seorang Ahli: Soalan saya pun tidak dijawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang tidak dapat dijawab, akan dijawab secara bertulis.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kami tunggu ini sebab malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Ahli-Ahli Yang Berhormat, jawapan oleh Yang Berhormat Menteri ke atas perbahasan....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Macam mana ini, Tuan Yang di-Pertua? Kita semua ini masih tunggu jawapan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri, saya minta beri jawapan secara bertulis, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Di Peringkat Dasar telah pun diselesaikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis dalam Jawatankuasa akan bermula pada hari Isnin, 6 November hingga 7 Disember 2006 ini dan selesailah urusan mesyuarat Dewan hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini tidak akan bersidang sehingga 6 November 2006. Ingin saya mengambil kesempatan ini dan juga bagi pihak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, rakan sejawat saya juga mengucapkan selamat berpuasa dan menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan semua rakan-rakan kita yang beragama Islam. Kepada mereka yang beragama Hindu, selamat menyambut Hari Deepavali diucapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya menanggungkan mesyuarat Dewan ini sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin, 6 November 2006. Jumpa lagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.10 malam.